


The background of the cover is a world map with a blue and green color scheme. A large magnifying glass with a gold-colored frame and a dark wooden handle is positioned in the lower-left quadrant, focusing on the Southeast Asian region. The title is centered at the top, flanked by decorative horizontal lines with floral motifs.

Bahasa MELAYU

Sebagai Bahasa Sejagat

Penyunting
Rozita Che Rodi
Adi Yasran Abdul Aziz
A. Aziz Deraman

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2025

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available
from the National Library of Malaysia

eISBN 978-629-489-113-5

Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah. Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Fatinah Ilias. Pembaca Pruf: Zaliha Noor Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,

16100 Kota Bharu, Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

KANDUNGAN

SENARAI PENYUMBANG BAB	5
PRAKATA	7
 BAB 1	 13
PENGENALAN: BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA SEJAGAT	
<i>Rozita Che Rodi, Adi Yasran Abdul Aziz & A. Aziz Deraman</i>	
 BAB 2	 21
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU:	
ISU DAN MASALAH	
<i>A. Aziz Deraman</i>	
 BAB 3	 53
KE ARAH MENUSANTARAKAN BAHASA MELAYU MELALUI	
KEGIATAN PERSURATAN	
<i>Abdul Razak Panaemalae</i>	
 BAB 4	 63
TRADISI BERTEKA-TEKI SATU INTERAKSI KIASAN MELAYU:	
MEMBINA KECEKAPAN BERBAHASA KANAK-KANAK	
<i>Fadzilah Abdul Rahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Hasnah Awang</i>	
 BAB 5	 83
KERELEVANAN TULISAN JAWI BAGI BAHASA KEBANGSAAN DI	
MALAYSIA	
<i>Adi Yasran Abdul Aziz</i>	
 BAB 6	 100
TAHAP KONFLIK MANUSIA DALAM NOVEL DI BAWAH POHON	
HAWTHORN KARYA MARITA CONLON-MCKENNA	
<i>Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Rosnani Md Zain</i>	
 BAB 7	 112
MANIFESTASI PERADABAN MASYARAKAT MELALUI HATI BUDI	
MELAYU BERDASARKAN TEORI MEDAN SEMANTIK	
<i>Rozita Che Rodi</i>	

BAB 8	137
KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERSEMBAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM BAHASA MELAYU	
<i>Zuraini Jusoh & Salina Husain</i>	
BAB 9	149
PEMARTABATAN BAHASA MELAYU MERENTASI PENDIDIKAN DI LUAR NEGARA: PENELITIAN DARI SUDUT NILAI DAN KEDUDUKAN BAHASA MELAYU PADA PERINGKAT ANTARABANGSA	
<i>Darwalis Sazan, Jacquelina Karimon, Md Zahril Nizam Md Yusoff & Muhamad Fadzliah Hj Zaini</i>	
BAB 10	168
PENGUKUHAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KOMUNIKASI MADANI: SATU PERBINCANGAN	
<i>Jacquelina Karimon & Darwalis Sazan</i>	
BAB 11	187
KESAN VISUAL SEBAGAI UKURAN PENGGAYAAN DAN KEMAHIRAN BERBAHASA PEMANTUN IPT MALAYSIA	
<i>Hamzah Alezender, Salmah Jan Noor Muhammad & Rahimah Hamdan</i>	
BAB 12	209
STRUKTUR TEKS PIDATO DAN SANTUN BAHASA MELALUI TEKNIK PDPIPS	
<i>Norazlina Mohd. Kiram</i>	
BAB 13	233
ANALISIS KANDUNGAN DI MEDIA SOSIAL: TIKTOK SEBAGAI WAHANA DIGITAL YANG BERKESAN DI MALAYSIA	
<i>Nur Yuhanis Mohd Nasir</i>	
BAB 14	249
NOVEL <i>CINTA HARI-HARI RUSUHAN</i> KARYA FAISAL TEHRANI MENURUT PERSURATAN BAHARU	
<i>Nur Fatiha Fadila Abu Bakar</i>	
BAB 15	269
PENUTUP: BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA SEJAGAT	
<i>Rozita Che Rodi, Adi Yasran Abdul Aziz & A. Aziz Deraman</i>	
INDEKS	278
BIODATA PENYUNTING	280

SENARAI PENYUMBANG BAB

A. Aziz Deraman

Presiden
Pertubuhan Peradaban Melayu
Malaysia Kelantan
(PERADABAN)

Rozita Che Rodi

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Abdul Razak Panaemalae

Pensyarah
School of Political Science and
Public Administration, Walailak
University

Zuraini Jusoh

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Fadzilah Abdul Rahim

Pensyarah Akademik
Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kampus Ipoh

Darwalis Sazan

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak
Jauh, Universiti Sains Malaysia

Adi Yasran Abdul Aziz

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Jacquelina Karimon

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak
Jauh, Universiti Sains Malaysia

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Hamzah Alezender

Felo Pengajar
Pusat Kajian Bahasa,
Kesusasteraan dan Kebudayaan
Melayu, Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Norazlina Mohd. Kiram

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Nur Yuhanis Mohd Nasir

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Nur Fatiha Fadila Abu Bakar

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, salam kepada semua penerima petunjuk.

Usaha untuk menghimpunkan makalah yang dibentangkan pada Seminar Antarabangsa Pemartabatan Bahasa Melayu (SAPBM) 2023 ini bertujuan untuk memastikan bahawa teras ilmu berkaitan dengan kedudukan dan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa sejagat tidak terhakis atau hilang bersama dengan arus pemodenan pada masa ini. Selain itu, usaha ini juga penting sebagai lambang kepada usaha pelestarian yang menonjolkan hakikat bahawa segala perihal berkaitan dengan saluran atau platform yang menggunakan bahasa Melayu ini tidak akan lapuk dek hujan dan lekang dek panas. Semoga usaha ini terus memberikan manfaat secara berterusan demi usaha penggalian ilmu yang lebih gemilang.

Kupasan kertas kerja yang pertama oleh A. Aziz Deraman menjelaskan beberapa isu dan cabaran dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu. Penulisan berlandaskan tiga perkara dengan kupasan dilakukan secara menyeluruh dan panjang lebar, serta mengimbau perhatian terhadap isu dan masalahnya. Perbincangan memfokuskan iktibar serta perbandingan tentang situasi kebahasaan di Malaysia, tetapi tidak terkeluar dari visi dan matlamat ke arah pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Selanjutnya, kertas kerja yang kedua oleh Abdul Razak Panaemalae menjelaskan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa yang dinyatakan penulis bahawa sudah sering diwacanakan di pelbagai platform. Namun, sehingga kini masih belum ada tindakan susulan yang membolehkan gagasan pengantarabangsaan bahasa Melayu benar-benar menjadi kenyataan. Slogan pengantarabangsaan itu hanya muncul bermusim, dan akhirnya tinggal menjadi solusi sepi dalam laci. Penulis cuba mewacanakan semula bagaimana tindakan yang patut dibuat untuk merealisasikan gagasan pengantarabangsaan bahasa Melayu

menggunakan metodologi kualitatif, iaitu mendeskripsikan kedudukan dan fenomena yang berlaku di Alam Melayu, terutama daripada hasil tulisan yang dikemukakan dalam kalangan para sarjana dan cendekiawan Melayu itu sendiri.

Tumpuan perbincangan dalam kertas kerja ketiga oleh Fadzilah Abdul Rahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Hasnah Awang menjelaskan puisi tradisi yang mempunyai isi dan fungsinya yang khusus. Tradisi berteka-teki dipaparkan sebagai interaksi kiasan Melayu yang dapat membina kecekapan berbahasa kanak-kanak. Teka-teki Melayu sifatnya yang kreatif dan puitis menyerlahkan penggunaan teka-teki secara praktis yang memperlihatkan hubungan yang harmonis. Perbincangan latar belakang kajian teka-teki kanak-kanak adalah dari segi konteks dan fungsi amalan berteka-teki dalam kalangan kanak-kanak. Penelitiannya ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis teka-teki Melayu yang digunakan semasa pertandingan teka-teki di dalam kelas. Setiap rangkap teka-teki Melayu yang disimulasikan di dalam kelas dirakam dan ditranskripsikan berdasarkan Teori Persembahan dan Model Teka-teki Melayu Kanak-kanak. Pada akhir penelitian, penulis menyebut bahawa usaha tersebut mampu memartabatkan teka-teki Melayu sebagai nilai tradisi yang dihidangkan semula kepada generasi MADANI yang mengekalkan penguasaan ilmunya sebagai puisi lisan di persada antarabangsa.

Dalam kupasan kertas kerja keempat oleh Adi Yasran Abdul Aziz dimulai dengan menyebut bahawa masyarakat di Malaysia ramai yang beranggapan bahawa tulisan Jawi sudah tidak relevan sebagai tulisan bagi bahasa kebangsaan. Hal ini terbukti berlaku apabila terdapat segelintir rakyat Malaysia telah menyatakan bantahan secara terbuka terhadap pengenalan tulisan Jawi dalam buku teks bahasa Melayu tahap dua sekolah jenis kebangsaan pada 2020 dan penggunaan tulisan Jawi di papan tanda, malah ada yang mencabar penggunaan tulisan Jawi ini di mahkamah. Namun usaha kajian secara berterusan menunjukkan bahawa tulisan Jawi masih relevan sebagai tulisan bagi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi

di Malaysia, malah menyaksikan perkembangan yang lebih positif sejak alaf baharu ini hasil sokongan kerajaan dan pelbagai pihak yang terlibat.

Kupasan dalam kertas kerja yang kelima oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Rosnani Md Zain menjelaskan penelitian terhadap tahap konflik manusia dalam novel *Di Bawah Pohon Hawthorn* karya Marita Conlon-Mckenna. Usaha penelitian yang menerapkan Pendekatan Judith R.G. yang membahagikan tahap-tahap konflik kepada lima tahap, iaitu konflik terpendam, konflik dikesan, konflik sedar, konflik manifestasi, dan kesan konflik. Apabila tercetusnya konflik, maka keadaan ini akan memberikan implikasi yang mendalam tentang pihak yang bertikai. Kadangkala konflik ini akan mempengaruhi pihak lain yang tidak terlibat dalam konflik itu turut mengalami implikasi yang buruk. Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh penulis menunjukkan bahawa kesan konflik yang positif telah ditampilkan dalam penceritaan novel tersebut.

Kupasan dalam kertas kerja yang keenam oleh Rozita Che Rodi memfokuskan penghuraian terhadap bentuk manifestasi peradaban masyarakat melalui 26 komponen teras hati budi Melayu (HBM). Perincian kupasan dilakukan berdasarkan Teori Medan Semantik yang dipelopori oleh Trier (1931), yang seterusnya diterapkan oleh Izutsu (1964) dalam penyelidikannya tentang kata kunci dalam al-Quran yang berkaitan dengan *weltanschauung* al-Quran. Teori sama digunakan oleh Syed M. Naquib al-Attas (1970) untuk mengkaji fahaman tasawuf atau mistisisme Hamzah Fansuri, iaitu seorang ulama dan ahli sufi Melayu yang hidup di Aceh pada akhir abad ke-16 Masihi. Hasil kajian mendapati bahawa HBM merupakan teras keperibadian sosial yang dimiliki oleh orang Melayu secara arus perdana dalam memanifestasikan peradaban masyarakatnya.

Selanjutnya, kertas kerja ketujuh oleh Zuraini Jusoh dan Salina Husain bertujuan mengenal pasti kemahiran menggunakan perisian persembahan dalam kalangan pelajar Program Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Perisian persembahan merupakan salah satu perisian yang sering digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terutamanya untuk

menghasilkan pembentangan oleh pelajar. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar bidang bahasa ini menguasai dan mempunyai kemahiran menggunakan perisian persembahan atau PowerPoint ini.

Dalam kupasan kertas kerja kelapan, Darwalis Sazan, Jacquelina Karimon, Md Zahril Nizam Md Yusoff dan Muhamad Fadzllah Hj Zaini mengetengahkan penelitian dari sudut nilai dan kedudukan bahasa Melayu yang dimartabatkan dan diantarabangsakan melalui pendidikan di luar negara. Tujuan utama penelitian dilakukan untuk mengkaji faktor-faktor, nilai dan kedudukan bahasa Melayu dalam pendidikan di luar negara. Hasil penelitian yang dilakukan mendapati bahawa bahasa Melayu di luar negara kian menyerlah disebabkan bahasa Melayu dijadikan sebagai modul subjek teras dan elektif untuk pelajar antarabangsa dalam pembelajaran, malah pertambahan kerjasama universiti luar negara dengan universiti di Malaysia juga mempengaruhi pemartabatan dan pengantarabangsaan ini.

Seterusnya, tumpuan kupasan kertas kerja kesembilan oleh Jacquelina Karimon dan Darwalis Sazan menyebutkan bahawa bahasa Melayu pernah mencapai gelaran bahasa yang terpenting di Nusantara. Namun, menempuhi era globalisasi kini bahasa Melayu terpaksa bersaing dengan bahasa utama dunia untuk dijadikan bahasa ekonomi. Sehubungan dengan itu, negara terus mengorak langkah menuju kemajuan dan memperkenalkan Malaysia madani sebagai wahana mencapai kemajuan holistik. Peranan yang diambil untuk merealisasikan matlamat Malaysia madani termasuklah memperkasakan kemampuan berbahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

Kertas kerja yang kesepuluh oleh Hamzah Alezender, Salmah Jan Noor Muhammad dan Rahimah Hamdan menjelaskan bahawa pantun kini terus dikarang oleh generasi mutakhir, namun hasilnya amat mendukacitakan. Keharmonian audio, keelokan isi dan penggayaan bahasa yang sepatutnya dititikberatkan dalam penciptaan rangkap pantun sebenarnya sudah begitu sukar sekali ditemukan dalam sebuah rangkap pantun yang dikarang oleh generasi muda pada hari ini. Bertitik-tolak daripada itu, satu penelitian terhadap tahap kemahiran dan penggayaan

berbahasa pemantun institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia dengan menjadikan gambaran visual sebagai ukuran kedua-dua aspek bahasa tersebut dilaksanakan. Kajian ini mendapati bahawa kemahiran dan pengayaan berbahasa pemantun IPT Malaysia boleh dicerakinkan kepada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan lemah berdasarkan kejituan kesan visual yang diterjemahkan menerusi pengayaan dan kemahiran berbahasa, khususnya pada bahagian pembayang.

Tumpuan perbincangan dalam kertas kerja kesebelas oleh Norazlina Mohd. Kiram menjelaskan bahawa pidato merupakan perkongsian gagasan atau fikiran, yang disampaikan secara lisan oleh pemidato kepada pendengar. Penghujahan perlu selari dengan tajuk yang dikemukakan agar matlamat pidato tercapai. Untuk memastikan bahawa maklumat dan mesej dapat disampaikan dengan berkesan, pemidato hendaklah menghasilkan teks pidato yang berstruktur dan mengandungi bunga bahasa. Melalui teknik PDPIPS (Pengenaln, Definisi, Pendirian, Isi, Penutup dan Saranan) membantu pemidato menghasilkan ucapan yang berstruktur dan indah bahasanya. Hasil penelitian mendapati bahawa teks pidato yang dihasilkan dengan menggunakan teknik PDPIPS dapat memancarkan satu kesatuan idea yang tersusun, jelas dan berfokus. Secara keseluruhannya, teknik PDPIPS dapat menggalakkan percambahan idea pemidato dalam pelbagai konteks dan penguasaan bahasa Melayunya.

Dalam kupasan kertas kerja kedua belas oleh Nur Yuhanis Mohd Nasir menyebutkan bahawa media sosial bukan sahaja penting untuk penyampaian maklumat yang dinamik, tetapi juga sebagai suatu wahana baharu untuk masyarakat berhubung, berkomunikasi dan berkongsi sesuatu dengan khalayak yang lebih luas. Menerusi platform TikTok menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu oleh dua saluran terpilih, iaitu @chesayang_kitchen dan @khairulaming mewujudkan hubungan maya yang mesra antara mereka sebagai pencipta kandungan dengan para pengguna lain, terutama pengikut atau *follower* yang kebanyakannya rakyat Malaysia.

Kupasan dalam kertas kerja yang terakhir oleh Nur Fatiha Fadila Abu Bakar bertitik tolak daripada resepsi kritis tentang novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* (seterusnya *CHHR*) karya Faisal Tehrani. Rata-rata pembaca menganggap *CHHR* sebagai novel serius yang membawa tema perjuangan. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, *CHHR* didapati tertegak atas paksi naratif “cinta hawa nafsu”. Untuk membangunkan paksi naratif tersebut, novel telah menggembeleng alat-alat penceritaan khususnya watak dan perwatakan, serta manipulasi bahasa. Dengan paksi naratif sedemikian dan penggembelengan tersebut, novel *CHHR* jelas tergolong dalam kelompok novel picisan berdasarkan gagasan Persuratan Baru, iaitu satu-satunya teori sastera tempatan yang membahaskan secara serius dan konsisten tentang soal kedudukan karya sastera.

Secara keseluruhannya, kesemua ketiga belas makalah ini menggariskan beberapa komponen penting dalam pembentukan identiti nasional dan perpaduan masyarakat. Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam terus memartabat dan memperkasakan kedudukan bahasa Melayu dalam masyarakat kini, namun tetap menjadi simbol kedaulatan dan keunikan Malaysia di pentas dunia. Aspek pengantarabangsaan bahasa Melayu dari sudut kesejagatan ini sememangnya mempunyai pengaruh penting dalam konteks serantau.

Rozita Che Rodi

Adi Yasran Abdul Aziz

A. Aziz Deraman

BAB 1

PENGENALAN: BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA SEJAGAT

Rozita Che Rodi, Adi Yasran Abdul Aziz & A. Aziz Deraman

PENGENALAN

Bahasa Melayu ialah salah satu bahasa yang penting di rantau Asia Tenggara dan memainkan peranan yang signifikan dalam sejarah, sosiobudaya dan kehidupan ekonomi di wilayah ini. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa rasmi di negara-negara Nusantara, iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia (dikenali sebagai bahasa Indonesia) dan bahasa kebangsaan Singapura. Istilah bahasa Melayu itu merujuk satu bahasa secara ilmunya bersifat supranasional dengan versi dan variasi berbeza. Di bahagian utara khatulistiwa disebut sebagai bahasa Melayu dan di kepulauan Indonesia sebagai bahasa Indonesia. Kedua-duanya mendukung makna dan isi yang sama.

Bahasa Melayu telah berkembang menjadi salah satu bahasa yang dominan. Dialek bahasa Melayu menjadi bahasa yang luas penggunaannya di selatan Thailand, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak, Negeri Sembilan, bahkan ada cara sebutan yang tidak sama di Pahang dan Johor. Keadaan begitu juga dapat dikesan cara sebutan khusus Sabah dan Sarawak atau di wilayah kepulauan. Apabila wujudnya perancangan pembinaan dan pengembangan bahasa di Malaysia, Indonesia dan Brunei, maka bahasa Melayu baku berjaya dibina dengan sempurna dalam tulisan dan lisan bersifat rasmi. Bahasa Melayu daerah tempatan dituturkan di selatan Filipina, Kemboja, selatan Vietnam dan di bahagian tenggara Myanmar. Penggunaan bahasa Melayu di Asia Tenggara sahaja sudah merentasi lebih daripada 300 juta jiwa, bahkan menjadi bahasa pertuturan oleh jutaan rakyat asing dari Bangladesh, Myanmar, Kemboja, India dan mereka yang bekerja dirantau ini termasuk mereka yang datang dari Asia Barat, menjadikan

bahasa Melayu antara bahasa yang besar di dunia, menduduki tangga ke-5 daripada jumlah keseluruhannya. Dalam sejarahnya yang panjang, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pemerintahan, pentadbiran, komunikasi umum, ekonomi dan perdagangan. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi identiti atau jati diri kebangsaan di negara-negara serantau tetapi juga menjadi alat penyatuan pelbagai kaum, etnik dan silang budaya di rantau serumpun sebudaya ini.

Peranan penting bahasa Melayu dalam penyatuan dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum, etnik serta keturunan dapat disaksikan di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Dalam perkembangannya, bahasa Melayu bertambah maju dengan adanya penerimaan pengaruh daripada pelbagai bahasa asing seperti Sanskrit, Parsi, Arab, Portugis, Belanda, Inggeris dan Cina, menjadikan bahasa Melayu sebagai medium yang dinamik dan serba boleh. Makalah ini akan membincangkan fungsi bahasa Melayu yang berkembang maju mengambil kedudukannya sebagai bahasa sejagat, peranannya dalam komunikasi antarabangsa, hubungan ekonomi dan perdagangan, serta segala macam gerak kerja yang dilakukan bertujuan mengukuhkan statusnya ke peringkat global.

SEJARAH BAHASA MELAYU

Sejarah perkembangan bahasa Melayu telah bermula sejak berabad-abad lalu, dengan rekod terawal yang boleh ditemukan melalui prasasti dan catatan di batu-batu bersurat. Bahasa Melayu Kuno mula wujud sekitar abad ke-7 dan ke-8, ketika empayar besar seperti Srivijaya menggunakan bahasa ini sebagai bahasa pendidikan, pentadbiran dan perdagangan. Tulisan Melayu ketika itu banyak dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit, mencerminkan hubungan erat dengan agama Hindu dan Buddha yang dominan pada masa tersebut. Tulisan Pallava dan Kawi telah digunakan.

Dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu pada mulanya ke bahagian utara Sumatera (Aceh, Samudera, Pasai) dan ke bahagian

lain sekitar abad ke-13, BM mengalami transformasi yang signifikan. Tulisan Arab yang dikenali sebagai Jawi diperkenalkan, menggantikan tulisan Pallava dan Kawi tadi yang digunakan sebelumnya. Bahasa Melayu kemudian menjadi bahasa utama dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara pada masa pemerintahan Kesultanan Empayar Melayu Melaka abad ke-15, di samping menjadi bahasa ilmu, sastera dan persuratan. Kitab agama, sastera, hikayat dan undang-undang diterjemahkan dan ditulis ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan penyebaran ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam dan bangsa serumpun dari Tanah Melayu sehingga ke Sulawesi dan Mindanao di Filipina dan ke segala ceruk rantau Kepulauan Melayu di Asia Tenggara.

Pada zaman kolonialis Eropah di rantau ini, bahasa Melayu terus berfungsi sebagai lingua franca atau bahasa perantaraan, terutama dalam komunikasi umum, bahasa maritim dan perdagangan antara warga tempatan dan pedagang asing. Walaupun penjajah seperti Portugis, Belanda, dan Inggeris memperkenalkan bahasa mereka sendiri di kawasan yang mereka kuasai, namun bahasa Melayu kekal relevan dalam kehidupan harian dan perdagangan tempatan. Selepas kemerdekaan negara di rantau ini, bahasa Melayu terus diperkukuh sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dengan beberapa versi dan variasi serumpun serantau yang disesuaikan dan telah mencerminkan identiti nasional negara tersebut.

BAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI DAN PERDAGANGAN

Bahasa Melayu telah lama menjadi bahasa penting dalam perdagangan, terutama di wilayah maritim Asia Tenggara. Pedagang-pedagang dari China, India, Arab dan Eropah menggunakan bahasa Melayu sebagai medium urusan dengan penduduk asal tempatan. Sebagai lingua franca, bahasa ini merapatkan jurang komunikasi antara pelbagai bangsa sezaman yang terlibat dalam aktiviti perdagangan, menjadikan perdagangan mereka

itu berjalan lebih lancar dan berkesan. Francois Valentijn (Aud en Nieuw Oostindien, II Del,V) mengatakan: *“Bahasa Melayu... bukan sahaja digunakan di pantai-di pantai Tanah Melayu bahkan juga di seluruh India dan di negeri-negeri di sebelah timur... seseorang yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu akan dapat difahami orang baik pun dalam negeri Parsi ataupun Filipina”*.

Pada masa ini, bahasa Melayu terus memainkan peranan dalam komunikasi serantau yakni di wilayah serumpun sebudaya. Di Malaysia, bahasa Melayu (atau panggilan politiknya bahasa Malaysia) digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pemerintahan kerajaan dan pentadbiran, bahasa pendidikan, dan perundangan dan luas penggunaannya dalam kalangan rakyat di mana-mana negeri di bawah sebuah negara persekutuan. Penggunaan bahasa Melayu juga meluas dalam sektor media, termasuk televisyen, radio, akhbar, media sosial dan penerbitan buku. Di Indonesia, bahasa Indonesia yang berakar dari bahasa Melayu itu pun merupakan versi dengan sedikit perbezaan, ialah bahasa nasional dan rasmi negara yang bersandarkan Proklamasi Kemerdekaan 1945. Indonesia paling banyak penduduknya di Asia Tenggara dan jumlah umat Islam yang terbanyak di dunia.

Dalam sektor perdagangan dan perniagaan, bahasa Melayu memainkan peranan penting yang merapatkan hubungan antara negara dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Sebagai blok perdagangan serantau, ASEAN menggalakkan kerjasama ekonomi yang erat antara negara-negara anggotanya, dan bahasa Melayu menjadi salah satu wahana utama dalam komunikasi antara Malaysia, Brunei, Indonesia, dan Singapura serta selatan Thailand. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu kekal relevan dan mempunyai signifikannya dalam konteks ekonomi global, khususnya di rantau yang semakin pesat membangun ini. Rantau Asia Tenggara juga telah diisytiharkan oleh ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Pada akhir 2023, UNESCO telah mengisytiharkan bahasa Indonesia (bermakna juga bahasa Melayu) sebagai salah satu bahasa rasmi persidangan mereka. Keputusan

UNESCO ini menjadi suatu langkah tambahan baharu kepada wawasan pengantarabangsaan bahasa Melayu/Indonesia dan memungkinkan penerimaan dalam kalangan negara anggota pertubuhan kesatuan bangsa-bangsa yang sekian lama sudah wujud selepas Perang Dunia ke-2.

BAHASA MELAYU SEBAGAI WAHANA PENYATUAN

Salah satu kelebihan bahasa Melayu ialah keupayaannya untuk berfungsi sebagai alat penyatuan pelbagai etnik dan budaya. Misalnya bahasa Melayu yang dijadikan bahasa negara Malaysia itu telah menunjukkan upaya perannya memupuk perpaduan antara kaum Melayu, Cina, India, dan etnik lain khususnya di Sabah dalam kalangan Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Sulu dan sebagainya. Manakala di Sarawak pula dalam kalangan suku kaum Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Kenyah, Kelabit dan lain-lain. Penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah, pejabat kerajaan, dan media massa telah membantu dan mendorong pengukuhan keperibadian nasional dan keharmonian antara pelbagai kaum dan etnik melalui sebuah bahasa kebangsaan.

Di Indonesia, bahasa Melayu-Indonesia sangat memainkan peranan yang sama dalam menyatukan lebih daripada 700 suku etnik dan ratusan bahasa daerah. Dengan menjadikan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi, Indonesia berjaya menyatukan sebuah negara yang luas tersebar dalam bentuk gugusan kepulauan yang pelbagai latar budaya dengan adanya satu bahasa yang difahami oleh majoriti penduduknya. Di Thailand, orang Melayu meskipun minoriti bilangannya, tetapi bahasa Melayu dialek Kelantan-Pattani digunakan sebagai bahasa komunikasi utama dalam urusan pengajian pondok dan Maahad, bahasa perniagaan dan hubungan sesama orang Thai-Muslim di beberapa wilayah pentadbiran di sana.

Brunei Darussalam tetap mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, walaupun bahasa Inggeris didapati banyak digunakan dalam sektor pendidikan dan perniagaan. Sungguhpun demikian, komitmen

Brunei terhadap pengembangan dan pemeliharaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara membuktikan bahawa bahasa ini terus menjadi lambang identiti dan kebanggaan kenegaraannya.

PEMERKASAAN BAHASA MELAYU PADA PERINGKAT GLOBAL

Bahasa Melayu sudah memainkan peranan utama yang penting pada peringkat serantau. Walaupun begitu, terdapat pelbagai cabaran untuk menjadikannya bahasa sejagat yang benar-benar berada di pentas global. Salah satu tantangan atau cabaran utamanya ialah adanya pengaruh bahasa Inggeris yang semakin meluas. Pengaruh bahasa ini menjalar dalam pelbagai sektor kehidupan di sektor awam dan swasta, termasuk dalam sistem pendidikan, sains dan teknologi, hubungan diplomatik dan perdagangan antarabangsa. Dalam era globalisasi, bahasa Inggeris sering dianggap sebagai bahasa yang ‘superior’, lebih praktikal dan berdaya saing pada peringkat global. Memang benar citra ‘*monolingual*’ kebahasaan dalam konteks globalisasi dan universalisme ini sudah terhakis, tetapi jika dibetulkan perspektif dan persepsi terhadap bahasa, mana-mana bahasa pun, apalagi bahasa Melayu memiliki kerelevanan tersendiri. Hal ini demikian kerana dunia juga sangat memerlukan ilmu atau pengetahuan tentang tamadun sesuatu bangsa lain. Maka, tidak boleh tidak dengan menguasai bahasa bangsa lain, usaha tersebut akan memudahkan kerja-kerja memenuhi keperluan kajian tentang kewujudan tamadun bangsa yang berbeza.

Bahasa Melayu/Indonesia masih dipelajari di pelbagai negara seperti United Kingdom, Perancis, Jerman, Rusia, China, Korea, Jepun, India, beberapa negara Arab, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, dan negara-negara lain di seluruh dunia. Ini kerana isi sesuatu peradaban tidak dapat difahami sepenuhnya oleh para pengkaji dan sarjana di institusi pengajian tinggi serta pusat-pusat penyelidikan tanpa penguasaan bahasa

yang menjadi milik tamadun tersebut. Bahasa merupakan asas pembinaan sesebuah tamadun. Oleh itu, banyak universiti di Eropah, Amerika, Australia, Rusia, dan Asia menubuhkan Jabatan Pengajian Melayu dan Indonesia (*Malay-Indonesian Studies Department*) di institusi pengajian tinggi mereka.

Di Malaysia, terdapat pelbagai inisiatif yang diambil untuk memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu. Antaranya ialah pengukuhan penggunaannya dalam sektor awam dan pendidikan melalui kurikulum yang mewajibkan pelajar untuk menguasai bahasa Melayu. Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat universiti, termasuk di fakulti selain fakulti atau jabatan yang mengajar Bahasa Melayu atau Pengajian Tamadun Melayu. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai program untuk memperkaya tesaurus, kosa kata, dan tatabahasa bahasa tersebut.

Pada peringkat antarabangsa, usaha mempromosikan pengantarabangsaan bahasa Melayu semakin giat dijalankan oleh beberapa institusi. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia telah memulakan gerakan pertamanya pada pertengahan 1990-an. Kongres Bahasa Melayu Sedunia pertama kali dianjurkan DBP di Kuala Lumpur pada 1995 dengan kehadiran wakil institusi pengajian tinggi, pusat penyelidikan, para sarjana bahasa dan tamadun Melayu atau pengajian Asia Tenggara dari 20 negara. Beberapa prasarana kebahasaan dilanjutkan DBP melalui kerja-kerja Majlis Bahasa Brunei Indonesia dan Malaysia (MABBIM) yang ditubuhkan pada dekad 1970-an, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang ditubuhkan pada akhir 1990-an. Juga usaha yang sama dilakukan Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Indonesia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam yang mendukung peranan bersama memperkenalkan bahasa Melayu/Indonesia pada peringkat global. Mereka mendorong gerak kerja keputakaan ilmu melalui penerbitan buku, kamus, buku bacaan umum, teks sastera, penerbitan secara digital dan bahan-bahan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing.

PENUTUP

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang kaya dengan sejarah dan budaya, serta memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara. Perkembangan bahasa ini dari masa ke masa menunjukkan betapa cemerlangnya bahasa Melayu sebagai alat komunikasi, pemerintahan, pentadbiran, perdagangan dan penyatuan bangsa serumpun sebudaya di Nusantara. Cabaran globalisasi dan dominasi bahasa Inggeris memang wujud, tetapi melalui pendekatan dan perancangan strategik yang baik maka tidak ada sebab segala usaha untuk memperkukuh bahasa Melayu tidak dijalankan. Pelbagai pihak, sama ada pada peringkat agensi, institusi atau organisasi di masing-masing negara serantau memerlukan suatu kemuafakatan menggabungkan strategi kesepakatan merangka masa depan pengembangannya. Pada masa yang sama, masing-masingnya bertindak memaut kesefahaman dan persefahaman global untuk berganding bahu, berlangkah sama sederhana serentak menangani isu dan cabaran yang datang.

Dengan jumlah penutur yang sebelum ini dianggarkan lebih 300 juta, dan dijangka menghampiri 400 juta pada pertengahan abad ke-21, pengaruh bahasa Melayu/Indonesia di Asia akan semakin meluas. Bahasa Nusantara ini bukan sahaja akan terus kukuh di Asia Tenggara, tetapi juga akan berkembang ke seluruh Asia. Bahasa Melayu/Indonesia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi antara salah satu bahasa komunikasi sejagat. Adalah penting untuk membina dinamika rangkaian kerja dan jalinan kerjasama yang erat antara negara-negara ASEAN. Usaha ini perlu dijalankan secara berterusan, dengan semangat yang tinggi dan tanpa mengenal penat lelah, demi mengangkat martabat serta memperkasakan bahasa Melayu. Matlamatnya untuk memastikan bahawa bahasa ini kekal relevan dan terus berkembang, sekali gus menjadikannya salah satu bahasa komunikasi utama di dunia. Perancangan strategik, kesepakatan kerja dan mengukuhkan rangkaian institusional pada peringkat antarabangsa harus dijadikan model baharu pemerkasaan bahasa Melayu pada peringkat global.

BAB 2

PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU: ISU DAN MASALAH

A. Aziz Deraman

PENGENALAN

Bahasa Melayu telah menelusuri liku-liku sejarah perkembangan yang cukup ruwet dan panjang (Collins: 1998; Russel Jones: 1990). Sebagai salah satu cabang keluarga bahasa Austronesia (Austronesia family of languages) bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia kerana asalnya bersumberkan bahasa Melayu) telah digunakan dengan begitu meluas oleh lebih kurang 300 juta umat dalam gugusan pulau Melayu-Polinesia (Malayo-Polynesian Archipelago) atau Malayonesia sebagai bahasa serumpun. Bahasa Melayu *per se* pula merupakan salah satu bahasa dunia yang berpengaruh, barangkali yang keempat kedudukannya dari segi jumlah penuturnya yang mencecah angka jutaan orang tersebut sesudah bahasa Mandarin (bukan bahasa antarabangsa, tetapi bahasa bangsa sendiri), bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris kini dikatakan mengambil tempat sebagai bahasa pertama kerana pengaruhnya dalam perkembangan teknologi komunikasi informasi (information communication technology) dan keperluan perhubungan dagang, ekonomi dan diplomatik (A.Aziz: 2010). Bahasa lain tetap mempunyai peranan dalam konteks masing-masing, misalnya peranan bahasa Melayu di rantau dunia Melayu atau bahasa Arab di dunia Arab, bahasa Perancis di Afrika dan bahasa Sepanyol di Amerika Lain.

Ratusan tahun bahasa Melayu berkembang maju menjadi bahasa komunikasi dan bahasa rantaunya yang indah. Ratusan tahun persuratan Melayu mengambil kedudukannya yang ghairah. Daripada tangan para ulama kitab-kitab besar ditulis, tradisi keilmuannya di pusat-pusat pengajian

tidak kenal ‘muflis’, pesantren dan pondok lahir, ilmu didukung dari awal ke akhir. Dari zaman ke zaman bahasa Melayu dimajukan, persuratannya melimpah memenuhi gelanggang pemikiran. Langkahannya yang akomodatif, bijaknya menyesuaikan diri, menerima yang terkini mengukuhkan akal budi. Daripada tradisi lisan dan hikayat, lahir bentuk-bentuk karya kreatif sastera moden bermartabat, daripada roman kepada novel, daripada cerpen kepada puisi dan drama, begitu kreativiti dan intelektualismenya yang tinggi (A Aziz: 2010). Abad ke-20, suatu abad bangsa serumpun Melayu yang berani, bukan sekadar memerdekakan pertiwi, tetapi maju mewarnai kehidupan dengan bentuk dan isi. Memasuki abad ke-21, dunia bahasa dan persuratan Melayu yang mengagumkan barat dan timur sejak ratusan tahun itu, bagaikan kehilangan keyakinan dan keupayaan, malap tetapi tidak padam. Keunikan bahasa dan persuratannya tadi mulai kehilangan selera pada lidah bangsanya sendiri.

SENARIO PERADABAN ABAD KE-21

Dunia Melayu (yang teras induknya kepada bangsa serumpun Melayu dan keperibumian), seharusnya bijak mentafsirkan perubahan. Bangsanya tidak harus terperangkap dengan menerima tafsiran secara total tentang globalisasi, liberalisasi dan pascamodenisme. Mereka kena berwaspada dan menaruh keyakinan dan komitmen terhadap kemajuan baharu dan pada masa yang sama mengangkat peradaban bangsa sendiri. Globalisasi dengan sifat kesarwajagatannya tidak bermakna akan menelan segala peradaban dan kebudayaan lain, kerana tidak semua tamadun akan terjerut mati oleh Amerika dan Barat, kecuali bangsanya sendiri rela mahu dirinya dijadikan mangsa.

Suatu waktu telahan pernah dibuat bahawa rantau Asia Pasifik akan berubah. Asia Tenggara ialah sebahagian dari rantau Asia Pasifik itu. Dunia Melayu atau negara-negara berbahasa Melayu pula berkongsi majoriti keluasan geografi dan geobudaya Asia Tenggara itu tadi. Ada

gagasan ekonomi, gerakan sosial dan prasarana budaya berbentuk baharu akan muncul. Tumpuan kegiatan ekonomi mutakhir, perindustrian dan perdagangan menjadi lebih nyata dengan pengukuhan ekonomi di negara-negara Asia Timur seperti Jepun, Korea dan China. Ekonomi dan kebudayaan China bergerak lebih pantas kerana faktor demografinya yang besar, jaringan sedunia dan dasar-dasar pragmatik perancangan kemajuan ekonominya. Rantau Asia Tenggara tidak akan terkecuali kerana potensi luar biasanya yang memiliki sumber asli, sumber manusia dan tradisi kebudayaan tempat wilayah ini berada. Abad ke-21 ialah abad peralihan bagi Asia dan Pasifik. Kalau begitu, apakah tidak mungkin peradaban Melayu boleh dan akan mencorakkan citra peradaban Asia bersama-sama peradaban dari Asia Timur? Kalaupun telahan awal itu tidak terjadi sekalipun, Asia Pasifik ternyata akan terus berkembang sebagai kawasan ekonomi yang penting. Negara China telah bangkit dengan cepatnya dan sedang mengatasi dominasi Amerika Syarikat.

Sewaktu penulis berceramah di Universiti Frankfurt, Jerman (1995), *Beijing Foreign Studies University* (BFSU), China (1996), *Hankuk University of Foreign Studies*, Korea (2000), *Pusan University of Foreign Studies*, Korea (2003) dan Universiti St Petersburg, Rusia (2003), penulis menegaskan bahawa dalam era globalisasi dan liberalisasi abad ke-21 ini, citra dan ciri-ciri peradaban timur akan tetap bertahan dan maju. Peningkatan optimisme ekonomi di wilayah *Asia Timur* (China, Jepun, Korea, Taiwan) dan *Asia Tenggara* (Malaysia, Thailand, Singapura, Vietnam, Filipina, Indonesia, Brunei), serta tidak kurang juga dengan kebangkitan *Asia Selatan* (wilayah perkongsian India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka), akan membentuk pola ekonomi Asia yang baharu dan pengaruh peradabannya akan ikut maju sekiranya muncul kesedaran dan komitmen politik yang tinggi. Ketiga-tiga wilayah Asia ini (Asia Timur, Tenggara dan Selatan) ada kekukuhan asas keserumpunan tamadun masing-masing (A.Aziz: 2000).

Negara-negara yang majoriti penduduknya bangsa serumpun Melayu sedang mengalami perubahan yang drastik dalam bidang politik

dan sosioekonomi, misalnya di Indonesia dengan pembaharuan politiknya dan Malaysia dengan lompatan ekonominya. Rantau ini dijangkakan akan berubah menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi dan pasaran dagang yang berkembang pesat. Perubahan kebudayaan juga sedang mengambil tempatnya. Misalnya, di Malaysia setelah 20 tahun (1971-1990) Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, ekonomi Malaysia semakin seimbang, politiknya yang stabil dan perpaduan antara kaum semakin akrab dan harmoni, kecuali senario baharu perkauman kesan daripada Pilihan Raya Umum Ke-12, pada 2008. Kini diperkenalkan empat program besar pemerintah ke arah menjadikan Malaysia mencapai status sebuah negara maju. Pertama, Gagasan *Wawasan 2020* dan *1Malaysia*. Konsep dan falsafahnya berpedomankan Perlembagaan dan Rukun Negara. Perlembagaan sudah meletakkan status bahasa Melayu dan ada peranan besarnya menyatupadukan rakyat melalui Rukun Negara. Kedua, *Program Transformasi Kerajaan*, satu program transformasi negara dengan ukuran keberhasilan utama bagi agensi dan perkhidmatan kerajaan. Ketiga, Model Baru Ekonomi (MBE) untuk meningkatkan taraf hidup rakyat pada 2020, tumpuan mewujudkan sebuah negara berpendapatan tinggi dan meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan. Keempat, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10) bagi tempoh 2011-2015.

Dekad ini dikatakan satu tempoh yang amat kritikal untuk meneruskan kesinambungan prakarsa nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020 (Mohd Najib: 2010). Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, bertemakan '*Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial*', tetapi tidak boleh tidak aspek kebudayaan dan kebahasaan kian bertambah penting dalam pembentukan citra kenegaraan dan jati diri bangsa. Untuk itu, institusi pengajian dan kebahasaan patut mengambil peluang perancangan di bawah teraju kepimpinan baharu. Kini di bawah Kerajaan Perpaduan (bermula 2022) gagasan Malaysia madani pula diperkenalkan yang menetapkan perpaduan nasional dan kesatuan bangsa di puncak tertinggi matlamat kenegaraan dengan berpegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan. Pertumbuhan

ekonomi di Indonesia agak membanggakan meskipun terpaksa bergelut dengan kegawatan ekonomi akibat peristiwa kegawatan krisis mata wang 1997. Sungguhpun begitu ekonomi Indonesia diramalkan akan pulih dalam masa yang tidak terlalu lama. Isu dan sistem politik di Indonesia tidak sama dengan Malaysia, tetapi kedua-duanya saling menyerupai dari segi warisan peradabannya dalam bahasa, persuratan dan kebudayaannya dan mewarisi keserumpunan ras dengan Filipina, selatan Thailand, Brunei dan Singapura, bahkan melebar sehingga ke timur Lautan Pasifik dan ke barat Lautan Hindi, sehingga kemahawangsaannya dikenali sebagai Melayu-Polinesia. Senario peradaban bangsa-bangsa memang dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi. Bagi kepemimpinan politik yang bijaksana dan berwawasan, kedua-duanya akan membantu perkembangan dan kemajuan tamadun sendiri, khususnya bahasa dan persuratan. Kesempatan sebegini seharusnya digarap kepimpinan, baik politik mahupun sosiobudaya dari rantau Melayu. Berbanding dengan beberapa negara lain di Eropah dan di Amerika Latin, dikatakan Malaysia dan negara-negara berbahasa Melayu seperti Indonesia dan Brunei merupakan kawasan aman dengan kehidupan sosial dan politik yang stabil, di samping fenomena ekonomi yang berkembang pesat. Perkembangan begini sudah tentu akan mendorong negara-negara di luar rantau ini untuk mencari pasaran ekonomi dan membuka pasaran keluaran masing-masing yang sekali gus turut mencetuskan keperluan baharu manusia di luar wilayahnya itu mengenali dan memahami bahasa, sastera dan budaya umat di rantau ini.

Pelbagai perubahan dan dinamisme baharu sedang berlaku kepada rumpun Melayu. Maka pengembangan bahasa dan persuratan Melayu, bahkan kebudayaannya dalam bidang yang pelbagai itu, akan menjadi sangat relevan sejajar dengan kemajuan yang sedemikian itu. Apa yang diperlukan ialah komitmen dan keazaman politik kepemimpinan yang disokongi oleh daya juang kebudayaan. Keperluan mengenali perbandingan tamadun dibuat melalui bahasa dan persuratannya, sebagaimana Jepun, Korea, China, Rusia dan negara Barat mengenali bangsa lain dengan mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa asing. Mereka mempelajarinya

mengikut keperluan berbahasa dengan kaedah ilmu linguistik yang betul. Institusi, tenaga akademik dan para pelajar mereka sudah pasti akan berpeluang memperhatikan evolusi sesuatu bangsa termasuk peradaban Dunia Melayu dengan cara terbuka dan menarik. Ada pula kesedaran baharu, khususnya dalam kalangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), yang kelihatannya semakin bersedia menjadi pusat perkembangan ekonomi baharu dunia (world's new economic growth centre), dan mahu bersaing dalam segala bidang. Senario baharu ini harus digarapi cabarannya oleh Malaysia sebagai peluang memperkasakan bahasa dan persuratan Melayu ke persada antarabangsa.

PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU

Dengan mengambil iktibar daripada sejarah perkembangan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, bahasa Melayu memang boleh diperkasakan sebagai bahasa antarabangsa. Enam faktor berikut, jika diambil kira sebagai kelaziman, maka kedudukan bahasa Melayu sudah cukup memenuhi faktor-faktor dominan keupayaannya menjadi salah satu bahasa antarabangsa yang berwibawa (Hassan Ahmad, 2008). Faktor itu adalah seperti yang berikut:

1. Wibawa dalaman bahasa Melayu
2. Jumlah penggunaannya
3. Penyebaran geografinya
4. Wahana komunikasi ilmu, teknologi dan diplomasinya
5. Kecemerlangan ekonomi bangsa yang menuturkan serta menggunakan bahasa itu
6. Keutuhan dan kestabilan politik bangsa yang menuturkan dan memakai bahasa itu

Upaya perancangan dan pengembangan bahasa Melayu ke peringkat serantau dan antarabangsa yang dikongsi wawasan pelaksanaannya oleh DBP Malaysia (semasa pimpinan Dato' Haji A Aziz Deraman), DBP Brunei (di bawah pimpinan Dato Paduka Haji Alidin bin Haji Othman) dan Pusat Bahasa Indonesia (dikepalai Dr. Hassan Alwi), dilakukan dengan penuh bergaya. Kerjasama ketiga-tiga institusi dengan pelbagai pihak, kerajaan dan agensi lain yang berkaitan, maka telah timbul suatu keyakinan dan komitmen bahawa bahasa Melayu mampu dibangun dan dikembangkan menjadi bahasa yang berwibawa baik peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa.

Pusat pengajian Melayu yang pertama telah ditubuhkan di Leiden, Belanda pada 1876, dan sehingga kini pusat itu telah diiktiraf sebagai pusat utama bagi kajian budaya Melayu pada peringkat antarabangsa. Kemudian pada akhir 1992, kerajaan Malaysia telah memulakan langkah penubuhan Kursi Pengajian Melayu (Eropah) dengan ditempatkan seseorang yang bertaraf Profesor di Universiti Leiden. Penubuhan Kursi itu bukan sahaja diharap akan mempertingkatkan kajian sastera Melayu di Eropah, bahkan turut mengembangkan bahasa, budaya Melayu dan promosi pengetahuan pelbagai bidang tentang Malaysia khususnya dan dunia Melayu atau rantau itu amnya.

Usaha pengembangan bahasa dan sastera Melayu di dunia seharusnya terus dipertingkatkan, manakala pusat-pusat pengajian Melayu yang sedia ada terus diperkukuh melalui program kerjasama kebahasaan, kesusasteraan, penerbitan dan persuratan. Pada 1995, Kursi Pengajian Melayu telah ditubuhkan di Universiti Victoria, Wellington, New Zealand. Jika ditambahkan lagi Kursi-kursi Pengajian Melayu di mana-mana negara lain yang strategik, tentu manfaatnya akan menjadi lebih besar kepada pengajian akademik dan penyelidikan tentang peradaban berbahasa Melayu. Kerajaan Malaysia telah juga menubuhkan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU), China. Seorang Profesor telah ditempatkan di sana pada awal 2008 yang lalu. Kajian kesesuaian patut juga dibuat untuk meneruskan usaha yang sama di Korea

Selatan, Jepun, Australia, Jerman, Perancis, United Kingdom, Rusia dan di beberapa negara lain di Asia-Pasifik, Amerika dan Eropah atau ditubuh berkonsepkan wilayah. Banyak negara asing itu berminat. Mereka harus akur dan mematuhi dasar atau prinsip penubuhannya dengan dorongan, inisiatif dan menentukan sumber dana pembiayaannya secara bersama.

Kursi Pengajian Melayu boleh menjadi pusat kecemerlangan akademik yang akan merangsang minat para pengkaji, sarjana, pakar dan cendekiawan yang berminat dalam bidang sosiologi, antropologi, bahasa, sastera dan budaya Melayu atau Dunia Melayu secara keseluruhannya. Ada bukti menunjukkan bahawa melalui peranan kursi ini seperti pengalaman di Leiden, kesedaran yang lebih meluas dan mendalam akan lebih terserlah dalam kalangan masyarakat antarabangsa tentang peri pentingnya serta besarnya manfaat menjalin dan melestarikan persefahaman budaya serta mengakrabkan kerjasama antara dunia Melayu dengan rantau Eropah. Suasana dan aspirasi ketamadunan antara dunia Melayu dengan dunia luar boleh pula mewujudkan hubungan yang lebih adil antara rantau Melayu dengan Barat. Senario ini akan turut mencetuskan iklim sosioekonomi dan sosiopolitik yang lebih kondusif. Pengembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu ke peringkat antarabangsa akan lebih jelas arahnya.

Hasrat pengembangan persuratan Melayu terutama sasteranya tidak patut diniatkan sebagai usaha yang bertujuan ‘berlawan’ dengan perkembangan kesusasteraan Barat atau Inggeris sedunia atau menandingi hasil-hasil persuratan bangsa-bangsa yang sudah sedia mempunyai sejarah kegemilangan persuratan yang cukup lama itu. Dunia Melayu perlu mengatur usaha bersama agar hasil-hasil persuratan pilihan terbaiknya ikut dikenali, ditatapi dan dikaji oleh dunia luar. Caranya tentu bukan sekadar melalui usaha-usaha satu dua agensi, apalagi kalau bertindak secara terpisah antara Malaysia dengan Indonesia atau Brunei, misalnya sewaktu menyertai acara tahunan *Frankfurt Book Fair* itu, perancangan strategik perlu ada. Maka rangkaian kerja institusional antara negara memang sangat munasabah dan forum kerjasama yang diwujudkan misalnya Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia

Tenggara (MASTERA), Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS), Mesyuarat Kerjasama Kebahasaan dan Persuratan (MEKKAP) kawasan segi tiga Asia Tenggara, boleh menjadi wahana penyebaran bahan pengajian dan kajian di institusi asing tadi. Malahan apakah mustahil suatu waktu terdekat, kesusasteraan Melayu (termasuk Indonesia) yang berlatarbelakangkan sejarah, tradisi, budaya dan leluhur bangsa serumpun Melayu yang jitu dan unggul itu dapat dibangkitkan, kemudian diperkembangkan menjadi salah satu daripada *World Literature* yang berbobot dalam abad ke-21 ini?

Usaha mempertingkatkan kajian dan pengajian sastera Melayu, maka program penelitian dan pengukuhan kesusasteraan Melayu tradisional dan moden sentiasa dilakukan. Usaha memperkenalkan kesusasteraan Melayu ke peringkat serantau dan antarabangsa telah pun dipergiat atau disokong oleh pelbagai institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia dan DBP Brunei, Pusat Bahasa Indonesia dan beberapa institusi pengajian tinggi serantau melalui program seminar, pertemuan, dialog, persidangan penulis, pengucapan puisi, di samping program sastera atau Minggu Sastera Melayu di luar negara. Kerjasama akrab DBP dengan organisasi gerakan sastera dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), terutama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) di Malaysia atau ASTERAWANI di Brunei semestinya ditingkatkan lagi. Agensi seperti DBP memerlukan prasarana organisasi rakyat yang tidak bercorak rasmi untuk merakyatkan program kebahasaan dan kesusasteraannya. Maknanya sebagai badan ilmu, DBP mesti meneruskan tradisi perjuangan rakyat, ‘api dari suatu zaman’, yang melahirkan dirinya ke dunia selain menjadi badan yang mendukung fungsi kerajaan semata-mata. Untuk itu agensi rasmi sepertinya dan organisasi massa perlu berbimbing tangan membina jaringan baharu yang diperluas dan kerjasama kerantauan dipererat.

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri (Tun) Haji Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan beliau ketika merasmikan Seminar Persahabatan China-Malaysia di *Beijing Foreign Studies University*

(BFSU) pada 29 Mei 2004 lalu antara lain mengungkapkan:

“...adalah menjadi hasrat kerajaan Malaysia untuk menjadikan bahasa Melayu bahasa yang efisien dan aktif bukan sahaja sebagai wahana persuratan dan budaya, bahkan sebagai bahasa yang berpengaruh luas dan memiliki nilai ‘bargaining power’ dalam kegiatan ekonomi dan perdagangan. Hasrat murni ini adalah sejajar dengan matlamat Malaysia yang ingin terus mempertahankan jati diri, sebagai penggerak kemajuan dan budaya serta penentu pencapaian Wawasan 2020 dalam acuan sendiri.”

“...Kerajaan amat menyokong segala usaha yang dipelopori DBP dalam merealisasikan jalinan hubungan bahasa dan kesusasteraan Melayu ke peringkat antarabangsa sesuai dengan hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa komunikasi dan bahasa ilmu yang signifikan di dunia melalui pelbagai rangkaian kerjasama secara institusional dan rasmi. Dalam hal ini saya berharap sokongan semua pihak diteruskan kepada DBP yang telah membuktikan peranan dan relevansinya sebagai penghubung kefahaman dan persefahaman antara budaya, dan telah menggiatkan usaha ke arah kerjasama kebahasaan dan kesusasteraan di peringkat antarabangsa...sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan komited, saya akan memastikan apa juga dasar Kerajaan Malaysia, khususnya yang berhubung kait dengan penggemilangan bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu dan Malaysia, baik di dalam mahupun di luar negeri akan terus diberikan perhatian dan menjadi keutamaan pihak kerajaan.”

Jika Malaysia diharap mendepani gagasan ini, maka Malaysia harus memberikan perhatian kepada kemungkinan dan potensi pengembangan bahasa Melayu melalui bidang politik dan perdagangan antarabangsa.

Dalam konteks Wawasan 2020 Malaysia itu, perjuangan memperkasakan kedudukan dan peluasan bahasa Melayu sangat relevan. Bahasa Melayu boleh mencapai status bahasa komunikasi yang penting. Tahap peluasan penggunaannya boleh bermula di Asia Tenggara dan secara bertahap ke Asia Timur. Itu semua memerlukan suatu kemahuan politik (*political will*) yang kuat. Dalam tujuan komunikasi politik dunia, bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa besar dunia patut diketengahkan sebagai salah satu bahasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ada banyak bahasa lain digunakan oleh pemimpin mereka setiap kali berucap di PBB, meskipun tidak mendapat status bahasa rasmi. Istilah bahasa Melayu atau bahasa Indonesia yang mana mahu dipilih bukan isu yang menghalanginya kerana bahasa Indonesia ialah versi kepada bahasa Melayu yang sifatnya supranasional. Cuma yang berbeza kerana tujuan politik kebangsaan Indonesia dalam sejarah perjuangan dan kesatuan rupa bangsa.

Sesuatu yang tidak boleh diabaikan ialah bidang penterjemahan. Penterjemahan lebih banyak karya agung dalam bahasa Melayu dan karya-karya pilihan yang dihasilkan oleh pengarang dan sasterawan tersohor dari dunia berbahasa Melayu ke bahasa-bahasa utama dunia wajar diberikan perhatian serius, bukan sekadar ‘melepaskan batuk di tangga’. Di Malaysia karya-karya Keris Mas, Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Usman Awang, Arena Wati, Muhamad Haji Salleh, Nordin Hassan, Abdullah Hussain, S. Othman Kelantan, Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Anwar Ridhwan, Siti Zainon Ismail, Azizi Haji Abdullah, Fatimah Busu, Rahman Shaari, Dharmawijaya dan Baha Zain misalnya, dapat membantu memperkenalkan sastera Melayu ke peringkat antarabangsa. Demikian juga karya-karya penulis besar Indonesia dan mana-mana yang terbaik dari Brunei serta Singapura harus diketengahkan di rantau sendiri dan dipromosikan ke peringkat antarabangsa melalui pelbagai wahana dan wacana (A. Aziz: 2010). Dunia Melayu ada mengimpikan Hadiah Nobel dalam abad ke-21 ini, maka usaha penterjemahan karya sastera berbahasa Melayu

harus diberikan keutamaan tinggi. Cabarannya sangat besar kerana kita harus bersaing merebut pasaran di dunia antarabangsa. Karya-karya yang akan diterjemahkan itu bukan sahaja karya yang luar biasa, tetapi mutu penterjemahannya dibuat secara yang baik sekali. Promosinya lebih sistematik dan agresif, termasuk usaha memperluas sebaran karya, diperkenalkan dan dikaji di pelbagai pusat pengajian Melayu atau Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia antarabangsa yang sedia ada di beberapa pusat pengajian tinggi di Eropah dan Asia-Pasifik itu.

Sesungguhnya dunia menyedari tidak kecilnya akan sumbangan peradaban berbahasa Melayu terhadap peradaban dunia. Mereka ada kesedaran sejarah dan mengetahuinya melalui kajian silam atau semasa yang ternyata telah terbukti kedudukannya. Program-program antarabangsa dari segi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu-Indonesia dan sastera Melayu-Indonesia menunjukkan telah muncul kefahaman dan pengertian yang lebih mendalam tentang bahasa, sastera dan budaya rumpun Melayu sehingga segala prasangka dapat diperbetulkan dan membuka ruang kajian positif tentang kebangkitan dan kemajuan bangsa serumpun Melayu.

ISU DAN PERMASALAHAN BAHASA MELAYU

Isu dan permasalahan bahasa Melayu (dan persuratan) bergantung kepada warga atau bangsa pendukung dan jumlah penuturnya. Sistem pendidikan kebangsaan di dunia Melayu sebenarnya sudah tiba ke kemuncak kejayaannya (terutama di Malaysia dan Indonesia), maka rasa pesimistis tidak patut timbul. Geobudaya bahasa Melayu yang luas dan majoriti penuturnya menghampiri 300 juta di rantau Melayu-Polinesia (Asia Tenggara, bahagian barat Lautan Hindi dan Pasifik), ialah faktor kekuatan yang tersendiri. Apa yang diperlukan ialah permuafakatan, kesepakatan dan kerjasama dalam bertindak dan mengatur program penyebarluasannya. Bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan rumpun Melayu memikul khazanah besar sejarah bangsanya yang harus menjadi pemangkin,

penebus maruah, pembina falsafah, fikiran, nilai, sikap dan jati diri umat besarnya. Kemahawangsaan peradaban Melayu dalam bahasa, sastera dan budaya yang sekian lama menyirat falsafah, pandangan hidup, sistem nilai dan adat, kesenian, amalan dan harapan itu, memiliki keupayaan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bahasa dan sastera bangsa-bangsa dunia. Bahasa dan persuratan Melayu menunggu pelan tindakan dan perancangan strategik penyebarluasannya secara bersama-sama, pragmatik dan konkrit. Rumpun Melayu jangan takut mengambil bahagian mengimbangi perkembangan peradaban dunia.

Lumrah pandangan umum bahawa negara Malaysia yang maju akan terbina apabila rakyat Malaysia seluruhnya menjadi bangsa yang maju. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu akan menjadi maju sekiranya bangsa Malaysia sudah maju. Dalam hal ini, kita semua sependapat bahawa bangsa yang maju ialah bangsa yang berilmu tinggi dan dimanfaatkan. Kita juga sefahaman bahawa gagasan pembinaan bangsa Malaysia menjadi bangsa maju yang berilmu tinggi haruslah berteraskan tradisi dan budaya dalam acuan tersendiri, iaitu berlandaskan bahasa Melayu. Namun, tentulah lebih bermakna, jika kemajuan bahasa, sastera dan budaya adalah seiring dengan kejayaan serta kemajuan yang dicapai oleh bangsa dan negara dalam pencapaian kemajuan ekonomi.

Di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional sudah mencapai tahap bahasa ilmu, kejayaannya menyerap dan menyebarkan ilmu-ilmu baharu, lebih satu juta istilah telah digubal, kukuh sebagai bahasa pemerintahan dalam urusan pengurusan dan pentadbiran, bahasa komunikasi rakyat dan sebagainya. Bahasa Melayu (istilah supranasional untuk versi dan variasi kepada bahasa Indonesia, bahasa Malaysia, bahasa Melayu Brunei dan bahasa Melayu Singapura, wilayah-wilayah selatan Thailand, Filipina dan semenanjung Indo-China) sudah kuat di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dan rantauya sendiri. Bahasa Melayu ialah bahasa pengikat tamadun rantau, bahasa pembangunan nusa bangsa sewilayah, dan bahasa pemersatu rakyat yang mengisi keperluan-keperluan baharu

dalam membina tamadun masing-masing bangsa. Kewujudan bermacam forum kebahasaan dan persuratan perlu diperkukuh dan diperluaskan pengaruhnya, manakala gerakan psikologi dan kesedaran bahasa melalui pelbagai program dan gerakan pelbagai institusi itu seharusnya bukan sahaja menjana rasa cinta bahasa dengan semangat nasionalisme dan patriotisme, bahkan disemai cita-cita besar menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa besar dunia.

Bangsa serumpun Melayu menoleh ke Barat dikatakan kerana mahu menguasai kemajuan sains dan teknologi atau memajukan perindustrian. Dunia Melayu harus tahu memilih yang terbaik dan bagaimana memperoleh serta memajukannya. Selain daripada menerima, umat Melayu perlu ikut memberi. Maknanya mereka perlu mempunyai keluasan dan keterbukaan mencitrakan dan mengglobalisasikan milik yang terbaik termasuk kekayaan bahasa, sastera dan budayanya. Apakah sikap ini ialah buaian mimpi dan retorik semata-mata? Apakah umat Melayu itu tiada keyakinan terhadap keutuhan, keampuhan, kemurnian dan keluhuran nilai-nilai peradaban sendiri lalu semuanya mahu dicedok dari Barat. Wajah Asia yang ada pada rumpun Melayu tetap akan mengalir searus dalam kemajuan peradaban timur dan senario Asia tadi. Keyakinan terhadap kebersamaan kebudayaan inilah yang harus menunjangi setiap usaha. Umat Melayu perlu mencitrakan bahasa dan persuratan mereka itu ke peringkat antarabangsa. Dunia mahu mengenali bahasa dan sastera Melayu sebagaimana dibuktikan institusi oleh pengajian dan pusat-pusat penyelidikan mereka yang memahami, menghormati aspirasi, cita rasa dan jati diri rumpun Melayu dan peradabannya.

Sejajar dengan tumpuan kepada pembangunan bidang ekonomi, sains dan teknologi, apa yang berlaku kini, telah wujudnya ‘keseronangan persepsi’ terhadap keperluan bangsa atau negara memilih untuk berbahasa. Bahasa Inggeris dianggap seperti ‘segala-galanya’ dan pegangan ini akan memusnahkan kemajuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, Brunei dan Singapura atau bahasa nasional Indonesia. Suatu waktu akan menimbulkan kesan psikologi atau persepsi negatif dalam

kalangan mereka yang mempelajari bahasa Melayu di negara-negara luar rantau Melayu. Kejayaan Dasar Bahasa Kebangsaan di Malaysia dalam jentera pentadbiran, dalam sistem pendidikan, perundangan dan dalam beberapa domain utama kehidupan masyarakat Malaysia selama ini bisa ternafi dengan mudah. Persepsi tentang bahasa mestilah jelas. Keperluan menguasai bahasa Inggeris ialah keperluan untuk merujuk dan memperoleh sumber pengetahuan yang tertulis melaluinya atau sebagai bahasa komunikasi. Bahasa Inggeris juga tidak dinafikan perlu bagi kelompok yang berkeperluan di bidang diplomatik, dagang, korporat, atau perniagaan antarabangsa. Malahan manusia dunia Melayu juga perlu menguasai bahasa Arab kerana hubungan dengan Islam dan Asia Barat atau menggarap ilmu-ilmu daripada tamadun Islam, bahasa Sepanyol kerana kepentingan dagang dengan negara Amerika Latin, Bahasa Perancis, Jerman, Rusia, Mandarin atau sebagainya kerana rakan dagang tradisional akan bertukar kepada rakan dagang baharu. Cuma yang harus jelas bahawa bahasa-bahasa asing diperlukan mengikut konteks situasi kepentingan dan keperluan penggunaan.

Persepsi baharu telah timbul akibat kekeliruan kepentingan politik atau keputusan politik yang pula mempengaruhi pendirian masyarakat, sehingga masyarakat menjadi 'bingung', misalnya di Malaysia masyarakat tertanya-tanya ke mana Malaysia dalam persoalan bahasa negaranya? Apakah '*bilingualisme*' atau '*dualisme*' yang mahu dipromosikan suatu gejala yang hampir sama sedang meruntuhkan kebudayaan kebangsaan dengan mempromosikan kembali '*pluralisme*', '*parallelisme*', '*laissez faire*' dan tindakan tanpa batas yang membezakan sesuatu yang 'kebangsaan' dengan sesuatu yang 'kesukuan' atau etnis. Dalam amalan berbahasa, dasar '*dualisme*' dan '*parallelisme*' mungkin sesuai sewaktu acara-acara antarabangsa tetapi tidak dalam acara-acara rasmi kebangsaan. Gagasan pemeraksanaan bahasa di peringkat nasional ialah suatu perkara yang seharusnya tidak timbul lagi. Bahasa dan persuratan Melayu sudah lama memiliki martabat dan sudah zaman-berzaman perkasanya. Isu pemeraksanaan mungkin sesuai dan perlu dalam konteks pemeraksaannya

ke peringkat antarabangsa. Semakan semula perlu dilakukan terhadap usaha-usaha selama ini, tentang matlamat strategik dan fungsi utama bahasa Melayu bagi maksud dalam negeri dan luar negeri, apakah masih berterusan atau sebaliknya.

Aspirasi memperkasakan bahasa Melayu sehingga ke tahap global amat terlalu besar dan tidak semudah itu. Bahasa Melayu hendaklah ditonjolkan keupayaannya yang terbukti sejak zaman-berzaman itu dalam gambaran cakerawala minda Melayu, pemikiran, kreativiti dan aktiviti besar umat Melayu. Secara positif bahasa Melayu hendaklah dilihat keseluruhan peranannya dalam semua bidang kehidupan dan cara pergerakan umatnya yang meliputi akal budi, daya cipta dan wawasan dalam memenuhi tuntutan kemasyarakatan atau persekitaran dengan segala keperluan, termasuk politik, ekonomi dan sosial. Apalagi, bahasa Melayu tidak boleh tidak hendaklah menunjukkan kekuatan pemikiran budaya umatnya dalam pencapaian ilmu pengetahuan tinggi melalui persuratan, kesusasteraan, dan falsafah, dan mampu menjadi perantara yang membina lambang atau citra yang menjadi sebahagian daripada keperluan kehidupan dan warisan peradabannya.

Apabila pembangunan peradaban yang berfokus kepada perkembangan fizikal termasuk kemajuan teknologi informasi melanda dunia mulai akhir abad ke-20 yang lalu, bahasa Melayu berhadapan dengan masalah: (a) dapatkah bahasa Melayu itu menjadi sebahagian daripada elemen yang membangunkan teknologi tersebut dengan mengisi pelbagai maklumat yang terkandung dalam aneka jenis teknologi, maklumat dan komunikasi (TMK) benar-benar sejajar dengan hasrat untuk menyejagatkan bahasa serumpun Melayu itu. Teknologi maklumat itu sendiri merupakan saluran yang cukup penting, canggih, cekap dan pantas untuk tujuan tersebut; (b) dalam kesibukan masing-masing negara serantau membina intelektualisme yang tinggi dalam pelbagai bidang, apakah ada kesediaan kumpulan intelek dan ilmuwan bukan sekadar benar-benar mampu, tetapi bersedia mengaplikasikan sumber ilmu itu untuk menjana maklumat pelbagai bidang dalam dunia serba teknikal ini; (c) bagaimanakah situasi

keupayaan negara peneraju seperti Malaysia dan Indonesia bersiap siaga selain mendampingi dan menyepadukan diri dengan TMK, berusaha menggerakkannya sebagai wahana pengembangan yang setanding dengan kedudukan bahasa-bahasa utama lain di dunia.

Di Malaysia, para bahasawan, pemikir dan budayawan amat bimbang dengan kerapnya terjadi perubahan terhadap pendekatan pelaksanaan dasar bahasanya. Fungsi bahasa dalam sistem pendidikan negara merupakan sesuatu yang utama, kerana kesan dan akibat jangka panjangnya. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi perlu dipermantap dan dipertingkatkan kualitasnya; diperkukuh sebagai bahasa perpaduan; diperluas fungsinya sebagai bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan perkhidmatan kewangan; dipertingkatkan sebagai bahasa kebangsaan di sektor swasta, korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO); diperluas dan dipertingkatkan sebagai bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi, komunikasi canggih, bahasa media elektronik; bahkan terus diperkembangkan sebagai bahasa kebudayaan, kesenian, kesusasteraan, agama dan falsafah (DBP: 1997). Cuba diteliti sejauh manakah 'kecuaian' pihak berkuasa menjaga dan mengawalinya bagi mengekalkan martabat dan keperkasaannya selama ini?

Suatu waktu di Malaysia banyak dibahaskan tentang penulisan dan penterjemahan ilmu dalam bahasa Melayu yang masih kekurangan dan perlu dipergiatkan. Negara industri seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman, Rusia, Itali dan beberapa buah negara lain telah membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap, tetapi kita kelihatan tidak berupaya berlangkah seiring dengan mereka. Mereka mempertahankan kewibawaan bahasa mereka dan sentiasa mementingkan bahasa mereka sebagai bahasa sains dan bahasa kepustakaan ilmu serta pengetahuan. Sebaliknya situasi mutakhir dirantau ini telah banyak menimbulkan keraguan terhadap keyakinan, keupayaan dan kemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

Cuba bayangkan apakah akibat jangka panjangnya, kalau sistem pendidikan nasional berubah dasar bahasa pengantarnya daripada

bahasa rasmi negara sendiri kepada bahasa Inggeris. Institusi-institusi pengajian tinggi akan mengubah dasar mereka terhadap bahasa dan muncul paradigma yang menganggap ilmu hanya mampu diungkapkan dalam bahasa Inggeris itu. Lingkaran fikiran dan perasaan bangsa akan ikut bertukar kepada persepsi yang lebih kepada yang asing bukannya amalan positif kepada bahasa negara sendiri. Kedaulatan bahasa Melayu tidak akan dapat dipertahankan dan diperkukuh walhal bahasa Melayu itu sudah terbukti kemampuannya menjadi bahasa ilmu, sains dan teknologi. Ketaksuban bahawa bahasa Inggerislah yang akan menjadikan maju mundurnya sesebuah bangsa akan merugikan peradaban sendiri.

Di rantau Asia Tenggara seharusnya tugas pengukuhan bahasa Melayu boleh dilihat dalam dua aspek. *Pertama*, pemantapan dan pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan bahasa rasmi yang mempunyai nilai ekonomi serta bahasa perpaduan bangsa yang benar-benar diamalkan oleh seluruh masyarakat tanpa dipengaruhi prejudis dan sentimen etnis serta politik perkauman yang sempit. *Kedua*, bahasa Melayu sebagai bahasa yang merentasi variasi dan versi kebangsaan itu, sesegera yang mungkin dibawa melangkah keluar atau mengukuhkan keberadaannya di pentas antarabangsa pada era globalisasi dengan langkah penuh hikmah lagi bijak. Aspek kedua itu ialah tugas kerjasama keserumpunan dan antarabangsanya. Aspirasi ini tidak akan tercapai selagi minda dan perasaan umatnya dikongkong oleh pemikiran orang lain, dihantui oleh ketidakpastian dan ketakutan. Permasalahan antarabangsanya banyak bergantung kepada permasalahan senario pada peringkat nasionalnya. Dunia Melayu sendiri suatu keyakinan yang bermula daripada penyelesaian isu dan permasalahan dalaman.

PRASARANA DAN KERJASAMA INSTITUSI

Prasarana yang sedia ada di pusat-pusat pengajian tinggi serta pelbagai institusi di luar rantau Asia Tenggara harus ditatarkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Soalnya ialah antara keyakinan dan komitmen.

Keinginan institusi-institusi asing untuk bersama-sama itu jelas disuarakan dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia 1995 dan dalam Kongres Bahasa-Bahasa Utama Dunia 2004 yang berlangsung di Kuala Lumpur. Kerjasama antara institusi itulah yang mampu menjadi pemangkin pensejagatan bahasa, sastera dan juga persuratan Melayu. Malaysia dan Indonesia dengan sikap proaktif sepatutnya terus mendorong kemajuan, menghulurkan sokongan moral, bantuan dan kerjasama kepada pusat-pusat program bahasa Melayu yang sudah didirikan di Jepun, Korea, China atau pusat penelitian di Eropah, Amerika, Rusia dan beberapa lagi di Asia.

Kongres Bahasa Melayu Sedunia (pada 21 - 25 Ogos 1995) di Kuala Lumpur itu merupakan langkah pertama yang cukup baik bagi melihat kedudukan pengembangan bahasa, persuratan dan penyelarasan pengajian bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Maka pada penghujung dekad 1990-an, bagi memenuhi satu daripada rumusan Kongres tersebut, maka dengan sokongan penuh kerajaan Malaysia, sebuah majlis penyelarasan aktiviti pengembangan bahasa Melayu telah diluluskan penubuhannya. Majlis ini dinamai Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), dilancarkan pada 21 Ogos 2000 dan merupakan wadah utama penyelarasan dan pelaksanaan projek bahasa dan persuratan Melayu peringkat antarabangsa. Majlis akan bersama-sama menggalak, atau menggerak, menyokong dan berkongsi sumber-sumber atau maklumat yang ada bagi menjayakan usaha memajukan bahasa dan persuratan Melayu di institusi masing-masing atau antara institusi antarabangsa.

MABM dilahirkan dengan matlamat yang amat murni khususnya untuk pengisian memorandum persefahaman antara DBP Malaysia dengan pelbagai pihak luar negara. Sidangnya yang mencakupi sidang penuh, seminar pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk penutur asing serta ditambah dengan mesyuarat jawatankuasa eksekutif dan mesyuarat jawatankuasa kerja menjadi forum atau ruang bagi majlis membincang, menyelaraskan dan merencanakan pelbagai aktiviti kebahasaan di peringkat antarabangsa dengan lebih berkesan. Negara-negara yang diundang menganggotai MABM ialah negara-negara yang aktif dalam gerakan

pengajaran bahasa Melayu/Indonesia, mengembangkannya bagi tujuan ilmu, komunikasi dan sumber maklumat, menggalakkan pengajian dan penelitian tamadun berbahasa Melayu dan Asia Tenggara.

Dunia Melayu juga mempunyai forum untuk perundingan dan permuafakatan bahasa di peringkat rantau (negara-negara berbahasa Melayu). Satu daripadanya ialah MABBIM (Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia) ditubuhkan pada 29 Disember 1972, pada asalnya MBIM (Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia), kemudiannya menjadi MABBIM apabila negara Brunei Darussalam menganggotainya pada 4 November 1985. Fungsi utamanya merancang dan menyelaraskan pembinaan bahasa Melayu – bahasa Indonesia khususnya hal-hal dasar, pedoman ejaan dan pedoman pembentukan istilah. Hasil usaha majlis ini, khususnya yang bersifat istilah sepatutnya dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang menggunakan bahasa Melayu. Sejak pertengahan 1990-an, MABBIM telah diperluas fungsi-fungsinya bagi mencakupi hal-hal penyelidikan, penulisan dan penyebaran bahasa. Sehingga kini, MABBIM telah berjaya menghasilkan terbitan beberapa pedoman ejaan, pedoman peristilahan, daftar istilah, dan keputusan sidang selama puluhan tahunnya. MABBIM sekali gus menjadi saluran pembinaan dan pemasyarakatan bahasa Melayu di rantau Asia Tenggara dengan lebih akrab, mantap dan berwibawa. Majlis ini disegani sebagai sebuah majlis bahasa status tertinggi milik negara-negara berbahasa Melayu, sumber rujukan atau ‘fatwa’ dan ‘petua’ tentang bahasa Melayu sedunia, membantu usaha mengembangkan bahasa Melayu dan mengelolakan pelbagai aktiviti di samping melaksanakan fungsi-fungsi utamanya tadi.

Satu forum lain yang diwujudkan pada 12 Ogos 1996 di Kuala Lumpur dengan kerjasama negara-negara jiran ialah Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA). Tujuan utama didirikan antara lain bagi merapatkan hubungan, pengertian dan kerjasama kesusasteraan negara-negara anggota dalam usaha memaju dan mengembangkan kesusasteraan serantau ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa; menyelaraskan kegiatan dan penelitian kesusasteraan serantau secara bersepadu; mengusahakan

peluang bersama-sama untuk para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera, dan berusaha bersama-sama memantapkan penyebaran dan penggunaan bahasa utama rantau ini sebagai alat komunikasi, media ilmu pengetahuan dan media pengucapan seni ke peringkat rantau dan antarabangsa. Melalui pelbagai program kerjasama itu, diharapkan pada masa hadapan, kesusasteraan kebangsaan negara-negara Asia Tenggara dari Myanmar sehingga Vietnam dapat dihayati melalui usaha penterjemahan, persidangan, pertukaran pakar, penerbitan dan pengiktirafan.

Pembentukan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) cetusan idea asal Malaysia yang dianggotai Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam, manakala Singapura, Thailand, Filipina dan Vietnam yang dipelawa sebagai pemerhati Majlis ini, dan kemudiannya, Kemboja, Laos dan Myanmar akan turut dihubungi, akan lebih membawa pengertian dan kerjasama yang bermakna antara para perancang sastera di negara-negara Asia Tenggara. Usaha-usaha memajukan dan mengembangkan persuratan Melayu ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa tidak boleh lagi dilakukan dalam kelompok yang kecil. Maka atas alasan itu MASTERA tidak boleh dibiarkan kaku. Selaku pencetus gagasan, Malaysia hendaklah terus berusaha bersama-sama memantapkan penyebaran bahasa dan sastera berbahasa Melayu. Kerjasama dengan pusat-pusat Pengajian Melayu-Indonesia di seluruh dunia bagi mengantarabangsakan kesusasteraan Melayu-Indonesia, dan juga untuk meningkatkan kelancaran usaha dan urusan lalu lintas pengedaran dan pemasaran penerbitan (buku, majalah dan media elektronik) dalam kalangan negara-negara anggota khususnya. MASTERA akan juga berperanan memperluas dan mengantarabangsakan kesusasteraan nasional masing-masing negara melalui promosi, pengiktirafan melalui hadiah dan anugerah, kegiatan sastera dan penterjemahan agar wujud penghayatan kesusasteraan antara satu sama lain.

Cetusan idea penubuhan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS) pada 15 Mac 2001 di Johor Bahru pula, seharusnya dilihat

sebagai usaha menyelesaikan isu-isu penerbitan berbahasa Melayu. Anggota pendirinya terdiri dari negara-negara anggota MABBIM dan Singapura sebagai pemerhati. FOKEPS bertujuan menyediakan wahana komunikasi kerjasama penerbitan serantau yang diharap memberikan impak yang menyeluruh kepada kerjasama bahasa dan sastera yang sudah terjalin itu, di samping meningkatkan budaya ilmu dalam bahasa Melayu. Isu penerbitan, lalu lintas buku, promosi, hak cipta dan harta intelek menjadi fokus utama kerjanya. FOKEPS akan turut berusaha menggalakkan minat membaca dalam kalangan warga rantau serta bekerjasama meningkatkan tahap profesionalisme penerbitan dan kepustakaan ilmu dalam bahasa Melayu-Indonesia dalam kalangan negara-negara serumpun. Kelahiran FOKEPS telah melengkapkan prasarana bagi ketiga-tiga bidang utama gerakan tamadun berbahasa Melayu apabila bahasa, persuratan dan penerbitan memiliki wahana tersendiri yang akan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Untuk memperteguh peranan dan fungsi bahasa Melayu, sama ada sebagai bahasa nasional mahupun bahasa supranasional, usaha bersama-sama yang jitu dan bersepadu antara negara-negara rumpun Melayu perlu dipergiat dan ditangani dengan penuh iltizam. Program dialog, kolokium, simposium dan sebagainya di peringkat wilayah sebagai wahana pertemuan dan perbincangan hal-hal kebahasaan, persuratan dan pemikiran bangsa tidak boleh diketepikan. Penubuhan tiga buah pejabat wilayah DBP – di Bukit Mertajam (Pulau Pinang), di Kota Bharu (Kelantan) dan di Johor Bahru (Johor) serta dua cawangan di Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak) – dilahirkan dalam konteks zon budaya yang sangat berguna bagi perancangan dan penyelarasan apa-apa kegiatan kebahasaan dan persuratan dengan cara yang lebih berkesan. Kerjasama dan kesetiakawanan ASEAN serta program kerjasama segi tiga wilayah seperti SIJORI (Singapura, Johor dan Riau), segi tiga utara (Selatan Thailand, utara Semenanjung Malaysia dan utara Sumatera) dan kerjasama segi empat ASEAN Timur (East ASEAN Growth Area - EAGA; Indonesia, Malaysia, Brunei dan Indonesia) harus pula dimanfaatkan agar kerjasama

kebahasaan, kesusasteraan dan persuratan dapat dimasukkan sebagai salah satu agenda sampingan yang dominan dalam rangka kerjasama dua hala demikian. Dalam konteks dan konsep yang sama, Pusat Bahasa Indonesia telah mengambil langkah mendirikan Balai Bahasa dan Kantor Bahasa di kota-kota propinsinya. Mana-mana yang berkaitan akan bekerjasama dan menduduki forum-forum di kawasan segi tiga tadi. Malaysia telah pun mengambil inisiatif menubuhkan forum kerjasama di kawasan segi tiga tersebut dengan nama Majlis atau Mesyuarat Kerjasama Kebahasaan dan Persuratan (MEKKAP) masing-masing dan telah dijalankan program serta beberapa kegiatan bersiri. Masalahnya adalah soal penerusan. DBP ialah urus setia kepada mesyuarat kerjasama ini.

Pada masa yang sama program pembinaan, pemantapan dan pengembangan yang terancang perlu dilaksanakan. Selain kerjasama institusi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ada peranan tersendiri melalui gerakan rakyat dengan segala macam program bahasa, sastera dan budaya yang mereka lakukan. Dalam konteks ini, institusi-institusi seperti Pusat Bahasa Indonesia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia; Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei; Dewan-dewan Kesenian Indonesia; dan Majlis Bahasa Brunei, Indonesia Malaysia (MABBIM), di samping badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Malaysia, kelompok-kelompok organisasi penulis di Indonesia, Angkatan Sasterawan Brunei (ASTERAWANI) Brunei Darussalam, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan lain-lain harus terus mempertingkatkan peranan mereka untuk mendepani usaha-usaha pensejagatan bahasa dan sastera Melayu.

Pensejagatan bahasa, sastera dan persuratan Melayu seperti yang dilakukan melalui MABBIM, MABM, MASTERA, FOKEPS, MEKKAP dan lain-lain bentuk kerjasama serantau itu, hendaklah diperkukuh melalui kesepakatan kerja yang sudah sedia terjalin antara Pusat Bahasa Indonesia dengan DBP (Malaysia) dan DBP Brunei Darussalam. Jika keadaannya pasif dan tiada sesiapa yang lebih proaktif, maka segala gagasan murni awal itu akan tinggal sepi di atas kertas sahaja. Penyebarluasan bahasa

Melayu sebagai bahasa komunikasi umum dan bahasa ilmu pengetahuan dan teknologi (IPTEK atau bahasa sains dan teknologi) di rantau ini tidak boleh dibiarkan tanpa direncanakan pelbagai bentuk kerjasama kebahasaan dan kesusasteraan yang baru yang lebih konkrit. Dalam abad ke-21 ini, bahasa Melayu akan berhadapan dengan cabaran terhadap keupayaannya dari sudut fungsi wahana pengantar ilmu dan maklumat dengan adanya perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai domain, terutamanya dalam bidang teknologi informasi, yang mana bahasa memang menjadi sebahagian daripada keperluan itu.

TANTANGAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Abad ke-21 ialah suatu abad yang mencabar kesinambungan, kewujudan dan kegemilangan sesebuah peradaban bangsa-bangsa di dunia. Asakan gelombang globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodernisme sering sekali dikaitkan dengan kukuh atau lenyap lupusnya sesuatu bahasa, tradisi persuratan dan budayanya. Pembangunan bahasa Melayu menuntut pembetulan falsafah dan perspektif yang benar yakni dengan meyakini bahawa pengembangan dan kemajuan ilmu untuk membina peradaban hendaklah dilakukan dalam bahasa sendiri. Bahasa Melayu berhadapan dengan cabaran strategik, antara lainnya:

1. Kehilangan konsistensinya untuk melaksanakan program pere kayasaan dan penjanaan citra bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa nasional yang kuat dan dorongan usaha pengantarabangsaannya sebagai salah satu bahasa dunia. Strategi baharu perlu dirangka bagi pengembangannya yang berkesan. Ada kenyataan-kenyataan politik tetapi pengisiannya terlalu sedikit. Keazaman politik (political will) sangat utama.
2. Keseriusan negara-negara berbahasa Melayu yakni Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam yang diharapkan dapat berpadu tenaga untuk menjadi peneraju dan pemacu utama kemajuan bahasa Melayu, lebih-

lebih lagi dalam konteks merealisasikan hasrat menjadikan bahasa Melayu bahasa komunikasi Asia Tenggara atau suatu ketika mencapai status bahasa rasmi ASEAN.

3. Kelunturan rasa bangga dan ‘megah bahasa’ dalam konteks penyatuan bangsa dan bahasa serumpun antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, setelah ratusan ribu istilah telah diseragamkan melalui kerjasama dalam MABBIM, namun pengisiannya akan terbantut sekiranya ada perubahan dasar penggunaan bahasa yang tidak tegas atau tidak jelas di mana-mana negara serumpun berbahasa Melayu itu.
4. Kepustakaan ilmu dalam bahasa Melayu-bahasa Inggeris, khususnya penulisan dan penerbitan buku-buku ilmu dalam bidang sains dan teknologi tidak bergerak sejajar dengan perkembangan ilmu dan pembangunan negara. Akibatnya menjadi bertambah buruk kalau berubahnya dasar bahasa dalam sistem pendidikan. Institusi-institusi pengajian tinggi tidak perlu meminggirkan bahasa Melayu dalam kerja-kerja ilmu sebagai bahasa pengantar kuliah, syarahan, penelitian atau penyelidikan dan penerbitan. Jumlah penulisan dan penerbitan buku dalam bahasa Melayu/bahasa Inggeris jangan dibiarkan mengecil.
5. Gerakan promosi bahasa dan eksport kebudayaan melalui kesalingan kerja melalui program pertukaran lebih banyak program televisyen yang berbudaya atau berbahasa Melayu-Indonesia; mempermudah dan memperbanyakkan aliran buku dan maklumat; dan memanfaatkan Internet dan multimedia semaksimum mungkin dalam kalangan negara serantau adalah masih berada di tahap rendah, bahkan penyebaran ke seluruh dunia hendaklah dijadikan agenda serantau yang berpanjangan.

Bahasa ialah asas pembinaan tamadun bangsa dengan kesedaran tanpa diketepikan keperluan umat Melayu dan bangsa serumpun menguasai bahasa-bahasa utama dunia yang lain. Tumpuan perancangan strategik memerlukan tumpuan pemerksaan ke peringkat antarabangsa dengan suatu daya juang dan komitmen politik ke arah merealisasikan bahasa Melayu-Indonesia berperanan bagi maksud luar negara. Gerakan berterusan

ke arah menjadikan bahasa Melayu/Indonesia sebagai salah satu bahasa komunikasi Asia Tenggara; sebagai salah satu bahasa perdagangan rantau; salah satu bahasa komunikasi atau bahasa perdagangan Asia Timur; bahasa Melayu-Indonesia menjadi salah satu bahasa sidang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau pada peringkat UNESCO dan terus diperkembangkan sebagai bahasa pengajian peradaban rumpun Melayu di institusi pengajian asing di luar negara seharusnya tidak dilihat sebelah mata.

Pada hemat penulis, abad ke-21 bagi dunia Melayu haruslah dijadikan abad gerakan bersama mengangkat peradaban serantau dengan keutamaan meletakkan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia. Untuk memastikan kejayaannya, maka beberapa tindakan positif yang sudah atau yang sedang diambil atau akan diambil itu hendaklah diberikan tunjangan langsung oleh kerajaan dan dengan kerjasama yang kukuh oleh pelbagai pihak. Perancangan baharu perlu meneliti antaranya:

1. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia, DBP Brunei dan Pusat Bahasa Indonesia, sebagai agensi-agensi utama pembina dan pengembang bahasa Melayu-Indonesia, melihat semula keterabian beberapa program bahasa dan sastera di peringkat antarabangsa yang sudah sedia berjalan rancak itu dengan suntikan komitmen dan memikulnya dengan penuh tanggungjawab.
2. Penyediaan forum yang sedia ada seperti MABBIM, MABM, MASTERA, FOKEPS, MEKKAP mulai kaku dan rangkaian kerjasama institusi tidak dimanfaatkan. Fenomena ini hendaklah dipulihkan atau diaktifkan semula bagi memudahkan perundingan dan penyelarasan aktiviti kebahasaan dan persuratan di peringkat rantau dan antarabangsa;
3. Meneruskan sokongan moral, bantuan kerjasama kepada mana-mana institusi yang bersedia membuka pusat-pusat bahasa Melayu/pengajian Melayu -Pengajian Indonesia di luar negara seperti kewujudan Kursi Pengajian Melayu di *Beijing Foreign Studies University* (BFSU),

Beijing, dan membantu mengukuhkan program bahasa Melayu dan kajian tentang tamadun berbahasa Melayu di Eropah, Rusia, Amerika dan Asia-Oceania;

4. Mendorongkan usaha menambahkan jumlah Kursi Pengajian Melayu-Indonesia mengikut kesesuaian negara atau bekerjasama mendirikan Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia dan Program bahasa Melayu-Indonesia di luar negara;
5. Merangka pewujudan pusat sumber bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan rumpun Melayu dan kelas bahasa Melayu-Indonesia (umum) di kedutaan negara-negara berbahasa Melayu di luar negara;
6. Menyediakan program peminjaman tenaga pakar bahasa/sastera, pertukaran pensyarah, sarjana, pengajar, pelajar dan petugas bahasa dan pengajian Melayu -Indonesia antara negara;
7. Mengadakan dan meneruskan program penggalakan yang berupa aktiviti sosiobudaya seperti pertandingan debat, pidato, forum, pertandingan menulis karya kreatif dan esei serta program dan hadiah lawatan sambil belajar atau kerja;
8. Mengadakan kerjasama peningkatan ilmu, kepakaran dan keterampilan berbahasa Melayu-Indonesia dalam semua bidang dengan IPT di dalam dan di luar negara;
9. Menyediakan atau berusaha mendapatkan sokongan dan sumber dana atau sumber-sumber lain dari syarikat-syarikat swasta multinasional atau konglomerat untuk menjayakan program kebahasaan bagi negara yang kurang mampu;
10. Menyebarkan bahan-bahan terbitan dalam bahasa Melayu-Indonesia mengenai dunia dan pemikiran dunia Melayu serta bahan persuratan dan kesusasteraan yang relevan (bercetak dan elektronik);
11. Berunding dan menempa jalan untuk bekerjasama dengan pihak-pihak kementerian atau agensi yang berkaitan dalam negara, kedutaan-kedutaan luar, persatuan dan majlis pada peringkat ASEAN dan antarabangsa bagi mengetengahkan penggunaan bahasa Melayu/Indonesia; dan

12. Merangka serta melaksanakan pengisian pelbagai aktiviti bahasa dan persuratan di bawah program kerjasama kebudayaan antara negara bagi memenuhi perjanjian kerjasama kebudayaan, pendidikan dan saintifik atau memorandum persefahaman (MoU) yang ada antara institusi secara berperingkat melalui kerjasama dengan institusi dan negara yang berkenaan.

Dalam isu dan masalah persuratan, antara lainnya kita perlu:

1. Mencetuskan gerakan ‘Renaisans kesusasteraan Melayu’. Gerak kerjanya meliputi pembaharuan pengkaryaan, kesungguhan kerja-kerja promosi, penterjemahan, wacana karya (kreatif dan ilmiah) dan penglibatan yang lebih agresif agar kehadirannya menimbulkan pengiktirafannya sebagai sebahagian daripada khazanah ilmu dan warisan persuratan dunia. Penggembleran tenaga institusi rasmi, agensi dan pertubuhan sukarela perlu digerakkan secara bersepadu.
2. Meluaskan khalayak kesusasteraan nasional yang merentasi kaum, sukuan, profesion, generasi, daerah dan kewilayahan pada peringkat kebangsaan dan mengukuhkan rangkaian keserantauannya.
3. Penyebaran karya sastera harus melalui perubahan dan kaedah yang pelbagai dan menggunakan sepenuhnya kemajuan teknologi maklumat melalui media cetak, elektronik, multimedia dan rangkaian kerjasama promosi dari rantau sendiri keluar ke persada dunia.
4. Memikirkan kemungkinan pembaharuan dan perubahan jika diperlukan, dari segi penulisan buku-buku ilmu, penerbitan hasil-hasil penyelidikan, penterjemahan, pengayaan bentuk dan isi yang boleh menonjolkan keunikan asas politik, ekonomi, persekitaran kebudayaan dan sosial yang sentiasa berubah di wilayah Melayu itu serta mempertingkat dan memperkukuh pengisian kepustakaan Melayu.
5. Melihat semula sistem pendidikan supaya lebih berupaya mewariskan kesusasteraan yang merentasi kurikulum dan bidang ilmu agar generasi

muda serumpun menaruh apresiasi serta menghayati kesusasteraan nasional itu dengan lebih meluas dan mendalam. Hal begini seharusnya dilakukan bersama di Malaysia, Indonesia dan Brunei.

6. Membina penulis pelapis atau generasi baharu kesusasteraan yang giat berkarya, terlibat dalam kepemimpinan organisasi persuratan dan institusi serta cukup berpengetahuan luas yang mengenali hati budi bangsa dan jati diri rumpun sendiri serta pada masa yang sama tegak bersama di pentas global. Maknanya akar di bumi sendiri, akal di persada dunia, membawa visi global melalui misi lokal (glokal).

Prasarana pengembangan bahasa dan persuratan Melayu sejak kemerdekaan Malaysia dan Indonesia ternyata telah memperlihatkan kejayaan pembinaan dan pengembangannya yang cukup luar biasa, tetapi tidak jelas dimanfaatkan, kurang gagasan, tidak kuat dukungan dan sokongan. Di Asia Tenggara, dalam tempoh tidak sampai setengah abad, bahasa Melayu berjaya menjadi bahasa ilmu dan pengantar pendidikan di Malaysia dan Indonesia, menjadi salah satu bahasa moden, sehingga memungkinkan persuratannya berkembang maju. Bagi menghadapi persaingan global dan cabaran alaf baharu, negara-negara berbahasa Melayu-Indonesia serantau Asia Tenggara hendaklah selalu bersedia menghadapi tantangan atau cabaran-cabaran baharu peradaban sejagat.

PENUTUP

Dunia Melayu seperti negara-negara lain di benua lain sedang diasak dan digasak oleh arus globalisasi dan liberalisasi. Impak dan dampak yang paling ketara ialah tantangan yang dihadapi oleh bahasa, sastera dan budayanya. Jika bahasa dan kesusasteraan nasional Malaysia, Indonesia dan Brunei semakin melemah, natijah daripada globalisasi budaya, maka akan lemahlah bangsa-bangsa serumpun Melayu di Asia Tenggara ini. Maka, menjadi tanggungjawab bersama-sama untuk negara-negara

berbahasa Melayu membangunkan negara dan membina bangsa yang utuh, ampuh dan luhur menerusi bidang kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan, kerana ketiga-tiga elemen itu merupakan aspek dominan dan integral, *fundamental* kepada peradaban. Demi menyongsong arus globalisasi yang kini mengasak setiap aspek kehidupan budaya rantau, maka molek sekali aspek-aspek bahasa, sastera dan budaya diampuh dan diluhurkan, sehingga kekuatan itu menyumbang kepada kesatuan, persatuan dan perpaduan dalam citra peradaban serantau.

Sesuatu peradaban itu pula antara lainnya didukung oleh keampuhan dan kekuatan bahasa dan persuratannya. Dengan mengambil kira situasi, kekuatan dan keupayaan keserumpunan bangsa, maka tidak mustahil peranan bahasa Melayu sebagai bahasa bangsa-bangsa merdeka dan sebagai bahasa serantau yang dimiliki bersama-sama, kedudukannya akan lebih merakyat, berstruktur dan terserlah pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Gerakan membangunkan sesuatu peradaban umat yang tahan diuji pastinya mempunyai sejarah dan latar perencanaan yang kukuh meskipun berbeza. Forum yang diiktiraf wacananya merupakan tapak tempat benih pemikiran disemai dan idea bercambah. Maka untuk itu forum pada pelbagai peringkat untuk mencanai dan melestarikan idea daripada para pemimpin ilmu, cendekiawan dan karyawan sentiasa diperlukan. Idea hendaklah didukung dan disokong oleh 'idealisme'. Mereka berunding dan bertukar-tukar pandangan untuk merancang dan merangka strategi pengembangan bahasa dan persuratan Melayu. Pengukuhan seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa. Kecemerlangan bahasa, sastera dan budaya rumpun Melayu sebagai pancaran peradaban bangsa-bangsa atau kesatuan umat dan manusia dunia Melayu pada alaf ini bukan sekadar harus berlegar dalam kalangan umat berbahasa Melayu di rantau Asia Tenggara sahaja, malah menuntut kesediaan umatnya melangkahi sempadan yang lebih luas, hinggalah merentasi segala usaha bersepadu untuk meletakkannya di pentas dunia. Segala macam isu dan masalahnya hendaklah diselesaikan dengan bijak dan penuh komitmen.

Kepantasan perkembangan kemajuan dunia sepatutnya menyegerakan kebangkitan umat Melayu besar. Bangsa serumpun Melayu boleh menjadi salah satu kabilah dunia yang ikut disegani dengan kehadirannya dalam politik dan peranan ekonomi antarabangsa dan menjadi lebih wajar sekiranya diiringi dengan mendukung bersamanya cita-cita pengembangan kebudayaan terutama pengajian bahasa dan persuratan yang lebih besar. Gerakan ini perlu dilakukan dengan keazaman politik, sedar dan secara langsung, selari dengan sumbangan signifikan bangsa dan negara-negara berbahasa Melayu itu dalam forum-forum antarabangsa. Kemajuan dan kepesatan perkembangan ekonomi yang berlaku di kebanyakan negara berbahasa Melayu atau di dunia Melayu kini merupakan kesempatan ke arah mendorong kemajuan peradabannya dengan suatu dinamika baharu antara lainnya ketinggian pemikiran bahasa dan persuratannya melalui pengantarabangsaan bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2001). *Bahasa Asas Pembinaan Tamadun Bangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- A. Aziz Deraman. (2004). *Pengantarabangsaan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- A. Aziz Deraman. (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alisjahbana, S. T. (1976). *Language Planning for Modernization*. The Hague.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bengkel Khas. (1997). “*Penegasan Semula Dasar Bahasa (Dokumen Terhad*” 11 Mac 1997: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- CITRA. (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1998). *Malay, World Language: A Short History*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2000). *Imbasan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2008). “*Memperkasakan Bahasa Melayu sebagai Salah Satu Bahasa yang Berpengaruh di Dunia*”. Ucaptama di Seminar Memperkasakan Bahasa Melayu, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Utara dan Institut Perguruan Ipoh: 15 April 2008.
- Mohd Najib Tun Razak, Dato’ Sri, Perdana Menteri Malaysia. (2010). “*Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi dan Maju*”. Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10), Ucapan di Dewan Rakyat, 10 Jun 2010.
- Russel Jones. (1990). *Sejarah Bahasa Melayu. Pensejarahan Bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slametmuljana. (1964). *Asal Bangsa dan Bahasa Nusantara*. PN Balai Pustaka.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2002). “*Bahasa Asing Sebagai Bahasa Pengantar Dalam Sistem Pendidikan*” (Bahasa dan Sastra, Volume 20 Nomor 1 Edisi Januari – Maret). Departmen Pendidikan Nasional, Pusat Bahasa, Jakarta.
- Sasaran Kerja Utama (SKU) DBP, 1996-2000, 2001-2005 (Dokumen Terhad).
- Zainal Kling. (2002). “*Struktur Pemikiran Ismail Hussein*”. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pemikiran Ismail Hussein, GAPENA, Alor Setar, Kedah, 18-20 Oktober 2002.

BAB 3

KE ARAH MENUSANTARAKAN BAHASA MELAYU MELALUI KEGIATAN PERSURATAN

Abdul Razak Panaemalae

PENGENALAN

Hidupnya sesuatu bahasa itu disebabkan adanya penutur, dan bahasa itu mesti dituturi secara rutin dalam kehidupan. Telah banyak bahasa yang pupus dan hampir pupus disebabkan tiada penutur yang menggunakannya, atau kalau digunakan pun hanya terhad dalam lingkungan kumpulan yang relatif kecil. Misalnya, bahasa Sanskerta, bahasa-bahasa purba lain, dan sebagainya. Yang jelasnya, setiap bahasa yang telah pupus itu berpunca daripada ketiadaan penuturnya dan ketidakdinamikannya dalam penyesuaian dengan konteks semasa. Demikian juga halnya dengan bahasa Melayu, jika bahasa Melayu tidak dipraktik secara bersungguh-sungguh pasti bahasa ini akan mengalami nasib yang sama dengan nasib bahasa-bahasa purba.

Untuk mengelak daripada berlakunya krisis itu maka, sudah wajar kita memikirkan formula baharu yang lebih dinamik untuk merencanakan jentera bahasa Melayu supaya ia kekal status sebagai lingua franca seperti yang pernah kita saksi pada zaman kegemilangan silam.

LINGUA FRANCA

Seperti yang pernah kita maklum bahawa bahasa Melayu pernah menjadi lingua franca pada suatu masa dahulu. Ia diguna pakai secara meluas dan menjadi bahasa perantaraan dalam kalangan para pemimpin, para pedagang dan golongan marhaen. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmu dan

persuratan yang tersebar luas. Bahasa Melayu waktu itu menjadi hidup dan dinamik disebabkan penggunaannya yang meluas dan praktikal. Atau dalam erti kata lain hidupnya bahasa Melayu adalah disebabkan adanya penutur. Tegasnya, penutur merupakan faktor utama yang menyebabkan sesuatu bahasa menjadi dinamik, hidup segar dan subur memasak bumi.

SEMPADAN POLITIK NEGARA BANGSA MERENGGANGKAN KESATUAN BUDAYA MELAYU

Bahasa Melayu semakin tenat berhadapan dengan arus globalisasi. Rempuhan masuk arus moden dan globalisasi secara langsung memberi kesan kepada perkembangan bahasa Melayu. Kita tidak mahu menyalah globalisasi dan arus kemodenan, tetapi sedikit terkilan dengan penutur jati bahasa Melayu yang sudah terpengaruh dengan arus kemodenan.

Di samping itu juga, bahasa Melayu di setiap rantau di alam Melayu turut mengalami krisis dalaman di daerah masing-masing. Selain rempuhan dari bahasa Inggeris, bahasa Melayu juga mengalami rempuhan bahasa kebangsaan dan dialek di tempat masing-masing. Lebih parah lagi adalah apabila konsep ‘negara bangsa’ diutamakan lebih daripada segala-galanya. Keutamaan terhadap konsep negara bangsa jauh mengatasi kepentingan dan keutamaan kebudayaan serumpun yang kita warisi. Di sini tidak salah jika saya katakan akibat daripada politik negara bangsa langsung tidak membantu ke arah penyatuan budaya dan bahasa Melayu yang lebih mapan namun sebaliknya isu politik tersebut semakin melonggarkan ikatan yang telah terjalin sekian lama. Masing-masing mempropagandakan keunggulan negara bangsa sendiri sehingga sanggup menyetepikan nilai perkongsian budaya. Kalau adapun niat dan usaha ke arah penyatuan budaya adalah relatif kecil jumlahnya.

Rempuhan-rempuhan ini tidak sedikit melumpuhkan jiwa raga bahasa Melayu yang selama ini bertakhta di setiap ceruk tradisi dan budaya Melayu. Sebenarnya, pelanggaran masuk unsur-unsur luar ini tidak boleh

disalahkan sepenuhnya. Hal ini demikian kerana termasuk unsur-unsur luar tersebut telah menjadi lumrah alam di mana-mana pun di seluruh pelosok dunia. Namun yang menjadi isunya adalah apabila penutur jati terhegeh-hegeh bertindak lebih kuah daripada sudu. Bahkan juga dilihat tidak ubah seperti tindakan menyusui kera di hutan, sehingga anak sendiri mati kelaparan. Tidak salah kita menjunjung ‘barangan asing’ tetapi jangan pula yang dikendong tercicir sehingga langsung tiada nilainya.

WACANA BOMBASTIK

Apabila tersedar bahawa dalam situasi sekarang nilai bahasa Melayu semakin surut dan kecenderungannya semakin tersorot daripada arus moden maka muncullah deretan wacana-wacana hebat ciptaan para sarjana dan cendekiawan bahasa Melayu yang melaungkan supaya perlunya ada usaha untuk memperkasakan, memartabatkan, dan mengantarabangsakan bahasa Melayu. Pada tanggapan saya, tidak perlu menggambarkan terlalu tinggi dengan tidak berpijak pada bumi nyata. Kita boleh berangan-angan tapi biar padan dengan potensi yang ada pada diri.

Hakikatnya bahasa Melayu tidak pernah menjadi bahasa antarabangsa yang diguna pakai secara meluas seperti bahasa Inggeris. Pangkalan utama bahasa Melayu adalah di rantau Alam Melayu. Di sinilah tempat asal mula bahasa Melayu. Dan di sinilah adanya penutur jati bahasa Melayu. Usaha kita untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa setanding dengan bahasa global seperti bahasa Inggeris, Cina, Arab, Perancis, Sepanyol, Portugal, dan Rusia dikira terlalu nasionalistik.

Saya tidak menafikan wujudnya minat dalam kalangan penutur asing baik di Eropah, Barat, dan beberapa buah negara Asia. Bahkan ada dalam kalangan mereka yang begitu fasih berbahasa Melayu. Namun kita perlu ingat bahawa mereka bukan penutur jati. Minat mereka terhadap bahasa Melayu ialah atas kapasiti sebagai peneliti, pengkaji tentang alam Melayu atau tepatnya adalah golongan *orientalist*. Sebagai *orientalist*

mahu tidak mahu mereka terpaksa menguasai bahasa dan budaya Melayu agar sesuai dengan kepakaran diri. Kalau ditamsilkan ibarat, mereka bukan dari kalangan pemastautin justeru untuk mencukupkan ahli *qariah* untuk solat Jumaat tidak boleh.

Dalam maksud kata lain, kemunculan jabatan-jabatan pengajian Melayu di beberapa buah universiti dunia yang ada menawarkan Pengajian Bahasa Melayu tidak boleh dibanggakan sebagai pengiktirafan dunia terhadap bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan jabatan-jabatan berkenaan ialah atas inisiatif untuk mengkaji sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, dan kepakaran yang mereka miliki dalam bidang bahasa Melayu bukanlah sebagai bahasa pertuturan harian mereka tetapi lebih kepada untuk ‘menguasai’ minda manusia Melayu. Disebabkan oleh falsafah tersebut, maka wujudnya pusat-pusat pengajian Melayu di seluruh dunia.

Oleh itu, yang lebih praktikal dan lebih munasabah ialah lebih baik kita kembali memikirkan semula untuk ‘menusantarkan’ bahasa Melayu seperti yang pernah terbukti dalam sejarah silam. Usaha untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu itu ialah satu usaha yang ‘jauh panggang dari api.’

Yang dimaksudkan dengan ‘menusantarkan’ bahasa Melayu itu ialah merangkakan tindakan progresif serta memikirkan formula baharu ke arah menghidupkan semula bahasa Melayu di rantau alam Melayu. Hal ini jauh lebih munasabah berbanding melaungkan slogan mengantarabangsakannya. Potensi untuk bahasa Melayu kembali bernafas di rantau ini jauh lebih tinggi berbanding memikirkan untuk mengantarabangsakannya seperti bahasa utama dunia, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Selain daripada faktor keseragaman bahasa dan budaya kita juga mempunyai citarasa yang tidak jauh berbeza. Faktor-faktor ini ialah penentu yang memungkinkan bahasa Melayu ada potensi yang meyakinkan untuk kembali bertapak semula.

USAHA YANG TELAH DIRINTIS

Sebenarnya, telah ada usaha-usaha yang telah dirintis oleh badan-badan bahasa di Malaysia, Brunei dan Indonesia. Antara buktinya adalah dengan wujudnya MABBIM dan MASTERA. Hasil daripada usaha ini maka telah banyak kegiatan kebahasaan dan kebudayaan diadakan sehingga mampu menunjukkan potensi bahasa Melayu pada satu peringkat yang boleh dibanggakan. Di samping itu, badan-badan tersebut telah mengadakan puluhan siri persidangan, kongres, kolokium dan bengkel yang khusus untuk membicarakan tentang bahasa dan sastera Melayu dari pelbagai sudut mengikut teori dan kepakaran masing-masing.

Namun usaha-usaha ini tampak ada sedikit hambatan dan kekangan. Hal ini dikatakan demikian kerana MABBIM nampak lebih menjuruskan orientasi kerja kepada penstandardan, pemiawaian dan pembakuan sistem ejaan tanpa cuba memperakui akan wujudnya kepelbagaian dialek bahasa Melayu itu sendiri. Setiap negara pasti menganggap bahawa bahasa pertuturan merekalah yang lebih tepat dan wajar dijadikan piawaian. Jika sikap terlalu emosional dalam usaha penyatuan terlalu menguasai minda mereka yang terlibat dalam pertubuhan itu maka sudah tentu kata sepakat sukar untuk dicapai. Dalam hal ini, pandangan Asmah Haji Omar wajar kita renungi, katanya:

I have used the word linguistic rather than language in the title, because it is not the Malay language that forms the divide but rather the linguistic aspects and intricacies of language usage in each country which may not exist in or be acceptable by the counterparts.

(Asmah Haji Omar, 2013: xi)

Berdasarkan kajian dan penelitian yang diusahakan oleh Asmah Haji Omar itu memperlihatkan bahawa adanya *an invisible divide* yang menggagalkan misi penyatuan dan penyeragaman linguistik Melayu. Hal ini dikatakan

demikian kerana entiti bahasa dan budaya yang ada masing-masing mempunyai rasa berhak untuk menonjolkan bahasa sendiri. Apatah lagi dalam sesebuah negara itu, selain daripada bahasa nasional juga masih ada puluhan bahkan ratusan bahasa daerah dan tempatan.

Hambatan-hambatan ini perlu diambil kira jika mahu melihat bahasa Melayu berkembang seperti yang diimpikan. Kita yakin bahawa segala hambatan dan kekangan dapat diatasi cuma cabaran ini memerlukan sedikit masa untuk dirungkaikan. Menurut Asmah Haji Omar, “...*the surface is not always smooth all the time. Little cracks and puddles may be encountered along the way but, as has been proven, there is no divide that cannot be bridged.*” (ibid., 112).

Asmah Haji Omar berpandangan positif dalam hal ini. Sebelum ini pun beliau pernah mengemukakan pandangan yang sama dalam bukunya yang berjudul *Carik-carik Bulu Ayam*. Yang membawa maksud perselisihan sesama keluarga itu akhirnya akan bertaut kembali. Bak kata *air yang dicincang tak akan putus*. Demikianlah tanggapan optimistik Asmah Haji Omar berhubung soal penyeragaman bahasa Melayu di rantau ini.

KE ARAH MENUSANTARAKAN BAHASA MELAYU MELALUI KEGIATAN PERSURATAN

Berdasarkan pandangan dan penelitian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar itu menunjukkan bahawa adanya kemungkinan-kemungkinan untuk menghidupkan kembali, yakni menyeragamkan bahasa Melayu di alam Melayu ini supaya kembali utuh seperti sedia kala. Dalam kertas ini penulis ingin mengemukakan tiga cadangan.

Pertama, memang tidak dinafikan kepentingan sempadan geopolitik yang wujud antara negara-negara di Asia Tenggara ini. Kewujudan ini ialah hasil daripada munculnya konsep negara bangsa mengikut aliran politik semasa. Namun dari segi kebudayaan kita masih lagi berkongsi persamaan

dari segi cita rasa serumpun. Dalam maksud kata lain, meskipun tampak ada sempadan politik yang mengekang namun hakikatnya budaya tidak boleh dipisahkan. Jika dipisahkan sekalipun hanya untuk merestui konsep negara bangsa sahaja tetapi budaya tetap merentasi sempadan politik. Dan bahasa tiada sempadan. Menurut Abdul Rahman Embong (2001: 15):

“konsep Melayu dari segi politik pada hari ini ialah satu konsep yang khusus, yang harus dilihat dalam konteks kenegaraan tertentu manakala dari segi budaya, ia mempunyai dimensi yang lebih luas merangkumi kelompok rumpun Melayu di Asia Tenggara dan tempat-tempat lain.”

Kedua, untuk menghidupkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu, maka perlu diwujudkan satu mekanisme yang berfungsi sebagai jentera penggerak, pengembang dan sekali gus pembangun kepada keutuhan bahasa Melayu itu sendiri. Misalnya, mewujudkan ‘*Anugerah Karya Sastera dan Buku Nusantara*’. Hal ini adalah untuk memperkenalkan bahan bacaan menarik dalam kalangan pengamal bahasa Melayu di seluruh Nusantara. Selain daripada dapat berkongsi ilmu dan pengalaman, penggunaannya secara berterusan juga dapat memupuk semangat perpaduan dan membentuk pandangan alam yang tidak jauh beza.

Disarankan supaya anugerah ini tidak lagi hanya bersifat kenegerian, kedaerahan dan kebangsaan tetapi merangkumi seluruh karya berbahasa Melayu dihasilkan oleh mana-mana individu yakni pengarang/penulis di rantau ini. Penganugerahannya juga tidak terhad lagi kepada bidang sastera sahaja tetapi merentasi disiplin pelbagai bidang ilmu. Adapun anugerah di peringkat negeri, daerah atau nasional yang telah diadakan selama ini boleh diteruskan dalam konteks negara masing-masing.

Dalam maksud kata lain, mewujudkan anugerah berprestij yang tidak hanya terhad kepada kelompok pengamal bahasa Melayu tertentu

dan skopnya jauh lebih luas yakni terbuka kepada mana-mana individu di ceruk rantau ini yang berkarya dalam bahasa Melayu. Kalau *The Booker Prizes* boleh menjadi wahana ilmu dan saluran penting untuk pengembangan bahasa Inggeris, justeru kenapa tidak dengan anugerah yang mahu diwujudkan ini boleh membantu pengembangan bahasa Melayu di rantau ini?

Di rantau ini telah wujud pelbagai anugerah berprestij misalnya *Anugerah SEA Writes Awards* untuk bidang karya sastera kreatif, dan *Anugerah Magsaysay* untuk bidang kewartawanan, keamanan dan kebudayaan. Kenapa belum ada anugerah berprestij untuk karya bahasa Melayu di rantau ini? Walhal penutur berbahasa Melayu adalah paling ramai di Asia Tenggara.

Dan *ketiga*, perlunya mewujudkan rangkaian kerjasama dalam bidang penerbitan bersama-sama dalam kalangan negara yang mempunyai penutur dan pengamal bahasa Melayu. Terutama kerjasama penerbit atau syarikat swasta yang beroperasi dalam bidang industri pembukuan. Penerbitan di sini bermaksud juga penerbitan dalam bentuk buku atau dalam bentuk media lain seperti Internet, blog, laman *web* dan seumpamanya.

Penerbitan memainkan peranan sangat penting dalam usaha pengembangan ilmu. Jika sesebuah karya dihasilkan tanpa diterbitkan atau disebarkan, ia tidak akan memberikan impak kepada pengembangan ilmu.

PENUTUP

Sudah tiba masanya kita memikirkan bahasa Melayu berdimensi baharu yang lebih dinamik dan gah. Tidak lagi hanya berpusar sekitar lubuk yang sama tetapi sama-sama turut merancakkan kegiatan berbahasa Melayu. Usaha ini mestilah perlu kepada penggemblengan kekuatan tenaga yang ada di seluruh pelosok rantau alam Melayu. Usaha ini juga tidak mampu dilakukan sebatang kara oleh mana-mana negara kerana realitinya kerancangan dalam penggunaan bahasa Melayu adalah melibatkan seluruh

jentera di alam Melayu. Tidak terhad kepada hanya satu daerah, satu negeri atau satu negara sahaja, tetapi melibatkan serumpun yang bernama Alam Melayu.

Untuk tujuan ini, maka tradisi ilmu dan persuratan yang menggunakan bahasa Melayu seperti yang pernah dilaksanakan pada zaman silam adalah perlu dihidupkan kembali. *Wallahu 'alam*.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Embong. (2001). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak Panaemalae. (2020). *Menusantarakan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia*. Kertas Kerja dalam Webinar BIPA “Pengajaran Bahasa Indonesia Lintas Negara”, pada 28 Julai 2020.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2013). *Crossing the Malay Linguistic Divide*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (1993). “Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972.” *Kumpulan Karangan daripada Majalah Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. (2002). “Bahasa Melayu/Indonesia Sebagai Pembina Peradaban Baru.” *Prosiding Seminar Bahasa dan Sastera Sempena Sidang ke-40 MABBIM dan Sidang ke-6 MASTERA* pada 12-13 Mac 2001 di Johor Bahru, Malaysia.
- Hashim Hj Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa* (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1993). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. (1998). *Malay, World Language: A Short History*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yusof Hasan. (1991). *Dunia Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 4

TRADISI BERTEKA-TEKI SATU INTERAKSI KIASAN MELAYU: MEMBINA KECEKAPAN BERBAHASA KANAK-KANAK

Fadzilah Abdul Rahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Hasnah Awang

PENGENALAN

Teka-teki permainan berbahasa yang menduga akal. Dalam teka-teki terkandung soalan untuk diteka. Permainan berbahasa yang unik ini merupakan satu interaksi kiasan di antara jenis hasil sastera Melayu yang terawal dan dipercayai terbitnya pada zaman masyarakat Melayu sebagai amalan tradisi lisan. Teka-teki Melayu ialah kiasan yang menggunakan bahasa dengan cara kreatif dapat mencetuskan pemikiran dan tumpuan. Mereka boleh menjadi cara yang baik untuk meningkatkan kecekapan bahasa dalam kalangan kanak-kanak kerana melibatkan kemahiran bahasa dengar tutur, membaca dan aspek seni bahasa. Teka-teki yang terkandung soalan menekankan kebolehan kanak-kanak untuk mengetahui bahasa, menguji kekayaan bendahara kata kanak-kanak terhadap suatu pengertian yang lain daripada perkataan (perkataan sembunyi) (Matlob, 1964:52). Cara mengemukakan soalan teka-teki begini dinamakan soalan ringkas. Ringkas dan sederhana bentuk ayat soalnya dan dengan cepat pula jawapannya dapat diberikan jika kanak-kanak itu cerdas. Daripada dua contoh di atas ternyata teka-teki itu diarahkan kepada dua tujuan. Pertama untuk memuaskan pengamatan dan kedua untuk menguji kebolehan bahasa kanak-kanak.

Aktiviti berteka-teki bermula sebagai disiplin intelektual untuk kanak-kanak (Brian Sutton-Smith, 1995). Interaksi awal kanak-kanak adalah daripada ibu bapa secara spontan memberikan teka-teki pada waktu senggang. Secara langsung melatih minda kanak-kanak. Didikan dan

rangsangan spontan ini ialah bentuk teka-teki yang pendek dan ringkas sesuai dijadikan sebagai pembelajaran awal kanak-kanak yang menarik. Kanak-kanak berasa terhibur, belajar menghayati dan berfikir kritis secara maksimum. Keseronokan kanak-kanak melibatkan diri dalam pertandingan sebagai peserta dan penonton bermula apabila soalan-soalan pembayang teka-tekinya dikemukakan kepada pihak lawan. Cubaan kanak-kanak menjawab dengan pelbagai reaksi membawa konotasi untuk menduga akal dalam suasana yang ceria dan berjenaka. Pantun teka-teki agak mudah dan sederhana yang lebih hampir dengan pantun kanak-kanak (Harun Mat Piah, 1989). Pantun kanak-kanak dalam Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Melayu (2017) antara aktiviti berbahasa didik hibur dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Aktiviti berteka-teki menggunakan pantun teka-teki sebagai pertandingan disesuaikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang dibahagikan kepada tiga modul, iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca dan Modul Seni Bahasa. Tiga modul ini dapat mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

SOROTAN LITERATUR

Penelitian kajian tentang teka-teki tidak banyak dilakukan. Kebanyakannya hanya mengumpul teka-teki. Ketiadaan kajian lanjutan mungkin disebabkan oleh minat penerbit yang tertumpu hanya kepada teks teka-teki dan tidak pada konteksnya dalam masyarakat, ataupun kerana sememangnya tidak ada fungsi lain teka-teki itu dalam masyarakat Melayu selain daripada hiburan pada masa-masa lapang, kecuali masyarakat Sabah yang menggunakan teka-teki itu dalam berbagai-bagai upacara sosial/ritual termasuk juga upacara kematian.

Penciptaan dan pengumpulan teka-teki Melayu yang terawal dilakukan oleh Munsyi Sulaiman Muhammad Nur (1906) dan seterusnya oleh O.T Dussek (1918). Himpunan teka-teki turut dilakukan oleh Abdul

Karim (1963) dan Zaaba (1964) yang hanya mengumpulkan teka-teki pilihan daripada sastra puisi Melayu cara lama. Walau bagaimanapun, tradisi teka-teki terakam oleh Winstedt (1949), Ismail Hamid (1987), Harun Mat Piah pada (1989), Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad (1993), Shaiful Bahri (2005) dan Abdul Halim Ali (2006), sekadar menghuraikan teka-teki Melayu yang bergantung pada penyelesaiannya pada bait puisi dan pengulangan asonansi teka-teki untuk menguji kecerdasan. Winstedt pula memetik aspek teka-teki dengan menghuraikan tokoh-tokoh utama dalam cerita-cerita lisan sebagai ahli nujum sebagai tokoh cerdik dengan bermain teka-teki. Harun Mat Piah cuma memperkatakan teka-teki ialah suatu genre puisi yang tersendiri, khususnya dari segi isi dan fungsinya. Fungsi utama teka-teki ialah hiburan dan mengisi masa lapang bersama-sama keluarga dan sahabat handai. Teka-teki bagi Harun Mat Piah juga berfungsi menyampaikan pelajaran kepada anak-anak tentang adab sopan dan tingkah laku yang baik kepercayaan dan pantang larang.

Namun berbeza dengan ulasan kanak-kanak yang pernah diperkatakan oleh Matlob (1964) dalam bukunya bagi menjelaskan tentang amalan berteka-teki amat rapat hubungannya dengan berfikir. Berfikir menghubungkan bahagian-bahagian dari pengetahuan kita satu dengan yang lain, menjadi suatu kesimpulan dari seluruh pertanyaan yang dikemukakan. Suatu kerja otak memisah-misah, membeza-bezakan dan membuat kesimpulan. Matlob menghuraikan bahawa ada berjenis-jenis cara manusia berfikir dan membuat kesimpulan daripada yang umum kepada yang khusus (deduksi), daripada yang khusus kepada yang umum (induksi) dan dari yang khusus (analogi) kesimpulan yang dibuatnya itu dapat pula diuji dengan tepatnya. Walaupun ada menyatakan tentang fungsi teka-teki sebagai alat berfikir tetapi kajian berfikir (intelektual) dan hanya menjelaskan secara ringkas tentang peranan teka-teki dalam kehidupan kanak-kanak.

Kajian seterusnya, dilakukan oleh Inon Shaharuddin (1988) yang menghimpunkan 356 buah teka-teki Melayu yang dikutip daripada teka-teki lisan. Beliau mengklasifikasikan teka-teki yang berasaskan

bentuk dan struktur setiap teka-teki Melayu yang telah terkumpul dan didokumentasikan. Berdasarkan kajian teka-teki Inon, mendapati bahawa subjek dalam teka-teki Melayu terdiri daripada benda-benda konkrit yang dapat menggambarkan jawapan pembayang teka-teki. Teka-teki memerlukan sekurang-kurangnya dua orang dalam satu sesi berteka-teki, iaitu penutur dan peneka. Penuturan teka-teki adalah bebas, tanpa mengira tempat, status, umur, masa dan penutur. Oleh sebab ia bersifat anjal, maka sesebuah teka-teki boleh muncul dalam beberapa komponen lain seperti pantun, seloka dan syair.

Penulisan kajian teka-teki oleh Abdul Halim bin Ahmad dan Megat Md. Salleh bin Md Arshad dalam sebuah kertas kerja di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1997. Kajian ini memfokuskan tentang fungsi teka-teki yang masih bertahan sehingga hari ini kerana terdapat teka-teki yang berbau seks atau yang mempunyai unsur-unsur lucu di dalamnya. Unsur-unsur lucu yang terdapat dalam teka-teki jenis ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis yang agak jelas, iaitu teka-teki yang benar-benar bersifat lucu yang sentiasa menjadikan perkara-perkara yang bersangkutan dengan objek dan perlakuan sanggama sebagai referensinya, teka-teki yang seakan-akan lucu yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan seks tetapi kedengaran seperti sesuatu yang lucu kesan daripada pemilihan dan penggunaan kata-kata dalam penyampaiannya.

Kajian teka-teki Melayu melalui tesis Siti Zubaidah (2015) yang mengimbu ke zaman penjajahan British di Tanah Melayu meneliti isian koleksi teka-teki Kitab Gemala Hikmat (1906) yang mengandungi 153 gubahan teka-teki yang memperlihatkan ketokohan dan pemikiran Munsyi Sulaiman dalam membela bangsa Melayu menerusi mata pena. Walaupun teka-teki bukan wadah popular dalam menyampaikan pemikiran tetapi fungsinya dalam menduga akal ketika berhibur adalah saluran terbaik dalam membangkitkan tahap sedar orang Melayu terhadap nasionalisme. Di sebalik berhibur berteka-teki, Munsyi berjaya menyembunyikan agenda nasionalisme apabila mengaburkan maksud tersirat waima pemikirannya dalam gubahan teka-teki tersebut. Menerusi penggunaan bahasa yang

indah dan puitis, beliau mengkritik orang Melayu tentang sikap negatif yang mereka miliki dalam usaha memperbaiki diri di samping berwaspada dengan muslihat penjajah British. Kajian beliau tidak menjelaskan tentang teka-teki Melayu kanak-kanak dan hanya menganalisis teka-teki yang ditulis oleh Munsyi Sulaiman.

Penulisan kajian teka-teki yang dikenali sebagai Sundait dilakukan oleh Low Kok On dan Janathan Kandok (2016) yang merupakan hasil kerja lapangan mengumpul dan mendokumentasikan teka-teki etnik Kadazandusun di Sabah. Mereka turut menterjemahkan teka-teki peribumi Sabah ini ke dalam bahasa Melayu memudahkan pembaca bukan Kadazandusun mengenali Sundait. Berasaskan koleksi teka-teki warisan Kadazandusun, perbincangan Sundait tertumpu kepada kepercayaan, semangat padi yang menumpang gembira hasil para petani kerana memperoleh tuaian padi yang lumayan. Teka-teki dalam kalangan orang-orang Bajau Kubang di daerah Semporna, Sabah lebih dikenali dengan nama *takod-takod* turut diterjemahkan dalam bahasa Melayu diteliti oleh Saidatul Noris Hj Mahali pada tahun 2020. Kajian *Entelah* atau teka-teki masyarakat Iban ini dilakukan bersama-sama Patricia Ganing, Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samat (2020) yang menggunakan teori semiotik Peirce untuk merungkai tanda-tanda bermakna dalam *entelah* yang mengacukan penanda tertentu sehingga menginterpretasikan petanda-petanda penting yang berkaitan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban.

Pengumpulan dan pentranskripsian teka-teki Melayu yang pernah diusahakan oleh penulis-penulis yang terdahulu telah banyak memberikan manfaat dan penerokaan pendokumentasian teka-teki Melayu. Kehebatan pendokumentasian teka-teki Melayu dapat diteliti dan dianalisis sehingga dapat memperlihatkan teka-teki Melayu sebagai puisi sastera lisan yang bernilai tinggi dan setaraf dengan sastera lisan. Penyebaran teka-teki Melayu pada zaman kini lebih mengutamakan koleksi teka-teki melalui penghasilan dan menerbitkan teka-teki. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi membuktikan bahawa teka-teki masih pada zaman *millenium* masih

relevan. Teka-teki Melayu dalam soal dan jawabnya menimbulkan variasi kreativiti masyarakat ini untuk memaparkan budaya mereka terutamanya menjadikan teka-teki bukan hanya sumber hiburan tetapi teka-teki membina sahsiah dan intelek kanak-kanak. Walaupun terdapat perbezaan dalam menonjolkan teka-teki namun penciptaan permainan di Alam Melayu mewujudkan keterampilan, kesamaan, ketinggian sahsiah dan intelek dalam kalangan penciptanya. Teka-teki Melayu ialah puisi tradisi sebagai pengungkap budaya Alam Melayu sebagai hiburan dan menguji dalam kenyataan teka-teki sama ada tidak dapat dijawab dengan daya berfikir saja, tetapi memperlihatkan suasana berteka-teki semasa menyoal dan meneka membolehkan cara seseorang menguasai pengetahuan terhadap teka-teki.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkajian terhadap teka-teki Melayu kanak-kanak menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan lapangan. Genre penyelidikan adalah dengan menerapkan penyelidikan kualitatif. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah dokumentasi, pemerhatian, bahan audio dan visual serta temu bual. Pembacaan dan pengumpulan data koleksi teka-teki kanak-kanak dirujuk dari beberapa buah perpustakaan, iaitu di Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Perpustakaan Tun Razak (Ipoh), Perpustakaan Tun Seri Lanang, Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Universiti Putra Malaysia), dan Pusat Dokumentasi Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka). Semua data teka-teki dikenal pasti melalui kumpulan teka-teki kanak-kanak yang telah diterbitkan di Malaysia. Manakala makalah teki-teki kanak-kanak turut diperoleh menerusi internet dalam media sosial seperti Facebook dan telegram serta melalui laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Temu bual yang dilaksanakan semasa kajian ini merupakan temu bual tidak berstruktur dan terbuka bagi

tujuan mendapatkan pandangan dan pendapat responden kajian (Mohd Awang Idris, 2018:79).

Kajian lapangan dilakukan melalui pemerhatian serta kaedah turut serta dengan kanak-kanak yang bertanding di bilik darjah di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak. Rakaman simulasi pertandingan teka-teki Melayu kanak-kanak yang dipersembahkan menjadi pensampelan dalam kajian ini. Kemudian, pemerhatian sepanjang pertandingan melalui rakaman, membuat tafsiran, diteliti secara rinci pada setiap rakaman simulasi pertandingan teka-teki menggunakan Teori Persembahan, seterusnya disalin ke dalam bentuk transkrip dianalisis menggunakan Model Teka-teki Melayu Kanak-kanak dengan menghubungkan teka-teki Melayu yang dapat meneliti kecekapan berbahasa kanak-kanak semasa bermain teka-teki Melayu.

Pengekodan merupakan satu kaedah mencatatkan pemerhatian dengan mudah dan menjimatkan masa, serta membolehkan data yang dicatat sistematik dan bermakna. Kaedah ini membolehkan data lebih berfokuskan kepada tujuan kajian (Chua Yan Piaw, 2006:149). Melalui pengumpulan teka-teki kanak-kanak, data dapat dikumpulkan dan dianalisis untuk mengaplikasikan teori persembahan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian interaksi kiasan dalam teka-teki Melayu membina kecekapan berbahasa kanak-kanak. Kajian ini membuktikan kanak-kanak berusia tujuh tahun mencapai tahap kecekapan berbahasa dalam kemahiran dengar tutur melalui pertandingan teka-teki sebagai pembelajaran yang berteraskan kemahiran abad ke-21 memberikan impak positif kanak-kanak memperoleh mencapai standard kandungan dan standard pembelajaran yang digariskan dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 1 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Kajian yang dirungkaikan melalui pertandingan teka-teki memberikan ilmu, pengalaman dan

perkongsian yang bermakna kepada kanak-kanak. Dapatan yang dianalisis oleh pengkaji mendapati bahawa berlakunya peningkatan yang ketara dalam kemahiran kanak-kanak bagi aktiviti dengar tutur, membaca dan aspek seni bahasa melalui pertandingan teka-teki Melayu. Hasil dapatan berdasarkan kecekapan berbahasa kanak-kanak dalam kemahiran dengar tutur, membaca dan seni bahasa berunsurkan pendekatan belajar sambil bermain diperoleh.

Dalam konteks ini, teka-teki Melayu ialah aktiviti berbentuk soal jawab yang pasti menghibur dan menggembirakan kanak-kanak sambil merangsang minda mereka berfikir mengenai sebab musabab dan akibatnya. Teka-teki Melayu sebagai satu bentuk pertandingan dalam kajian ini dianjurkan untuk diperkembangkan dan dipopularkan semula dalam kalangan masyarakat hari ini. Puisi lisan Melayu yang unik ini membuahkan satu pedagogi pendidikan untuk menambah baik aktiviti yang berbentuk kumpulan. Usaha pengkaji bagi memantapkan lagi pengajaran dalam ketiga-tiga pendekatan kemahiran berbahasa. Teka-teki Melayu mewajarkan bentuk inovasi yang kreatif dalam pengajaran melalui isi kandungan pengajaran yang sesuai supaya murid tertarik dan seronok semasa belajar (Auni Bazilah Alias & Mohd Jasmy Abd Rahman, 2019). Bertepatan dengan pernyataan tersebut, teka-teki Melayu mengandungi unsur pendekatan belajar sambil bermain, penggunaan TMK, kaedah perbincangan dan pembelajaran secara kolaboratif bersama kanak-kanak. Unsur didik hibur dalam teka-teki Melayu ini digunakan untuk merangsang kanak-kanak supaya lebih fokus dalam pengajaran.

Teori Persembahan Teka-teki Melayu Kanak-kanak

Hasil rakaman simulasi berteka-teki yang telah disalin ke dalam bentuk transkrip digunakan untuk membincangkan pembicaraan teka-teki Melayu bagi kanak-kanak. Transkrip tersebut dianalisis menggunakan Teori Persembahan yang mengungkapkan dan memaparkan suasana pertandingan teka-teki sebagai satu bentuk persembahan yang membina

kecekapan berbahasa kanak-kanak. Pembinaan Model Teka-teki Melayu Kanak-Kanak (MTMK), dapat menganalisis pertandingan teka-teki kanak-kanak yang berusia tujuh tahun untuk membuktikan teka-teki Melayu membina kecekapan berbahasa kanak-kanak seperti dalam Rajah 4.1:



Rajah 4.1: Teori Persembahan Teka-teki Melayu Kanak-Kanak

Aspek-aspek persembahan dalam Rajah 4.1 yang dijalinkan dari teori persembahan Malinowski, Bascom, Scheub, Bauman, Finnegan dan Shaiful. Aspek persembahan ini dapat menstrukturkan kerangka teori persembahan teka-teki Melayu kanak-kanak. Bermula dengan plot pertandingan, penglibatan para peserta dan penonton melalui gerak isyarat, peniruan, dan mimik muka semasa pertandingan teka-teki adalah interaksi kiasan yang dipersembahkan sebagai alat membina kecekapan berbahasa kanak-kanak.

Tradisi Berteka-teki Satu Interaksi Kiasan Melayu: Membina Kecekapan Berbahasa Kanak-kanak

Tradisi berteka-teki dalam kalangan masyarakat dapat dikekalkan jika dijadikan sebagai satu pedagogi di sekolah. Dalam kajian ini, apabila diadakan simulasi pertandingan teka-teki dapat mengetengahkan suasana ekspresi pemikiran tradisi. Kanak-kanak belajar berinteraksi dengan rakan-rakan. Kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan intelek (kognitif) dari segi kecekapan berbahasa. Kecekapan berbahasa itu ialah kecekapan mendengar, menurut, membaca dan menulis (Zainal A. Latiff, 1996:1). Perkembangan intelek ialah suatu proses yang kompleks, tetapi umumnya kita boleh menganggap tingkah laku intelek sebagai

tingkah laku yang dapat mewujudkan iklim yang optimal bagi memupuk pemikiran dan perlakuan kreatif murid. Semasa pertandingan teka-teki Melayu dijalankan, para peserta pertandingan dan penonton berupaya memainkan peranan yang aktif apabila soalan dan jawapan disampaikan. Para peserta mempamerkan bakat yang inovatif melalui kesungguhan mendengar pembayang teka-teki yang diberikan. Penerapan intelektual melalui aktiviti berteka-teki mengetengahkan bakat dan kebolehan kanak-kanak. Antaranya, para peserta berpeluang berulang-ulang mengangkat tangan memberikan jawapan, Para penonton turut bersaing memberikan jawapan.

Kemahiran Berbahasa dengan Tutar Membina Kecekapan Berbahasa Kanak-kanak

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan satu kemahiran yang dapat membantu seseorang itu mempunyai kebolehan menyampaikan serta menerima maklumat, buah fikiran dan idea melalui proses percakapan, memberi pandangan, atau pendengaran suara. Hasil pemerhatian sepanjang pertandingan teka-teki ini kanak-kanak membina interaksi kiasan yang mampu meningkatkan tahap kecekapan berbahasa mereka. Dalam melaksanakan simulasi pertandingan teka-teki kanak-kanak pada tahun 1 ini dibahagikan kepada dua kumpulan lelaki dan perempuan. Dalam pertandingan kelihatan setiap peserta mempunyai kecekapan berbahasa untuk meneka dengan meneliti tahap pengetahuan yang sedia ada semasa meneka. Kecekapan berbahasa kanak-kanak diuji dengan pelbagai kiasan dalam pantun teka-teki kanak-kanak semasa menunjukkan kepelbagaian gaya keterampilan mereka mencuba meneka setiap teka-teki yang dijual. Kanak-kanak memberi pelbagai respons pada setiap teka-teki yang disampaikan seperti berikut:

- Ahmad Khalif : Apa ni? (Sambil menunjuk teka-teki kepada kawannya.
- Cikgu Nurol Zakiah : Jangan tunjuk soalan kepada kawan.
- Ahmad Khalif : (Menggaru kepala, tangan masuk poket seluar, terhendap-hendap, membelek-belek kad teka-teki)
- Cikgu Nurol Zakiah : Ya baca kuat kawan-kawan nak dengar soalan kamu!
- Ahmad Khalif : Oh...baca kuat.
Petani bekerja hingga letih,
Pulang ke rumah menaiki rakit,
Warna pakaian serba putih,
Tugas merawat orang sakit.
- Cikgu Nurol Zakiah : Ha...bangun, jawab.
- Nur Qalesya Sofea : Doktor!
- Ahmad Khalif : Betul.

Berdasarkan rekod pemerhatian ini dalam konteks pertandingan kanak-kanak yang terdiri daripada peserta tetap memerlukan bimbingan guru secara keseluruhan semasa membaca pantun teka-teki dan mengawal situasi pertandingan. Peserta pertama Ahmad Khalif Khalili kelihatan ketakutan ketika membaca. Apabila melihat kad teka-teki, tidak tahu cara untuk mengendalikan pertandingan. Ahmad Khalif berasa bimbang tidak faham hal peraturan pertandingan. Dia hanya menunggu arahan daripada guru. Apabila mendapat arahan daripada Cikgu Nurol Zakiah, barulah Ahmad Khalif memulakan soalan teka-teki. Temu ramah bersama-sama Cikgu Nurol Zakiah, aktiviti berteka-teki menggalakkan kanak-kanak untuk menguasai kemahiran membaca. Ahmad Khalif sangat lambat membaca, namun; dia mencuba sebaik mungkin dengan bacaan kuat walaupun lambat membaca. Kesabaran pihak lawan Nur Qalesya Sofea pula amat fokus ketika mendengar soalan daripada Ahmad Khalif.

Walaupun Qalesya agak terganggu dengan sikap Ahmad Khalif tetapi dia berusaha memandang Ahmad Khalif untuk mendengar soalan teka-teki. Nur Qalesya Sofea berjaya meneka dengan betul, iaitu ‘doktor’. Ahmad Khalif turut sama memberikan respons gembira melompat sedikit apabila Nur Qalesya memberikan jawapan yang betul. Keadaan ini membuktikan teka-teki Melayu dapat menjana idea melalui interaksi kiasan pantun teka-teki bersama-sama peserta pertandingan atau secara koperatif.

Kemahiran dengar tutur dalam kemahiran bahasa dapat memperkukuh kemahiran membaca dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sepanjang pertandingan teka-teki di kelas tahun 1, mereka sangat teruja untuk menjawab teka-teki. Keadaan ini sudah tentu memudahkan pembelajaran berbahasa dengar tutur mencapai objektif pembelajaran. Para peserta tahun 1 Alpha kumpulan dua terkawal apabila guru membantu menenangkan suasana pertandingan. Peserta Adiq Zahran bangun membaca teka-teki dengan nada suara yang sangat perlahan. Cikgu Nurol menyatakan bahawa prestasi aras membacanya tahap dua (TP2). Suara pula sangat perlahan semasa membaca. Suasana riuh apabila peserta kumpulan 2 tidak boleh mendengar teka-teki yang dibaca oleh Adiq Zahran kumpulan satu. Guru membantu Adiq Zahran supaya kumpulan dua dapat menjawab teka-teki dengan mengulang semula teka-teki bersama-sama para peserta dan penonton. Cikgu Nurol telah mengingatkan para peserta dan mengawal para peserta lalu menjelaskan bahawa Adiq Zahran telah mengangkat tangan dan ingin turut serta dalam pertandingan. Arahan Cikgu Nurol menyebabkan keadaan pertandingan lebih terkawal semasa berteka-teki agar dapat mengimbangi ragam peserta yang merendahkan kemampuan Adiq Zahran. Tambahan pula, setiap soalan dipilih secara rawak. Ada soalan yang susah dan ada soalan yang sukar. Penglibatan Adiq Zahran sebagai peserta tetap bersemangat meneruskan pertandingan. Arahan daripada Cikgu Nurol mampu mempengaruhi kanak-kanak Tahun 1 Alpha secara langsung lebih tertib. Adiq Zahran meneruskan pertandingan dan menyampaikan soalan teka-teki:

- Cikgu Nurol : Cuba baca, Adiq.
- Tahun 1 Alpha : Cikgu, diakan tak boleh membaca. (Beberapa orang kanak-kanak dari kelas menyatakan serentak)
- Cikgu Nurol : Jangan cakap camtu! Adiq yang angkat tangan tadi.(Cikgu menunjuk tanda senyap.
- Tahun 1 Alpha : Ya, cikgu.
- Adiq Zahran : Ka...ki ber...da...rah di tam...pal ka...pas,
Su...pa...ya da...rah ber...hen..ti me...nga..lir,
- Tahun 1 Alpha : Tak dengar...la.
- Cikgu Nurol : Diam,,,(sambil buat isyarat jari diam membiarkan Zahran membaca.).
- Adiq Zahran : Meng...gu...na...kan in...sang un...tuk ber...
na...fas,
- Ha...nya ting...gal di da...lam air. (Selesai menyoal dia memandang wajah cikgunya)
- Farahiya Auni : Cikgu, saya tak faham, tak dengar.
- Cikgu Nurol : Ok, kita baca ulang sama-sama ya Zahran. Bagus Zahran. Kita ulang, yang boleh menjawab nanti cuma Farahiya Auni. Faham tak?
- Tahun 1 Alpha : Faham cikgu. (Semua ulang bersama-sama dengan Adiq Zahran).
- Farahiya Auni : Ha, ikan cikgu,cikgu ikan...yeay. (Semua kumpulan satu bersorak dan bertepuk gembira).
- Kumpulan 2 : (Adiq menepuk tangan). Adiq! bukan kumpulan kita lah.

Kelihatan wajah Adiq tersimpul malu sebaik sahaja Cikgu Nurol memuji Adiq. Air muka Adiq berubah bangga kerana dapat menyelesaikan soalan teka-teki. Kepuasan Adiq telah berjaya menyampaikan soalan kepada rakan-rakannya. Semakin tersenyum lebar apabila Farahiya Auni berjaya meneka betul jawapan ikan dalam teka-teki. Pasukan Farahiya melonjak

kegembiraan. Pada masa yang sama, Adiq turut berkongsi kegembiraan dan bertepuk tangan perlahan. Rakan sepasukan menegur Adiq bahawa yang menang itu kumpulan Farahiya. Cikgu Nurol berjaya mengawal keadaan kelas 1 Alpha. Ketertiban kanak-kanak 1 Alpha mengubah suasana kelas yang pada awalnya riuh-rendah kerana kelemahan Adiq tetapi menjadi suasana yang ceria dan menambah semangat kanak-kanak 1 Alpha untuk meneruskan pusingan pertandingan. Hasil pemerhatian ini menunjukkan teka-teki membina kecekapan berbahasa kanak-kanak.

Kemahiran Membaca Membina Kecekapan Berbahasa Kanak-kanak

Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul di samping memberi penekanan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis melalui kepelbagaian teknik membaca. Dalam pertandingan kelihatan setiap peserta mempunyai kecekapan meneka dengan meneliti tahap pengetahuan yang sedia ada semasa meneka. Kecekapan kanak-kanak semasa menunjukkan kepelbagaian gaya keterampilan mereka mencuba meneka setiap teka-teki yang dijual:

Shahir	:	Mulakan la cepat!
Ku Nurnayli Nadia	:	Dengarlah...
		Perlu bersabar memburu kijang,
		Memang susah hendak berjumpa,
		Telinganya lebar, hidungnya panjang,
		Binatang apakah demikian rupa.
Shahir	:	Gajah.
Ku Nurnayli Nadia	:	Betul.
Cikgu Nurul	:	Di mana boleh kamu lihat gajah?
Qaleesya	:	Cikgu, saya tengok di zoo.
Fatima Zehra	:	Zoo Taiping, Zoo Negara cikgu.

Cikgu Nurul : Wah, bagus.

Shahir mempunyai kecekapan pengetahuan sedia ada tentang teka-teki gajah. Apabila selesai sahaja Nurnayli mengemukakan soalan, Shahir mengangkat tangan cekap mengangkat tangan terus sahaja meneka gajah. Tahap pembayang-pembayang yang terkandung dalam teka-teki berdasarkan pembayang yang mudah 'hidungnya panjang' memudahkan kanak-kanak cekap meneka 'gajah'. Bayangan maksud jelas memahamkan kanak-kanak yang biasa diajar oleh guru dalam tema 'haiwan'. Kanak-kanak yang cerdas dengan mudah akan menemukan jawapannya. Cabaran meneka teka-teki melatih kanak-kanak kepantasan berfikir. Kanak-kanak berjaya menjawab dapat merasai keseronokan bermain teka-teki.

Pertandingan teka-teki sebagai aktiviti berkumpulan yang menyeronokkan. Pada peringkat awal kanak-kanak, tahap pembacaan kanak-kanak dari kelas tahun 1 Alpha kebanyakannya belum lagi mencapai tahap penguasaan membaca yang baik. Situasi yang menarik apabila Ahmad Khalif tanpa soal banyak membantu Zahran membaca pantas. Teka-teki sebagai satu pertandingan yang menarik minat kanak-kanak untuk memahirkan cara berkomunikasi dengan lancar. Kelihatan Zahran, peserta kumpulan dua tidak boleh membaca dengan lancar.

Muhammad Adiq Zahran : Ka..ki ber..da..rah ditam...pal kapas,
su...pa...ya da...rah ber..hen...ti me...
nga...lir,

Ahmad Khalif : (Ajar Zahran membaca setiap suku
kata).
meng...gu...na...kan in...sang un...tuk
ber...na...fas,

ha...nya ting...gal di da...lam air.
Tahun 1 Alpha : Habis dah baca! Wah, pandai Zahran!
Farahiya : Cikgu-cikgu tak faham...

Tahun 1 Alpha : (Ulang teka-teki) bersama-sama guru.
Farahiya : Ikan cikgu! Ikan!.
Muhammad Adiq Zahran : Aaah..ikan. (suara sangat perlahan)

Pencapaian Zahran yang berjaya menghabiskan bacaan teka-teki mengembirakan seisi kelas 1 Alpha. Semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh Ahmad Khalif, mengajar dan membimbing Zahran membaca. Rakan-rakan bersorak ‘pandai Zahran’ kerana berjaya menjual teka-teki kepada kumpulan satu. Zahran tersenyum bangga. Walaupun begitu, Farahiya meminta guru mengulang teka-teki disebabkan bacaan Zahran yang tersangkut-sangkut menjejaskan pemahaman Farahiya terhadap setiap pembayang yang diberikan oleh Zahran. Kemeriahan kelas kembali ceria apabila guru mengajak semua kanak-kanak di 1 Alpha membaca teka-teki bersama-sama. Akhirnya, Farahiya berjaya meneka ‘ikan’ sebaik sahaja soalan teka-teki diulang dengan jayanya. Kegigihan Zahran untuk turut sama menyertai pertandingan teka-teki apabila pada awal pertandingan lagi dia sendiri telah menawarkan diri dengan mengangkat tangan untuk turut serta dalam pertandingan. Guru Bahasa Melayu Puan Nurol memaklumkan Zahran berada tahap 2 dalam PBD, iaitu Zahran hanya boleh mencapai pengetahuan dan kemahiran membaca yang terhad.

Aspek Seni Bahasa Membina Kecekapan Berbahasa Kanak-kanak

Berdasarkan kajian Othman et al., (2013) “seni” merujuk bentuk teks yang penuh dengan nilai keindahan yang disampaikan dalam bentuk menyeronokkan, seperti nyanyian, lakonan dan deklamasi. Sementara “bahasa” pula merujuk kepada elemen berbentuk nahu atau tatabahasa. Oleh itu dalam DSKP KPM (2018) menjelaskan seni bahasa meliputi aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu. Kewujudan seni bahasa dalam pembelajaran bahasa Melayu dapat memberi ruang kepada murid untuk mempelajari, memahami serta menghayati keindahan

bahasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pembelajaran modul seni bahasa juga melibatkan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran tatabahasa.

Aspek seni bahasa dalam pantun teka-teki Melayu mempunyai keindahan bahasa yang disamarkan melalui pembayang. Kesamaran dalam teka-teki bertujuan mengelirukan peneka agar sukar dijawab. Pada zaman tradisi, penggunaan teka-teki yang paling ketara dalam kalangan kanak-kanak dan orang muda kerana peringkat generasi inilah yang mempunyai lebih banyak masa dan peluang untuk berkomunikasi dalam suasana yang sesuai dengan genre ini (Harun Mat Piah, 1989). Namun demikian penggunaannya dalam kalangan kanak-kanak masih memerlukan peranan orang-orang dewasa, bahkan yang lebih tua, kerana golongan inilah yang berperanan dalam menyampaikan dan memperkembangkan teka-teki itu kepada generasi yang lebih muda.

Inon Shahrudin (1998) mengklasifikasikan pantun teka-teki sebagai bentuk tiga kalimat pembayang dengan jawapan eka perkataan. Bentuk ini juga banyak didapati dituturkan oleh penggemar teka-teki. Setiap baris dari pembayangannya ringkas dan mudah diteka jawapannya. Cuba lihat beberapa contoh:

Dipegang boleh
Dilihat tidak boleh
Makin dicari makin ia lari - telinga

Suatu kebaikan teka-teki bentuk ini ialah pembayangannya lebih panjang daripada jenis pembayang seloka, tetapi ringkas daripada bentuk quatrain seperti yang berikut:

Ahmad Khalif Khalili : A...da satu anak bidadari,
 Hati...nya tergantung tangan...nya menari,
 Sam...pai waktu dia pun ber...bunyi,
 Su...ara...nya terang tidak terperi.

Ku Nurnayli Irdina : Perlahan sangat...macam tadi juga.
 Cikgu dan 1 Alpha : (Membaca soalan bersama-sama dengan
 cikgu)

Ku Nurnayli Irdina : Sampai waktu dia pun berbunyi!
 Tahu! Tahu! Tahu!
 Jam! Jam!

Teka-teki ini tidak bertentangan unsur-unsur pelukisannya ada yang bersifat kiasan. Oleh itu, pantun teka-teki kanak-kanak ini mudah. Teka-teki ‘jam’ amat mudah untuk Ku Nurnayli tetapi peserta Ahmad Khalif membaca teka-teki sangat perlahan sehingga memerlukan bantuan daripada Cikgu Nurol Zakiah untuk mengulang teka-teki. Sebaik sahaja baris ‘sampai waktu dia pun berbunyi’ Ku Nurnayli telah melompat-lompat dan tidak sabar untuk menjawab. Teka-teki yang mempunyai pelbagai kata kiasan dapat membina kecekapan berbahasa aspek seni bahasa.

PENUTUP

Penelitian kajian ini telah membuka lembaran baharu kepada teka-teki Melayu, sebagai puisi lisan yang bersifat malar segar dengan konteks penggunaan dalam masyarakat tetap relevan dari dulu sehingga kini. Melalui teka-teki Melayu, kanak-kanak dapat mempersembahkan teka-teki Melayu dalam bentuk permainan menyerlahkan teka-teki Melayu sebagai warisan puisi Melayu yang dapat membina sahsiah dan intelek kanak-kanak. Teori persembahan yang dijalinkan adalah dari teori persembahan Malinowski, Bascom, Scheub, Bauman, Finnegan dan Shaiful. Aspek

persembahan ini telah menstrukturkan kerangka teori persembahan teka-teki Melayu kanak-kanak. Teori persembahan yang dijalankan bermula dengan plot pertandingan, penglibatan para peserta dan penonton melalui gerak isyarat, peniruan, dan mimik muka semasa pertandingan teka-teki yang dipersembahkan sebagai alat membina sahsiah dan intelek kanak-kanak. Aspek yang terakhir merupakan kerelevanan kemahiran berbahasa. Dalam konteks ini, kajian yang dijalankan dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Pelaksanaan pertandingan teka-teki Melayu dapat menarik minat kanak-kanak memfokuskan kemahiran bahasa dengar tutur, membaca dan aspek seni bahasa. Pertandingan teka-teki ini sebagai aktiviti yang diklasifikasikan sebagai teknik belajar sambil bermain. Malah, teknik boleh dijalankan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang amat sesuai dan menarik. Teknik ini boleh dijalankan oleh guru-guru lain dalam pengajaran bahasa Melayu dalam kanak-kanak berusia enam tahun hingga dua belas tahun kerana amat fleksibel dan membina kecekapan berbahasa kanak-kanak.

BIBLIOGRAFI

- Bauman, Richard. (1977). *Verbal Arts as Performance*. University of Texas Press.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 1. (2016). <http://bpk.moe.gov.my/> [14 Julai 2020].
- Finnegan, Ruth. (1992). *Oral literature and Verbal Arts: A Guide to Research Practices*. Routledge.
- Harun Mat Piah. (1987). Puisi Melayu tradisional: Satu pendekatan dalam menyelesaikan permasalahan genre. Dlm. Siti Hawa Haji Saleh (pnyg.). *Cendekia kesusasteraan Melayu tradisional*, hlm. 307-308. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Inon Shahrudin Abdul Rahman. (1988). *Teka-teki warisan*. Teks Publishing Sdn. Bhd.

- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan kesusasteraan Melayu lama*. Longman.
- Jeff Opland. (1976). *Review The Xhosa Ntsomi, by Harold Scheub. English in Africa*, (3): 53-59. <https://www.jstor.org/stable/40238348> [27 Februari 2020].
- Malinowski, Bronislaw. (1926). *Myth in primitive psychology*. Kegan Paul, Trench, Trubner.
- Matlob. (1964). *Buku sastra alam kanak-kanak*. Penerbitan Pustaka Antara.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2001). The performance of Malay humorous tale-telling. *Journal of Southeast Asian Literature (Tenggara)* 43: 45-80.
- Siti Zubaidah Raja Mohamaed. (2015). *Ketokohan dan pemikiran Munsyi Sulaiman berdasarkan Kitab Gemala Hikmat*. Penerbit UKM.
- Sutton-Smith Brian, Mechling J, W. Johnson Thomas & R. McMahon Felicia. (1999). *Children's Folklore, A source book*. Utah State University Press.
- Taylor, Archey. (1951). *English riddles from oral traditions*. The Regents of The University of California.
- Teka-teki Buku 1, Siri Kamus Cerdik KSSR/KBSR. (2014). Penerbitan Fargoes Sdn. Bhd.

BAB 5

KERELEVANAN TULISAN JAWI BAGI BAHASA KE- BANGSAAN DI MALAYSIA

Adi Yasran Abdul Aziz

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang agak unik kerana memiliki dua jenis tulisan, iaitu tulisan Jawi dan Rumi. Walau bagaimanapun, pada zaman kegemilangan bahasa Melayu sekitar abad ke-15 hingga awal abad ke-20, tulisan yang digunakan untuk urusan rasmi hanyalah tulisan Jawi. Penggunaan tulisan Jawi sejak lebih 700 tahun yang lalu telah membentuk jati diri semua lapisan masyarakat di negara ini, terutama masyarakat Melayu Islam. Tulisan ini berasal daripada tulisan Arab yang dikatakan telah masuk ke Nusantara selewat-lewatnya pada abad ke-9 Masihi. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan tulisan Arab pada batu bersurat, duit syiling dan batu nisan yang ditemukan di Kedah bertarikh sekitar abad ke-9 dan ke-10 Masihi, batu nisan bertarikh 1028 Masihi yang ditemukan di Permatang Pasir, Pekan, Pahang dan lain-lain lagi (Othman Mohd. Yatim dan Abdul Halim Nasir, 1990).

Penggunaan tulisan Arab secara meluas ini akhirnya mencetus perubahan kepada bahasa Melayu itu sendiri. Orang Melayu mula meninggalkan bahasa Melayu kuno yang banyak dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dengan tulisan Pallava dan Kawi (Jawa kuno) dan menggantikannya dengan bahasa Melayu klasik yang dipengaruhi oleh bahasa dan tulisan Arab yang kemudiannya diadaptasikan menjadi tulisan Jawi. Bukti penggunaan bahasa Melayu klasik terawal terdapat pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi. Tulisan pada Batu Bersurat Terengganu mengandungi undang-undang Islam dan adat yang dipercayai telah dipahat oleh orang Melayu

berdasarkan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang sudah maju ke depan (Adi Yasran, 2015).

Batu Bersurat Terengganu telah memperlihatkan pemilihan huruf Arab yang mewakili bunyi bahasa Melayu jati, termasuklah huruf ‘nya’ yang telah dibentuk dengan tiga titik di bahagian atas huruf yang masih digunakan sehingga sekarang. Dari situ, bermulalah evolusi penciptaan huruf dan sistem ejaan Jawi yang diinovasikan daripada huruf Arab, dan disesuaikan pula dengan sistem sebutan dan nahu Melayu. Terdapat kajian menunjukkan bahawa perubahan daripada sistem tulisan Arab kepada sistem tulisan Jawi ini bertepatan dengan ilmu linguistik moden, sekali gus menunjukkan kebijaksanaan dan jati diri rumpun Melayu Nusantara pada zaman itu. Jika dibandingkan dengan tulisan Rumi yang kesemua hurufnya diambil daripada bahasa Latin/Eropah, maka tentunya tulisan Jawi lebih dekat identiti negara, khususnya masyarakat Melayu-Islam. (Adi Yasran, 2015).

TULISAN JAWI

Tulisan Jawi pernah menjadi tulisan rasmi di kepulauan Melayu yang merupakan sebahagian besar daripada Asia Tenggara sekarang yang menjadi anggota kepada negara-negara ASEAN. Tulisan ini mula digunakan di Nusantara selepas kedatangan Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan tulisan Jawi pada Batu Bersurat Terengganu (1303 M) yang boleh dianggap sebagai piagam undang-undang rasmi yang digunakan di negeri Terengganu pada zaman peluasan empayar Majapahit (Blagden, 1924).

Tulisan Jawi yang telah menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu sejak dahulu, tentunya lebih akrab dengan jati diri masyarakat di negara ini terutama masyarakat Melayu/Islam. Tulisan Rumi yang diperkenalkan oleh pihak penjajah masih sangat baharu jika dibandingkan dengan tulisan Jawi, malah hanya termaktub dalam akta selepas negara mencapai

kemerdekaan. Pada masa yang sama masyarakat Cina dan India di Malaysia didapati masih mempertahankan bahasa dan tulisan bangsa mereka. Akhbar bercetak yang bertulisan bahasa ibunda mereka masih dijual di pasaran terbuka walaupun umum mengetahui bahawa jualan akhbar bercetak semakin merosot akibat persaingan dengan akhbar secara dalam talian. Oleh itu, amatlah tidak wajar orang Melayu meminggirkan tulisan Jawi yang telah sekian lama menjadi lambang jati diri mereka. Akhbar bercetak yang bertulisan Jawi seharusnya dihidupkan semula dengan dokongan dan sokongan penuh daripada rakyat Malaysia, terutama yang berbangsa Melayu.

BAHASA KEBANGSAAN

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia disebut dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dinyatakan dalam Perkara 152 Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa:

- a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak

Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

(Perlembagaan Persekutuan)

Maksud rasmi di sini adalah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 Fasal 6, iaitu:

- (6) Dalam Perkara ini, “maksud rasmi” ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

(Perlembagaan Persekutuan)

Walau bagaimanapun, Perkara 152 (1) ini tidak menyebutkan secara jelas bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan apakah sistem tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang parlimen kerana hal tersebut ditetapkan kemudian dalam Akta bahasa Kebangsaan 1963/67.

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi disebutkan dalam Perkara 2 dalam Akta Bahasa Kebangsaan, iaitu:

“...Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi...”

(Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67)

JAWI SEBAGAI TULISAN BAGI BAHASA KEBANGSAAN

Tulisan bagi bahasa kebangsaan dinyatakan dalam Perkara 9 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, iaitu:

“...Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan...”

(Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67)

Perkara 9 Akta Bahasa Kebangsaan ini perlu dibaca bersama perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan perkara 2 Akta Bahasa Kebangsaan. Frasa “tulisan bagi bahasa kebangsaan” bermaksud tulisan rasmi. Oleh itu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini sebenarnya turut mengiktiraf tulisan Jawi sebagai tulisan yang boleh digunakan dalam urusan rasmi dan boleh dianggap sebagai tulisan rasmi kedua selepas tulisan Rumi bagi bahasa kebangsaan. Oleh itu, tiada sesiapa yang boleh membantah apatah lagi menghalang penggunaan tulisan Jawi dalam urusan rasmi kerajaan termasuklah dalam sistem pendidikan negara. Tindakan tegas perlu diambil kepada mana-mana pihak yang tidak menghormati tulisan Jawi sebagai tulisan bagi bahasa kebangsaan.

Tulisan Jawi sebagai Identiti dan Warisan Negara

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 secara jelas menyebutkan bahawa tulisan Jawi ialah tulisan bagi Bahasa kebangsaan di samping tulisan Rumi. Hal ini bermaksud tulisan Jawi tidak terhad untuk orang Melayu Islam sahaja, malah menjadi tulisan untuk semua kaum di negara Malaysia. Sejak dahulu hingga sekarang tulisan Jawi dicetak pada wang kertas negara ini yang sekali gus menunjukkan bahawa itulah identiti semua bangsa di Malaysia. Di Brunei, tulisan Jawi bukan sahaja dicetak pada wang

kertas, malah dicetak juga pada kad pengenalan mereka. Singapura juga mengiktiraf tulisan Jawi sebagai tulisan bagi bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mereka apabila nama-nama orang Islam turut dicetak dalam Jawi dalam surat beranak dan kad pengenalan mereka. Hasilnya, nama-nama mereka yang kebanyakannya dalam bahasa Arab dapat disebut dengan tepat dan betul dari segi maknanya. Perkara yang sama boleh dipraktikkan dalam negara Malaysia, jika semua rakyat dan pemimpin negara kita memahami akan kepentingannya.

Dokumentasi dalam tulisan Jawi juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila UNESCO telah memasukkan enam dokumen di bawah kategori dokumen warisan dunia dari Malaysia dalam Daftar Antarabangsa Memori Dunia (Memory of the World International Register). Dokumen tersebut ialah Batu Bersurat Terengganu, Surat-surat Sultan Kedah (1882-1943), Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, manuskrip Cerita Panji dan Misa Melayu yang kesemuanya ditulis dalam tulisan Jawi. Pengiktirafan ini diberikan berdasarkan kriteria pemilihan sesuatu yang berkepentingan dunia dan nilai sejagat yang luar biasa (UNESCO).

Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan Negara

Laporan Penyata Razak 1956 mencadangkan supaya tulisan Rumi digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dengan syarat diadakan pelajaran Jawi bagi murid-murid Islam. Akibatnya dua mata pelajaran telah diperkenalkan, iaitu mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran Bahasa Melayu. Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan yang tiada komponen Jawi di dalamnya dijadikan mata pelajaran wajib lulus pada semua peringkat persekolahan. Komponen Jawi hanya terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada tahun 1975, kedua-dua mata pelajaran ini telah digabungkan dengan nama bahasa Malaysia yang tiada komponen tulisan Jawi. Para lulusan SPM mulai 1979 yang sebahagiannya menjadi guru bahasa Melayu tidak lagi menguasai kemahiran tulisan Jawi dan tidak berkebolehan untuk mengajarkannya. Pada masa yang sama,

mata pelajaran agama Islam juga diajar dalam tulisan Rumi sehingga tahun 1981.

Bermula tahun 1982, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan kurikulum selepasnya mula diperkenalkan secara berperingkat. Sejak itulah mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam/Pendidikan Islam mula menggunakan buku teks yang ditulis dalam Jawi dan komponen pelajaran Jawi diajarkan bersama mata pelajaran tersebut sehingga sekarang. Oleh sebab diajar bersama dengan mata pelajaran agama Islam, maka pelajaran Jawi mendapat sangat kurang sambutan daripada kaum bukan Melayu/Islam. Keadaan bertambah rumit apabila komponen pelajaran Jawi turut dimasukkan bersama program j-QAF yang mula diperkenalkan pada tahun 2004 dan masih berterusan sehingga sekarang. Pelajaran Jawi dianggap seolah-olah telah menjadi hak eksklusif untuk orang Melayu Islam sahaja oleh kaum bukan Melayu/Islam.

Bagi membetulkan tanggapan yang salah ini, pihak kerajaan pada hari ini telah memperkenalkan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan bermula tahun 2020 untuk mengembalikan fungsinya yang sebenar, iaitu tulisan bagi bahasa kebangsaan. Oleh sebab tulisan Jawi merupakan tulisan bagi bahasa kebangsaan, maka sudah sewajarnya perkara ini dilihat sebagai isu kebahasaan bukannya keagamaan. Namun begitu, terdapat pihak yang menentanginya sehingga hasrat murni kerajaan ini hampir menemui kegagalan.

Walau bagaimanapun, perkembangan yang berbeza berlaku di peringkat institusi pengajian tinggi. Di Malaysia, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi awam yang turut menawarkan kursus berkaitan tulisan Jawi seperti berikut:

1. Universiti Malaya (UM): Kursus JIB1005 Sistem Ejaan Jawi di Jabatan Bahasa Melayu dan JEEA3101 Kajian Tulisan Jawi dalam Teks-teks Sastra di Jabatan Kesusasteraan Melayu, dan 2 kursus seni

khat di Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, dan kursus seni khat sebagai aktiviti kurikulum.

2. Universiti Putra Malaysia (UPM): Kursus BBM3402 Sistem Tulisan Jawi di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi; subjek wajib bagi program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu.
3. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI): Program Minor Pengajian Jawi di tawarkan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa dan Komunikasi.
4. Institut Pendidikan Guru (IPG): Kursus tulisan Jawi dan khat diajar di bawah Program Pendidikan Islam dalam Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM) menerusi kursus PIMKD2043 Pengajian Jawi dan Seni Khat; di bawah program bahasa Melayu, kursus PIM1054 Pengantar Jawi dalam Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP); dan 3 kursus berkaitan Jawi dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di bawah Program Pendidikan Islam.
5. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM): Kursus berkaitan seni khat diajar di bawah aktiviti kokurikulum.

Sebahagian daripada kursus yang ditawarkan tersebut diambil juga oleh pelajar bukan Melayu dan bukan Islam. Penawaran kursus tulisan Jawi dalam pelbagai program pengajian ini dapat melatih bakal guru untuk mengajar tulisan Jawi di peringkat sekolah apabila mereka keluar nanti. Kursus yang berkaitan dengan tulisan Jawi ini perlu diperluas ke semua institusi pengajian tinggi dan diwajibkan kepada semua bakal guru Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran literasi tulisan Jawi. Dengan ini diharapkan pada suatu hari nanti tulisan Jawi boleh diajar bersama mata pelajaran Bahasa Melayu semula dan diimplementasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pemeriksaan Tulisan Jawi

Gerakan untuk memperkasa dan memartabatkan tulisan Jawi kini dipikul oleh badan-badan yang mempunyai kaitan dengan bahasa Melayu dan Jawi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), persatuan-persatuan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di seluruh negara. Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai banyak Munsyi Dewan Jawi di seluruh negara yang memainkan peranan penting untuk mengajar dan menyemarakkan penggunaan tulisan Jawi. Usaha membudayakan tulisan Jawi di PNM pula diletakkan di bawah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat yang begitu aktif menjalankan aktiviti semarak Jawi sejak 2006 lagi. Sokongan dan kerjasama daripada organisasi berkepentingan yang lain seperti JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri, Majlis Kerajaan Tempatan dan Majlis Dakwah Negara amat signifikan. Namun begitu, penguatkuasaan penggunaan tulisan Rumi dan Jawi bagi bahasa kebangsaan masih lemah. Terdapat pihak berkuasa negeri dan tempatan yang menggantikan tulisan Rumi dan Jawi di papan tanda di kawasan pentadbiran mereka dengan tulisan lain yang tiada kena mengena dengan bahasa kebangsaan sehingga ada yang menyebabkan campur tangan istana. Hal ini, tidak sepatutnya berlaku. Pihak DBP sepatutnya diberikan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pengguna bahasa yang tidak menghormati tulisan Jawi sebagai tulisan bagi bahasa kebangsaan.

Terdapat arahan khusus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menghendaki Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD) yang dikeluarkan oleh DBP digunakan di seluruh negara seperti yang dinyatakan dalam Petikan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992 di bawah:

“...Mulai dari tarikh ini (22 Jan. 1992) Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan

Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh negara...”

(Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bagaimanapun, PEJYD ini kemudiannya digantikan dengan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* (PUEJBMD) pada 2020. Oleh itu, semua pihak perlu akur dan menggunakan ejaan Jawi yang telah ditetapkan oleh DBP sekali gus dapat menjadikan DBP sebagai rujukan yang paling berwibawa yang dapat menyatukan seluruh rakyat Malaysia.

Pencapaian dalam melaksanakan usaha pemeraksanaan tulisan Jawi didapati semakin meningkat sejak alaf baharu ini. Antaranya ialah:

1. Penggunaan tulisan Jawi di papan tanda telah dikuatkuasakan di Kelantan (2008), di Terengganu (2015), Pahang (2020) dan Perlis (2024).
2. Hari Jumaat diisytiharkan sebagai hari Jawi sejak 2019.
3. Program Klinik Jawi Radio IKIM sejak 2012 yang ditaja oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Nota Klinik Jawi boleh didapati di pautan:
<https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/511>.
PNM telah menerbitkan sebuah buku hasil daripada program ini, iaitu Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas yang ditulis oleh Azman Ahmad yang boleh didapati di pautan:
<https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/flipbook/PembelajaranJawi/files/jawi.pdf>.
4. Utusan Malaysia meneruskan ruangan Klinik Jawi yang sebelum ini disiarkan dalam Utusan Melayu secara dalam talian.
5. Terdapat sekurang-kurangnya dua mushaf al-Quran terjemahan terbaharu menggunakan terjemahan dalam tulisan Jawi baharu, iaitu Mushaf al-Farid (2018) dan Mushaf Nasyrul-Quran (2019).
6. Lebih 100 orang Munsyi Dewan (Jawi) telah ditauliahkan oleh DBP untuk mengajar tulisan Jawi di seluruh negara sejak 2010.

7. Penerbitan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi – Sebutan – Jawi (DKBM) pada tahun 2001 dan edisi keduanya pada tahun 2008 dengan cetakan terbaharunya 2016 oleh DBP.
 8. Penerbitan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD) pada 2020 oleh DBP.
 9. Penerbitan Kamus Dewan Perdana (KPD) yang entrinya ditulis dalam Rumi dan Jawi pada 2020 oleh DBP.
 10. Penerbitan buku Daftar Kependekan Bahasa Melayu (Rumi – Jawi) pada 2022 oleh DBP.
 11. Penerbitan bahan bacaan bertulisan Jawi yang berterusan seperti Majalah Pengasuh terbitan Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) dan lain-lain.
 12. Terdapat pelbagai perisian penukar ejaan Rumi kepada Jawi dalam talian. Antaranya ialah:
 - a) Ejawi.net: <https://www.ejawi.net/v3/index?e=converter;>
 - b) Aplikasi android Ejawi2u
https://play.google.com/store/apps/details?id=air.ejawi2u.com&fbclid=IwAR1O_hwD8_vT8tV6xr3B4_YkyGkFbpQBZINqYM9kH2KSuI93iY4rnvQ7OhI
 - c) Aplikasi Jawi
<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.yeayyy.tulisjawi&hl=ms>
 - d) Aplikasi Jawigram di Telegram Aplikasi Jawi <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.yeayyy.tulisjawi&hl=ms>
 13. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP yang mengandungi ejaan jawi bagi kebanyakan entri dalam kamus.
 14. Pengenalan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid tahun 4 sekolah jenis kebangsaan (SJK) bermula tahun 2020 jika dipersetujui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa dan murid dan akan diteruskan ke tahun 5 dan 6.
- Setiap pencapaian yang dinyatakan di atas ada cabarannya. Antaranya ialah:

1. Premis perniagaan tidak halal turut diwajibkan menggunakan tulisan Jawi seperti yang berlaku di Pahang.
2. Sambutan terhadap perisytiharan hari Jumaat sebagai hari Jawi masih hambar.
3. Pengguna yang mahir tulisan Jawi masih kurang, menyukarkan sebarang penerbitan bahan bacaan dalam tulisan Jawi kerana dikhuatiri akan merugikan pihak penerbit akibat kurang mendapat sambutan pengguna.
4. Tiada lagi objektif membaca dan menulis Jawi untuk melestarikan tulisan Jawi sebagai warisan budaya dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 4 dan 5 yang menyebabkan kemahiran Jawi tidak boleh diuji dalam SPM.

Oleh itu, semua pencapaian di atas perlu dipertingkat dan diperluas, manakala semua cabarannya perlu diatasi dengan kerjasama semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Pemantauan dan Penguatkuasaan Tulisan Jawi

Baru-baru ini terdapat beberapa pihak yang membantah penggunaan tulisan Jawi dalam buku teks bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan yang dijadikan sebagai salah satu aspek seni bahasa. Namun begitu, pada masa yang sama, semua kaum utama di Malaysia masih menggunakan tulisan Jawi pada jenama produk yang mereka keluarkan terutama produk makanan. Hal ini menunjukkan bahawa selain mempunyai nilai seni bahasa, tulisan Jawi juga masih mempunyai nilai komersial yang signifikan di Malaysia dan seharusnya diajar di sekolah kepada semua kaum.

Penggunaan tulisan Jawi bagi produk yang halal sememangnya digalakkan, namun pada masa yang sama penggunaan tulisan Jawi dan jenama berunsurkan Islam pada produk keluaran yang tidak halal seharusnya dibendung kerana terdapat unsur penyamaran yang

mengelirukan pengguna. Oleh itu, penggunaan tulisan Jawi dan jenama berunsurkan Islam perlu sentiasa dipantau oleh pihak kerajaan dan tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang menyalahgunakannya untuk kepentingan peribadi atau syarikat mereka. Walaupun tulisan Jawi merupakan isu bahasa, namun “bahasa jiwa bangsa”. Produk yang tidak halal seperti arak dan judi tentunya tidak melambangkan jati diri rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa.

Penyelidikan Berkaitan Tulisan Jawi

Tulisan Jawi bukan sahaja mampu untuk menyampaikan ilmu agama Islam dengan baik, malah semua bidang ilmu yang dapat disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu, dapat juga disampaikan melalui tulisan Jawi. Terdapat lebih daripada 10,000 manuskrip Melayu klasik bertulisan Jawi dalam pelbagai bidang di pelbagai institusi di dalam dan di luar negara termasuklah di England, Belanda, Perancis, Jerman, Rusia, India dan Amerika Syarikat. Antara bidang yang telah dikenal pasti terkandung dalam manuskrip tersebut termasuklah bidang agama Islam, kesusasteraan, sains dan teknologi, matematik, perubatan, maritim, astronomi, kenegaraan, perundang-undangan, persenjataan, sejarah, kesenian, kebudayaan dan sebagainya. Penyelidikan terhadap manuskrip ini perlu diperbanyakkan untuk menggali ilmu yang terdapat di dalamnya dan disesuaikan pula dengan perkembangan ilmu yang ada pada masa ini. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah menyediakan peruntukan khas bagi tujuan penyelidikan yang berkaitan dengan tulisan Jawi bagi menzahirkan komitmen kerajaan dalam memartabatkan tulisan tersebut.

Tulisan Jawi dan Khat

Tulisan Jawi juga masih banyak digunakan di papan tanda, kain rentang, gegantungan dan yang seumpamanya. Dalam hal ini, rakyat Malaysia perlu dididik daripada awal lagi supaya menghormati bahasa kebangsaan

yang mempunyai dua bentuk tulisan ini. Jika semua rakyat Malaysia mempunyai semangat patriotik dan menghormati bahasa kebangsaan, maka penggunaan papan tanda bertulisan Jawi ini boleh diperluaskan ke seluruh Malaysia tanpa sebarang prejudis dan bantahan. Selain di papan tanda, tulisan Jawi juga digunakan pada kepala surat rasmi, nama bangunan, jenama produk dan lain-lain. Bagaimanapun kebanyakan imej tulisan Jawi tidak dipamerkan dengan baik dan tidak menggunakan seni khat tertentu. Hal ini, boleh mencacatkan pemandangan dan keindahan tulisan Jawi itu sendiri. Oleh itu, tulisan Jawi yang dipaparkan untuk tontonan awam seharusnya mendapatkan khidmat penulis khat atau menggunakan fon/perisian yang sesuai yang dapat menimbulkan keindahan tulisan Jawi itu sendiri.

Penerbitan Bahan Bacaan Bertulisan Jawi

Sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa usaha telah dilakukan untuk menerbitkan bahan bacaan bertulisan Jawi. Bagi merealisasikan hasrat untuk membudayakan semula tulisan Jawi, usaha menerbitkan bahan bacaan bertulisan Jawi ini perlu dipertingkatkan. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kekurangan bahan bacaan bertulisan Jawi. Antaranya ialah penggunaannya semakin berkurangan dan persaingan dengan tulisan Rumi yang menyebabkan hasil karya tulisan Jawi kurang diminati. Tambahan pula terdapat usaha yang berterusan untuk merumikan kitab Jawi lama yang menyebabkan kitab-kitab ini semakin terpinggir walaupun harganya jauh lebih murah. Dalam hal ini, ucapan tahniah dan penghargaan patut diberikan kepada penerbit majalah Pengasuh di Kelantan yang menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-100 pada tahun 2018 yang lalu dan utusan Melayu yang diterbitkan secara dalam talian setiap minggu. Kedua-duanya menggunakan tulisan Jawi. Jika kitab Jawi lama sukar dibaca dan difahami kerana ejaan Jawi klasiknya, maka seeloknya dibuat penstrukturan semula susunan kitab tersebut dengan struktur dan gaya penulisan moden dengan menggunakan sistem ejaan Jawi baharu.

Tindakan sesetengah pihak merumikannya akan menyumbang kepada kepupusan tulisan Jawi yang menjadi sebahagian daripada jati diri rakyat Malaysia.

PENUTUP

Berdasarkan realiti tulisan Jawi yang dijelaskan di atas dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan tulisan Jawi dalam urusan rasmi masih relevan dalam negara Malaysia. Kedudukannya sebagai tulisan bagi bahasa kebangsaan juga dinyatakan dengan jelas dalam akta bahasa kebangsaan 1963/67 walaupun dari segi keutamaannya diberikan kepada tulisan Rumi. Dengan bertitik-tolak daripada kesedaran ini, kita harus merangka langkah strategik untuk memperkasakan masyarakat melalui pembudayaan tulisan Jawi dan khat secara berkesan. Usaha ini tentulah sukar untuk dilakukan oleh pihak tertentu secara bersendirian. Kerjasama semua pihak sangat perlu untuk menjayakan sesuatu usaha. Oleh itu, kita harus sentiasa membuka ruang untuk sama-sama bekerjasama dalam usaha membudayakan tulisan Jawi ini, bak kata pepatah, “Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”.

BIBLIOGRAFI

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2015). Kearifan Tempatan dalam Sistem Tulisan Jawi Terawal di Nusantara, dlm. Muhammad Zainiy Uthman (ed.), *Bangsa, Kebangsaan dan Patriotisme* (hlm. 179-204). CASIS UTM dan Akademi Kenegaraan BTN.
- Undang-undang Malaysia Akta 32: Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. file:///C:/Users/User/Downloads/akta_bahasa_kebangsaan_1963.pdf
- Azman Ahmad. (2014). *Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas*. Perpustakaan Negara Malaysia. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/flipbook/-PembelajaranJawi/files/jawi.pdf>

- Blagden, C. O. (1924). A Note on the Terengganu Inscription. *JMBRAS* II(3), 258-263.
- Buku Panduan Akademik Sesi 2017/2018 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. http://ipgkpm.edu.my/download/bp_pismp_sesi_2017-18.pdf
- Citra 1, Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/citra/kursus-citra-1/>
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi*, Edisi Pertama dan Kedua. (2005/2008). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kependekan Bahasa Melayu (Rumi – Jawi)*. (2022). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 1992 Pelaksanaan Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan Oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) <https://www.moe.gov.my/surat-pekeling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1992>
- Makmur Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubis, Mohamad Ramadhan Habibi. (2015). Kaedah Pengajaran Seni Khat dan Jawi di Universiti: Sistem Pengajaran Khat Nasakh dalam Unit Kajian Jawi dan Khat di Universiti Pendidikan Sultan Idris <file:///C:/Users/User/Downloads/KAEDAH%20PENGAJARAN%20SENI%20KHAT%20DAN%20JAWI%20DI%20UNIVERSITI%20SUBMIT-AKHIR.pdf>
- Modul Pendidikan Islam: PIMKD2043 Pengajian Jawi dan Seni Khat, Program Diploma Perguruan Malaysia. http://www.ipbl.edu.my/intra/sistem/academic/Modul_PDPM_S1/8%20%20MODUL%20PDPM_PIMKD2043%20Pengajian%20Jawi%20dan%20Khat.pdf
- Othman Mohd. Yatim dan Abdul Halim Nasir. (1990). *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*. (1986/1993). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula 2020). <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>

Rancangan Kokurikulum Sidang Akademik 2014/2015. https://www.usm.my/images/-pdf_ijazah/ranckok.pdf

UNESCO. Memory of the World. Memory of the World International Register. <https://www.unesco.org/en/memory-world/grid?hub=1081>

Zainal ‘Abidin bin Ahmad. (1949). *Daftar Ejaan Melayu (Jawi Rumi)*. Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College.

BAB 6

TAHAP KONFLIK MANUSIA DALAM NOVEL DI BAWAH POHON HAWTHORN KARYA MARITA CON- LON-MCKENNA

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Rosnani Md Zain

PENGENALAN

Novel *Di Bawah Pohon Hawthorn* karya Marita Conlon-Mckenna merupakan sebuah novel realisme kanak-kanak. Peristiwa yang diungkapkan dalam novel ini merupakan kisah hidup sebenar tentang zaman kebuluran di Ireland yang diceritakan dengan jelas dan jujur. Peristiwa ini berlaku pada akhir 1880-an, dan menyebabkan kebuluran yang teruk yang memusnahkan Ireland. Kentang bertukar menjadi hitam dan busuk, dan rakyat tiada apa-apa untuk dimakan. Ekoran daripada peristiwa ini telah mencetuskan konflik dalam kalangan masyarakat. Menurut Mohd. Foad Sakdan (2005:2), konflik merupakan suatu sifat semula jadi yang wujud pada manusia. Konflik sentiasa bersama-sama dan berkembang secara dinamik seiring dengan perkembangan manusia. Konflik mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh dianalisis melalui personaliti dan tingkah laku seseorang. Pemahaman kepada konflik akan memudahkan proses peramalan, pengawalan, perubahan dan penyelesaian kepada masalah yang wujud. Sehubungan dengan itu, Mahmood Nazar Mohamed (2005:352), mengatakan konflik akan berlaku apabila dua atau lebih motif tidak dapat dipuaskan kerana yang satu itu mengganggu yang lain. Sebagai contoh, anda mempunyai sedikit wang tetapi anda ingin membeli barangan dan harga setiap satu daripada barang-barang tersebut memerlukan kesemua wang yang ada pada anda. Di sini anda perlu membuat pilihan dan hanya boleh membeli satu barangan sahaja. Jikalau anda tidak dapat memutuskan apa yang anda betul-betul kehendaki, anda sedang mengalami konflik. Seterusnya, Nor Raudah Siren (2005: 353) menyatakan bahawa manusia

tidak pernah terlepas daripada menghadapi konflik sama ada konflik luaran atau konflik dalaman. Konflik membentuk kehidupan manusia sama ada tenang, berkocak bahagia atau sebaliknya. Dalam hal ini, Mana Sikana (2004:14) mengatakan konflik boleh berlaku sesama manusia, manusia dengan binatang, manusia dengan alam dan sebagainya. Rumusannya konflik tercetus oleh beberapa sebab berhubungan dengan persekitaran manusia. Justeru, dunia kanak-kanak juga tidak terlepas daripada terjebak dengan konflik. *Di Bawah Pohon Hawthorn* karya Marita Conlon-Mckenna merupakan sebuah novel yang menggambarkan secara realistik konflik yang berlaku di persekitaran kanak-kanak dan bagaimana mereka berdepan dengan konflik tersebut

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang berhubung dengan konflik dan novel ada dikaji oleh pengkaji lepas. Antaranya ialah kajian yang telah dilakukan oleh Faziela Abu Bakar@Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam artikel berjudul “Unsur konflik dalam novel remaja terpilih”. Dapatan kajian menunjukkan konflik yang hadir dalam novel kajian berhubung dengan konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik dengan rakan sebaya. Konflik remaja dengan rakan sebaya dilihat sebagai konflik yang dominan terdapat dalam novel kajian. Faktor penyebab konflik tersebut kerana keinginan remaja untuk meneroka sesuatu yang baharu dan kehendak mereka bertentangan antara satu dengan yang lain. Kajian seterusnya oleh Margaretha Ervina Sipayung (2016), dalam kajiannya yang berjudul “Konflik sosial dalam Novel Maryam karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastra”. Dapatan kajian menunjukkan terdapat konflik sosial dalam novel yang dikaji. Faktor-faktor yang mempengaruhi konflik sosial ialah masyarakat yang mempunyai karakteristik yang berbeza, kemiskinan hidup, migrasi masyarakat dan konflik antara kelompok yang berbeza. Margaretha menyimpulkan bahawa konflik sosial yang terjadi

dalam novel tersebut kerana kurangnya persamaan masyarakat untuk membolehkan mereka hidup dengan aman.

Kajian yang berhubung dengan konflik juga ada dikaji oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2017) yang berjudul “Teori Konflik dalam Manusia dan Masyarakat Pemahaman dan Penerapan”. Teori konflik dalam kajian beliau berdasarkan Teori Konflik Neal E. Miller. Beliau mengemukakan bahawa konflik dapat dibahagikan kepada dua, iaitu konflik dalaman dan konflik luaran. Salah satu faktor terjadinya konflik apabila manusia tidak dapat memutuskan apa yang mereka kehendaki dalam meneruskan kelangsungan hidup. Berdasarkan Teori Konflik Neal E. Miller dapat dikesan dalam cerpen kajian, terdapat empat jenis konflik yang dihadapi oleh manusia, iaitu seperti mendekat-mendekat, menghindar-menghindar, mendekat-menghindar dan mendekat-menghindar kuasa dua. Konflik yang berlaku menyebabkan individu mengalami tekanan. Namun, kadang-kala tekanan tersebut membuatkan hidup manusia lebih bermakna. Implikasi daripada tekanan, setiap individu dalam masyarakat mencuba sesuatu yang baharu sebagai langkah untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah. Karya sastera merupakan jendela masyarakat, memaparkan pelbagai fenomena masyarakat yang dapat dilihat dalam dunia realiti. Ini dapat dianalisis dengan teori kritik sastera oleh para kritikus sastera yang kadang-kadang mereka juga menggunakan disiplin ilmu lain antaranya teori psikologi.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) dalam artikel yang berjudul “Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik”. Dapatan kajian menunjukkan pengungkapan bahasa kiasan dalam konflik ini mempunyai pelbagai tujuan, antaranya mengungkapkan ketidakpuasan hati, kekecewaan dan perkelahian. Kesimpulannya, penelitian terhadap bahasa dalam filem telah dapat menyerlahkan keperibadian, akal budi positif atau negatif dan kreativiti masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu perkara dalam suasana konflik. Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Tiyas Sukma Melati, Pipit Warisma, dan Mekar

Ismayani (2019) berjudul “Analisis konflik tokoh dalam novel *Rindu* karya Tere Liye berdasarkan pendekatan psikologi sastra” menunjukkan bahawa konflik yang terdapat dalam novel *Rindu* karya Tere Liye ini, iaitu konflik eksternal dan internal. Adapun konflik eksternal terdiri daripada konflik sosial terdapat dua dan konflik fisik terdapat tiga, sedangkan konflik internal adalah konflik batin atau kejiwaan yang memuat lima konflik. Maka dapat disimpulkan bahawa konflik yang banyak terjadi ialah konflik batin.

Kesimpulannya, konflik tidak dapat lari daripada kehidupan manusia termasuk juga golongan kanak-kanak. Oleh itu, dalam kertas kerja ini pengkaji akan memberi tumpuan kepada tahap-tahap konflik yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan dunia sekitarnya. Dalam konteks ini, bagi menghadapi konflik secara sistematik dan dinamik, perlu mengetahui tahap pergerakan sesuatu konflik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Untuk melaksanakan kajian ini pengkaji menggunakan Pendekatan Judith R.G. Menurut Judith R.G dalam Mohd Fuad Sakdan (2005: 35-36) tahap-tahap konflik boleh dibahagikan kepada lima tahap, iaitu konflik terpendam, konflik dikesan, konflik sedar, konflik manifestasi dan kesan konflik. Menurut Mohd. Fuad Sakdan (2005:36) apabila sesuatu konflik yang berkembang sehingga mencapai ke tahap terakhir, ini akan menyebabkan konflik yang sangat serius tercetus antara dua pihak yang terlibat dalam konflik tersebut. Apabila tercetusnya konflik, maka keadaan ini akan memberikan implikasi yang mendalam tentang pihak-pihak yang bertikai. Kadangkala konflik ini akan mempengaruhi pihak lain yang tidak terlibat dalam konflik itu turut mengalami implikasi yang buruk. Kajian tentang tahap-tahap konflik dalam karya sastera kanak-kanak penting kerana bagi menghadapi konflik secara sistematik dan dinamik, perlu mengetahui tahap

pergerakan sesuatu konflik. Bahan kajian menggunakan novel kanak-kanak yang berjudul *Di Bawah Pohon Hawthorn* karya Marita Conlon-Mckenna (2010) yang menyaksikan kemusnahan yang disebabkan oleh kebuluran. Novel ini dapat dijadikan contoh kepada kanak-kanak bagaimana mereka hendak menguruskan emosi pada saat genting.

DAPATAN KAJIAN

Novel *Di Bawah Pohon Hawthorn* karya Marita Conlon-Mckenna (2010) merupakan novel kanak-kanak terlaris di Ireland. Novel ini menceritakan peristiwa yang benar-benar berlaku pada akhir 1880-an, iaitu peristiwa kebuluran teruk yang memusnahkan Ireland. Sehubungan itu, kanak-kanak dan masyarakat di sekitar mereka turut mengalami konflik ekoran daripada peristiwa tersebut. Kanak-kanak yang diwakili oleh Eily, Michael dan Peggy menyaksikan kemusnahan yang disebabkan oleh kebuluran. Orang ramai berebut-rebut makanan, kanak-kanak terbiar, orang ramai berbaris panjang di dapur sup untuk orang miskin, peminta sedekah, kematian dan anjing liar. Eily yang berusia dua belas tahun terpaksa mengetuai adik-adiknya mencari makanan untuk mengalas perut, melindungi diri mereka dan mencari jalan untuk ke Castletaggart menemui ibu saudara mereka setelah kedua-dua ibu bapa mereka tidak pulang ke rumah. Situasi ini mengundang pelbagai konflik dalam masyarakat pada ketika itu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima konflik dalam kajian ini, iaitu konflik terpendam, konflik dikesan, konflik sedar, konflik manifestasi dan kesan konflik. Kajian ini akan memfokuskan kepada tahap-tahap konflik yang dihadapi oleh kanak-kanak dan manusia di sekitar kanak-kanak.

Tahap Pertama: Konflik Terpendam

Tahap konflik terpendam merupakan tahap pertama berlaku dalam konflik. Tahap ini juga dianggap sebagai asas kepada berlakunya sesuatu konflik

sebenarnya. Mereka yang terlibat dalam konflik ini tidak sadar mereka berkonflik. Berdasarkan novel *Di Bawah Pohon Hawthorn*, konflik terpendam ini dapat dilihat menerusi watak ibu yang mengalami kesulitan dalam hidup. Dalam novel tersebut, pengarang menggambarkan watak ibu mengalami konflik kerana suaminya tidak pulang ke rumah setelah dua minggu keluar untuk bekerja membuat jalan. Hal ini membuatkan beliau resah kerana tidak mendengar sebarang khabar berita tentang suaminya. Dia mengalami konflik kerana terbeban menguruskan keluarga keseorangan. Tambahan pula mereka juga sudah kehabisan makanan. Konflik bertambah apabila watak ibu juga mengalami konflik kerana anak bongsunya, Bridget sedang sakit. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Sudah dua minggu bapa kamu pergi bekerja membuat jalan, tetapi sampai sekarang pun masih belum ada berita daripadanya”, kata mak.

(*Di Bawah Pohon Hawthorn*, 2010:10)

Selain itu, konflik terpendam juga dialami oleh watak Eily, iaitu kakak sulung daripada empat beradik tersebut. Eily digambarkan mengetahui dan memahami keresahan ibu mereka yang sedang mengalami konflik kerana mereka telah kehabisan bekalan makanan. Hal ini dinyatakan dalam petikan berikut:

Eily tahu maknya risau, dengan Bridget yang sedang sakit dan ditambah pula dengan tepung kuning lama di dalam guni di penjuru dapur semakin kurang isinya hari demi hari.

(*Di Bawah Pohon Hawthorn*, 2010:10)

Berdasarkan penerangan di atas jelas menunjukkan pada awal cerita pengarang menggambarkan watak ibu dan anak yang mengalami konflik terpendam. Situasi pada ketika itu membuatkan mereka resah.

Tahap Kedua: Konflik Dikesan

Pada tahap ini, konflik yang berlaku mula dapat dikesan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam konflik tersebut. Ini dapat dilihat daripada perbezaan persepsi antara dua pihak terhadap sesuatu perkara. Di samping itu, konflik juga boleh dilihat dalam keadaan yang menimbulkan salah faham yang wujud adalah tahap yang paling minimum. Keadaan ini berlaku kerana kedua-dua pihak berada pada kedudukan yang berbeza serta mempunyai matlamat yang berbeza. Berdasarkan novel *Di Bawah Pohon Hawthorn* ini, konflik dikesan dapat dilihat melalui gambaran watak ibu yang mula keluar mencari suaminya yang dikatakan sudah dua minggu tidak pulang ke rumah kerana bekerja membuat jalan. Sebelum keluar meninggalkan anak-anak untuk mencari suaminya, watak ibu tersebut telah menyediakan bekalan makanan dan berpesan kepada anak-anaknya agar tidak berkunjung ke rumah Kitty kerana tidak mahu anak-anaknya dijangkiti batuk yang sedang dialami oleh Teresa. Petikan di bawah menceritakan konflik dikesan yang dialami oleh watak ibu.

“Mak kena pergi ke tempat kerja bapa kamu untuk bertanya khabar tentangnya. Dia mungkin sakit atau tak dapat nak balik mengambil kita. Kita sudah tidak ada apa yang tinggal untuk ditukar atau dijual – macam manalah kita nak hidup tanpa bantuan? Mak pergi macam dulu juga, cuma kali ini mungkin untuk sehari dua”.

(*Di Bawah Pohon Hawthorn*, 2010:45)

Selain watak ibu, Eily juga mengalami konflik dikesan. Ekoran daripada keputusan watak ibu untuk keluar mencari ayah, Eily sebagai kakak sulung terpaksa memikul tanggungjawab untuk menjaga adik-adik yang lain. Walaupun Eily berat hati untuk menerima keputusan ibunya, tetapi dia pasrah dan akan menjaga adik-adiknya seperti yang telah dipesan oleh ibunya. Eily memujuk adiknya, Peggy yang merenggek dan tidak dapat tidur pada malam itu kerana mahukan ibu mereka dengan menceritakan

mengenai dua orang nenek saudara mereka yang tinggal di Castlettaggart. Setelah mendengar cerita Eily, Peggy kemudian tertidur dan Michael pula sudah meringkuk dalam selimut. Situasi di bawah menggambarkan konflik yang dikesan yang dialami oleh watak Eily.

Eily terkejut, menyedari akan betapa besar tanggungjawabnya apabila mak pergi nanti, tetapi pasrah dengan keputusan mak.

(*Di Bawah Pohon Hawthorn*, 2010: 45)

Tahap Ketiga: Konflik Sedar

Tahap ketiga, iaitu konflik sedar. Pada tahap ini, tingkah laku mula digerakkan oleh pihak-pihak yang terlibat. Semakin lama sesuatu konflik dikesan, semakin kuat semangat seseorang untuk menghadapi konflik ini akhirnya akan menyebabkan tercetus tindak balas yang lebih besar dalam konflik ini. Pada tahap ini, pihak-pihak yang terlibat akan berasa tertekan dalam keadaan tersebut. Tindakan atau tindak balas ini dilakukan bertujuan untuk menunjukkan rasa tidak puas hati, kecewa, bosan dan sebagainya kepada pihak yang terlibat dalam konflik itu. Selain itu, keadaan ini juga bertujuan untuk mempengaruhi pihak lain supaya sehaluan dengan dirinya.

Berdasarkan novel *Di Bawah Pohon Hawthorn*, konflik sedar ini dialami oleh watak Eily bermula semasa Eily didatangi oleh Tuan Tom Daly yang datang ke rumah mereka untuk bertanya khabar. Tuan Tom bertanya perihal ibu bapa mereka yang tidak kelihatan di rumah. Hal ini memaksa Tuan Tom mengarahkan kanak-kanak tersebut dihantar ke rumah perlindungan orang miskin demi keselamatan mereka. Keadaan Eily dan adik-adiknya semakin tertekan. Mereka mula menyedari bahawa mereka tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup tanpa orang dewasa. Oleh itu, mereka telah merancang perjalanan untuk pergi mencari nenek saudara yang tinggal di Castlettaggart kerana tidak mahu dihantar ke rumah perlindungan orang miskin. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Nak pergi ke rumah nenek saudara kita tak?”

(*Di Bawah Pohon Hawthorn*, 2010:58)

Tahap Keempat: Konflik Manifestasi

Pada tahap ini dikatakan konflik tersebut tidak dapat dielakkan lagi. Konflik kemuncak ini tercetus ekoran daripada tahap-tahap konflik sebelum ini yang telah berakhir dengan keadaan konflik yang tidak harmoni lalu membawa kesan seterusnya kepada tahap ini. Satu ciri yang paling ketara pada tahap ini ialah kekuatan mental dan fizikal digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk menunjukkan rasa tidak puas hati mereka. Berdasarkan novel *Di Bawah Pohon Hawthorn*, konflik manifestasi ini dapat dikesan melalui gambaran watak kanak-kanak yang menghadapi kesukaran sepanjang perjalanan untuk mencari nenek saudara mereka, iaitu Nenek Nano dan Nenek Lana yang tinggal di Castletaggart. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Kemudian Eily dan Michael memulakan cerita—daripada mula keluar bapanya bekerja dengan projek jalan hingga kematian Bridget dan mak keluar mencarinya, hinggalah terpaksa meninggalkan rumah, dan kebaikan hati Mary Kate. Keindahan desa dan usaha mencari makanan yang berterusan. Hal-hal yang menakutkan sepanjang jalan. Penyakit Peggy yang teruk, kepenatan yang menyakitkan kerana berjalan jauh, dan bagaimana akhirnya mereka menemui Market Lane.

(*Di Bawah Pohon Hawthron*, 2010:198)

Merujuk kepada petikan di atas, setelah kanak-kanak tersebut berjaya melarikan diri daripada dihantar ke rumah orang miskin, mereka dibekalkan oleh Mary Kate dengan makanan dan sedikit ubatan. Dalam

perjalanan tersebut, mereka menghadapi pelbagai kesukaran terutamanya dari aspek makanan dan keselamatan. Setelah kehabisan makanan yang dibekalkan oleh Mary Kate, kanak-kanak tersebut mula mencari sumber makanan sendiri di hutan belantara sepanjang perjalanan yang jauh dengan menangkap ikan. Mereka juga berjalan ke dapur orang miskin untuk mendapatkan sup percuma. Dalam perjalanan tersebut, malang menimpa kerana Peggy demam akibat digigit anjing liar. Eily sebagai kakak sulung dan penjaga dua adiknya berusaha merawat Peggy dengan mencari ubatan herba yang diperolehi di hutan tersebut. Setelah Peggy sembuh, mereka meneruskan lagi perjalanan dan berada di tahap konflik kemuncak dengan menjadikan darah lembu sebagai sumber makanan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Perjalanan diteruskan sehinggalah mereka sampai ke kedai kek milik nenek saudara mereka. Pada peringkat awal, kanak-kanak tersebut hampir dihalau kerana nenek saudara tidak mengenali mereka bertiga. Demikianlah peringkat-peringkat konflik manifestasi yang dihadapi kanak-kanak tersebut.

Tahap Kelima: Kesan Konflik

Tahap ini merupakan tahap terakhir dalam kitaran konflik dan menentukan sama ada kesan yang ditinggalkan pada tahap-tahap sebelumnya akan membawa kesan positif atau negatif yang ditinggalkan. Kadangkala, keadaan yang telah berlaku pada tahap-tahap yang lalu tidak dapat ditentukan kesan yang ditinggalkan. Ini disebabkan berlaku perubahan yang tidak dapat dijangkakan. Kesan positif bermaksud konflik yang memberikan keadaan yang harmoni atau membawa perubahan ke arah yang lebih baik kepada kedua-dua pihak yang terlibat dalam konflik. Sebaliknya, konflik yang membawa kesan negatif bermaksud konflik yang memberikan kesan yang tidak harmoni kepada kedua-dua pihak.

Berdasarkan novel *Di Bawah Pohon Hawthorn*, tahap kelima, iaitu kesan konflik dapat dilihat tahap-tahap konflik yang dilalui oleh watak-watak kanak-kanak tersebut meninggalkan kesan yang positif apabila

mereka dapat berjumpa dengan nenek saudara mereka yang tinggal jauh di Castlettaggart dan diterima oleh nenek saudara mereka. Mereka akhirnya lega kerana berasa selamat di bawah jagaan orang dewasa. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam petikan tersebut:

Lena berdiri dan menghulurkan tangan untuk memeluk mereka. Akhirnya Eily tenang, dia tahu bahawa dia selamat di rumah baharu bersama Nano dan Lena.

(Di Bawah Pohon Hawthron, 2010:199)

Selain itu, kesan konflik juga mendatangkan kesan yang positif kepada kanak-kanak tersebut dari sudut pemikiran, iaitu mengajar mereka untuk menjadi lebih kreatif. Hal ini dibuktikan melalui gambaran kanak-kanak tersebut yang berfikir di luar kotak dengan menggunakan sumber-sumber yang ada untuk menangkap ikan dan menghidupkan api dengan menggesekkan dengan batu. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut:

Dalam masa setengah jam api telah menyala dengan elok, dan Peggy mendapati ada batu besar leper yang diletakkan oleh Michael di tepi api. Api sedang menjilat sekeliling batu. Ikan terletak di atas batu itu, dibakar oleh bara.

(Di Bawah Pohon Hawthorn, 2010:118-119)

PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan kesan konflik yang positif dalam cerita ini. Kesan psikologi yang dihadapi oleh watak kanak-kanak dalam cerita ini akhirnya membawa kepada kebahagiaan kerana mereka akhirnya berada dalam perlindungan orang dewasa, iaitu makcik-makciknya dalam situasi persekitaran yang mencabar dan mengganggu gugat keselamatan mereka.

Mereka berdepan dengan konflik yang sukar. Namun keberanian mencuba dan kekuatan mental membawa kepada kejayaan. Tahap-tahap konflik yang mereka hadapi juga mematangkan mereka.

BIBLIOGRAFI

- Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 37-74.
- Faziela Abu Bakar@Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 6, Bil 1 (Mei 2016),52-63.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). Pengantar *Psikologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2004). Proses *penulisan kreatif*. EDN Media.
- Margaretha Ervina Sipayung. (2016). Konflik sosial dalam Novel Maryam karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastra. *Jurnal Ilmiah Kebudayaan Sintesis*. Volume 10, Nomor 1, Maret 2016, hlm. 22-34.
- Marita Conlon-Mckenna. (2010). *Di Bawah Pohon Hawthorn*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan Konflik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Teori Konflik dalam Manusia dan Masyarakat. Pemahaman dan Penerapan. Dlm. *Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Nor Raudah Siren. (2006). *Falsafah diri remaja dalam novel remaja Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tiyas Sukma Melati, Pipit Warisma, dan Mekar Ismayani. (2019). Analisis konflik tokoh dalam Novel Rindu karya Tere Liye berdasarkan pendekatan psikologi sastra. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Volume 2 Nomor 2, (Maret 2019), 229-238.

BAB 7

MANIFESTASI PERADABAN MASYARAKAT MELALUI HATI BUDI MELAYU BERDASARKAN TE- ORI MEDAN SEMANTIK

Rozita Che Rodi

PENGENALAN

Sering berlaku kesalahan tafsiran dan pemahaman tentang dua konsep yang amat berbeza apabila membahaskan mengenai hati budi Melayu (HBM), iaitu “hati budi” dan “akal budi”. Konsep “hati budi” merujuk hakikat diri orang Melayu, iaitu unsur yang besar pengaruhnya dalam pembentukan keperibadian sosial orang Melayu. Hati budi merangkumi sifat akal pemikirannya dan juga sifat hati dalam kalbunya. Sebaliknya, istilah “akal budi” merujuk akal pemikiran yang terletak di dalam akal atau budinya sahaja tanpa mengambil kira hati kalbunya. Maka, istilah “hati budi” adalah lebih mendalam dan lebih sesuai daripada “akal budi” untuk merujuk hakikat diri orang Melayu secara mendalam. Hal ini diperkukuh melalui beberapa penelitian terdahulu yang menegaskan keperibadian orang Melayu itu dilambang oleh “hati budinya”.

Dalam konteks hati budi Melayu, ini merujuk pada nilai-nilai, etika, dan norma yang membentuk cara berfikir, berperilaku, dan menjalani kehidupan sehari-hari dalam masyarakat Melayu. Hati budi Melayu mengandungi konsep-konsep seperti budi pekerti, adab, sopan santun, dan kebijaksanaan yang sangat dijunjung tinggi dalam budaya Melayu.

Berkait rapat dengan manifestasi peradaban yang menjadi tunjang utama masyarakat Melayu, beberapa aspek lain seperti penghuraian konsep pentakrifan orang Melayu, pandangan alam sarwajagat atau *worldview* masyarakat Melayu dan falsafah pembangunan masyarakatnya

turut menjadi aspek utama perbahasan. Kupasan dari sudut kata fokus dan kata kunci, dengan perkataan “agama” diambil sebagai contoh, sehingga terbentuk lingkungan konsepsi bagi dua puluh enam komponen teras HBM membolehkan garapan perbincangan secara menyeluruh dapat dilakukan. Pada akhirnya, pembuktian secara konkrit terhadap manifestasi peradaban masyarakat melalui komponen teras HBM dengan mengaplikasikan teori medan semantik mampu dijemlakan secara analitikal.

PENDEFINISIAN HATI BUDI DAN AKAL BUDI

Hati budi merujuk kepada sifat-sifat dalaman yang mencerminkan nilai moral, emosi, dan etika seseorang. Ia adalah pusat kepada keperibadian yang baik dan berkaitan dengan perasaan, keinsafan, serta keupayaan seseorang untuk bertindak dengan penuh kebaikan dan kehalusan.

Apabila mengkaji orang Melayu dari aspek manifestasi peradabannya, maka mesti juga mengkaji “hati budinya” bukan setakat “akal budinya”, iaitu hati budi mencakupi sifat luaran dan dalamannya secara keseluruhan, seperti yang terkandung dalam istilah *psyche*. Oleh itu, salah satu komponen yang mesti diberikan tumpuan terhadap orang Melayu ialah hati atau kalbunya kerana keduanya ini mempunyai makna yang lebih mendalam daripada istilah akal budi, seperti yang akan diterangkan selanjutnya (Hashim Musa, 2008).

Konsep hati budi boleh disamakan dengan konsep “*psyche*”, iaitu melihat hakikat sesuatu perkara secara keseluruhan yang bersepadu atau berintegrasi. Hati budi mencakupi tiga perkara yang utama, iaitu “hati”, “budi” dan “hati budi”. Yang pertama “hati” atau kalbu atau “*the heart*” yang bermaksud tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan (drive), juga tempat penerima hidayat Ilahi, iaitu ‘hati nurani’. Keduanya “budi”, iaitu akal yang meliputi daya fikir untuk memahami sesuatu perkara, kebolehan untuk berdalil, bertaakul dan menyimpul secara rasional. Budi juga merupakan kebajikan, kebaktian dan kebijaksanaan yang

mampu melahirkan seorang yang berbudi atau “budiman”. Akhir sekali, “hati budi”, iaitu yang bertindak secara berintegrasi dalam diri sebagai satu kesatuan sehingga terjelma dalam tindak tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, kepercayaan, pemikiran dan ilmunya.

Manakala, istilah akal budi merujuk kepada kemampuan intelektual dan kebijaksanaan seseorang. Istilah tersebut juga lebih berfokus kepada aspek pemikiran, penalaran, dan keupayaan membuat keputusan berdasarkan logik serta pemahaman yang mendalam. Akal budi dari aspek kemampuan intelektual merangkumi kecerdasan, kemampuan analitikal, dan keupayaan menyelesaikan masalah dengan bijaksana. Seseorang yang memiliki akal budi yang tinggi dianggap bijak dan mampu membuat keputusan yang tepat dan adil. Manakala, kemampuan kebijaksanaan melibatkan keupayaan untuk menilai situasi secara objektif dan bertindak berdasarkan penilaian yang rasional. Ini sering dikaitkan dengan penggunaan logik dan pemikiran yang matang dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan kupasan di atas, apabila melakukan pengkajian terhadap keperibadian orang Melayu dari aspek peradabannya, seharusnya tidak mengabaikan komponen hatinya; iaitu mengkaji keseluruhan HBM, yang merupakan hakikat diri orang Melayu secara keseluruhannya. Namun, sebelum diteliti setiap komponen teras HBM tersebut, harus dijelaskan terlebih dahulu pengertian siapa itu orang Melayu. Komponen ini juga sangat penting untuk dijelaskan kerana paksi perbincangan adalah berkisar tentang manifestasi peradaban masyarakatnya melalui pembentukan 26 komponen teras HBM.

KONSEP PENTAKRIFAN ORANG MELAYU

Berdasarkan penelitian, ada tiga konsep pentakrifan orang Melayu yang sebelum ini sering dibahaskan oleh pengkaji terdahulu (Hashim Musa, 2008), iaitu:

1. Melayu-Polinesia, iaitu keluarga bahasa yang terbesar di dunia yang tersebar dari Pulau Malagasi di Barat hingga ke Pulau Easter Laut Pasifik di Timur dan ke Pulau Taiwan di Utara. Orang Maori di New Zealand mempunyai kira-kira 50 perkataan masih berkognat (berhubungan) dengan bahasa Melayu.
2. Melayu sebagai rumpun Melayu yang mendiami wilayah alam Melayu yang rata-rata boleh berbahasa Melayu, iaitu dari Aceh sebelah Barat hingga ke Pulau Meluku dan Timor sebelah timur. Contohnya, di Meluku, senarai kata Melayu-Itali Pigafetta 1521 menyenaraikan 426 perkataan bahasa Melayu di Meluku, iaitu kamus tertua bahasa Melayu-Eropah. Sementara itu, di Ternate, surat Sultan Abu Hayat Ternate di Kepulauan Meluku kepada Raja Portugal pada tahun 1521 dan 1522 ialah dokumen tertua yang tercatat dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Manakala, di Terengganu, Batu Bersurat Terengganu 1303 merupakan inskripsi prasasti pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Di Aceh, terjemahan Aqaid Al-Nasafi anggaran pada tahun 1590 kitab pertama tertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Akhir sekali, di Aceh, surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Kapten Harry Middleton pada tahun 1601 merupakan dokumen kebenaran berniaga pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Dengan demikian, istilah Melayu mencakupi Melayu Meluku, Melayu Bugis, Melayu Banjar, Melayu Betawi, Melayu Aceh, Melayu Minang, Melayu Mendailing, Melayu Brunei, Melayu Sarawak, Melayu Mindanao, Melayu Patani, Melayu Campa, Melayu Melanau, Melayu Riau, Melayu Johor, Melayu Kedah, Melayu Kelantan, dan berbagai-bagai Melayu lagi.
3. Melayu sebagai entiti budaya (cultural entity), iaitu kelompok manusia yang mempunyai tiga ciri budaya: berbahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Maka, muncullah Melayu India, Melayu Arab, Melayu Cina, Melayu Siam, Melayu Eropah. Sekarang bermula pula Melayu Afrika, Melayu Rohingya, Melayu Bangla, yang semuanya dicirikan oleh agama Islam, bahasa Melayu dan budaya Melayu.

Oleh itu, istilah Melayu sebagai entiti budaya ialah suatu istilah yang bersifat inklusif; boleh menyerap sesiapa sahaja sama ada berkulit coklat, putih, kuning, atau hitam asalkan mempunyai tiga ciri budaya, iaitu boleh berbahasa Melayu, beragama Islam dan berbudaya Melayu dan menganggap dirinya Melayu. Dengan demikian muncullah istilah “masuk Melayu”.

FALSAFAH PEMBANGUNAN ORANG MELAYU

Falsafah pertumbuhan dan pembangunan orang Melayu adalah ke arah puncanya bukan ke puncak. Falsafah tersebut selaras dengan madah pujangga Melayu ada menyebut mengenai pembangunan dan pertumbuhan Melayu, iaitu:

Tumbuh ke punca,
Punca penuh rahsia,
Tumbuh tidak memijak kawan,
Tumbuh tidak memaut lawan,
Tumbuh melingkar penuh mesra.

Puncanya ialah hakikat diri kejadian manusia itu, iaitu manusia ialah ciptaan Allah SWT dalam sebaik-baik bentuk dan yang termulia di kalangan makhluk, seperti yang termaktub dalam al-Quran:

“khalaqal insānafi ahsanitaqwīm (Diciptakan Allah manusia itu sebaik-baik bentuk)”

(Surah at-Tin: ayat 4).

“Walaqad karramnā banī ādam (Dan sesungguhnya kami telah memuliakan bani Adam)” (Surah al-Isra’: ayat 70).

(Al-Quran al-Karim, 1995)

Oleh itu, untuk tumbuh dan membangun tidak perlu memijak kawan, bahkan kita bekerja bersama-sama untuk bantu-membantu dan membangun dan berjaya bersama-sama. Bukan juga mencari musuh dan seteru, dengan menikam dan menjatuhkan orang lain supaya mereka gagal dan kecewa. Seribu kawan masih sedikit, namun seorang musuh sudah terlalu banyak. Oleh itu, seorang Melayu itu akan tumbuh dan membangun dengan penuh mesra dalam persekitarannya dengan membantu dan memanfaatkan semua orang.

PANDANGAN ALAM SARWAJAGAT ATAU *WORLDVIEW* ORANG MELAYU

Pandangan alam sarwajagat atau *worldview* sesuatu masyarakat boleh disimpulkan sebagai mengandungi sekurang-kurangnya empat unsur yang asasi, iaitu:

1. Pertama bagaimana masyarakat itu melihat dan menghuraikan kejadian alam jagat raya ini, sama ada terjadi sendiri atau ada Pencipta yang menguruskannya?
2. Kedua di manakah letak dan apakah fungsi manusia itu dalam alam jagat raya ini?
3. Ketiga apakah destinasi dan matlamat terakhir manusia itu dalam penghidupan di alam jagat raya ini?
4. Keempat bagaimana cara mendapatkan kejayaan yang hakiki dalam kelangsungan hidup?

Berdasarkan empat unsur pandangan alam itu, maka pandangan alam sarwajagat orang Melayu boleh ditubuhkan dalam beberapa konsep atau pengertian.

1. Pertama, alam ini dilihat sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah SWT; alam ini mencakupi alam arwah/*primordial*, alam dunia dan

alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan natijah *mu`tamad* daripada kehidupan di alam dunia.

2. Kedua, pencapaian kejayaan hakiki di dunia dan juga destini terakhir di akhirat bergantung kepada kepatuhannya kepada agama Islam, iaitu peraturan dari Allah SWT sebagai Tuhan Penciptanya yang mengatur segala aktiviti kehidupan di dunia untuk individu dan juga masyarakat. Oleh itu, peraturan ini wajib dipelajari dan dilaksanakan oleh semua manusia demi kejayaan hakiki mereka.
3. Ketiga, Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta semesta alam mesti diyakini sepenuhnya; kepercayaan kepada pembalasan-Nya yang baik bagi amalan yang baik dan percaya kepada pembalasan yang buruk bagi amalan yang jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; balasan baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam mentaati Allah SWT; balasan baik di akhirat kemasukan ke dalam syurga; kesusahan di dunia bagi orang Islam berlaku sama ada sebagai kifarah dosanya ataupun untuk meningkatkan darjatnya.
4. Keempat, nilai tertinggi ialah segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia, iaitu orang yang paling banyak memanfaatkan dirinya dan manusia yang lain. Maruah sesama insan dihormati kerana setiap mereka berpotensi untuk memperoleh kesempurnaan demikian; sikap ini akan mengelak kezaliman dan diskriminasi berdasarkan warna kulit, keturunan, bangsa dan seumpamanya.
5. Kelima dan juga yang terakhir ialah kehidupan dunia yang pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani.

Kebanyakan kajian lepas tentang keperibadian orang Melayu memperlihatkan hakikat bahawa pengkaji hanya menggunakan pendekatan konseptual, statistik dan teoretikal semata-mata dalam memaparkan hasil kajian. Di samping itu, hampir keseluruhan kajian yang diteliti merupakan hasil daripada persepsi dan penyimpulan pengkaji itu berdasarkan teks serta bentuk puisi tertentu ataupun mengedarkan soal selidik kepada

masyarakat Melayu. Seterusnya, kesimpulan tentang beberapa sifat keperibadian Melayu dinyatakan secara umum dan tidak menghuraikan secara saintifik makna asasi dan makna perkaitan setiap sifat itu sehingga membawa kepada penubuhan medan semantiknya.

KOMPONEN HBM SEBAGAI SIFAT TERAS ORANG MELAYU

Istilah hati budi mencantumkan kedua-dua elemen itu, iaitu “akal budi” dan “hati kalbu” yang akan bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sehingga terjelmalah ke dalam tingkah lakunya, budi bahasanya, nilai dan normanya, pemikiran dan pengetahuannya, kepercayaan dan amalannya, yang dengan demikian akan melahirkan sifat dan keperibadiannya secara individu ataupun masyarakatnya secara kolektif.

Erich Fromm (1942) mentakrifkan keperibadian sosial seperti berikut:

“The social character comprises only a selection of traits, the essential nucleus of the character structure of most members of a group which has developed as the result of the basic experiences and mode of life common to that group... Character in the dynamic sense of analytic psychology is the specific form in which human energy is shaped by the dynamic adaptation of human needs to the particular mode of existence of a given society. Character in its turn determines the thinking, feeling, and acting of individuals.”

Berdasarkan analisis ke atas teks yang mengandungi pepatah, simpulan bahasa dan pantun Melayu dan juga beberapa hasil tulisan tentang adab, tunjuk ajar, akhlak dan budaya Melayu, terutamanya oleh Tenas Effendy (2004) *Ethos Kerja* dan (2006) *Tunjuk Ajar Melayu*, Abbas Mohd Shariff (2004) *Adab Orang Melayu*, Ismail Hamid (1991) *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Syed Hussein al-Attas (1977) *The Myth of the Lazy Native*, Za’ba

(1982) *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, dan lain-lain, maka Hashim Musa (2008) telah menubuhkan beberapa keperibadian teras milik sepunya orang Melayu secara arus perdana, iaitu sebanyak 26 komponen yang membentuk hati budinya, setiap satunya didukung oleh kata kunci atau ungkapan kunci tertentu seperti yang berikut:


Jadual 7.1: Padanan 26 komponen teras HBM dengan kata kunci atau ungkapan kunci yang mendukungnya.

Komponen Teras HBM	Kata Kunci atau Ungkapan Kunci
Komponen 1: Hidup berteraskan agama Islam	Berteraskan Islam
Komponen 2: Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal	Pendidikan dalam masyarakat Melayu
Komponen 3: Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu	Nilai kerja
Komponen 4: Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka	Taat kepada ibu bapa
Komponen 5: Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar	Setia kepada ketua
Komponen 6: Halus budi bahasa dan budi pekerti	Halus budi bahasa dan pekerti

Komponen 7: Sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat	Muafakat dalam masyarakat
Komponen 8: Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu	Hormat tetamu dan pergaulan
Komponen 9: Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas	Sederhana dan tidak ekstrem
Komponen 10: Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah ‘menjaga air muka’ dan ‘rasa malu yang mendalam’	Menjaga maruah diri
Komponen 11: Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya	Penyesuaian diri dalam pergaulan
Komponen 12: Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan	Membela kebenaran dan keadilan
Komponen 13: Menanam budi dan membalas budi	Menanam dan membalas budi
Komponen 14: Sifat pemaaf dan pemurah	Pemaaf dan pemurah
Komponen 15: Sifat kasih sayang	Pengasih dan penyayang
Komponen 16: Hidup sederhana	Kehidupan sederhana
Komponen 17: Ikhlash dan rela berkorban	Ikhlash dan pengorbanan

Komponen 18: Sikap berdikari	Berdikari
Komponen 19: Menghormati hak dan milik	Hormat hak dan milik
Komponen 20: Kejujuran dan keikhlasan	Kejujuran peribadi
Komponen 21: Berbaik sangka terhadap sesama makhluk	Berbaik sangka
Komponen 22: Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang	Keterbukaan pemikiran
Komponen 23: Sifat amanah	Amanah
Komponen 24: Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa	Memanfaatkan waktu
Komponen 25: Memandang masa depan	Berpandangan jauh
Komponen 26: Mensyukuri nikmat Allah	Mensyukuri nikmat

Komponen teras HBM ini berserta dengan kata kunci atau ungkapan kunci yang mendukungnya boleh digambarkan dalam bentuk medan semantik, iaitu merupakan satu lingkungan yang di dalamnya mengandungi sejumlah kata kunci yang mengelilingi satu kata fokus sebagai paksi penumpuan maknanya. Berikut diperturunkan rajah medan semantik bagi 26 komponen HBM:



Rajah 7.1: Medan semantik HBM dengan 26 Komponen (Rozita Che Rodi, 2013)

KATA FOKUS DAN KATA KUNCI SEBAGAI TUNJANG HBM

Kesemua 26 komponen hati budi itu boleh dikelompokkan ke dalam empat kata fokus utamanya, iaitu “agama”, “didikan”, “ilmu” dan “nilai”. Kata fokus merujuk kata yang menjadi inti utama dalam pembentukan satu medan semantik yang dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang berhubungan dari segi maknanya. Pengenalpastian satu kata fokus itu ditentukan berdasarkan kehadirannya yang paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi sebuah teks atau wacana, tentang realiti, iaitu tentang alam semestanya (konsep kosmologi) dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia, termasuk juga hakikat wujud itu sendiri (konsep ontologi), dan tentang nilai (konsep aksiologi) (Hashim Hj Musa, 1995).

Dengan kata lain, kata fokus ialah satu pusat penumpuan makna yang mampu menjelaskan konsep yang paling kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat ataupun teks atau wacana itu, tentang realiti, iaitu kewujudan alam, kehidupan, dan tentang nilai.

Oleh hal yang demikian, kata fokus merujuk sesuatu konsep yang menjadi paksi penumpuan makna bagi keseluruhan 26 komponen HBM, setiap satunya mempunyai kata kunci atau ungkapan kuncinya yang tersendiri.

Oleh itu, kata fokus “agama” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan agama, kata fokus “didikan” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan didikan, kata fokus “ilmu” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan ilmu, manakala kata fokus “nilai” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan nilai. Empat kata fokus yang dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci itu akan membentuk empat medan semantik bagi HBM.

Berdasarkan pernyataan tersebut bolehlah dibuat kesimpulan secara komprehensif padanan empat kata fokus dengan kata kunci atau ungkapan kunci bagi 26 komponen HBM, iaitu kata fokus “agama” merangkumi dua ungkapan kuncinya, iaitu hidup berteraskan agama Islam (K1) dan mensyukuri nikmat Allah (K26).


Seterusnya, bagi kata fokus “didikan” merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal (K2), taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka (K4), setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar (K5), halus budi bahasa dan budi pekerti (K6), dan hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu (K8).

Manakala, bagi kata fokus “ilmu” pula merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya (K11), membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan (K12), sikap berdikari (K18), memanfaatkan waktu, tidak membuang masa (K24), dan memandang masa depan (K25).

Akhir sekali, kata fokus “nilai” merangkumi 14 ungkapan kuncinya, iaitu nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu (K3), sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong

dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat (K7), sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas (K9), sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah ‘menjaga air muka’ dan ‘rasa malu yang mendalam’ (K10), menanam budi dan membalas budi (K13), sifat pemaaf dan pemurah (K14), sifat kasih sayang (K15), hidup sederhana (K16), ikhlas dan rela berkorban (K17), menghormati hak dan milik (K19), kejujuran dan keikhlasan (K20), berbaik sangka terhadap sesama makhluk (K21), sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang (K22), dan sifat amanah (K23).


Empat medan semantik berdasarkan empat kata fokus dengan dikelilingi kata kunci diperturunkan seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 7.2: Medan semantik bagi kata fokus “agama” (Rozita Che Rodi, 2013)


Rajah 7.2 merupakan medan semantik bagi paksi penumpuan makna “agama” yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Kesemua kata kunci itu merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus “agama” dalam pembentukan 26 komponen HBM.

Seterusnya, Rajah 7.3 merupakan medan semantik bagi kata fokus “didikan”. Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang hadir dan mengelilingi kata fokus “didikan” berdasarkan 26 komponen HBM. Penubuhannya menjelaskan penumpuan makna berkaitan dengan soal “didikan” yang diperoleh dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu.



Rajah 7.3: Medan semantik bagi kata fokus “didikan” (Rozita Che Rodi, 2013)


Seterusnya, diperturunkan rajah medan semantik bagi kata fokus “ilmu”:



Rajah 7.4: Medan semantik bagi kata fokus “ilmu” (Rozita Che Rodi, 2013)

Rajah 7.4 merupakan medan semantik bagi kata fokus “ilmu” yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Semuanya merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus “ilmu” dalam pembentukan 26 komponen HBM.

Rajah 7.5 merupakan medan semantik bagi kata fokus “nilai”. Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang dikenal pasti mengelilingi kata fokus “nilai” berdasarkan 26 komponen HBM. Kesemua kata kunci yang mengelilingi kata fokus “nilai” itu merupakan kata kunci yang dikenal pasti menjelaskan taraf atau keadaan budi bicara, budi pekerti dan akal budi daripada segi kebenaran, kebaikan, kepatutan, dan keindahan dalam kehidupan masyarakat Melayu.



Rajah 7.5: Medan semantik bagi kata fokus “nilai” (Rozita Che Rodi, 2013)

**INTERPRETASI MAKNA ASASI BAGI SETIAP KATA KUNCI
DALAM KATA FOKUS “AGAMA” KOMPONEN TERAS HBM**

Penghuraian secara rinci kehadiran setiap kata kunci yang merupakan istilah penting yang mendasari pembentukan 26 komponen teras HBM akan dilakukan pada bahagian ini. Proses pengenalanpastian setiap kata kunci itu

berdasarkan padanan kata fokus dengan senarai 26 komponen teras HBM yang telah dijelaskan terdahulu, iaitu berdasarkan kehadirannya yang paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi sebuah teks atau wacana.

Penginterpretasian setiap kata kunci yang telah dikenal pasti tersebut adalah berdasarkan makna asasinya, iaitu makna yang dirujuk dalam kamus. Maka dalam penelitian ini, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) digunakan untuk proses pemaknaan setiap kata kunci itu daripada sudut makna asasinya. Justifikasi penggunaan kamus tersebut sebagai rujukan ialah kerana *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) merupakan sebuah kamus berwibawa yang mampu menjelaskan makna perkataan yang berkaitan dengan istilah bahasa Melayu. Akhir sekali, setiap kata kunci yang telah diinterpretasi itu akan disimpulkan dalam satu jadual yang menunjukkan kehadirannya dalam pepatah yang menunjangi setiap komponen teras HBM. Seterusnya, penghuraian makna perkaitan setiap kata kunci dalam konteks 26 komponen teras HBM yang membawa kepada penubuhan medan semantik dipaparkan dalam bentuk rajah yang ditunjangi oleh satu kata fokus sebagai paksi penumpuan maknanya.

Oleh itu, untuk menghuraikan kaedah penubuhan rajah medan semantik berdasarkan empat kata fokus dan kata kunci atau ungkapan kunci yang mengelilinginya, maka medan semantik bagi kata fokus “agama” dipilih sebagai contoh dalam penghuraian makalah ini. Setiap kata kunci yang diinterpretasi dan dijelaskan pemaknaannya akan dikaitkan dalam pembentukan 26 komponen teras HBM. Hal ini bertujuan merincikan kehadiran setiap kata kunci itu sebagai istilah yang dapat menerangkan kata fokus “agama” sebagai paksi penumpuan maknanya.

Sementara itu, empat (4) kata kunci yang mengelilingi kata fokus “agama” ialah “hukum syara” dan “kitabullah” dalam K1 dan “mensyukuri nikmat” dan “berkat” dalam K26. Namun begitu, berdasarkan teori medan semantik, kata kunci yang mengelilingi kata fokus “agama” atau paksi penumpuan maknanya, tidak hanya terhad kepada 4 kata kunci itu sahaja, sebaliknya kata kunci yang mengelilingi kata fokus yang lain boleh juga

menjadi kata kunci bagi kata fokus “agama”. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kata kunci yang dinyatakan itu menunjukkan wujudnya jalinan perkaitan makna yang dapat menjelaskan konsep “agama” sebagai pengenalan tentang hakikat sesuatu perkara dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, terdapat 12 kata kunci yang dikenal pasti turut mengelilingi kata fokus “.adil”, “benar”, “taat”, “amanah”, “sabar”, “menyayangi”, “mengasihi”, “malu”, “akhlak”, “kewajipan”, “jujur”, dan “ilmu”.

Rasional pemilihan kata kunci itu adalah kerana keempat-empat kata kunci yang dikenal pasti itu, berkait rapat dengan masyarakat Melayu yang secara keseluruhan hidupnya diwarnai oleh agama Islam, iaitu “hukum syara” sebagai peraturan dan “kitabullah” sebagai sumber pengambilan peraturan tersebut. Manakala, dalam teras agama Islam, setiap anggota masyarakatnya berkewajipan untuk “mensyukuri nikmat” yang diberikan oleh Allah SWT, di samping mendapatkan segala ganjaran tersebut dengan cara yang betul agar sumber perolehannya mendapat “berkat” dan diredai. Dengan demikian, jelas bahawa sesuatu unsur kepercayaan yang dikaitkan dengan masyarakat Melayu ialah segala yang menjurus kepada amalan dalam agama Islam, iaitu yang berlandaskan hukum dan peraturan yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis.

Untuk perbincangan bagi kata kunci di bawah kata fokus “agama”, maka semua kata kunci yang dikenal pasti mewakilinya akan dijelaskan. Penghuraian setiap satu kata kunci adalah sama dari segi prinsip dan kaedahnya.

Kata Kunci “Hukum Syara” dan “Kitabullah”

Pepatah yang menunjangi K1 teras HBM yang memerihalkan kata kunci berkaitan dengan “hukum syara” dan “kitabullah” yang menjadi landasan dalam diri masyarakat Melayu berkenaan dengan soal hukum dan agama Islam diperturunkan seperti di bawah:

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan syara',
Syara' bersendikan Kitabullah,
Syara' mengata, adat memakai,
Ya kata syara', benar kata adat.
(Hashim Hj Musa, 2008)

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) “hukum” ialah peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan yang mesti dipatuhi. Manakala “syara” ialah hukum yang bersandarkan ajaran agama Islam. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa “hukum syara” merupakan hukum daripada Allah SWT. Ia merupakan perintah yang wajib didengar dan ditaati tanpa boleh dibahas atau difikir. “Hukum syara” tidak bersandarkan pada akal, tetapi pada iman, namun, tidak keluar daripada logik akal. Misalnya, seorang lelaki tersentuh wanita yang bukan muhrim, daripada segi hukum telah menyebabkan kedua-duanya terbatal wuduk, tetapi dari segi logik ialah bertujuan menjaga batas pergaulan di antara lelaki dan wanita. Manakala, “kitabullah” dari segi maknanya ialah al-Quran atau kitab (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Oleh itu, “hukum syara” ialah hukum yang berlandaskan kepada “kitabullah” dan Nabi Muhammad SAW dan “hukum syara” itu merupakan satu perkara yang kekal sehingga ke hari kiamat.

Sementara itu, dalam amalan seharian, masyarakat Melayu sentiasa merujuk “hukum syara” dalam penentuan segala perkara. Mahayudin Yahaya (1998) turut mengatakan bahawa sejak kedatangan agama Islam ke Alam Melayu sejak awal abad pertama Hijrah atau ke-7 Masihi lagi, masyarakatnya telah mula mengamalkan segala “hukum syara” sebagai panduan hidup. Hal ini kerana “hukum syara” ialah hukum yang merujuk al-Quran dan hadis. Oleh yang demikian, dengan melakukan sesuatu perkara mengikut landasan syara', maka perkara ini menjamin seseorang itu tidak akan tersasar daripada ajaran Islam. Malah, “hukum syara” meliputi pelbagai perkara berkaitan kehidupan. Antaranya,

soal pemakanan menurut Islam, iaitu dalam menentukan tentang makanan yang halal dan haram dimakan. Dalam “hukum syara” yang dinyatakan, Islam mengajar umatnya supaya bersederhana dalam mengimbangi di antara keperluan rohani dan jasmani (Zaini Nasohah et al., 2004).

Menyentuh soal pemakanan dalam Islam, “hukum syara” telah menyatakan bahawa Islam membenarkan umatnya mengambil makanan yang baik atau yang disebut sebagai “halal” dan “*tayyiba*” (Surah *an-Nahl*: 114). Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa setiap “hukum syara” yang ditentukan bertujuan untuk menghindarkan manusia daripada sebarang kemudaratannya yang boleh merosakkan dirinya. Malah, soal penyembelihan haiwan ternakan dalam Islam juga turut disentuh dalam “hukum syara”. Selain itu, terdapat pelbagai perkara lagi berkaitan urusan seharian manusia yang berlandaskan “hukum syara”. Pada hakikatnya, “hukum syara” bukanlah sesuatu peraturan yang mengehadkan perlakuan dan tindakan seseorang, tetapi bertujuan memelihara keseimbangan hidup dan mengelakkan masyarakat daripada sebarang kesulitan dan kebinasaan.

Manakala, “kitabullah” ialah al-Quran yang diturunkan dan diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW. Ayat pertama yang diturunkan ialah surah *al-Alaq* pada 17 Ramadan yang mengajar manusia mengenal kalam-Nya. Dalamnya terdapat ayat yang menjelaskan pelbagai perkara yang meliputi soal tauhid, ibadat, jinayat, muamalat, sains, teknologi dan sebagainya. Kalimah al-Quran, sering dicantumkan dengan rangkaian kata “al-Quran mukjizat akhir zaman” atau “al-Quran yang mempunyai mukjizat”. Malah, inilah sebenarnya kelebihan al-Quran dan tidak ada satu perkara pun yang dicuakan atau tertinggal dalam al-Quran. Dengan kata lain, al-Quran mengandungi pelbagai ilmu yang mengajar manusia tentang sahsiah diri dan juga mencari jawapan kepada persoalan kebenaran.

Manusia yang berpegang pada al-Quran akan mengikut segala perintah Allah dan menjauhi kemungkaran. Dengan berpandukan al-Quran juga, tercipta naluri manusia yang bersih dan menjauhi sebarang kesesatan hidup. Manusia sedaya upaya berusaha untuk menyucikan

hati daripada kotoran duniawi dan sentiasa beringat untuk menghadapi kematian dan kehidupan pada hari akhirat. Dengan sendirinya, terbentuk suatu pemikiran yang rasional dalam menapis kejahatan dan juga menerima segala perilaku yang baik dalam diri. Hal ini kerana tiada perkara yang tersembunyi dalam al-Quran dan segala kemungkaran yang perlu dielakkan ialah jelas dan nyata diterangkan di dalamnya. Dalam surah al-Israk: 82, yang bermaksud:

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Sementara itu, dengan turunnya al-Quran dan wujudnya “hukum syara” yang berlandaskan “kitabullah”, manusia akan mencapai ketenangan dan kedamaian hidup serta mampu menghilangkan segala unsur negatif dalam diri dengan keupayaan pemikiran yang telah diberikan oleh Allah SWT. Selain itu juga, kehidupan manusia semakin teratur dan dapat berfikir dengan baik kerana Allah SWT sentiasa melindungi dan memberi hidayah kepada manusia yang benar-benar berpegang kepada al-Quran dan mengamalkan “hukum syara” dalam melakukan segala amalan kebaikan kepada diri sendiri dan sesama masyarakat.

Oleh yang demikian, pepatah yang menunjangi K1 teras HBM yang memerihalkan kata kunci berkaitan “hukum syara” dan “kitabullah” itu dengan jelas mengatakan bahawa sesuatu adat yang diamalkan itu haruslah bersandarkan hukum, iaitu “hukum syara”. Sesuatu hukum itu pula ditentukan berdasarkan “Kitabullah” yang secara jelas terkandung dalam al-Quran yang menjadi pegangan untuk menentukan soal hukum dan landasan hidup masyarakat Melayu tentang agama Islam.

Kata Kunci “Mensyukuri Nikmat” dan “Berkat”

Seterusnya, diperturunkan pula pepatah yang menunjangi K26 teras HBM yang memerihalkan kata kunci berkaitan “mensyukuri nikmat” dan “berkat” seperti di bawah:

Pepatah yang menunjangi K26:

Siapa hidup mensyukuri nikmat,
Hidup matinya beroleh rahmat,
Sebarang kerja takkan menyalah,
Hidupnya tidak berkeluh kesah,
Siapa melupakan nikmat Allah,
Alamat hidupnya tak dapat berkat,
Lambat laun akan terlaknat,
Hidup matinya dalam mudarat.
(Hashim Hj Musa, 2008)

Dalam konteks kajian ini, “mensyukuri” merujuk keadaan mengucapkan rasa syukur di atas segala rahmat yang dilimpahkan oleh Allah SWT. Sementara itu, pepatah yang menunjangi K26 teras HBM yang mengandungi kata kunci berkaitan “mensyukuri nikmat” dan “berkat” menjelaskan bahawa kehidupan yang dimuliakan oleh Allah SWT ialah kehidupan hamba-Nya yang tidak leka dengan nikmat yang diberikan. Sebaliknya, sebuah kehidupan yang dirahmati ialah apabila masyarakatnya tahu “mensyukuri nikmat” tanpa berkeluh kesah dengan sebarang bentuk pekerjaan yang diusahakan. Maka, hasilnya ialah setiap kerja yang diusahakan mendapat “berkat” dan dijauhkan daripada hidup terlaknat dan sebarang kemudaratan.

Sementara itu, merujuk perkataan “mensyukuri” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) ialah membawa maksud mengucapkan syukur, iaitu perasaan berterima kasih di atas sesuatu keadaan atau

perkara yang diterima dalam kehidupan. Manakala “nikmat” pula ialah anugerah Allah SWT kepada setiap hamba-hamba yang diingini-Nya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Berdasarkan pengertian tersebut, dapat disimpulkan bahawa ungkapan “mensyukuri nikmat” yang dikenal pasti dalam komponen teras HBM merujuk rasa syukur setiap hamba-Nya di atas segala kurniaan dan rezeki yang dilimpahkan oleh Allah SWT. Manakala, pengertian “berkat” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) ialah rahmat atau restu. Pengertian tersebut digambarkan sebagai hasil atau manfaat yang diterima oleh seseorang itu apabila melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan bertujuan mendapatkan keredaan-Nya.

Setiap kata kunci yang telah dihuraikan itu serasi dengan masyarakat Melayu yang pada akhirnya berupaya memanifestasikan aspek peradaban masyarakatnya yang ditonjolkan melalui komponen teras HBM. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu terkenal dengan pembentukan sifat keperibadiannya yang tidak dapat dipisahkan dengan teras agama Islam. Oleh itu, dengan berlandaskan “hukum syara” dan “kitabullah”, masyarakat Melayu tidak akan terpesong daripada ajaran agama Islam sebenar dan menghasilkan lebih ramai golongan intelektual kerana tahu “mensyukuri nikmat” serta sentiasa berusaha untuk mendapatkan sesuatu rezeki melalui sumber yang “berkat”. Maka, dengan cara itu masyarakatnya dilihat mampu membezakan antara sesuatu perkara yang baik dan tidak baik untuk diterjemahkan sebagai amalan dalam kehidupannya.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, hati budi dan akal budi ialah dua komponen yang saling melengkapi dan penting untuk membentuk individu yang seimbang dan bermoral dalam masyarakat Malaysia. Keseimbangan antara kedua-dua aspek ini ialah kunci kepada kehidupan yang penuh dengan kearifan dan kebijaksanaan. Malah, pengaplikasian teori medan

semantik turut membantu dalam memahami bagaimana nilai-nilai dan konsep-konsep ini terintegrasi dalam bahasa dan membentuk pandangan dunia masyarakat Melayu. Dengan demikian, hati budi Melayu tidak hanya merepresentasikan cara berperilaku, tetapi juga menggambarkan keseluruhan pandangan hidup yang diwariskan dan dipertahankan dalam peradaban Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, H. (2006). *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*. Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S. H. (1977). *The Myth of Lazy Native*. Frank Cass.
- Al-Attas, S. M. N. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Penerbit Universiti Malaya.
- Che Man, S. H. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1): 75-81).
- Effendy, T. (2004). *Ethos Kerja*. Unri Press.
- Effendy, T. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita.
- Fromm, E. (1942). *Character and the Social Process*. Routledge.
- Hamid, I. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Psyche nouns. <http://www.merriam-webster.com/dictionary/psyche>
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maccoby, M. (2002). Toward a Science of Social Character. *International Forum of Psychoanalysis* 11, 33-44.
- Mead, M. (1953). National Character. Dalam Kroeber, A. L. (ed.). 1953. *Anthropology Today*. University of Chicago Press.

- Musa, H. (1995). Mencari Ilmu Yang Benar: Pendekatan Kajian Berdasarkan Kata-kata Kunci Utama. *Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) - Kesturi*, Jilid 5(2), Disember: 26-69.
- Musa, H. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Penerbit UPM.
- Nasohah, Z. et al. (2004). *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rodi, R. C. (2013). Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari sudut Medan Semantik. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Rodi, R. C. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, Julai 2022, 157-180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Rodi, R. C. (2022). Penelitian Hati Budi Melayu Sebagai Simbol Peradaban Masyarakat: Analisis Kata Fokus “Didikan” Berdasarkan Teori Medan Semantik. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, November 2022, Vol. 4(2), 16-32.
- Shariff, A. M. (2004). *Adab Orang Melayu*. Alfa Media.
- Yahaya, M. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za’ba. (1982). *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 8

KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERSEMBAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM BAHASA MELAYU

Zuraini Jusoh & Salina Husain

PENGENALAN

Kemahiran menggunakan perisian komputer seperti hamparan elektronik (EXCEL), Microsoft Word, perisian persembahan (PowerPoint), melayari Internet merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh pelajar. Untuk mampu bersaing dengan pelajar program lain serta mampu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, pelajar bidang bahasa dan linguistik Melayu perlu seiring dengan arus perkembangan semasa agar tidak ketinggalan. Malah, penguasaan kemahiran teknologi maklumat ini juga penting dalam proses pemartabatan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa pengetahuan teknologi maklumat yang secukupnya, pelajar dan bahasa Melayu tidak dapat digunakan seluas-luasnya dalam penyebaran ilmu. Malah, tanpa penguasaan teknologi maklumat akan membuatkan pelajar bidang bahasa ketinggalan mendapatkan dan berkongsi maklumat terkini.

Teknologi maklumat merupakan penggunaan komputer, storan, rangkaian dan peranti fizikal, infrastruktur dan proses untuk mencipta, memproses, menyimpan, mengubah, menukar semua bentuk data elektronik (Castagna & Bigelow, 2021). Dalam bentuk paling ringkas, teknologi maklumat bermaksud setiap tugas yang dilaksanakan menggunakan komputer (Emeritus, 2022). Sejarah awal pembinaan komputer atau dari kata “compute” yang berfokus kepada pengiraan pada awalnya bagi tujuan ketenteraan. Namun, akhirnya penggunaan komputer diperluas sehingga kini boleh dikatakan semua orang mempunyai komputer. Dari

generasi pertama yang menggunakan tiub vakum, bersaiz besar dan menggunakan bahasa pengaturcaraan mesin sehingga generasi kelima kini. Perkembangan yang pesat ini membuatkan saiz komputer semakin mengecil dan senang untuk dibawa ke mana-mana. Begitu juga halnya dengan perisian yang terkandung dalam sesebuah komputer. Perisian persembahan merupakan perisian yang tersedia dalam pakej Microsoft. Perisian ini merupakan salah satu program multimedia yang menyediakan kemudahan dalam bentuk slaid yang dapat membantu dalam menyusun sesuatu persembahan yang berkesan, profesional dan juga mudah (Sofia Nurul Hikmah & Sugama Maskar, 2020). Keadaan ini membuatkan perisian persembahan atau Microsoft PowerPoint ini sebagai perisian asas dan penting yang digunakan dalam kalangan pelajar bukan sahaja untuk tujuan pembentangan tugasan, sebaliknya menghasilkan projek multimedia yang lain.

Untuk mengaplikasikan pengetahuan teknologi maklumat, pelajar perlu memperoleh pengetahuan prosedural, iaitu kemahiran melakukan sesuatu seperti kemahiran menggunakan komputer dan ikon-ikon yang terkandung dalam sesuatu perisian (Intan Marfarrina Omar et al., 2021). Pengetahuan prosedural ini merupakan pengetahuan asas sebelum pelajar menguasai kemahiran yang lain seperti menghasilkan projek multimedia mereka sendiri. Memang kita sedia maklum bahawa pelajar kini lahir semasa teknologi maklumat sedang berkembang pesat. Generasi pelajar ini dikenali sebagai Generasi Y atau Generasi Net apabila golongan ini lahir selepas tahun 1985. Namun, sejauh manakah pengetahuan teknologi maklumat mereka terutamanya dalam perisian persembahan? Adakah mereka mampu menghasilkan slaid yang berkesan dengan menguasai ikon-ikon yang terkandung dalam perisian ini?

Hal ini dikatakan demikian kerana perisian persembahan merupakan salah satu perisian yang sering digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah biasanya menggunakan slaid sebagai bahan bantu pengajaran. Begitu juga halnya dengan pelajar apabila mereka perlu menghasilkan slaid bagi tujuan pembentangan

tugasan sepanjang berada di universiti. Malah, dalam kursus-kursus tertentu perisian persembahan ini digunakan untuk menghasilkan animasi dalam projek multimedia. Kepentingan penguasaan kemahiran perisian persembahan sesuai dengan pandangan Hua dan Aidah Abdul Karim (2023), iaitu penting untuk menghasilkan slaid persembahan yang dapat menarik perhatian. Secara tidak langsung, slaid yang menarik dengan bahan yang relevan akan memberikan penilaian yang baik. Bukan itu sahaja, kemahiran yang dipelajari ini juga dapat diaplikasikan dalam alam pekerjaan kelak.

SOROTAN LITERATUR

Perisian Microsoft PowerPoint merupakan perisian yang luas penggunaannya, mudah dikendalikan kerana banyak templat dan pakej persembahan yang boleh digunakan (Hua & Aidah Abdul Karim, 2023). Walaupun mudah dikendalikan, pelajar perlu meneroka setiap ikon yang terkandung dalam perisian ini bagi memaksimumkan fungsinya. Misalnya, terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak mengetahui bahawa perisian ini mampu membangunkan projek multimedia apabila menyediakan fungsi menghasilkan animasi. Pelajar beranggapan untuk menghasilkan projek multimedia memerlukan perisian lain seperti Micromedia Authorware, Toolbook, Canva, Prezi, Pixiko, Adobe Illustrator dan sebagainya. Keadaan ini membuktikan bahawa walaupun mereka merupakan generasi yang lahir semasa teknologi berkembang pesat, namun penerokaan terhadap sesuatu perisian itu belum menyeluruh lagi. Berkemungkinan juga pengetahuan teknologi mereka lebih kepada pengetahuan permainan dalam talian dan menggunakan aplikasi media sosial. Oleh itu, penting untuk golongan ini menguasai pengetahuan asas ini kerana teknologi maklumat sebagai alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan sesuatu konsep disampaikan dengan lebih berkesan (Sofia Nurul Hikmah & Sugama Maskar, 2020). Dengan penguasaan perisian persembahan ini,

pelajar terutamanya dapat menyampaikan maklumat tentang tugas yang diberikan dengan lebih berkesan. Malah, melatih mereka menjadi pembentang yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.

Mengharungi arus globalisasi, zaman digital disifatkan sangat penting dan menjadi keutamaan negara-negara membangun (Hazura Mohamed et al., 2012). Keupayaan tersebut mendorong kepada munculnya istilah teknologi maklumat sekitar 1970-an dan tahun 2000 dunia berada pada revolusi teknologi keempat dengan teknologi tinggi atau ringkasannya IR 4.0. Malaysia tidak terkecuali mengalaminya apabila kadar perkembangan penembusan jalur lebar negara berlaku secara drastik, iaitu dari 24.8% pada 2009 kepada 55.6% pada 2011 (Hazura Mohamed et al., 2012). Perubahan mendadak ini membuatkan keperluan terhadap tenaga kerja juga berubah. Kajian yang dijalankan oleh Zaliza Hanapi et al. (2018) mendapati bahawa kemahiran pengurusan maklumat antara indikator kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Analisis jurang ciri-ciri kebolehpasaran mengikut keutamaan yang dijalankan oleh Muhammad Hazrul Ismail (2012) pula mendapati bahawa prestasi sebenar graduan dalam kemahiran teknologi maklumat masih di bawah prestasi jangkaan majikan. Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan teknologi maklumat masih perlu diberi perhatian (Suthagar Narasuman, Md. Rizal Md. Yunus & Azlan Ahmad Kamal, 2011) dalam kalangan pelajar bukan sahaja untuk menghasilkan pelajar yang mampu menguasai kemahiran teknologi maklumat bagi tujuan pembelajaran mereka di universiti, malah sebagai memenuhi peluang kerjaya yang bakal mereka cemburi kelak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kemahiran menggunakan perisian persembahan dalam kalangan pelajar bidang bahasa dan linguistik Melayu. Menenal pasti

penguasaan kemahiran perisian persembahan ini bukan sahaja penting untuk mendapatkan maklumat asas pengetahuan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar yang dikaji, malah dapat membantu pensyarah merangka pelan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kemahiran pelajar terhadap sesuatu perisian. Hal ini dikatakan demikian kerana antara tugas yang perlu dilakukan pelajar ialah mereka cipta projek bahasa menggunakan multimedia dan mempersembahkan maklumat bahasa dalam bentuk multimedia.

Seramai 30 orang pelajar yang mengambil kursus BBM3410 Multimedia dalam Bahasa terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dibuat secara bertujuan apabila kesemua pelajar yang mendaftar kursus ini menjadi sampel kajian. Kursus ini merupakan kursus wajib yang perlu diambil pada tahun kedua pengajian mereka di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Satu set soal selidik telah dibangunkan dan dilakukan kajian rintis. Pembangunan item ini dibuat berdasarkan ikon-ikon yang terkandung dalam perisian persembahan. Sebanyak 25 item telah dibentuk menggunakan skala ordinal jenis perbezaan semantik, iaitu skala 1 hingga 10 tahap persetujuan terhadap penguasaan kemahiran perisian persembahan. Nilai pekali Cronbach's Alpha ialah $\alpha=0.976$ dan berdasarkan pendapat Pallant (2001) nilai indeks alpha, $\alpha=0.7$ atau ke atas adalah baik untuk item 10 ke atas. Oleh itu, berdasarkan nilai pekali Cronbach's Alpha ini, item yang dibangunkan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan dihuraikan berdasarkan tiga kategori kemahiran, iaitu tidak mahir (1.00 hingga 4.00), sederhana mahir (4.01 hingga 7.00) dan sangat mahir (7.01 hingga 10.00). Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS 22 (Statistical Packages for the Social

Science). Analisis deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk mengupas dapatan kajian. Jadual 8.1 berikut menunjukkan dapatan keseluruhan tahap kemahiran perisian persembahan dalam kalangan pelajar yang dikaji.

Jadual 8.1: Kemahiran Perisian Persembahan

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak mahir	0	0
Sederhana Mahir	6	24
Sangat Mahir	19	76
Keseluruhan	25	100

Berdasarkan Jadual 8.1, daripada 25 item yang tanyakan berdasarkan ikon yang terkandung dalam perisian persembahan, sebahagian besar pelajar sangat mahir dengan item tersebut dan tiada ikon yang pelajar tidak mahir. Perincian setiap item ditunjukkan dalam Jadual 8.2.

Jadual 8.2: Tahap Kemahiran Perisian Persembahan Mengikut Item

Bil. Item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kemahiran
1.	Crop	8.60	1.48	Sangat Mahir
2.	Rotate	8.50	1.50	Sangat Mahir
3.	Hyperlink	6.87	2.30	Sederhana Mahir
4.	Print Slide	8.90	1.09	Sangat Mahir
5.	Animation	7.03	2.36	Sangat Mahir
6.	Insert Video	7.67	1.97	Sangat Mahir
7.	Insert Audio	7.70	1.86	Sangat Mahir
8.	Picture Style	7.93	1.70	Sangat Mahir
9.	Insert Picture	8.47	1.36	Sangat Mahir
10.	Insert Clip Art	8.30	1.29	Sangat Mahir
11.	Group Objects	6.77	2.54	Sederhana Mahir
12.	Picture Effects	7.63	2.09	Sangat Mahir
13.	Artistic Effects	6.87	2.39	Sederhana Mahir

14.	Change Picture	8.00	1.58	Sangat Mahir
15.	Change Theme	8.13	1.48	Sangat Mahir
16.	Slide Orientation	7.73	2.20	Sangat Mahir
17.	Arrange Objects	6.97	2.61	Sederhana Mahir
18.	Rehearse Timing	6.90	2.45	Sederhana Mahir
19.	Background Style	7.63	1.90	Sangat Mahir
20.	Compress Picture	7.07	2.45	Sangat Mahir
21.	Set Up Slide Show	7.73	2.21	Sangat Mahir
22.	Insert Photo Album	7.73	1.96	Sangat Mahir
23.	Remove Background	7.87	1.96	Sangat Mahir
24.	Change Picture Border	7.67	2.15	Sangat Mahir
25.	Picture Correction Option	6.90	2.16	Sederhana Mahir
Keseluruhan		7.66	1.60	Sangat Mahir

Secara keseluruhannya, pelajar yang dikaji sangat mahir perisian persembahan apabila mencatatkan nilai min=7.66; sisihan piawai 1.60 untuk 25 item yang terkandung dalam soal selidik. Pelajar didapati paling mahir Print Slide (M=8.90; SP=1.09) dan diikuti dengan item Crop (M=8.60; SP=1.48). Berdasarkan Jadual 8.2, pelajar didapati sangat mahir ikon Rotate, Insert Video, Insert Audio, Picture Style, Insert Picture, Insert Clip Art, Picture Effects, Change Picture, Change Theme, Slide Orientation, Background Style, Compress Picture, Set Up Slide Show, Insert Photo Album, Remove Background, Change Picture Border. Malah, pelajar juga didapati berkemahiran menghasilkan animasi apabila mencatatkan nilai min=7.03 dengan nilai sisihan piawai=2.36 untuk ikon Animation.

Jadual 8.3: Perincian Tahap Kemahiran Perisian Persembahan

Bil.	Item	Tahap		
		Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Sangat Mahir
1.	Crop	1(3.3%)	4(13.3%)	25(83.3%)
2.	Rotate	1(3.3%)	5(16.7%)	24(80.0%)

3.	Hyperlink	4(13.3%)	13(43.3%)	13(43.3%)
4.	Print Slide	0	4(13.3%)	26(86.7%)
5.	Animation	4(13.3%)	11(36.7%)	15(50.0%)
6.	Insert Video	2(6.7%)	10(33.3%)	18(60.0%)
7.	Insert Audio	2(6.7%)	11(36.7%)	17(56.7%)
8.	Picture Style	1(3.3%)	10(33.3%)	19(63.3%)
9.	Insert Picture	0	7(23.3%)	23(76.7%)
10.	Insert Clip Art	0	8(26.7%)	22(73.3%)
11.	Group Objects	5(16.7%)	12(40.0%)	13(43.3%)
12.	Picture Effects	2(6.7%)	9(30.0%)	19(63.3%)
13.	Artistic Effects	4(13.3%)	13(43.3%)	13(43.3%)
14.	Change Picture	1(3.3%)	9(30.0%)	20(66.7%)
15.	Change Theme	0	9(30.0%)	21(70.0%)
16.	Slide Orientation	3(10.0%)	8(26.7%)	19(63.3%)
17.	Arrange Objects	5(16.7%)	11(36.7%)	14(46.7%)
18.	Rehearse Timing	5(16.7%)	11(36.7%)	14(46.7%)
19.	Background Style	1(3.3%)	10(33.3%)	19(63.3%)
20.	Compress Picture	5(16.7%)	10(33.3%)	15(50.0%)
21.	Set Up Slide Show	2(6.7%)	8(26.7%)	20(66.7%)
22.	Insert Photo Album	2(6.7%)	10(33.3%)	18(60.0%)
23.	Remove Background	1(3.3%)	9(30.0%)	20(66.7%)
24.	Change Picture Border	3(10.0%)	8(26.7%)	19(63.3%)
25.	Picture Correction Option	4(13.3%)	11(36.7%)	15(50.0%)

Jadual 8.3 menunjukkan perincian tahap kemahiran perisian persembahan dalam kalangan pelajar yang dikaji. Didapati bahawa walaupun secara keseluruhan tiada pelajar yang tidak mahir dalam kesemua 25 ikon yang terkandung dalam perisian PowerPoint, namun berdasarkan jadual ini didapati terdapat 21 ikon yang terdapat seorang hingga lima orang pelajar yang tidak mahir ikon tersebut. Sebaliknya, terdapat empat ikon seperti Print Slide, Insert Picture, Insert Clip Art dan Change Theme tiada pelajar yang tidak mahir ikon ini.

Ikon yang pelajar paling mahir atau dikuasai pelajar pula ialah Print Slide dengan 26(86.7%). Ikon selanjutnya diikuti dengan ikon Crop dengan 25(83.3%) pelajar mahir. Sebaliknya, tiga ikon paling kurang pelajar menguasai ialah seperti Hyperlink, Group Objects dan Artistic Effect apabila mencatatkan kekerapan sangat mahir sebanyak 13(43.3%).

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pemilihan aplikasi PowerPoint dapat mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran bahasa melalui teknologi. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa sekarang penggunaan multimedia dalam pembelajaran merupakan suatu inovasi yang bertujuan untuk mendapatkan kefahaman ataupun sebagai cara menyampaikan kandungan bahan kepada para pelajar. Sesuatu proses pembelajaran atau pembentangan menjadi menarik sekiranya aplikasi multimedia ini disertakan kerana pelajar akan menjadi lebih kreatif dalam mereka cipta slaid pembentangan mereka. Menariknya aplikasi PowerPoint ini adalah pelajar dapat meneroka sendiri proses kemahiran untuk mereka cipta kandungan seperti *crop*, *hyperlink*, *insert picture* dan sebagainya. Penggunaan slaid PowerPoint yang pelbagai bentuk dan gaya dapat membantu pelajar mempelbagaikan bahan kandungan, meningkatkan minat pelajar kerana slaid yang tidak membosankan, serta memudahkan pelajar untuk memahami sesuatu tajuk kerana bahan dipersembahkan penuh warna-warni.

Dengan adanya penggunaan PowerPoint ini juga dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman semasa proses pembelajaran berpusat. Kemahiran mengaplikasikan penggunaan PowerPoint ini sangat penting kerana menjadi salah satu asas kepada kemahiran menggunakan perisian komputer. Kajian Clark (2008) dan Mantei (2000) mendapati bahawa penggunaan PowerPoint sangat memberikan kesan dari segi pedagogi disebabkan aplikasi PowerPoint ini dapat memberi kepelbagaian

fungsi sebagai cara untuk merangsang pelajar menjadi kreatif. Manakala Subahan Mohd Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapa (2017) pula menjelaskan bahawa dalam bidang psikologi, pelajar akan lebih mudah mengingat maklumat verbal jika disertai dengan imej visual. Oleh sebab itulah aplikasi PowerPoint ini lebih banyak digunakan disebabkan fungsinya yang mudah diakses dan diaplikasikan. Jika dilihat pada Jadual 3, rata-rata pelajar sangat mahir mengendalikan proses memasukkan gambar, membuat suntingan latar, mengubah kedudukan gambar dan sebagainya. Secara kesimpulannya kesemua pelajar ini mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian persembahan atau PowerPoint ini. Hal ini diakui dengan catatan nilai min direkodkan pada Jadual 8.2 adalah sebanyak 7.66, iaitu sangat mahir. Jelaslah bahawa penggunaan teknologi maklumat berbentuk digital ini banyak membantu dalam proses pembelajaran pelajar terutamanya pembelajaran secara sendiri dan keadaan ini dilihat dapat meningkatkan keyakinan pelajar semasa proses membuat tugas pembentangan.

PENUTUP

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang dikaji berada pada tahap sangat mahir menggunakan perisian persembahan ini. Keadaan ini membuktikan bahawa pelajar bidang bahasa dan linguistik Melayu menguasai perisian asas ini dan dapat menggunakannya dengan baik sepanjang pengajian mereka di universiti. Sudah semestinya, kemahiran teknologi maklumat penting dikuasai sesuai dengan keperluan pekerjaan masa kini. Ini bersesuaian dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa kemahiran teknologi maklumat antara kemahiran yang diberikan perhatian oleh para majikan.

Sehubungan dengan itu, dapatan ini membuktikan bahawa pelajar bidang bahasa dan linguistik Melayu mampu bersaing dengan pelajar bidang-bidang lain dalam memperoleh kerjaya sebaik menamatkan

pengajian. Kemahiran teknologi maklumat ini merupakan nilai tambah dalam prospek kerjaya mereka. Malah, dengan kemahiran ini mereka akan dapat mengembangkan pengetahuan bahasa Melayu yang dipelajari mereka. Mereka akan mampu berkongsi maklumat bahasa dengan lebih pantas serta maklumat yang terkini. Ini seterusnya dapat meluaskan lagi proses pemartabatan bahasa Melayu pada peringkat global.

BIBLIOGRAFI

- Castagna, R. & Bigelow, S. J. (2021). Definition Information Technology. <https://www.techtarget.com/searchdatacenter/definition/IT>
- Clark, J. 2008. Power Point and Pedagogy. *College Teaching*, 56(1): 39-45.
- Emeritus (2022). What is information technology? Here's everything you need to know about the IT world. <https://emeritus.org/in/learn/what-is-information-technology/>
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M. Noor & Zawiyah M. Yusof (2012). Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 1(2): 39-45.
- Hua, W. M. & Aidah Abdul Karim (2023). Meningkatkan Kemahiran Mempersembahkan Maklumat Multimedia dalam Kalangan Guru dengan Membina dan Melaksanakan Modul Google Slides. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1):141-153.
- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman & Nor Asiah Ismail (2021). Tahap Pengetahuan Teknologi, Kemahiran dan Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan KOMSAS Guru bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1): 47-60.
- Mantei, E.J. (2000). Using internet class notes and power point in the physical geology lecture. *Journal of College Science Teaching*, 29 (5): 301-305.

- Muhammad Hazrul Ismail (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKIM) VII* (2): 906-913.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual 2nd edition: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS for Windows (Version 12)*. Open University Press.
- Sofia Nurul Hikmah & Sugama Maskar (2020). Pemanfaatan Aplikasi Microsoft PowerPoint pada Siswa Kelas VIII dalam Pembelajaran Koordinat Kartesius. *Jurnal Ilmiah Matematika Realistik (JI-MR)*, 1(1):15-19.
- Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa. (2017). *Pedagogi Abad ke-21*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Suthagar Narasuman, Md. Rizal Md. Yunus & Azlan Ahmad Kamal (2011). Net Generation Student Teachers: How Tech-Savvy Are They? *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1): 71-89.
- Zaliza Hanapi, Mohd Shazielan Mohd Shariff, Azlina Paijan, Abu Bakar Mamat & Faizah Abu Kassim (2018). Indikator Kemahiran Employability dalam Kalangan Graduan Pendidikan. *Jurnal Sains Humanika*, 10(3):119-124.

BAB 9

PEMARTABATAN BAHASA MELAYU MERENTASI PENDIDIKAN DI LUAR NEGARA: PENELITIAN DARI SUDUT NILAI DAN KEDUDUKAN BAHASA MELAYU PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

*Darwalis Sazan, Jacqueline Karimon, Md Zahril Nizam Md Yusoff & Muhamad Fadillah
Hj Zaini*

PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu faktor yang dapat menyatupadukan pembangunan negara bangsa tanpa mengira latar belakang. Bahasa itu adalah sesuatu yang luar biasa dan penting bagi mewujudkan peranan komunikasi dan budaya selain membentuk pemahaman kolektif manusia tentang dunia. Hal ini dilihat sebagai satu perkembangan dan pembangunan konsep manusia sejagat mengikut Gillet (1988). Hartmann dan Stork (1976) menjelaskan erti bahasa secara luas yang merangkumi peranannya itu sebagai representasi maklumat, komunikasi, kognitif dan lain-lain yang boleh dizahirkan secara langsung kepada masyarakat. Nik Safiah Karim et al., (1992) merujuk bahasa sebagai satu simbol masyarakat yang menuturkannya. Bentuk bahasa juga berupaya merepresentasikan kaum dan budaya penutur. Manakala Aziz M. Simin (1988) menjelaskan bahasa sebagai medium untuk seseorang berhubung dan membawa makna kesopanan juga dalam peristilahan kepada padanan Inggeris ‘language’.

Jika dilihat pemaknaan bahasa itu sendiri, jelas menunjukkan konteks yang luas merangkumi dimensi agama, tamadun, falsafah mahupun budaya. Jika wujud bangsa maka wujudlah juga bahasanya. Pelbagai definisi diketengahkan oleh para sarjana dalam menghuraikan erti bahasa dalam pelbagai konteks. Misalnya, bahasa yang dilihat sebagai representasi jati diri sesuatu bangsa telah lama menjadi simbol identiti budaya dan pembentukan patriotisme (Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Siti

Nor Baya Mat Yacob, 2019). Bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 152. Dengan termaktubnya perlembagaan ini menandakan kesepakatan dalam pembinaan ideologi yang sama berteraskan negara bangsa selaras dengan pengukuhan kedudukan bahasa Melayu yang menjadi lambang negara Malaysia. Pandangan yang sama oleh Teo Kok Seong (2010) tentang bahasa juga berupaya menonjolkan identiti kebangsaan, simbol perpaduan mahupun kemajuan dalam sesebuah negara. Tambahan lagi, Asmah Haji Omar (1989) menegaskan pandangan bahawa pemilihan bahasa Melayu yang mendasari perlembagaan Malaysia adalah hasil daripada unsur-unsur tradisi sedia ada dan bentuk kontrak sosial.

Dalam hal ini, peranan dan kepentingan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan juga tetap menjadi matlamat utama kerajaan sebagai pengukuhan bahasa ilmu di pelbagai peringkat pengajian dan pengajian tinggi yang boleh dilihat pada hari ini (Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik, 2022). Oleh itu, perkembangan ini yang dilihat sebagai satu kebanggaan dan kejayaan perlu diketengahkan dalam mendidik dan membentuk kecaknaan masyarakat terhadap signifikasi bahasa Melayu yang merentasi dunia.

SEJARAH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI LINGUA FRANCA

Bahasa Melayu melalui sejarah yang panjang. Sebagaimana yang diketahui, bahasa Melayu telah pun beralih mengikut perubahan atau peralihan fasa yang bermula dari zaman bahasa Melayu Purba, Kuno, Klasik sehinggalah kepada bahasa Melayu Moden. Melalui peralihan fasa ini menunjukkan bahawa perkembangan bahasa Melayu mempunyai signifikasi dalam tamadun bangsa dan hal ini bertitik tolak dari perubahan asimilasi pertembungan budaya, perdagangan, kemodenan dan lain-lain

yang membentuk bahasa Melayu Moden pada masa kini (A. Aziz, 2020). Melihat kepada konteks perkembangan ini maka nilai dan peranannya sebagai *lingua franca* sangat besar dalam tamadun Melayu.

Pernyataan '*lingua franca*' mengikut Akmajian et al., (1995) bersempena dengan nama asal masyarakat Jerman Kuno yang menjadi bahasa pertuturan di wilayah timur Mediterranean. Ada pandangan mengatakan bahawa *lingua franca* ini melambangkan satu bentuk komunikasi yang sama walaupun bahasa ibunda kedua-dua penutur adalah berbeza. Mengikut Hanis Izrin et al., (2017) kewujudan bahasa Melayu yang dikenali sebagai *lingua franca* telah lama wujud semenjak abad ke-7 Masihi di sekitar Asia Tenggara. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantara dalam perhubungan dan perdagangan antarabangsa yang dimonopoli oleh bangsa-bangsa asing suatu ketika dahulu seperti pedagang Arab, Cina, India dan lain-lain.

Secara faktanya, penggunaan bahasa Melayu ini juga digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Nusantara sebagai bahasa utama dalam komunikasi yang juga digunakan sebagai bahasa persuratan. Hal ini turut dinyatakan oleh Husen Abas (1998) yang menjelaskan bahasa Melayu digunakan secara meluas sebagai bahasa persuratan dalam pemerintahan sekitar abad ke-12 melibatkan beberapa buah kerajaan lama. Contohnya, kerajaan Melayu Bintan-Temasik, Riau, Melayu Melaka dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, bahasa ini juga bukan sahaja digunakan oleh para pedagang malah golongan pengembara dan ahli diplomat juga menggunakan bahasa ini sebagai bahasa perhubungan. Misalnya, penggunaan bahasa ini oleh 'Zheng He' atau lebih dikenali sebagai Laksamana Cheng Ho semasa pelayarannya ke rantau Nusantara sewaktu kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Begitu juga dengan penggunaan bahasa ini di Thailand melalui diplomasi (Phaosan Jehwae, 2012). Perkembangan dan penyebaran bahasa Melayu pada suatu ketika dahulu sangat ketara dan beroperasi secara meluas.

Tambahan lagi, berdasarkan penelitian sejarah oleh Noor Suraya (2008), beliau mendakwa perkembangan bahasa Melayu telah pun

digunakan secara meluas sejak pemerintahan kerajaan Srivijaya berdasarkan bukti pada catatan batu bersurat tertua di Palembang bertarikh 683 Masihi. Hal ini turut diakui oleh Nik Safiah Karim (2010) bahawa penemuan batu-batu bersurat membuktikan bahawa sejarah perkembangan bahasa Melayu diterima oleh masyarakat di rantau Nusantara malah beberapa batu bersurat juga ditemui menggunakan bahasa Melayu Kuno seperti batu Bersurat Talang Tuwo, Kota Kapur dan lain-lain. Selain itu, pelbagai penelitian dan bukti sejarah yang tercatat bahawasanya bahasa Melayu itu sebagai lingua franca. Antaranya, penelitian lalu oleh Hashim Musa et al., (2014) melalui bukti pertapakan penggunaan bahasa Melayu dalam karya-karya yang terawal yang ditemui sekitar 1303 Masihi dan beberapa manuskrip berkaitan hiburan serta pengadaptasian bahasa undang-undang turut mengguna pakai bahasa ini. Antaranya karya kesusasteraan seperti syair yang pada awalnya dikatakan berasal dari negara Arab, penggunaan bahasa Melayu dalam salah satu undang-undang tertua di dunia melibatkan Hukum Kanun Melaka dan Laut Melaka dan lain-lain.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Melayu berperanan sebagai medium perantara dalam kerajaan Srivijaya suatu ketika dahulu yang dikatakan bahawa bahasa ini sebagai tulang belakang kemasyhuran pentadbiran dan pemerintahan kerajaan ini sebagai tumpuan utama maritim. Pusat maritim ini merupakan hab penting para pedagang asing yang singgah ke pusat ini bahkan kerajaan Srivijaya juga dikenali dengan sistem percukaian perdagangan terhadap kapal-kapal dagang dan kuasa dalam penaklukan Selat Melaka dan Selat Sunda. Dengan kepesatan aktiviti perdagangan dan perluasan tanah jajahan maka satu bahasa diguna pakai dalam komunikasi dan urusan perdagangan. Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Abd Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman (2013) menyatakan bahawa bahasa yang dipertuturkan ketika itu ialah bahasa Melayu.

Oleh hal yang demikian, kegemilangan Kepulauan Melayu melalui lingua franca ini juga memberikan impak yang positif dalam kalangan pedagang, pengembara dan ahli diplomat khususnya orang Barat yang melihat potensi dan strategiknya perhubungan di rantau Nusantara.

Kegemilangan ini disusuli dengan penulisan kamus berbahasa Melayu setelah pengkajian dan penelitian dibuat sekitar abad ke-18 oleh William Marsden (Hanis Izrin Mohd Hassan et al., 2017). Kedatangan orang asing ke rantau ini menunjukkan pengaruh dan minat tentang ketersediaan yang wujud di Alam Melayu. Keistimewaan bahasa ini juga digunakan dalam komunikasi sebagai alat perhubungan raja-raja, pembesar Melayu dan orang bukan Melayu, maka ia dilihat sebagai satu tarikan oleh orang asing yang lain seperti Itali, Portugis, Arab, Perancis dan lain-lain.

Sepertimana yang dibincangkan, peranan dan faktor bahasa Melayu sebagai *Lingua Franca* satu ketika dahulu sememangnya menonjolkan kedaulatannya melalui beberapa faktor utama dan konteks penggunaan bahasa ini. Setiap urusan dan perhubungan melibatkan penggunaan bahasa Melayu digunakan secara meluas dan sehingga hari ini, peranan bahasa Melayu tidak dapat dinafikan kepentingannya malah bahasa ini turut diangkat sebagai bahasa dunia dan antarabangsa.

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini memberikan penelitian yang berfokuskan kepada nilai dan kedudukan bahasa Melayu melalui pemartabatan dan pengantarabangsaaannya dari aspek pendidikan di luar negara. Melihat kepada penelitian kajian lalu, kajian yang membincangkan nilai dan kedudukan bahasa Melayu berkonsepkan pendidikan sangat jarang diketengahkan khususnya melibatkan pengajian tinggi di luar negara. Kajian melibatkan pemartabatan bahasa Melayu dan pemeraksaannya, kedudukan dan faktor yang mendorong penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu lebih mendapat perhatian oleh sarjana tempatan. Adapun kajian melibatkan keupayaan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa melalui pendidikan dihasilkan oleh Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman (2013) namun kajian yang dibincangkan mempunyai limitasi terhadap perbincangan dan penggunaan

bahasa Melayu yang digunakan dan diangkat martabatnya pada peringkat antarabangsa.

Seterusnya, Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad (2014) pula mengkaji peranan bahasa Melayu dalam ilmu persuratan dan pendidikan secara berteknologi seiring dengan kepesatan bahasa Inggeris. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam teknologi sebenarnya bergerak sebagai agen pengekal nilai-nilai tradisi yang merangkumi perpaduan, nilai negara bangsa dan lain-lain dalam masyarakat. Selain itu, kajian oleh Ibrahim Majdi Mohamad Kamil dan Maliati Mohammad (2020) pula meneliti cabaran untuk membentuk negara bangsa dalam pemeraksanaan bahasa Melayu. Kajian ini berjaya melihat kekangan utama dalam masyarakat yang menyebabkan keterbatasan pemeraksanaan bahasa Melayu disebabkan penguasaan bahasa Melayu yang kurang dalam pelbagai kaum, pendidikan, kepolitikan dan penggunaan yang salah. Hal ini merencatkan usaha pemeraksanaan bahasa Melayu di Malaysia dalam mencapai negara bangsa. Kajian Aishah Mohammad Kassim (2021) mengkaji sejauh mana pelestarian bahasa Melayu di Singapura digunakan sebagai komunikasi utama dalam masyarakat Melayu. Kajian mendapati penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura semakin terhakis apabila bahasa Inggeris diangkat sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Singapura.

Penyelidikan terbaharu oleh Asyraf Hj. Abd. Rahman et al., (2022) meneliti kajian terhadap pemeraksanaan bahasa Melayu di luar negara tetapi dari aspek penterjemahan. Hasil kajian mendapati peranan penterjemah dalam pemeraksanaan bahasa Melayu berupaya dihasilkan sekiranya cabaran pendidikan dan politik dapat dielakkan apabila bahasa Melayu dapat diterjemah ke dalam bahasa-bahasa utama dunia. Sebagaimana yang diketengahkan, ternyata kajian lanjut bagi penelitian pemartabatan dan pengantarabangsaan melalui faktor, nilai dan kedudukan pada peringkat antarabangsa perlu dirincikan dengan lebih holistik. Kelompongan kajian yang sedia ada perlu dilaksanakan agar faktor, nilai dan kedudukan bahasa

Melayu dalam pendidikan di luar negara dapat segera dibincangkan bahawa adanya usaha dan kedudukan yang perlu dibanggakan dan dipertahankan pada masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif yang melibatkan penghuraian secara deskriptif. Kaedah pengumpulan data dan penganalisan data sekunder juga diterapkan dalam kajian ini berdasarkan metod penyelidikan dokumentasi kaedah literatur. Melalui penganalisan dokumentasi ini, pengkaji menjalankan kaedah literatur melibatkan data sekunder seperti bahan-bahan penyelidikan ilmiah melibatkan penelitian dan pembacaan jurnal, buku, akhbar dan majalah berkaitan penelitian pemartabatan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu dalam ilmu pendidikan di luar negara.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan dapatan berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pemartabatan dan pengantarabangsaan, nilai dan kedudukan semasa bahasa Melayu sebagai ilmu pendidikan pada peringkat antarabangsa.

Faktor-faktor Pemartabatan dan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu pada Peringkat Antarabangsa

Pendidikan diakui sebagai instrumen yang ampuh untuk kemajuan peribadi dan masyarakat. Dalam konteks Malaysia dan pelbagai negara Asia Tenggara lainnya, bahasa Melayu yang juga disebut sebagai bahasa Malaysia memiliki makna yang sangat penting. Bahasa ini berperanan sebagai elemen kohesif yang membentuk identiti negara. Bentuk

bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dapat dinyatakan sebagai satu alat untuk menyebarkan ilmu, pertukaran budaya, memupuk jati diri secara global dan lain-lain yang boleh dihidupkan secara konsep ilmu. Norliza Jamaluddin (2017) mendefinisikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang turut berperanan sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan. Bahasa ilmu merupakan bahasa yang mempunyai ciri ilmu dan berbudaya, yakni mampu untuk menyebarkan unsur keilmuan dalam masyarakatnya (Awang Sariyan, 2011). Hal ini menjelaskan bahawa konsep ilmu dalam bahasa Melayu berupaya digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Dengan melihat nilai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu maka peranannya yang begitu besar ada dijelaskan oleh Mees (1954) bahawa penggunaan lingua franca Kwen Lun atau dikenali sebagai bahasa Melayu Kuno telah pun digunakan sebagai bahasa pengantar di pusat pengajian tinggi Buddha ketika zaman kerajaan Srivijaya lagi.

Dalam hal ini, dengan peranan bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa ilmu ia dibentuk melalui pemartabatan dan pengantarabangsaaannya malah bahasa Melayu ini juga menjadi bahasa ilmu pada peringkat antarabangsa. Mengikut konsep martabat secara ringkas konteks ini menjelaskan tentang pengiktirafan peranan bahasa tersebut dalam meningkatkan kedudukan dan nilai serta budaya global. Dalam jalinan keragaman linguistik dan budaya di Asia Tenggara, bahasa Melayu, yang dikenal sebagai bahasa Malaysia, memiliki peranan yang unik dan signifikan. Bahasa ini berfungsi sebagai bahasa rasmi Malaysia, Brunei, Singapura dan beberapa wilayah di Indonesia. Asal usul sejarah dan pentingnya bahasa Melayu terkait erat dengan komuniti etnik yang beragam dan warisan budaya.

Dalam konteks ini, pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat antarabangsa berkomitmen untuk mempromosikan dan menginternasionalisasikan bahasa Melayu sebagai sarana untuk menyampaikan pengetahuan akademik secara global. Inisiatif ini mencakupi penstandardan bahasa, upaya bahasa Melayu dalam pendidikan dan penyelidikan serta membina jaringan kolaborasi dalam

akademik di seluruh peringkat antarabangsa. Tujuan utamanya adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dihormati dalam pertukaran ilmiah dan akademik di seluruh dunia di samping melestarikan signifikasi budayanya dan membentuk pertukaran idea, penyelidikan, dan pengetahuan di seluruh dunia.

Jika dilihat kedudukan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu, hal ini bukanlah perkara yang baharu, malah unsur *lingua franca* pula wujud ketika kerajaan Srivijaya lagi dan secara modenya penekanan identitinya dalam pendidikan dibentuk pula melalui gagasan akta dan laporan seperti Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), Akta Bahasa Kebangsaan (1963, 1967 dan 1990), Akta Pendidikan (1996) dan lain-lain berkaitan dengan pengukuhan bahasa ini. Perkara pokok yang ingin dibincangkan dan inisiatif pemartabatan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu sebagai dalam pendidikan di peringkat antarabangsa bertujuan untuk menetapkan bahasa Melayu sebagai media pengetahuan di seluruh dunia. Upaya ini mencakupi spektrum elemen, strategi, dan kebijakan yang saling berhubung untuk menekankan bahawa pentingnya bahasa Melayu dan penerapannya dalam pendidikan pada peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, terdapat faktor-faktor penting yang mendorong kemajuan dan penerimaan global dalam penggunaan bahasa Melayu.

Pertama, berdasarkan keupayaan dan keistimewaan bahasa Melayu itu sendiri yang bergerak sebagai bahasa ilmu pernah mencapai kegemilangan suatu ketika dahulu sebagai *lingua franca* atau bahasa antarabangsa. Kegemilangan ini bermula sejak kemunculan kerajaan Srivijaya sehinggalah pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Hal ini menunjukkan kemampuan bahasa Melayu yang telah mengatasi bahasa-bahasa asing yang lain dalam sejarah Nusantara seumpamanya bahasa Arab, Cina, Itali, Sepanyol, Inggeris dan lain-lain. Ku Hasnita Ku Samsu et al., (2013) turut menjelaskan kepentingan penggunaan bahasa Melayu ketika itu sebagai bahasa utama dalam pelbagai urusan perdagangan, urusan rasmi, diplomatik dan pendidikan. Bahkan bahasa ini digunakan dalam urusan Diraja sehingga mendapat perhatian oleh Dinasti

Ming apabila mewujudkan jawatan yang baharu, yakni jawatankuasa jurubahasa ‘Da Tong Shi’ untuk memudahkan urusan rasmi dengan negara luar dan setiap jurubahasa ini diwajibkan mengambil pengkhususan bahasa Melayu malah akademi bahasa ‘Si Yi Guan’ atau balai bahasa negeri-negeri asing juga ditubuhkan (Awang Sariyan, 2011).

Sehubungan dengan itu, Victor (2011) berpandangan dan meyakini bahawa bahasa Melayu akan terus kekal sebagai bahasa yang penting kerana sejarah telah membuktikan kegemilangannya melalui perkembangan sejarah yang lahir dalam karya-karya manuskrip, kesusasteraan dan pensejarahannya juga yang menjadi rujukan dunia. Antara contoh, perhatian dunia terhadap penciptaan dan kewujudan manuskrip tertua di Malaysia yang dikenali sebagai ‘Sejarah Melayu’ atau Sulalatus Salatin. Dengan sejarah kewibawaan bahasa Melayu, hal ini memberi satu petanda yang baik bahawa keupayaan untuk terus mendaulatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa dikira akan berhasil.

Kedua, penerimaan dan pencapaian bahasa Melayu di negara luar. Jika dilihat pada hari ini, penerimaan negara luar terhadap bahasa Melayu kian berkembang dan bahasa Melayu tidak lagi asing dalam pendidikan luar negara. Hal ini bertitik tolak daripada penerimaan orang luar yang menunjukkan minat terhadap bahasa Melayu. Contohnya, pada 1798 seorang pengembara dari Rusia, iaitu I. F. Kruzenstern menyanjung tinggi bahasa Melayu dan ekoran daripada itu beliau membawa pulang salinan Sulalatus Salatin dan kemudian karya ini telah diterjemah ke dalam bahasa Rusia dan Inggeris Sulalat-Us Saalatin: Kruzenstern’s Malay Manusript, its Cultural and Historical Value (Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2013). Di samping itu, bukan sahaja golongan biasa yang menerima penggunaan bahasa Melayu ini bahkan golongan bangsawan asing seperti Ratu Catherine juga mengarahkan agar bahasa Melayu dimasukkan ke dalam kamus sekitar abad ke-18. Tambahan lagi, apabila kedatangan kuasa Eropah ke Tanah Melayu, bahasa Melayu perlu digunakan oleh semua pegawainya dan mereka perlu menduduki ujian dan lulus. Hal ini menunjukkan kepentingan yang tinggi mengapa bahasa Melayu itu perlu

diangkat martabatnya (A. Aziz Deraman, 2001; Abdul Aziz Bari, 2006).

Selain itu, pencapaian luar biasa bahasa Melayu di peringkat antarabangsa khususnya di institusi pengajian tinggi di luar negara melibatkan negara China, Jepun, Korea, Rusia, Belanda, Uzbekistan dan sebagainya yang menawarkan pengajian bahasa Melayu. Pengajian ini banyak ditawarkan di fakulti, pusat mahupun institut universiti. Misalnya, di pusat pengajian bahasa Asia dan Afrika, institut kemanusiaan dan pelajaran timur, pusat bahasa dan lain-lain. Setiap pengkhususan bahasa Melayu di negara luar kebanyakannya telah melebihi tempoh 10 tahun dan boleh dikatakan kedudukan bahasa Melayu di negara luar juga sudah kukuh.

Selanjutnya, faktor ketiga pula dilihat berdasarkan penyesuaian dan penetapan istilah bahasa dalam pelbagai bidang ilmu serta bilangan penutur yang ramai dalam mengekalkan sebagai salah satu bahasa utama dunia. Sebagaimana yang diketahui, bahasa Melayu boleh disesuaikan dalam pelbagai pembentukan peristilahan bidang ilmu, seperti teknologi, pentadbiran, undang-undang, pengkomputeran dan lain-lain. Peristilahan yang berintegrasi dengan pelbagai bidang ilmu ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengekalkan sifat kemelayuan dan keindahan dalam peristilahan yang boleh dipadankan dalam sesuatu bidang ilmu. Dengan adanya pembentukan asas makna dan keautentikan bahasa Melayu dalam sesuatu peristilahan, maka bahasa Melayu akan sentiasa relevan dan mempunyai nilai yang tinggi dalam pelbagai bidang ilmu. Bahasa Melayu juga perlu bergerak seiring dengan peredaran zaman dan generasi dunia.

Seterusnya, sumbangan penterjemahan tentang karya-karya yang berbahasa Melayu untuk diterjemah ke dalam bahasa asing juga menunjukkan keperluan dan kebergantungan negara luar dalam bidang keilmuan. Hal ini dapat dilihat apabila teks-teks Melayu tradisional khususnya, Hikayat Hang Tuah, Sulalatus Salatin, Merong Mahawangsa diterjemah ke dalam bahasa asing seperti China dan Rusia melalui bahasa Melayu. Dalam hal ini, sumbangan yang dilakukan tersebut menjelaskan

bahawa bahasa Melayu juga sangat penting dan setanding dengan bahasa-bahasa utama lain di dunia. Zalika Adam dan Faridah Kasim (2011) turut menyokong kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang setanding dengan bahasa antarabangsa lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Perancis, Rusia.

Akhir sekali, berdasarkan faktor jumlah penutur bahasa Melayu juga berperanan sebagai penyebaran dan pengaruh pemartabatan dan pengantarabangsaan bahasa ini sebagai bahasa ilmu. Sehingga 2022, ialah seramai 281 juta penutur dan di kedudukan keenam dunia jika dibandingkan dengan 27 tahun lalu menunjukkan seramai 195 juta orang penutur ketika itu. Hal ini menunjukkan pertambahan yang pesat dalam kalangan penutur bahasa Melayu pada abad ke-21 ini. Teo Kok Seong (2011) menyatakan bahawa bahasa Melayu akan kekal menduduki tangga atas setanding dengan bahasa dunia yang lain sebagai bahasa utama dan bahasa yang ramai penutur. Konteks ini menunjukkan bahasa Melayu sememangnya digunakan di seluruh pelosok dunia merangkumi urusan pendidikan, pentadbiran, perniagaan dan perdagangan dan seumpamanya. Oleh itu, bahasa Melayu juga bersifat ‘survival’, yakni persaingan dengan bahasa dunia utama yang lain untuk mencapai taraf dan kedudukan antarabangsa.

Peningkatan Nilai dan Kedudukan Semasa Bahasa Melayu dalam Konteks Semasa

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Malaysia dan Brunei. Bahasa Melayu juga digunakan di kawasan tertentu di Indonesia, Singapura, selatan Thailand dan Filipina. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar utama di Malaysia dan Brunei. Di Malaysia, bahasa Melayu menjadi medium utama untuk menyampaikan ilmu dalam sistem pendidikan negara. Proses ini termasuklah melibatkan pengajaran mata pelajaran teras dalam bahasa Melayu. Di Indonesia, bahasa Melayu memegang status bahasa rasmi di wilayah Riau, Kepulauan

Riau, dan sebahagian Sumatera Utara yang dikenali sebagai “bahasa Indonesia”. Selain itu, bahasa Melayu turut menjadi bahasa pengantar di seluruh sistem pendidikan negara selain menjadi medium penyatuan komunikasi antara pelbagai etnik dan wilayah di Indonesia. Singapura pula mengiktiraf bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa rasminya dan mewajibkan kemasukannya sebagai mata pelajaran wajib di sekolah.

Sebagaimana yang diketengahkan, bahasa Melayu kekal sebagai bahasa rasmi di beberapa negara dan perkara ini menunjukkan bahawa pengekalan jati diri dan negara bangsa sangat besar peranannya. Bahasa Melayu sememangnya mempunyai nilai dan kedudukan yang tersendiri bahkan pemartabatan bahasa ini juga mekar pada peringkat antarabangsa. Mungkin kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak mengetahui akan nilai dan kedudukan bahasa Melayu itu sendiri disebabkan ketidakcaknaan dalam konteks ini. Seperti yang sedia maklum, bahasa Melayu kini telah pun berada di kedudukan keenam teratas dunia setanding dengan bahasa dunia lain, seperti bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, bahasa Hindi, bahasa Sepanyol dan bahasa Arab. Perkara ini menandakan bahawa bahasa Melayu semakin ramai penuturnya dan penggunaan bahasa Melayu begitu meluas sehinggakan bahasa ini diangkat sebagai bahasa ilmu dalam pendidikan.

Pengajian Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa

Dalam menelusuri nilai dan kedudukan bahasa Melayu di negara luar dalam dunia pendidikan, kewujudan pengajian bahasa Melayu sebagai subjek teras (major) dan elektif di luar negara melibatkan institusi pengajian tinggi boleh dikatakan tidak diketahui oleh sebilangan masyarakat. Sesetengah pandangan menyatakan bahawa bahasa Melayu tidak setanding bahasa utama dunia yang lain dan pernyataan ini adalah tidak benar. Bahasa Melayu telah merentasi dunia pendidikan antarabangsa.

Perkembangan dan pemartabatan bahasa Melayu telah lama berlaku di institusi pengajian tinggi luar negara dan jika dilihat negara

China antara universiti paling lama yang menubuhkan pusat pengajian bahasa Melayu yang menjangkau lebih 50 tahun (Awang Sariyan, 2011). Namun begitu, bukan sahaja universiti di China yang mengiktiraf dan mewujudkan program ini malah universiti-universiti lain seperti Universiti Moscow (Rusia), Universiti Pengajian Asing Hankuk (Korea), Universiti Leiden (Belanda), Universiti Ohio (Amerika Syarikat), Universiti Victoria Wellington (New Zealand) dan lain-lain juga tidak terkecuali. Antara faktor utama kelangsungan pemartabatan bahasa Melayu di universiti-universiti ini adalah disebabkan tertubuhnya Kursi Pengajian Melayu yang disandang oleh barisan Profesor dari Malaysia. Antaranya, Profesor Dr. Awang Sariyan di Universiti Tienjen Beijing (Victor, 2011). Begitu juga di negara-negara lain yang menubuhkan Kursi Pengajian Melayu di universiti terlibat. Bahkan menurut Hassan Baseri Budiman (2011) pelbagai usaha telah dibincangkan untuk merancakkan lagi pemartabatan bahasa Melayu di negara luar dan salah satunya usaha yang telah berjaya adalah menubuhkan pusat sumber Malaysia melalui kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia di Universiti Wellington, Universiti Ohio dan Universiti Leiden.

Keupayaan dan mekarnya bahasa Melayu merentasi pendidikan di negara luar telah memberi impak yang begitu besar kepada negara kita, iaitu Malaysia dan negara luar yang menyanjungi bahasa ini. Sebagai contoh, di negara China sahaja sebanyak 15 buah universiti sama ada awam mahupun swasta mewujudkan program pengajian bahasa Melayu secara teras dan elektif. Antaranya, Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU), Universiti Pengajian Antarabangsa Xi'an, Universiti Peking, Kolej Pengajian Asing Hainan, Kolej Perguruan Minjiang, Universiti Pengajian Antarabangsa Sichuan dan Institut Chengdu, Universiti Minzu Yunnan, Universiti Pengajian Asing Tianjin dan lain-lain. Penubuhan program pengajian bahasa Melayu di negara China adalah sangat membanggakan ekoran dasar polisinya yang agak ketat tetapi bahasa Melayu berjaya menembusi negara tersebut. Dalam hal ini, pengajaran dan pembelajaran yang beroperasi di universiti-universiti luar negara merangkumi subjek

Kesusasteraan Melayu, Linguistik Melayu, Sejarah Melayu, Penulisan Melayu, Bahasa Melayu Tinggi, Persembahan dan Kesenian Melayu, Bahasa Melayu dan Komunikasi dan lain-lain. Kesemua subjek yang diajar merupakan komponen asas yang perlu dikuasai oleh semua pelajar dan boleh dikatakan hampir keseluruhan pelajar begitu fasih dan memperoleh keputusan yang cemerlang sehinggakan mereka berminat untuk menyambung pelajaran hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Tinggi dalam pengkhususan bahasa Melayu.

Melihat kepada kefasihan mereka yang begitu mengagumkan, elemen dan pengaruh ini dibina menerusi pengajaran dan pembelajaran oleh tenaga pengajar dalam kalangan penutur natif yang berbangsa Melayu dari Malaysia dan tenaga pengajar dari institusi, pusat, kolej dan universiti tersebut khususnya golongan pensyarah yang merupakan bekas graduan pengkhususan bahasa Melayu. Di China, pihak universiti akan menggabungkan kedua-dua tenaga pengajar ini untuk melengkapkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar, yakni kesemua proses hanya merangkumi penggunaan bahasa Melayu termasuklah penulisan latihan ilmiah atau tesis, latihan dan tugasan, perbincangan, pembacaan buku teks dan lain-lain.

Kerjaya Graduan dan Kolaborasi Antarabangsa dalam Pemeriksaan Bahasa Melayu

Sehubungan dengan itu, dengan penubuhan pengajian Melayu di luar negara maka hal ini telah memberi pengaruh kepada graduan yang mengambil jurusan ini. Kebanyakan graduan berjaya memperoleh kerjaya yang sangat baik seperti pegawai diplomat, penterjemah, pensyarah, penyampai radio dan wartawan, pegawai bank, juru bahasa dan lain-lain dengan menggunakan bahasa Melayu dalam prospek kerjaya mereka. Hal ini menyumbang kepada perkembangan penggunaan bahasa Melayu melalui kebolehpasaran graduan, kefasihan bahasa kedua dan ketiga, pilihan kerjaya dan sebagainya.

Dalam konteks ini, nilai dan kedudukan bahasa Melayu dalam pendidikan di luar negara juga telah diketengahkan melalui pertambahan kolaborasi antara universiti-universiti di Malaysia dan di luar negara yang dicapai melalui pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU). Antara contoh kolaborasi universiti luar negara dengan universiti di Malaysia bagi pengajian bahasa Melayu terdiri daripada Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain. Pelbagai kemudahan dan program bahasa Melayu telah dilaksanakan mengikut kesesuaian pengkhususan pelajar, seperti program anak angkat, menginap desa, pertandingan nyanyian bahasa Melayu, pertandingan pidato, mendeklamasikan sajak, pantun dan lain-lain. Pendedahan ini melahirkan lebih ramai pelajar luar negara untuk mengikuti program ini dan boleh dikatakan bahawa setiap tahun program ini mendapat sambutan yang sangat baik oleh semua pelajar malah bahasa Melayu juga antara pengkhususan yang menerima permintaan tinggi saban hari (Ab. Razak Ab. Karim, 2015).

Hal ini dilihat sebagai satu usaha efektif dalam membina kerjasama antarabangsa di samping peranan kerajaan yang berupaya mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa diplomasi. Usaha ini dilihat sebagai satu seruan dalam bidang pendidikan yang wajar diteruskan untuk terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa utama dunia. Oleh hal yang demikian, pengukuhan pemeteraian memorandum akan terus dipelihara apabila kesepakatan dua hubungan terjalin antara Malaysia dan negara luar maka tidak hairanlah jika suatu hari nanti bahasa Melayu akan berada di kedudukan yang lebih tinggi mengatasi kedudukan bahasa Hindi, bahasa Sepanyol mahupun bahasa Inggeris.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan, jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor, nilai dan kedudukan bahasa Melayu dalam pendidikan yang bergerak sebagai bahasa ilmu berjaya diketengahkan dan hal ini merupakan satu realiti yang perlu kita banggakan. Dalam menelusuri pemartabatan dan pengantarabangsaaan bahasa Melayu merentasi dunia pendidikan luar negara, kita juga seharusnya berpegang dan memperakui akan kedudukan bahasa Melayu itu sendiri di bawah Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan selaras dengan proses pemartabatan ini. Pelbagai usaha juga telah pun dilaksanakan dalam mengantarabangsakan bahasa Melayu dan ternyata pendauletan bahasa Melayu semakin mekar di luar negara menerusi bahasa ilmu maka kelangsungan ini mewujudkan representasi nilai dan kedudukan bahasa Melayu yang dahulu kalanya sudah pun bergerak sebagai lingua franca yang telah mengatasi bahasa-bahasa lain pada waktu lalu. Keagungan bahasa Melayu akan terus disanjung tinggi jika usaha-usaha dan kecaknaan oleh masyarakat generasi kini berhasil maka secara tidak langsung wajar diakui bahawa bahasa Melayu telah pun diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa yang beroperasi dalam bahasa ilmu dan pelbagai aspek lain serta berupaya mengatasi cabaran-cabaran semasa.

BIBLIOGRAFI

- Abdul, A., B. (2006). *Politik Perlembagaan*. Institut Kajian Dasar & Konrad Adenauer Foundation.
- Abdul, A., D. (2000). *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul, R., A, K. (2015). *Pengintenasionalan Bahasa Melayu Oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Di China, Thailand dan Singapura*. Prosiding Seminar Internasional Menjadikan Bahasa Indonesia sebagai Bahasa Internasional, 46-59.

- Aishah, M., K. (2021). Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu JOMAS*, Jilid 32(2), 39-56.
- Akmajian, A., Demers, R. A., Farmer, A. K. dan Harnish, R. M. (1995). *Linguistik: Penghantar Bahasa dan Komunikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah, H., O. (1989). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyraf, H., Ab, R, Mazlina, A., Mariati, M., S. & Gunawan, A. (2022). “Cabaran dan Sumbangan Penterjemahan dalam Memperkasa Bahasa Melayu di Peringkat Antarabangsa”. *Jurnal Pengajian Melayu-JOMAS*, 33(2), 63-82.
- Awang Sariyan. (2011). “Proses dan Strategi Pembudayaan Bahasa Melayu sebagai Tonggak Tamadun”. *Jurnal Pemikir*. Utusan Karya.
- Azhar, M., S. (1988). *Discourse-syntax of “Yang” in Malay (Bahasa Malaysia)*. Diterjemahkan oleh Azhar M. Simin. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gillett, G. (1988). *Learning to Perceive. Philosophy and Phenomenological Research*. 48(4), 601-618.
- Haizah, B. & Norazana, A., K. (2022). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid India di Sebuah Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 63-71.
- Hanis, I., M, H, Siti, M., A. & Mohd, S., Y. (2017). “Kegemilangan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca”. *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang*, 2, 18-30).
- Hartmann. R., R, K. & Stork, F., C. (1976). *Dictionary of Language and Linguistics*. Applied Science Publisher.
- Hassan, B., B. (2011). Kursi Pengajian Melayu: Kearah memartabatkan tamadun bangsa di luar negara. *Dewan Bahasa*, 11(5), 31-33.
- Hashim, M., Rozita, C., R. & Salmah, J., N, M. (2014). Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 2(2), 3-19.

- Ku, H., Ku, S, Adlina, A., H. & Mohd, H., S. (2013). Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa. *International Journal of the Malay World and Civilization (IMAN)*, 1(1):55-65.
- Nik, S., K. (1992). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik, S., K. (2010). *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Noor, S., A. (2008). Perubahan bahasa dalam warkah Diraja Melayu: Suatu kajian mengenai surat-surat kepada gabenor dalam tahun 1786-1794 dan 1886-1894. *Tesis*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Norliza, J. (2017). Upaya Bahasa Melayu sebagai Sarana Ilmu. Simposium Internasional Upaya Peningkatan Kembali Bahasa Melayu sebagai Alat Pemersatu Kawasan Asia Tenggara, 1-15.
- Phaosan, J. (2012). *Bahasa Melayu Mendamaikan Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti, N., F. & Siti, N., B, M., Y. (2019). Sistem Pendidikan dan Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan di Malaysia. *Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (I-STET)*. 299-303.
- Teo, K., S. (2010). Lokus Bahasa Melayu dalam Gagasan 1 Malaysia: Alat Perpaduan Bangsa dan Kemajuan Negara. *Himpunan Kertas Kerja Persidangan Nasional Paradigma Baru Perpaduan Bangsa*. Majlis Profesor Negara.
- Teo, K., S. (2011). Fenomena keperkasaan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 10(8), 6-9.
- Victor, P. (2011). Bahasa Melayu merentas sempadan. *Dewan Bahasa*, 11(3), 52-55.
- Zalika. A. & Faridah, K. (2011). Perkembangan bahasa di Malaysia dan penyatuan rakyat. *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, 14-15.

BAB 10

PENGUKUHAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KOMUNIKASI MADANI: SATU PERBINCANGAN

Jacqueline Karimon & Darwalis Sazan

PENGENALAN

Bahasa merupakan medium komunikasi terpenting bagi manusia. Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang sangat penting di Malaysia. Bahasa Melayu mempamerkan identiti sejati sebagai seorang rakyat Malaysia. Identiti ini penting untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai wadah perpaduan nasional. Bahasa Melayu bukan sekadar bahasa komunikasi tetapi menghidupkan jiwa bangsa rakyat Malaysia. Bidang bahasa tidak ketinggalan dalam skema perancangan dan pembinaan negara Malaysia, selaras dengan teori perancangan bahasa yang meletakkan bahasa sebagai salah satu unsur pembinaan negara. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putera, bahasa kebangsaan umpama roh atau jiwa negara (Rozali Rajab, 2012). Negara tanpa bahasa kebangsaan ialah negara tanpa roh atau jiwa. Maka itu, pemimpin terdahulu telah menggubal Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu dasar negara. Bersama-sama dengan “dasar-dasar kenegaraan” yang lain, iaitu Dasar Bahasa Kebangsaan memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara.

Oleh itu, masyarakat madani pada hari ini sangat mendambakan sebuah kehidupan yang majmuk yang disokong oleh peranan bahasa dalam masyarakat. Peranan bahasa dalam melengkapi aspek keseimbangan kesejahteraan rakyat Malaysia berteraskan slogan madani yang sangat signifikan untuk membantu kerajaan hari ini mencapai matlamat kepimpinannya. Pengenalan terhadap Malaysia madani oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang ke-10 dirangka sebagai

ikhtiar untuk memberikan landasan pentadbiran negara yang berkesan. Penekanan ini termasuklah memperkasakan bidang ekonomi dan budaya tanpa mengabaikan nilai, etika dan akhlak masyarakat Malaysia.

Oleh itu, bahasa Melayu sangat berperanan bagi mengangkat dan menyokong hasrat kerajaan untuk menegakkan dan mengangkat negara dalam konteks falsafah negara madani. Konsep madani juga meletakkan perpaduan dan kerjasama rakyat untuk memajukan negara secara seimbang dan mampan. Keseimbangan ini memberikan keadilan kepada seluruh rakyat tanpa adanya diskriminasi, penindasan dan berat sebelah. Matlamat melahirkan masyarakat madani membolehkan negara mencapai kemajuan yang sejahtera. Justeru itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia tidak harus dipandang rendah dalam menjadi wahana penting menyokong gagasan Malaysia madani.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian dalam penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kepada pemerhatian mendalam terhadap proses dan peristiwa secara semula jadi dan sistematik. Data dikumpulkan melalui analisis bahan bacaan sebagai sumber sekunder, tanpa melibatkan data kuantitatif. Pendekatan ini sering dianggap sesuai dalam kajian sains sosial, terutama dalam kajian kepustakaan yang menekankan aspek interpretasi dan pemahaman konteks ayat sesuatu fenomena (Creswell, 2013; Merriam & Tisdell, 2015). Hal ini kerana, dalam pendekatan kualitatif, ayat dan naratif kualitatif menjadi tumpuan utama untuk memahami makna secara lebih mendalam, berbanding sekadar angka atau statistik. Tambahan pula, pendekatan ini menekankan kepada penekanan ayat. Di samping itu, disebabkan penulisan ini menyentuh tentang perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan peranannya kepada gagasan Malaysia madani. Pendekatan ini bertujuan untuk memahami bagaimana bahasa Melayu menyokong perpaduan dan

identiti nasional, seiring dengan visi Malaysia madani yang mementingkan nilai-nilai inklusif, keadilan sosial, dan pembangunan seimbang. Oleh itu, maka penulisannya juga menggunakan metod mencatat dan menganalisis menggunakan bahan bacaan. Dengan ini, kepelbagaian sumber daripada perpustakaan dapat dikumpul dan dijawab. Selain itu, perbincangan ini dapat membantu melihat lebih tepat lagi tentang isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa pembinaan bangsa madani.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan diharapkan dapat menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara yang maju. Akta Pendidikan 1996 telah memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Dalam membincangkan konsep Malaysia madani, maka kita turut memperkatakan mengenai kemajuan bangsa Malaysia yang merangkumi beberapa aspek penting seperti yang digagaskan dalam falsafah Malaysia madani. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan penerokaan terhadap bahasa Melayu yang membantu kerajaan merealisasikan falsafah yang dibawa dalam pemerintahan, iaitu Malaysia madani.

PERBINCANGAN

Bahasa Melayu Memacu Dasar Pendidikan

Tamadun bangsa tidak hanya bergantung kepada negara yang maju secara fizikal dengan pertumbuhan bangunan-bangunan pencakar langit sahaja. Tamadun bangsa ini diukur pada penguasaan sesebuah negara

mempertahankan jati diri bangsa mereka. Penguasaan ini termasuklah penguasaan bahasanya. Penguasaan ini dapat dilihat daripada penghargaan terhadap bahasa mereka dengan mengangkat sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa teknologi dan bahasa ilmu yang digunakan. Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu sangat memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam mengangkat nilai-nilai penting dalam masyarakat. Menurut Hartmann dan Stork (1976), bahasa digunakan untuk menggambarkan sesuatu (fungsi representasi), untuk menyampaikan maklumat antara anggota masyarakat (komunikatif), untuk menjadi pendengar penyambut (fungsi apelatif), untuk menyatakan dan mengujarkan perasaan (fungsi ekspresif), atau untuk memberikan penaakulan intelektual (fungsi kognitif).

Sehubungan itu, bidang bahasa tidak boleh diketepikan dalam perancangan pembinaan negara Malaysia, selaras dengan teori perancangan bahasa yang meletakkan bahasa sebagai salah satu wahana pembinaan negara yang maju. Tunku Abdul Rahman memandang bahasa sebagai alat untuk membentuk keperibadian kebangsaan dan penting untuk kemajuan negara Malaysia. Kenyataan beliau merujuk kepada pandangan bahawa setiap negara perlu memiliki bahasa yang difahami oleh semua rakyat untuk memperkukuhkan identiti dan perpaduan demi mencapai kemajuan negara (Yusmariza Mohd Yusoff, 2012). Tunku Abdul Rahman Putera, Perdana Menteri pertama Malaysia pernah mengungkapkan bahawa bahasa kebangsaan umpama roh atau jiwa negara. Negara tanpa bahasa kebangsaan ialah negara tanpa roh atau jiwa. Maka itu, digubal Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu dasar negara. Bersama-sama dengan “dasar-dasar kenegaraan” yang lain, Dasar Bahasa Kebangsaan memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara.

Pembinaan negara madani merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai bahasa yang mengungkapkan ilmu. Bahasa ilmu ini pada dasarnya mestilah diselarikan dengan dasar pendidikan kebangsaan. Melalui dasar pendidikan ini, maka pembinaan negara bangsa bagi negara yang bermulti etnik dapat dilaksanakan. Medium paling berkesan untuk

memupuk perpaduan rakyat haruslah melalui dasar pendidikan. Dasar pendidikan akan menjadikan proses pembinaan negara bangsa lebih mudah dan cepat termasuklah membina ekonomi, politik dan sosial yang stabil. Penggunaan bahasa Melayu sejak selepas merdeka telah ditekankan selepas kemerdekaan. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan menerusi dasar dan akta bahasa. Fungsi dan peranan bahasa Melayu ini termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen. Menerusi Perkara 152 ini tidak dapat disangkal akan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan yang mempunyai kedudukan istimewa berbanding bahasa-bahasa lainnya.

Memandangkan bahasa Melayu perlu digunakan dalam urusan-urusan rasmi kerajaan termasuk bidang pendidikan maka kedudukan bahasa Melayu mempunyai peranan yang sangat penting dalam memberikan susun atur pengurusan negara yang berkesan dari aspek ekonomi, sosial dan politik tadi. Perlu juga diakui peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan sangat penting untuk mewujudkan negara yang stabil dan kuat. Dalam Penyata Razak (1956) Perenggan 2 telah jelas menyatakan bahawa:

...menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pengajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (utama), walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan dengan beransur.

Menerusi kenyataan ini telah memberikan bukti betapa pentingnya peranan bahasa untuk mencapai negara madani seperti yang dicita-citakan oleh kerajaan masa kini. Banyak kenyataan yang menyokong Penyata Razak ini yang menegaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa yang

perlu dikuasai, dipakai dan diperkukuhkan untuk tujuan kesejahteraan negara. Pewartaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 secara khusus meneguhkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang memangku identiti negara Malaysia. Akta ini menjelaskan bahawa:

Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi: kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi.

Selain itu, apabila bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan maka sebarang ungkapan ilmu di sekolah yang meliputi semua disiplin ilmu akan menjadikan bahasa Melayu dikukuhkan sebagai bahasa kemajuan negara. Malaysia madani harus yakin pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan berjaya juga dalam pengungkapan ilmu tinggi. Impaknya ialah masyarakat kita akan lebih memahami bahasa sendiri dan mudah mengaplikasikannya dalam kegiatan keilmuan.

Berikutnya sebagai bahasa ilmu bahasa Melayu perlu terus diletakkan sebagai fokus utama untuk mencapai gagasan dan idea kerajaan dalam mengelola negara. Oleh itu, kita telah menyaksikan sejak dahulu lagi usaha kerajaan tidak pernah berpenghujung ke arah membangunkan negara daripada setiap aspek termasuklah aspek ekonomi, politik, sosial dan pemeraksanaan bahasa Melayu dilihat juga semakin giat dilakukan. Hal ini demikian kerana, bahasa bukan sahaja menjadi alat bagi masyarakat Malaysia untuk berkomunikasi malah juga digunakan dalam pelbagai bidang untuk mencapai gagasan negara madani. Antara bidang yang memerlukan bahasa adalah seperti bidang ekonomi, sains, kebudayaan, sastera dan sebagainya.

Pada hari ini jika ditelusuri, bahasa Melayu dilihat dapat digunakan dan disesuaikan dengan kemajuan teknologi baharu. Pelbagai istilah asing yang baharu seperti istilah bidang sains dapat diserap masuk dalam bahasa Melayu walaupun pada dasarnya merupakan bahasa pinjaman (Nazri Muslim, 2020). Bahasa Melayu telah terbukti sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Laporan Razak 1957 telah digubal dan dilaksanakan, dan seterusnya dalam Laporan Rahman Talib 1961. Isi kandungan laporan tersebut bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan sepenuhnya sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang diserap oleh sistem pendidikan agar dapat berkembang menjadi bahasa zaman moden ini. Seterusnya akan diterima pakai oleh rakyat dan mampu menjadi asas pembinaan negara yang mampu berdaya saing dan disegani di mata dunia (Nazri Muslim, Osman Md Rasip, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Abdullah Ibrahim and Otong Rosadi 2020).

Peranan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Negara MADANI

Proses pembinaan negara sebagai negara madani juga sangat berasaskan kepada rakyat itu sendiri. Pembinaan negara terutamanya dalam asas pertumbuhan ekonomi telah merentasi etnik yang pelbagai di negara Malaysia. Perkembangan zaman kesultanan Melayu telah memperlihatkan bahasa Melayu begitu mekar berkembang meliputi banyak aspek. Peranan bahasa Melayu terserlah di peringkat dunia apabila menjadi bahasa yang digunakan dalam perutusan dan perjanjian dengan pihak asing. Peranan tersebut membuktikan fungsi bahasa Melayu sebagai jambatan komunikasi yang penting dalam mengukuhkan hubungan diplomatik dan kerjasama antara negara. Malah, peranan tersebut memberikan bukti bahawa bahasa Melayu sememangnya menjadi asas kepada pembinaan negara pada ketika itu. Bahasa Melayu telah meningkatkan kerjasama, kesefahaman dan perpaduan dalam kalangan kaum di Kepulauan Melayu yang sememangnya disulam pelbagai etnik. Bukti ini menjadi satu imbasan sejarah yang sangat

berharga bahawa bahasa Melayu sememangnya mampu menjadi pembina kepada negara yang berlandaskan kepada bahasa tempatan.

Penyebaran idea MADANI sememangnya dinaungi oleh bahasa Melayu yang berperanan untuk menyampaikan gagasan kepada rakyat Malaysia. Peranan ini masih merentasi pendidikan masa kini dan juga kaum serta agama. Kedudukan bahasa Melayu juga turut memangku identiti bangsa, ekonomi, sosial dan politik rakyat Malaysia. Membangun Malaysia madani menepati elemen keterangkuman untuk menghidupkan bangsa dalam pelbagai aspek terutama sekali dalam melahirkan masyarakat yang adil dan seimbang walaupun memiliki adat dan kepercayaan yang berbeza. Dengan perpaduan yang kukuh maka kepincangan antara rakyat dapat dikurangkan dan memudahkan pengurusan kerajaan kepada rakyat, Implikasinya ialah kerajaan akan mudah untuk mencapai tujuan pembinaan bangsa yang maju dan sejahtera.

Selain itu, menerusi “Wacana Membangun Negara Madani” memerlukan tatakelola manusia terutama dalam keadilan sosial. Bahasa Melayu yang sedia ada dengan pembuktian sejarah lampau memudahkan penyampaian falsafah tersebut untuk difahami oleh semua golongan. Kemampuan untuk menterjemahkan falsafah madani kepada rakyat secara menyeluruh akan mampu mengatasi krisis politik dan ekonomi yang melanda negara.

Oleh itu, pengukuhan terhadap bahasa Melayu perlu terus ditekankan agar pembinaan negara bangsa dapat direalisasikan. Bahasa Melayu perlulah digunakan dengan relevan oleh kerajaan agar menjadi pembina negara madani yang berasaskan semua rakyat di negara ini. Tindakan ini termasuklah memantapkan Dasar Bahasa Kebangsaan. Pemerkasaan bahasa perlu menjadi fokus utama kerajaan untuk menjamin sebuah negara dengan berentitikan madani.

Kerajaan juga perlu memiliki keyakinan akan peranan bahasa Melayu dalam bertindak sebagai pemangkinan dan mencapai bangsa madani yang diimpikan. Meneliti jejak kemasyhuran bahasa Melayu sejak dahulu lagi, bahasa Melayu telah banyak menjadi bahasa yang sangat rapat

kepada pembinaan negara Malaysia. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa Kebangsaan menjadi satu penegasan bahawa bahasa Melayu tidak harus diketepikan dalam menyampaikan cita-cita madani. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang sangat penting dalam menjadi asas kepada kontrak sosial rakyat Malaysia. Bahasa Melayu mempunyai kedudukan istimewa di samping kedudukan raja-raja Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan hak-hak istimewa bangsa Melayu dan bumiputera (Awang Sariyan, 2006 & 2007).

Jika diperhatikan kebangkitan semangat kebangsaan yang terjadi di negara kita merupakan semangat yang menyeluruh sifatnya. Cita-cita ini disampaikan dengan suara satu bahasa, iaitu bahasa Melayu yang memperkatakan mengenai aspek kepentingan bahasa Melayu, pendidikan dan kebudayaan. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2005), bahasa ialah cermin budaya, penghubung dengan masa silam, dan penjelmaan keseluruhannya. Pendidikan dan bahasa merupakan tunjang pembinaan kekuatan konsep negara bangsa dan pendekatan ini haruslah seiring. Kenyataan yang dikemukakan oleh penulis mempunyai prinsip yang sama dalam mencapai rakyat yang madani seperti yang digagaskan oleh kerajaan.

Melalui sejarah kontrak sosial yang berlaku selepas kemerdekaan, bahasa Melayu sememangnya diterima sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia. Pengiktirafan ini sangat signifikan kerana bahasa merupakan satu-satunya cara yang paling berkesan untuk menjadi penghubung antara masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang budaya dan etnik. Selain itu, jika diamati konflik antara kaum dan agama sering ditimbulkan oleh kepelbagaian bahasa yang tidak difahami. Jika perkara ini dibiarkan secara meluas antara satu sama lain boleh menimbulkan salah faham yang akhirnya menjurus kepada ketegangan dan konflik (Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim 2019).

Di samping itu, bahasa Melayu merupakan alat yang menjadi satu lambang penyatuan dan jati diri semua etnik selaras dengan prinsip

“Bahasa Jiwa Bangsa”. Sejak bahasa Melayu dijadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia tidak menjejaskan penggunaan bahasa ibunda etnik lain malah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Jika dilihat dari segi sejarah, bahasa Melayu digunakan secara meluas bagi tujuan rasmi seperti mesyuarat, surat-menyurat, perundangan dan kehakiman di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, jabatan polis, dan sebagainya bagi memudahkan urusan pentadbiran kerana kakitangannya terdiri daripada pelbagai kaum (Mohd Salleh Abas 1985).

Kembali kepada zaman moden ini, kita dapat melihat bahawa negara Malaysia semakin pesat membangun, dan kita memerlukan bahasa sebagai alat penyatuan untuk digunakan secara meluas. Perkara ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa penggunaan bahasa Melayu juga sepatutnya semakin memainkan peranannya secara meluas khususnya untuk terus berfungsi secara aktif sebagai bahasa ilmu. Perkembangan inovasi dalam pelbagai bidang telah membawa bahasa Melayu juga telah berkembang seiring dengan kemajuan yang dibawa masuk oleh negara maju yang lain. Sememangnya bahasa Melayu telah berjaya membuktikan bahawa keindahan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu itu bukan sahaja sebagai alat perpaduan dan lambang jati diri rakyat Malaysia, malah sebagai alat pembangunan yang sangat berkesan (Nazri Muslim & Otong Rosadi, 2020).

Oleh itu, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam segala bidang tidak boleh kita pandang rendah sama sekali terutama mana-mana pihak atau individu yang menganggap bahasa Melayu hanya bahasa yang berintelektualkan ilmu rendah. Memang telah terbukti dan telah disaksikan sendiri dengan melihat kemajuan yang dikecapi tidak kira sama ada dalam bidang teknologi, sains, sumber manusia mahupun ekonomi. Bahkan dalam politik juga telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu digunakan secara ilmiah untuk mengutarakan idea serta cadangan apabila berada di Parlimen (Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017). Kemampuan bahasa Melayu

ini sangat memberikan bukti bahawasanya bahasa Melayu bukanlah bahasa yang rendah kasta dan martabatnya. Anggapan bahawa bahasa Melayu tidak dapat membina negara ke arah negara maju setanding negara maju yang lain perlulah ditepis. Sebagai masyarakat yang disajikan oleh gagasan Malaysia madani kita perlu berkeyakinan bahawa bahasa Melayu mempunyai kemampuannya tersendiri dalam memacu negara setanding dengan negara-negara lain. Keyakinan masyarakat dalam menilai dan mentafsir penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu juga diperluas agar tersemat dalam hati setiap rakyat Malaysia bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang tinggi nilainya (Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah & Muhamad Nor Firdaus Wahidon, 2017).

Cabaran Bahasa Melayu

Terdapat banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh bahasa Melayu dalam meniti kemanisan sebagai bahasa kebangsaan negara. Antara cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu ialah penguasaan bahasa Inggeris secara meluas dan cekap dalam kalangan masyarakat semakin terserlah. Namun demikian penguasaan ini juga nampaknya hanya terhad kepada segelintir masyarakat elit yang tinggal di bandar-bandar utama. Perkara ini disebabkan oleh ekologi pendidikan di kota yang lebih baik, capaian globalisasi teknologi moden yang banyak membantu pelajar bandar. Kesannya ialah ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi yang disebarkan hanya akan berada dalam lingkungan golongan masyarakat elit ini. Akibatnya ialah bahasa Inggeris sudah tentunya akan lebih pesat membangun dan akan menindas bahasa tempatan kerana bahasa Inggeris sedang berada di habitat yang lebih aktif dan selesa untuk berkembang. Manakala golongan majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan ketinggalan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi dalam bahasa Inggeris. Walaupun bidang sains dan teknologi dapat mengalami proses pembudayaan yang meluas yang dan cepat dengan bahasa Inggeris di bandar, bahasa Melayu

perlu diselarikan untuk mencetuskan satu medium kepercayaan baharu untuk menyokong pembangunan menyeluruh sesebuah negara.

Selain itu, peranan bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia akan menghadapi jalan buntu kerana pengagungan terhadap bahasa asing di negara kita sejak kebelakangan ini. Penekanan terhadap bahasa Inggeris sehingga menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan matematik misalnya telah memperlihatkan bahawa kualiti bahasa Melayu itu tidak diyakini. Implikasinya adalah akan menyebabkan sedikit demi sedikit bahasa Melayu akan kehilangan peranan sebagai bahasa ilmu sains dan teknologi. Status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya akan menghilangkan kerana pendidikan negara semakin dicerobohi oleh bahasa asing.

Oleh itu, isu dan cabaran yang besar dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah bukan dari segi kepesatan pertumbuhannya, tetapi dari segi bahasa pengantar pengajarannya dalam bidang pendidikan negara. Pada hari ini kita dapat menyaksikan bahawa penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya hanya berlaku di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sahaja. Sebaliknya, pada hari ini penggunaannya secara meluas di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara terutama sekali dalam kursus-kursus berasaskan sains dan teknologi bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Merujuk kepada keadaan ini yang berlaku di gedung-gedung ilmu tinggi seperti di IPTA dan IPTS negara kita. Nampaknya, pengaruh bahasa Inggeris tidak dapat dihambat dan perlu kita akui bahawa sebahagian besarnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara kita akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar pengajaran. Perkara ini memberikan pandangan yang jelas bahawa pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi semakin meluas. Situasi ini dinilai sebagai situasi yang kritikal dalam pembentukan pembangunan negara dan tradisi ilmu budaya, warisan dan peradaban. Kita secara jelas perlu menerima hakikat bahawa bahasa Inggeris mampu menggantikan bahasa tempatan atau bahasa

indigenus. Perkara ini akan menimbulkan implikasi dan kesan yang besar ke atas kedudukan bahasa Melayu dan sudah tentunya akan memberikan implikasi yang berbeza dalam memperlihatkan jati diri bangsa Malaysia yang sebenarnya.

Pengukuhan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu, menunjukkan Malaysia. Bahasa Melayu pada hakikatnya pada zaman ini banyak dicerminkan dengan liku-laku yang tajam apabila dipesongkan daripada martabatnya. Bahasa Melayu seolah-olah berundur daripada cita-citanya menjadi bahasa pembina negara apabila terdapat keraguan yang timbul dalam kalangan penuturnya. Senario ini dapat dilihat apabila bahasa Melayu sering diselitkan dengan bahasa asing, seolah-olah bahasa Melayu lemah dan perlu bersandar dengan bahasa asing yang hakikatnya telah mencemarkan bahasa Melayu. Beberapa abad lalu meskipun memperlihatkan kemajuan dalam penguasaan sistem bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, penjawat awam dan masyarakat umumnya, ternyata masih belum mencapai tahap yang cukup memuaskan jika diukur daripada sudut penggunaan “bahasa Melayu tinggi”. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan masyarakat hari ini tidak lagi memandang serius akibat daripada menggunakan bahasa aras rendah dan lebih suka mencampuradukkannya dengan bahasa asing.

Bahasa Melayu sepatutnya menjadi organ tunggal negara untuk memastikan negara kita terus menapak di tempatnya dan mengepam segala aspirasi yang memacu kemajuan dan keharmonian negara. Pada hakikatnya kebergantungan terhadap bangsa lain dalam konteks ekonomi telah menghakis kepercayaan kita terhadap bahasa Melayu. Kuasa ekonomi telah menjadi cita-cita besar kepada negara untuk mencapai negara maju. Tanpa disedari peranan bahasa yang selama ini memangku pelbagai aspek asas negara akhirnya terkorban begitu saja. Bahasa Melayu dalam dilema apabila dihipit dengan kuasa besar bahasa ekonomi yang sememangnya berpengaruh dalam aspek setiap segi kehidupan manusia.

Tuntutan ekonomi untuk menguasai bahasa asing hanya menguntungkan fizikal negara namun tidak secara rohnya. Rempuhan globalisasi lebih menyukarkan negara kita kembali kepada gagasan asal, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa yang telah membina bangsa negara kita. Rakyat negara kita banyak berlindung dengan bahasa untuk mendapatkan keseimbangan sosial dan politik namun semakin hilang kerana arus globalisasi yang membawa bahasa asing.

Negara kita terpaksa tunduk kepada tuntutan percakapan ekonomi dengan menyempurnakan persaingan ekonomi menggunakan bahasa asing. Akibatnya kita tidak semakin memahami rentak persaingan tersebut tetapi kehilangan identiti bangsa. Sekiranya pertindihan mengagungkan bahasa asing dan bahasa tempatan ini berlaku. Kita perlu menerima realiti bahawa salah satu bahasa ini akan menempangkan negara bangsa yang telah dibina. Oleh itu, langkah memperkasakan bahasa Melayu yang dilaung-laungkan sebelum ini bermaksud menjadikan bahasa itu hebat, berperanan dalam menyampaikan gagasan kehidupan dan dominan dalam setiap urusan. Pemerksaan sesuatu bahasa itu juga bermaksud memberikan peranan kepada bahasa untuk digunakan dalam semua bidang dan semua peringkat, dari yang paling rendah ke peringkat yang paling tinggi, daripada komunikasi sosial kepada komunikasi formal dalam bidang seperti pentadbiran, perniagaan, dan undang-undang serta bidang profesional yang lain. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa bahasa Melayu sangat penting dalam membantu untuk mencapai cita-cita madani. Bangsa madani sememangnya akan membicarakan pelbagai aspek kehidupan masa kini yang mencabar dan bahasa Melayu digunakan dalam perbincangan kepada masyarakat madani dan cara mencapai kehidupan madani sebenar.

Bahasa yang diperkasakan ialah bahasa yang akan digunakan secara kreatif, dapat menggambarkan pelbagai jenis emosi, cita rasa, keinginan, cita-cita, sifat dan perilaku manusia dengan sedalam-dalam dan sehalus-halusnya seperti yang digambarkan dalam karya kesusasteraan peringkat tinggi (Yusfarina dan Abdul Rasid, 2011). Kembali menelusuri

zaman lampau, bahasa Melayu telah membuktikan kehebatannya dalam mengangkat tamadun bangsa Melayu. Pemeraksanaan penggunaan bahasa dapat membentuk kerajaan dan tamadun yang kuat dan berjaya. Tokoh bahasa Melayu terkenal Awang Sariyan (2010) berpendapat bahawa bahasa amat penting dalam mengangkat sesuatu tamadun. Beliau telah memberikan contoh tamadun Yunani dan tamadun Greek yang terbina beratus-ratus tahun dahulu. Beliau merumuskan bahawa tunjang kekuatan tamadun Yunani ialah keampuhan bahasa Yunani. Begitu juga dengan tamadun Arab tatkala pemerintahan tanah Arab serta zaman kegemilangan Islam menggunakan bahasa Arab. Bahasa Arab juga terus digunakan oleh para cendekiawan Islam dalam ilmu perubatan, sains, fizik dan sebagainya.

Oleh itu, beberapa soalan yang paling kritikal dan harus mendapat jawapannya pada hari ini ialah apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa madani? Mampukah bahasa Melayu dikekalkan penghormatan dan kedudukannya sebagai asas kepada pembinaan satu asas yang kukuh bagi membentuk solidariti budaya yang kukuh demi menjadi pemangkin kepada pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara yang seimbang sesuai dengan landasan Malaysia madani dalam abad ini? Perbincangan ini jelas menyatakan bahawa untuk menjawab soalan tersebut masyarakat Malaysia perlu meyakini bahawa unsur-unsur yang dikongsi bersama dan menjadi milik sepunya rakyat jelata Malaysia, iaitu bahasa Melayu telah sekian lama berperanan penting dalam penyatuan pelbagai rencam wawasan dan cita-cita negara. Bahasa Melayu telah lama dijadikan asas atau teras pembinaan solidariti dan integrasi nasional yang menjadikan kita lebih teguh dan kukuh.

Bahasa Melayu sememangnya bahasa madani yang berfungsi bukan setakat menjadi alat dan wadah komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar peranannya dalam membentuk jati diri, mengetengahkan identiti Malaysia, memupuk semangat kekitaan integrasi dan menjulang maruah masyarakat penuturnya. Bahasa Melayu juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi kepada golongan penuturnya dan ketinggian adab susilanya, iaitu merupakan asas dan unsur yang utama dalam pembentukan

sesebuah masyarakat madani. Bahasa Melayu perlu diakui menjadi medium kepada catatan untuk menjadi alat pencatat, perakam, penyebar dan penyambung khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan negara Malaysia yang dibina oleh masyarakat dan bangsa yang rencam sifatnya. Kemudian identiti Malaysia ini telah diwariskan dari generasi ke generasi. Kita tidak boleh menafikan bahawa corak, gambaran dan keadaan alam pemikiran dan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat sangat rapat kaitannya dengan kewujudan dan pengaplikasian bahasa yang digunakan. Oleh yang demikian penggunaan bahasa Melayu, iaitu bahasa tempatan dan kebangsaan Malaysia sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran bagi negara Malaysia. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengukuhan yang dapat mengolah, mempercepatkan dan membantu kepada pencapaian kemajuan dan ketinggian peradaban bangsa kita mengikut acuan bangsa kita dan citra warisan tempatan kita sendiri tanpa melihat kepada budaya orang lain yang mustahil dicapai melalui penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, sebagai masyarakat yang mencintai negara ini kita perlu akui bahawa bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam mengangkat martabat dan imej bangsa. Bahasa Melayu sangat signifikan dengan konsep negara madani yang mementingkan kepada olahan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tamadun tinggi dan holistik. Usaha memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu hendaklah dilihat sebagai amanah besar yang perlu dilaksanakan oleh semua peringkat warganegara Malaysia. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu merupakan salah satu kontrak sosial yang perlu sentiasa dipertahankan dan ditingkatkan oleh segenap lapisan warganegara,

daripada penggubal dasar kepada pelaksana dasar dan masyarakat awam yang bersulamkan Malaysia madani. Jika gagasan madani dapat diusulkan dengan melakukan pelbagai cara mempromosikannya, kerajaan perlu bermula dengan menekankan penguasaan dan kesedaran rakyat terhadap bahasa Melayu. Usaha penggubalan dasar berlandaskan Malaysia madani memerlukan wibawa kepimpinan politik negara yang komited (political will). Ketekalan sikap dan pendirian para pemimpin negara agar peranan bahasa Melayu sebagai salah satu pancang pembinaan negara bangsa.

Usaha ini perlulah terus diteguhkan dan diperkukuh. Bahasa kebangsaan, yang diungkapkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka tidak seharusnya dikorbankan kerana ingin mencapai negara yang maju semata-mata. Perlu diingat bahawa bahasa Melayu merupakan medium komunikasi rakyat yang berkesan untuk menunjukkan Malaysia madani yang sesungguhnya. Sememangnya warganegara di negara ini mesti berusaha untuk meningkatkan daya juang dan kecemerlangan bangsa dan warganya di persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia melalui bahasa Melayu. Oleh itu, kerajaan juga harus bertindak adil dan bijaksana bahawa untuk mencapai matlamat Malaysia madani yang diinginkan kerajaan harus menggerakkan sumber daya tenaga manusia dalam negara ini dan bukanlah berfokus hanya kepada golongan elit. Pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam sistem negara bukannya hanya bergantung kepada bahasa asing semata-mata. Pemimpin negara Malaysia harus bijak mengambil langkah dan strategi untuk memperkasakan masyarakat dan rakyat jelatanya secara menyeluruh dan saksama menggunakan satu identiti, satu bahasa, iaitu bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Muhamad Nor Firdaus Wahidon. (2017). Sejarah dan perkembangan Bahasa Melayu. Dlm. Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng dan Che Ibrahim Salleh (eds.). *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*. Jabatan Warisan Negara.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A. (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11).
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2010). *Kursus Bahasa Melayu Wajib kepada pelajar Asing: Mengharap Susulan Konkrit*. Retrieved from <http://kembarabahasa.blogspot.my>
- Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah & Muhamad Nor Firdaus Wahidon. (2017). Bahasa Melayu sebagai bahasa warisan. Dlm. Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Che Ibrahim Salleh (eds.). *Bahasa Melayu: Pusaka Warisan*. Jabatan Warisan Negara.
- Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Hartmann. R.R.K., Stork, F. C. (1976). *Dictionary of Language and Linguistics*. Applied Science Publisher.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohd Salleh Abas. (1985). *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim. (2020b). Strategi Pembinaan Negara bangsa Malaysia. *Buletin Citra*. Jilid 1. Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Muslim, Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamsari Alias, Norazila Mat & Abdullah Ibrahim. (2019). Malaysia federal constitution from constitutional sociology contexts. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 14(11): 3761-3770.

- Rajab, R. (2012). *Peranan bahasa kebangsaan sebagai lambang jati diri bangsa*. Cikgu Rozali Blogspot. <https://cikgu-rozali.blogspot.com/2012/05/peranan-bahasa-kebangsaan-sebagai.html> (Diakses pada 5 November 2023).
- Otong Rosadi. (2020). Merajut Kebersamaan dalam Kebhinekaan: Aktualisasi Pembauran Kebangsaan di Provinsi Sumatera Barat. *Seminar Forum Pembauran Kebangsaan Provinsi Sumatera Barat*. 13 Februari. Badan Kesatuan Bangsa dan Politik Provinsi Sumatera Barat.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. (2011). Pembinaan negara bangsa dan identiti kebangsaan melalui pemeraksanaan bahasa dalam sistem persekolahan. *Pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan*, 11(1): 10-16.
- Yusmariza bt Mohd Yusoff. (2012). Peranan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 21(2), 145-158.

BAB 11

KESAN VISUAL SEBAGAI UKURAN PENGGAYAAN DAN KEMAHIRAN BERBAHASA PEMANTUN IPT MA- LAYSIA

Hamzah Alezender, Salmah Jan Noor Muhammad & Rahimah Hamdan

PENGENALAN

Pantun, puisi tradisi lisan yang tidak luntur kemasyhurannya. Hayatnya boleh dikatakan sebagai abadi dan panjang. Walaupun mula berkembang sewaktu masyarakat penciptanya masih lagi buta huruf namun pantun kekal berdaya tahan merempuhi arus masa dan zaman sehingga akhirnya berjaya menempatkan diri dalam zaman kontemporari kini. Dewasa kini, pantun terus hidup dengan subur jauh mengatasi syair, seloka, nazam dan gurindam serta tersebar luas menerusi pelbagai media seperti lirik lagu, digunakan dalam majlis perkahwinan, majlis rasmi dan pelbagai acara kemasyarakatan yang lain (Zurinah Hassan, 2020:97). Maka, jelaslah bahawa pantun bukan sahaja cukup purba dan teruji zaman bahkan juga menawan manusia Nusantara secara meluas sehinggakan tawanan yang sama sampai ke Eropah jauhnya (Muhammad Haji Salleh, 2018:4) Buktinya, keindahan yang dipunyai oleh puisi lisan empat baris tersebut berhasil menimbulkan keghairahan pada diri Winstedt (1961) terhadap pantun yang akhirnya memungkinkannya beliau mengiktiraf pantun sebagai suatu bentuk kebijaksanaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, tidak hairanlah Winstedt (1961) menganggap pantun sebagai jalan untuk seseorang sarjana memahami fikiran manusia Melayu dengan menyuguhkan “*tak ada sesiapa pun yang dapat mengagak keluasan pemikiran orang Melayu tanpa memahami pantunnya*”. Kenyataan yang dilontarkan oleh sarjana Barat yang tidak asing dengan pengajian Melayu tersebut jelas membuktikan betapa eksklusifnya pantun di sisi masyarakat Melayu sendiri berbanding puisi lisan yang lain sehinggakan dijadikan

kayu ukur untuk meneroka dan memahami pemikiran masyarakat Melayu. Di samping memanifestasikan diri manusia Melayu, gejala pantun tidak kurang hebatnya juga dalam membangkitkan kerencaman emosi seperti ceria, mesra, ghairah, humor, nestapa, geram dan marah selari dengan fungsi pantun sebagai sebuah karya kreatif yang memiliki komponen penting, iaitu pemikiran dan perasaan atau emosi (Zurinah Hassan, 2020:97). Atas sebab itu, Daillie (1961) mengumpamakan pantun ibarat ringkasan kehidupan dalam sebutir pasir. Dalam erti kata lain, kenyataan tersebut merumuskan kesemua elemen kehidupan manusia Melayu seperti cara hidup, pengalaman, adat resam, kebijaksanaan, kepercayaan dan perasaan diterjemahkan lewat puisi empat baris tersebut, iaitu pantun (Liliy Salwani Razali & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2019:240). Kelebihan inilah yang barangkalinya menyebabkan pantun memiliki ketahanan uji yang kuat dalam mengharungi liku-liku zaman tanpa merasa tersisih sedikit pun lantaran kekal mesra di hati penggemarnya walaupun disaingi oleh syair pada suatu ketika dahulu yang akhirnya menyaksikan persaingan tersebut tetap dimenangi oleh pantun.

Dalam era *millenium* kini, pantun terus dikarang oleh generasi mutakhir namun hasilnya amat mendukacitakan. Estetika pantun yang indah menurut Siti Hajar Che Man (2013:80) mula tercemar lantaran sikap manusia Melayu yang kuat terpengaruh dengan asakan kemajuan, gaya hidup, budaya asing, teknologi dan media massa. Malah, pencemaran pantun tersebut dikeruhkan lagi dengan stigma dalam diri orang Melayu yang tidak berbangga sama sekali ketika berbahasa Melayu (Ungku Aziz, 2011:7). Pada hakikatnya, penciptaan pantun yang indah menuntut keupayaan kreatif yang amat mencabar, diganding dengan kehalusan rasa yang tinggi untuk membangunkan keindahan yang sempurna baik dari segi bentuk, struktur (luaran/pembayang dan dalaman/isi), bunyi (rima dan rentak) dan bahasa (imejan, metafora). Dalam pantun, keindahan terpamer lewat keharmonian bunyi (keteraturan rentak, kesejahteraan rima dan baris), keelokan isi (makna dan moral) dan penggayaan bahasa (tamsil, imejan) (Siti Hajar Che Man, 2013:79). Namun begitu, sama ada sedar

mahupun tidak, kesemua aspek yang digariskan itu baik keharmonian bunyi, keelokkan isi mahupun juga penggayaan bahasa sudah begitu sukar sekali ditemui dalam sebuah rangkap pantun yang dicipta oleh generasi kini. Di sebalik kedaifan binaan pantun dalam alaf kontemporari tersebut, muncul pelbagai pesta, temasya dan sayembara pantun seawal tahun 1960-an sehingga sekarang yang boleh dijadikan sebagai wasilah untuk mengasah kemahiran mencipta pantun khususnya dari sudut penggayaan bahasa. Penganjuran pesta, sayembara dan temasya pantun tersebut merupakan suatu usaha yang amat murni kerana tidak hanya dapat memelihara pantun sebagai salah satu warisan persuratan Melayu tradisional malah secara tidak langsung juga turut memberikan pendedahan kepada generasi yang masih hijau untuk menghasilkan pantun yang bermutu dan berestetika. Susulan itu, ilmu berbahasa yang dipelajari sejak di bangku sekolah akan dapat dipraktikkan dan diasah lewat pertandingan ini memandangkan rangkap pantun menggariskan penggayaan dan kemahiran bahasa sebagai salah satu aspek yang menyerlahkan estetikanya. Bertitik-tolak daripada itu, temasya, pesta dan sayembara pantun yang dianjurkan sebenarnya amat relevan untuk dijadikan sebagai landasan bagi melihat penggayaan dan kemahiran berbahasa pemantun khususnya pemantun IPT Malaysia yang menjadi tujuan penelitian ini.

PANTUN DALAM PERBENDAHARAAN KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL

Perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional yang dihulurkan oleh generasi terdahulu secara umumnya boleh dicerakinkan kepada dua kategori, iaitu sastra lisan dan sastra bertulis. Sastra lisan lahir dalam ruang lingkup budaya lisan yang bersangkutan paut dengan zaman pratulisan dan juga pramoden. Dalam erti kata lain, sastra lisan berkembang tatkala tahap kehidupan manusia khususnya manusia Melayu masih belum disentuh oleh kecelikan tulis dan baca (Noriah Taslim, 1993:172). Oleh

yang demikian, sastra lisan dianggap sebagai bentuk sastra yang tertua kerana bermula sebelum munculnya tradisi bertulis (Shaiful Bahri Md Radzi, 2005:15). Dalam kekurangannya dari sudut tulis dan baca, sastra lisan yang mengandungi unsur-unsur tradisi seperti ilmu, pemikiran, nilai dan sebagainya menurut Noriah Taslim (1993:174) diabadikan di dalam petak-petak ingatan para pembawa dan penerus tradisi yang diwadahkan lewat bentuk-bentuk seni lisan seperti puisi dan prosa. Berikutan dari penzahiran sastra lisan yang sedemikian, maka hasil-hasil sastra lisan dibahagikan pula kepada dua jenis, iaitu naratif dalam bentuk prosa dan bukan naratif dalam bentuk puisi (Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005:16).

Secara asasnya, sastra lisan yang dikategorikan dalam bentuk bukan naratif merujuk kepada puisi Melayu tradisional. Kehadirannya dalam masyarakat Melayu tradisional pada peringkat awalnya bertujuan untuk memberikan hiburan kepada khalayak penciptanya. Sesuai dengan kemunculannya dalam suasana tradisional, puisi tersebut dicipta secara sederhana sesuai dengan ukuran masyarakat Melayu pada ketika itu. Namun begitu, sifatnya yang sederhana itu sama sekali tidak membataskannya dari menggemakan akal budi dan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu yang menghasilkannya. Antara genre yang terkandung dalam puisi Melayu tradisional ini ialah pantun, mantera, peribahasa, teka-teki, seloka, teromba dan talibun (Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005:35). Daripada sekian banyak puisi Melayu tradisional yang dinyatakan itu, pantun boleh dikatakan sebagai bentuk puisi yang paling istimewa sekali dalam perbendaharaan sastra lisan Melayu. Muhammad Haji Salleh (2018:4-7) dalam usaha memberikan justifikasi kepopularan pantun menyatakan bahawa pantun mengandungi semacam “sihir” yang sukar untuk diperjelaskan namun masih wujud dan menebarkan kuasa ajaibnya kepada jutaan pendengar.

Dalam tarikan nafas yang sama, beliau menyatakan antara sebab pertama pantun begitu dimesrai oleh khalayak ialah bentuk puisi ini menganugerahkan bersama bahasa indahnyalah lagu-lagu untuk dinyanyikan sehingga menjadi penghibur sejagat. Selanjutnya, dunia pantun menyuguhkan dunia nyata yang berbeza sama sekali dengan dunia antah-

berantah, raja dan permaisuri, pahlawan dan bangsawan. Sebaliknya pantun membentangkan dunia yang realistik, iaitu dunia manusia biasa, baik kecil mahupun besar. Tidak cukup dengan itu, pantun turut membentangkan suatu padang permainan bahasa dan bunyi. Kesan penciptaan pantun inilah yang begitu memukau khalayak pendengarnya. Pantun juga memberikan kebebasan yang sukar diperoleh masyarakat biasa dalam zaman feudal. Faktor yang terakhir pula ialah pantun membenarkan khalayak memasuki pemikiran yang mendekati falsafah serta perasaan halus, tinggi dan rumit. Berdasarkan faktor-faktor yang ditegakkan itu maka jelaslah bahawa pantun memiliki “sihir” yang tersendiri sehingga begitu digemari dari zaman ke zaman.

Dalam pada itu, meskipun pantun mengandungi “sihir” seperti yang diperincikan sebelumnya, namun bukan bermakna pantun tidak memiliki hukum binaannya tersendiri yang sekali gus menjadikan pantun sebagai bentuk puisi Melayu tradisional yang terikat. Keterikatan bentuk pantun sejajar dengan dakwaan R. Brandstetter yang menyatakan pantun berasal dari kata “tun” yang membawa maksud teratur (Liaw Yock Fang, 1978:285). Oleh itu, pantun perlu dikarang dengan mematuhi aturan-aturannya yang tersendiri. Bersabit dengan perkara tersebut, Harun Mat Piah (1989:123-124) menyatakan hukum binaan atau ciri-ciri yang dipunyai oleh pantun boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu dalaman dan luaran. Aspek luaran pantun meliputi struktur dan seluruh ciri-ciri visual yang boleh dilihat dan didengar. Ciri luaran pantun ini yang pertama ialah terdiri daripada rangkap-rangkap yang berasingan dan setiap rangkap terjadi daripada baris-baris yang sejajar dan berpasangan seperti 2, 4, 6, 8, 10 dan seterusnya tetapi yang paling umum ialah empat baris. Kedua, setiap baris mengandungi empat kata dasar dan 8-10 suku kata. Ketiga, mengandungi klimaks, iaitu kelebihan pada suku kata. Keempat, setiap stanza terdiri dari dua unit pembayang dan dua unit maksud. Kelima, adanya skema rima yang tetap, iaitu rima akhir a-b-a-b. Keenam, setiap stanza pantun mengandungi fikiran yang bulat dan lengkap. Sementara itu, aspek dalaman pantun pula ialah menggunakan lambang mengikut

tanggapan masyarakat dan adanya hubungan di antara pembayang dan maksud sama ada secara konkrit atau abstrak. Ciri-ciri yang disuguhkan itu membuktikan bahawa pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang terikat dan tidak boleh dikarang secara semberono.

Lanjutan itu, Zurinah Hassan (2020:101) pula mengemukakan beberapa ciri-ciri pantun yang baik dan berestetika dari sudut penghasilannya. Berhubung dengan hal tersebut, setiap rangkap pantun yang dicipta perlulah mempunyai rima akhir yang tepat berserta rima tengah dan juga rima awal, menggunakan unsur alam sebagai pembayang untuk mengindahkan rangkap pantun yang dikarang, menggunakan perkataan Melayu yang asal atau lama, menggambarkan budaya tempatan dan suasana dalam pembayang dapat membayangkan maksud. Secara lebih mendalam lagi, Zurinah Hassan (2020:98) turut menekankan jalinan yang harmonis di antara penggunaan bahasa dengan isi yang ingin disampaikan. Kata-kata yang digunakan di dalam pantun haruslah memberikan kesan audio dan visual. Kesan audio akan hadir dari cara pemantun menyusun kata-kata dengan unsur rima manakala kesan visual pula merujuk kepada imej-imej yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu pemandangan alam.

PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN DI MALAYSIA

Pantun pada peringkat awal kemunculannya digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai alat hiburan di samping mengujarkan perasaan secara halus dan indah. Seiring dengan peredaran masa, fungsi pantun turut berevolusi menjadi semakin fungsional dan luwes apabila turut dimanfaatkan dalam pelbagai lapangan kehidupan meliputi nasihat, keagamaan, perantauan, jenaka dan sebagainya. Pada era kontemporari kini, pelestarian pantun menerusi penganjuran pesta, sayembara dan temasya pantun tidak hanya dilihat meneruskan kesinambungan budaya berpantun dalam kalangan masyarakat Melayu silam malah turut membawa bersama-sama fungsi

baharu, iaitu untuk menduga akal. Hal ini demikian kerana pantun dalam pertandingan mengandungi kata tanya seperti bila, bagaimana, mengapa, apa dan di mana (Absha Atiah Abu Bakar, 2020:19). Lanjutan itu, Mohd Shahidan, Faezah Muhyat dan Musazliza Mustan Shir (2018:12-19) yang berusaha menelusuri penganjuran pertandingan berbalas pantun di Malaysia menyatakan pertandingan tersebut pada julung kalinya dianjurkan oleh radio sekitar dekad ke 1960 bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan pada waktu tersebut. Pada dekad 1970, penganjuran pantun dilanjutkan penyiarannya oleh radio setelah mendapat sambutan yang begitu hangat.

Penganjuran pertandingan berbalas pantun yang bermula di Malaysia selanjutnya menarik minat negara tetangga untuk turut menganjurkan pertandingan yang sama lantaran menyedari hakikat pantun ialah milik bersama manusia di Alam Melayu. Atas sebab itu, stesen televisyen Brunei, Indonesia dan Malaysia sendiri mengambil inisiatif menganjurkan program budaya berbalas pantun bersama-sama negara serumpun lewat rancangan Salam Muhibah. Selanjutnya, program tersebut mengalami perubahan nama menjadi Program Bersama Berbalas Pantun Tiga Negara Serumpun pada tahun 2010. Usaha yang sama juga turut diambil oleh TV3, iaitu sebuah stesen televisyen swasta dengan menganjurkan pertandingan berbalas pantun melalui rancangan Panjang Akal sekitar tahun 1998. Lanjutan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperkenalkan pertandingan Pesta Pantun Sekolah Rendah sedari tahun 1989 lagi yang dapat memberikan banyak nilai tambah kepada para pelajar yang menyertainya. Di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, pertandingan yang serupa telah dipelopori oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) sejak tahun 2007 yang berjaya mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan.

Sementara itu, di peringkat universiti, pertandingan berbalas pantun dianjurkan pula oleh beberapa pihak seperti Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) yang menganjurkan Pesta Pantun Makum, Pesta Pantun Bestari oleh Kolej Keempat Universiti

Malaya, Pesta Pantun Integrasi Budaya IPT dan Sekolah oleh Majlis Eksekutif Pelajar Kolej Ibu Zain Universiti Kebangsaan Malaysia, Temasya Pantun Islami oleh Kelab Penggerak Warisan dan Sastera Siswa Universiti Sultan Azlan Shah serta pertandingan berbalas pantun antara kolej kediaman pelajar yang dianjurkan oleh sesebuah kolej. Tidak terhenti di situ, pertandingan berbalas pantun ini juga turut mendapat tempat di sektor kerajaan dengan menyaksikan penganjuran pertandingan berbalas pantun Antara Kementerian oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Pertandingan Berbalas Pantun anjuran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seumpama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Inisiatif merakytakan lagi pertandingan berbalas pantun ini turut disambut oleh persatuan penulis seperti Persatuan Penulis Negeri Sembilan dengan kerja sama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan.

Beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti Teratak Pujangga Makrifat Melayu dan Produksi Bayangan Seni turut terlibat dalam menganjurkan pertandingan berbalas pantun yang dikenali sebagai Temasya Pantun Piala Seri Melaka sebanyak dua siri. Setelah negara berjaya meloloskan diri dari bencana virus COVID-19 yang melanda dunia, pertandingan berbalas pantun membuat kemunculan kembali pada tahun 2023 dengan menyaksikan penganjuran Festival Pantun Antara Asasi anjuran UITM Dengkil sebagai pembuka gelanggang. Penganjuran sulung pada tahun 2023 itu berikutnya disusuli pula oleh Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental kelolaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan yang terkini ialah Temasya Pantun Kerabat Bestari anjuran Universiti Malaya.

TEMASYA PANTUN KESEDARAN KESEJAHTERAAN MENTAL DAN TEMASYA PANTUN KERABAT BESTARI

Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental merupakan sebuah pertandingan berbalas pantun yang julung kali diadakan untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) Malaysia. Temasya berbalas pantun yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 16-19 Mac 2023 tersebut bertitik-tolak dari hasrat penganjur yang ingin mengangkat isu-isu berkaitan dengan kesihatan mental menerusi pantun. Pertandingan yang berlangsung selama 4 hari itu menyaksikan penyertaan sebanyak sepuluh buah universiti/institusi yang bertanding, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman (IPGKDA).

Sementara itu, Temasya Pantun Kerabat Bestari pula merupakan sebuah pertandingan pantun yang dijenamakan semula dari Pesta Pantun Bestari anjuran Kolej Kediaman Bestari, UM sejak 2008. Temasya yang diadakan pada 19-21 Mei 2023 ini mengetengahkan konsep Magika dan mendapat penyertaan dari 7 buah universiti/institusi, iaitu UM, UITM, UPM, UTP, UIAM, USM dan IPGKDA.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif dengan menggembeleng dua kaedah kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kaedah kajian kepustakaan tersebut digunakan untuk mencari dan mencatat semua maklumat yang diperlukan menerusi bacaan rapi bagi

memenuhi objektif kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini diambil daripada bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah, latihan ilmiah, jurnal, tesis, artikel, kertas seminar, kertas persidangan, kertas kolokium dan sebagainya sama ada bercetak mahupun dalam bentuk salinan lembut. Bahan-bahan tersebut diperoleh dari Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia. Selanjutnya, kajian lapangan dijalankan semasa bertugas sebagai juri bahasa untuk kedua-dua pertandingan dengan melakukan pendokumentasian terhadap pantun yang dikarang oleh pemantun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia yang mengambil bahagian dalam pertandingan.

BATASAN KAJIAN

Analisis kajian ini hanya ditujukan terhadap pembayang pantun beli para pemantun IPT Malaysia sahaja kerana dikarang semasa pertandingan dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Adapun pantun jual para pemantun agak tidak sesuai untuk dijadikan sebagai kayu ukur penggayaan dan kemahiran berbahasa para pemantun kerana pantun jual telah disiapkan jauh lebih awal sebelum pertandingan dilangsungkan. Atas sebab itu, para pemantun memiliki ruang dan masa yang cukup lama untuk “mengandam” bahasa pantun jual ketimbang pantun beli yang perlu disiapkan dalam kiraan 60 saat. Sementara itu, pemilihan pembayang untuk dianalisis pula bertitik-tolak dari maksud pembayang itu sendiri, iaitu boleh dibayangkan atau dalam erti kata lain kesan visual yang hadir dalam minda khalayak pendengar yang mendengar pembayang tersebut. Sebaliknya bahagian maksud pantun tidak dapat dibayangkan kerana mengandungi jawapan penyelesaian kepada masalah yang diajukan dalam pantun jual.

ANALISIS KAJIAN

Bahasa, memudahkan karya persuratan. Jika tidak ada bahasa, tidak mungkin akan lahirnya persuratan. Sebaliknya pula, tanpa persuratan bahasa akan hilang serinya. Demikian suguhan Shaiful Bahri Md Radzi (2018) ketika menggambarkan betapa akrabnya bahasa dan persuratan. Sifat bahasa dan persuratan yang perlu saling lengkap-melengkapi seperti yang diperkatakan tidak ubah seperti duit syiling yang mempunyai dua muka yang berbeza tetapi harus saling melengkapi untuk menjadikannya berharga. Begitu juga akan halnya dengan pantun. Pantun akan hilang serinya sekiranya tidak dihiasi menggunakan bahasa. Hal ini demikian kerana bahasa boleh dikatakan sebagai nadi kepada pantun ekoran menerusi bahasa perasaan dan pemikiran akan dapat diterjemahkan dengan halus dan indah. Dalam konteks pertandingan berbalas pantun pula, bahasa begitu dititikberatkan dengan peruntukan sebanyak 40 markah dari sudut penjurian. Markah bahasa dalam pertandingan berbalas pantun kebiasaannya akan dipecahkan kepada beberapa aspek merangkumi rima, pemilihan kata yang indah dan sesuai, suku kata antara lapan hingga 12, pembayang yang bertaut dan logik serta kejelasan sebutan (Mohamad Shaidan, Faezah Muhayat dan Musaliza Mustan Shir, 2018:91). Para pemantun haruslah mematuhi kesemua tuntutan aspek bahasa tersebut sekiranya ingin meraih markah bahasa yang tinggi. Sebaliknya akan berlaku sekiranya pemantun banyak melakukan kesalahan dari sudut bahasa.

Ketika mengulas dengan lebih lanjut berkaitan dengan salah satu kelemahan peserta dari sudut bahasa, Mohamad Shaidan, Faezah Muhayat & Musaliza Mustan Shir, 2018:90-101) menyatakan pemilihan kata yang sesuai dan indah dalam penciptaan rangkap pantun bukanlah sesuatu yang mudah. Pemantun perlu memilih perkataan dengan berhati-hati dan benar-benar sesuai agar pemikiran yang ingin disuarakan menerusi pantun dapat difahami dan tidak dipertikaikan. Kesukaran dalam pemilihan kata ini menyebabkan kelemahan dalam pantun jual dan beli begitu mudah

untuk dikenal pasti oleh para juri. Perihal tersebut boleh diteliti melalui pembayang di bawah:

Pohon cempaka di tepi rumah,
Gugur bunganya menimpa tangga;

Sekiranya diteliti, penggunaan kata “menimpa” dalam baris kedua pembayang di atas sebenarnya tidak sesuai lantaran bunga cempaka bukan objek yang berat tetapi ringan. Objek ringan yang jatuh tidak tepat dikatakan menimpa kerana objek yang sesuai menggunakan kata menimpa mestilah objek yang berat. Atas sebab itu, kata yang sesuai untuk menggantikan kata “menimpa” dalam pembayang tersebut ialah “di atas”- “Gugur bunganya di atas tangga”.

Bertitik-tolak dari itu, penelitian yang dilakukan terhadap penggayaan dan kemahiran berbahasa pemantun IPT Malaysia yang menyertai Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental dan Temasya Pantun Kerabat Bestari edisi 2023 turut dapat mengesan kelemahan yang sama. Namun, pada masa yang sama, terdapat juga pemantun yang arif dari sudut penggayaan dan kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, penggayaan dan kemahiran berbahasa pemantun IPT Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Ketiga-tiga tahap penggayaan dan kemahiran berbahasa pemantun IPT Malaysia seperti yang dinyatakan itu akan dianalisis dengan menjadikan kesan visual sebagai ukurannya.

Penggayaan dan Kemahiran Berbahasa Tinggi

Penggayaan dan kemahiran berbahasa yang tinggi khususnya dalam penciptaan rangkap pantun sebenarnya menuntut seseorang pemantun itu untuk menguasai sejumlah kosa kata bahasa Melayu dengan banyak. Keluasan perbendaharaan kata seseorang pemantun tidak hanya akan dapat memudahkan jalan seseorang pemantun untuk membina pembayang

dengan cepat, malah penguasaan tersebut juga akan dapat membuatkan seseorang pemantun memilih perkataan yang sesuai dengan pantun yang dicipta. Gejala ini dapat dilihat dengan jelas menerusi pantun dari para pemantun IPT Malaysia yang dikesan memiliki penggayaan dan kemahiran berbahasa yang tinggi dalam pantun khususnya dalam Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental dan Temasya Pantun Kerabat Bestari pada tahun 2023. Berikut diperturunkan rangkap-rangkap pantun tersebut:

Bakar setanggi di bekas dupa,
Pawang berkumat di malam hari;

Tumbuh subur pohon melati,
Di hinggap sebentar burung tempua;

Kuntum melati harum meraksi,
Kembang mekar di pagi terang;

Benang suasa sulam berseri,
Baldu merah kemas ditekat;

Indah warna bintang kejora,
Sayang sirna dilutup awan;

Pembayang pantun yang diperturunkan di atas membuktikan dengan jelas penggayaan dan kemahiran berbahasa yang tinggi dalam kalangan pemantun IPT Malaysia. Pembayang tersebut boleh dianggap mempunyai penggayaan dan kemahiran berbahasa yang tinggi kerana berhasil menghadirkan kesan visual dengan mudah dan jitu di benak khalayak pendengar. Pembayang yang pertama umpamanya memberikan gambaran perbuatan pawang yang terkumat-kamit membaca jampi dengan membakar kemenyan pada waktu malam. Perkara yang menarik dalam pembayang ini dapat dikesan menerusi pemakaian istilah setanggi dan

dupa untuk merujuk kepada kemenyan yang sekali gus mengisyaratkan bahawa pemantun yang menghasilkan pembayang ini memiliki variasi kosa kata terhadap subjek yang sama. Selanjutnya, kesan visual dalam pembayang yang kedua pula bertitik-tolak dari penceritaan mengenai pokok melati yang tumbuh dengan subur dan menjadi hinggapan burung tempua sebentar cuma. Walaupun pembayang ini tidak diandam dengan kosa kata klasik, namun kesan visual yang tercerna membuktikan bahasa pembayang ini disusun dengan baik oleh pemantun yang menghasilkannya. Pemakaian motif bunga berlarutan dalam pembayang ketiga yang bercerita mengenai kuntum melati yang mekar pada pagi yang terang serta berbau wangi. Dalam pantun tersebut, berlaku pengayaan bahasa oleh pemantun menerusi penggunaan istilah meraksi untuk merujuk kepada bau wangi yang biasa digunakan. Pembayang pantun yang keempat pula memberikan kesan visual seputar benang suasa yang disulam dan ditekat dengan berseri dan kemas pada baldi merah. Pembayang ini memiliki pengayaan bahasa apabila pemantun menggunakan istilah tekat yang merupakan seni sulaman tradisional dalam tekstil masyarakat Melayu dari menggunakan perkataan jahit yang sudah kebiasaan didengar dan digunakan. Sementara itu, pembayang terakhir pula menyuguhkan kesan visual berkisar tentang alam, iaitu mengenai warna bintang kejora yang cantik namun warnanya yang cantik itu segera hilang kerana ditutup oleh awan. Pengayaan bahasa dalam pembayang ini boleh dicermati menerusi penggunaan istilah bintang kejora yang merupakan kosa kata klasik untuk merujuk kepada planet Zuhrah. Berikutnya, pemantun juga turut menggunakan istilah klasik, iaitu perkataan sirna untuk menggantikan perkataan hilang yang biasa digunakan. Secara keseluruhannya, himpunan pembayang yang dibawakan telah digarap dengan baik oleh para pemantun dari sudut bahasa sehingga berjaya memberikan kesan visual yang jitu kepada khalayak yang mendengar.

Pengayaan dan Kemahiran Berbahasa Sederhana

Mengarang pantun dalam kiraan masa seminit bukanlah perkara yang mudah. Dalam tempoh masa yang sedikit itu, pemantun diuji dari sudut bahasa dan pemikiran. Bagi pemantun yang baru berjinak-jinak dalam pertandingan berbalas pantun dan juga pemantun yang kurang perbendaharaan kata akan berhadapan dengan detik-detik cemas untuk mengarang pantun dalam tempoh masa yang ditetapkan. Keadaan ini memungkinkan para pemantun menghasilkan pantun yang kurang berestetika dari sudut pandang pengayaan dan kemahiran berbahasa. Ia sekali gus akan membuatkan kesan visual yang ingin disampaikan menjadi agak janggal baik dipendengaran mahupun imaginasi khalayak. Namun begitu, ia tidaklah mengganggu secara keseluruhan kesan visual yang ingin disampaikan kerana kekurangan tersebut hanya bersifat sederhana. Pengayaan dan kemahiran berbahasa pada tahap sederhana para pemantun yang menyertai Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental dan Temasya Pantun Kerabat Bestari boleh dilihat menerusi pembayang di bawah:

Tumbuh melata bunga melati,
Di pagi terang dihindgap tempua;

Dara kembayat merah berkain,
Riang menari kuda kepong;

Pahlawan gagah berhati nurani,
Busur ditembak sayang tersasar;

Berburu arjuna burung kenari,
Di kala senja berteman ratna;

Asam kandis habis dimakan,
Manis sekali rasa isinya;

Pembayang yang dihimpunkan di atas merupakan barisan pembayang yang mewakili tahap penggayaan dan kemahiran berbahasa yang sederhana. Sekiranya diteliti, pembayang yang dihimpunkan di atas tersebut tidaklah mencatitkan keseluruhan kesan visual yang ingin diujarkan. Namun, kesilapan dalam pemilihan diksi membuatkan ia agak sedikit janggal didengar dan dibayangkan oleh khalayak. Pembayang pantun yang pertama umpamanya secara terang-terangan mempunyai kesilapan dalam pemilihan istilah yang betul untuk menceritakan tentang sifat tumbuh bunga melati. Dalam pembayang tersebut, pemantun menyatakan bunga melati tumbuh melata yang bermaksud menjalar sedangkan pada hakikatnya bunga melati tidak tumbuh sebegitu. Kesalahan dalam pemilihan istilah ini membuatkan kesan visual yang diujarkan oleh pembayang tidak dapat dibayangkan dengan jitu. Seterusnya, pembayang yang kedua pula mempunyai masalah yang ketara segi penyusunan perkataan khususnya pada bahagian “merah berkain”. Susunan perkataan yang sedemikian menyebabkan khalayak pendengar tertanya-tanya apakah sebenarnya yang ingin dimaksudkan oleh pemantun. Adakah pemantun ingin menyatakan dara Kembayat tersebut berkulit merah ataupun kain yang dipakainya yang berwarna merah? Susunan perkataan tersebut menyebabkan berlakunya gangguan kesan visual dalam kalangan khalayak yang mendengarnya kerana dikelirukan oleh susunan perkataan yang dibuat oleh pemantun. Pembayang yang ketiga turut bermasalah dari sudut kesan visual apabila pemantun melakukan kesilapan pemilihan perkataan pada bahagian “busur ditembak”. Hakikatnya, yang dipanah menggunakan busur ialah anak panah dan bukannya busur itu sendiri. Tidak cukup dengan itu, pemantun turut melakukan kesilapan dari sudut kata kerja penggunaan busur kerana busur tidak ditembak sebaliknya dipanah. Lanjutan itu, pembayang yang keempat pula turut mengalami kesalahan yang serupa apabila pemantun menggunakan istilah berburu untuk menangkap burung. Kebiasaannya, berburu merupakan kata kerja yang digunakan untuk menangkap haiwan liar yang hidup di atas tanah. Sebaliknya, untuk burung istilah yang biasa digunakan ialah memikat. Pembayang terakhir pula bermasalah

dari sudut pemilihan kata manis terhadap rasa asam kandis sedangkan asam kandis ialah buah yang mempunyai rasa yang masam. Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, pengayaan dan kemahiran berbahasa pada tahap sederhana ini masih boleh menghadirkan kesan visual namun sedikit terganggu dengan kesilapan pemantun dalam pemilihan dan penyusunan perkataan.

Pengayaan dan Kemahiran Berbahasa Lemah

Pada tahap ini, pembayang yang dihasilkan oleh para pemantun IPT Malaysia berhadapan dengan kesukaran untuk dibayangkan oleh khalayak pendengar kerana pengayaan dan kemahiran berbahasa yang boleh dikata sebagai lemah. Kelemahan tersebut meliputi kesalahan dalam pemilihan diksi dan juga susunan perkataan yang berlaku serentak di dalam dua baris pembayang yang dicipta. Kesalahan dalam kedua-dua aspek itu pula selanjutnya akan menyebabkan pembayang yang dicipta menjadi tidak logik dan sekali gus merencatkan kesan visualnya. Berikutnya ini dihipunkan pembayang-pembayang para pemantun IPT yang boleh dikategorikan sebagai lemah, iaitu:

Hiasan cempaka sayangnya retak,
Habis ranting tampak berbalam;

Mentari senja bias mentari,
Merekah setitis menjelang pandangan;

Tumbuh mekar tepian pakma,
Menjalar panjang naik perigi;

Gelap malam tidaklah kelam,
Bintang bertabur jadi corakan;

Tumbuh berserakan disinari sinaran,
Menghijau daun pokok setinggi;

Himpunan pembayang di atas merupakan pembayang yang gagal menghadirkan kesan visual yang jitu rentetan dari penggayaan dan kemahiran berbahasa yang lemah. Pembayang yang pertama umpamanya mengandungi masalah sedari baris yang pertama kerana subjek yang ingin diceritakan tidak begitu jelas sama ada ia merujuk kepada bunga atau perhiasan. Sekiranya subjek merujuk kepada bunga kerana dikuatkan oleh kata ranting pada baris kedua pembayang, persoalan yang timbul ialah bunga tidak akan mengalami retakan memandangkan ia bukan objek yang keras. Sebaliknya, jika subjek ingin dimaksudkan dengan barang perhiasan pula, persoalan yang timbul berikutnya ialah adakah sesebuah perhiasan itu memiliki ranting sedangkan ia bukan tumbuh-tumbuhan? Malah, penceritaan ranting itu juga tidak begitu jelas kerana dikatakan berbalam atau maksud sebenarnya ialah tidak terlihat dengan jelas. Begitu juga akan halnya dengan pembayang kedua apabila pemantun menyatakan mentari senja terbias tanpa membawa penyebab yang melencongkan mentari tersebut. Masalah dalam pembayang ini berlarutan ke baris yang kedua apabila penceritaannya disambung dengan titisan merekah yang langsung tidak berkaitan dengan mentari senja sebelumnya. Pada pembayang yang ketiga pula, subjek yang ingin dimaksudkan oleh pemantun sukar untuk ditanggapi kerana dikelirukan oleh sesuatu yang tumbuh mekar. Adakah ia merujuk kepada bunga lain atau pun pakma (bunga rafflesia) itu sendiri? Baris kedua pembayang pula tidak menyokong baris pertama kerana tidak diketahui apakah bunga yang tumbuh mekar lagi menjalar dan dalam masa yang sama bunga pakma tidak tumbuh menjalar. Baris pertama pada pembayang yang keempat bermasalah disebabkan oleh baris kedua pembayang. Hal ini demikian kerana pemantun ingin menyatakan bahawa gelap pada waktu malam tidak begitu kelam kerana adanya bintang yang bertabur menjadi corakan. Namun, cahaya bintang kebiasaannya tidak menerangi malam sebaliknya bulanlah yang berfungsi menerangi malam

lebih-lebih lagi ketika purnama. Lanjutan itu, pembayang yang terakhir pula menggunakan diksi yang tidak sesuai, iaitu “berserakan” untuk menceritakan tentang pohon setinggi yang tumbuh di merata-rata. Malah, pemilihan kata “disinar sinaran” bersifat kabur kerana tidak difahami oleh khalayak pendengar apakah yang sinar yang menyinari seperti yang dimaksudkan oleh pemantun. Menerusi perbincangan tersebut, jelaslah bahawa pembayang pantun pada tahap ini tidak dapat menghadirkan kesan visual dengan baik berpunca dari penggayaan dan kemahiran berbahasa yang lemah dan berlaku secara keseluruhan dalam dua baris pembayang.

PENUTUP

Puisi Melayu tradisional merupakan hasil kesusasteraan Melayu silam yang wujud dalam lingkungan masyarakatnya yang buta huruf. Ia berkembang dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi menerusi tradisi lisan dalam kalangan masyarakat Melayu semenjak dahulu lagi. Di antara kesemua hasil puisi Melayu tradisional yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu, pantun merupakan genre puisi yang paling popular, sinonim dan akrab sekali dengan masyarakat Melayu. Malah, tidak keterlaluan juga untuk dikatakan bahawa pantun ialah bentuk puisi Melayu tradisional yang “teristimewa” sekali dalam perbendaharaan kesusasteraan lisan Melayu dengan menyaksikan keistimewaan itu terletak pada keindahan dan popularitinya. Sehingga kini, pantun kekal menduduki papan teratas dan tidak pernah tergugat dengan kemunculan puisi dari genre yang sama mahupun moden. Pada tahap awal penciptaannya, pantun memainkan peranan sebagai alat untuk memberikan hiburan kepada masyarakat Melayu di samping turut dimanfaatkan untuk menyampaikan perasaan yang digarap secara halus dan indah. Ketika pantun merempuhi arus masa serta zaman sehingga akhirnya berjaya menempatkan diri pada era kontemporari kini, fungsi pantun yang dahulunya terhad menjadi lebih luwes apabila turut digunakan dalam pelbagai lapangan yang lain. Salah

satunya ialah pantun berupaya untuk dijadikan sebagai wasilah untuk mengasah kemahiran berbahasa apabila pantun mula dilestarikan menerusi pertandingan berbalas pantun seperti yang sedia diketahui dewasa ini.

Buktinya, penelitian yang dijalankan terhadap pembayang pantun para pemantun IPT yang menyertai Temasya Pantun Kesedaran Kesejahteraan Mental dan Temasya Pantun Kerabat Bestari pada tahun 2023 menemukan tahap penggayaan dan kemahiran berbahasa pemantun IPT Malaysia terbahagi kepada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan lemah dengan berdasarkan kepada kejituan kesan visual pembayang pantun yang dicipta. Pada tahap penggayaan dan kemahiran berbahasa yang tinggi, pemantun dikesan dapat menyusun ayat dengan begitu baik serta menggunakan kosa kata yang klasik. Susunan ayat dan pemilihan kosa kata yang baik berjaya menjelmakan kesan visual yang jitu dalam fikiran khalayak pendengar. Selanjutnya, penggayaan dan kemahiran berbahasa pada tahap yang sederhana pula menyaksikan kesilapan pemilihan perkataan dalam kadar yang minimum namun ia tidak menjejaskan kesan visual pembayang yang ingin disampaikan oleh pemantun. Berbeza pula akan halnya dengan penggayaan dan kemahiran berbahasa pada tahap yang rendah apabila berlaku kesalahan yang begitu ketara dan berulang dalam pemilihan kata pada kedua-dua baris pembayang sehingga menjadikan pembayang tidak logik dan sukar untuk memancarkan kesan visual dalam fikiran khalayak yang mendengar. Justeru itu, jelaslah bahawa pantun yang dilestarikan menerusi pertandingan berbalas pantun tidak hanya berorientasikan pertandingan semata-mata sebaliknya ia juga berupaya untuk mempraktikkan dan mengasah penggayaan dan kemahiran berbahasa dalam diri pemantun yang menyertai sesebuah pertandingan berbalas pantun.

BIBLIOGRAFI

- Absha Atiah Abu Bakar. (2020). *Pantun Pengasah Minda Pengasuh Jiwa Panduan Untuk Pertandingan*. Abssha Jaya Trading.
- Francoise-rene Dailie. (1988). *Alam Pantun Melayu- Studies on the Malay Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. (1975). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Pustaka Nasional.
- Liliy Salwani Razali & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). Puisi Lisan: Pemerkasaan Warisan Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 234 - 277.
- Mohamad Sahidan, Faezah Muhyat & Musazliza Mustan Shir. (2018). *Pertandingan Berbalas Pantun Panduan dan Pengalaman Juri*. Arena Press Corporation Sdn Bhd
- Muhammad Haji Salleh. (2016). *Ghairah Dunia Dalam Empat Baris: Sihir Pantun dan Estetikanya*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2007). Pantun dan Pembudayaan Bangsa. *Dewan Sastera*, 81-84.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). Tradisi Lisan: Puisi. Dlm. Sahlan Mohd. Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (penyt.). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden* (pp. 35-54). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2018). Bahasa dan Persuratan Melayu Merentasi Zaman. *Prosiding persidangan Bahasa dan Persuratan Melayu Merentas Zaman*, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 75-81.

- Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid. (2011). Saya Bangga Sebagai Melayu. *Mingguan Malaysia*.
- Winstedt R. O. (1961). *A History of Classical Malay Literature*. Oxford University Press.
- Zurinah Hassan. (2020). *Membina Bakat Kreatif*. Penerbit UniMAP.

BAB 12

STRUKTUR TEKS PIDATO DAN SANTUN BAHASA MELALUI TEKNIK PDIPS

Norazlina Mohd. Kiram

PENGENALAN

Pidato ialah satu kegiatan komunikasi yang disampaikan oleh pemidato dengan tujuan untuk menyampaikan mesej kepada khalayak. Aktiviti ini berbentuk sehalu dan memerlukan kemahiran yang tinggi, baik dari segi penyediaan teks ucapan mahupun penyampaian. Ucapan yang tidak tersusun menunjukkan pemikiran pemidato yang berkecamuk. Sebaliknya, pemidato yang teratur pemikirannya akan berucap secara tersusun, lancar dan jelas. Ucapannya difahami oleh khalayak. Oleh itu, pemidato perlu menguasai *inventio*, *dispositio*, *elocutio*, *memoria* dan *pronuntiatio* dalam ucapan. *Inventio* bermaksud proses pengumpulan isi bicara, bahan sokongan serta hujah, dalil, pembuktian dan rayuan yang relevan. *Dispositio* ialah penyusunan isi bicara secara berstruktur. Penggunaan simbol, iaitu bahasa dalam bentuk pemilihan perkataan yang tepat, serta penyusunan ayat yang mantap, bererti dan indah pula dipanggil *elocutio*. *Memoria* merujuk kepada proses penyimpanan idea dalam minda pemidato secara tersusun untuk diluahkan kepada sasarannya. Manakala, *pronuntiatio* ialah usaha untuk menyajikan mesej kepada khalayak dengan menggunakan gaya penyampaian yang sesuai, termasuk aspek pengawalan suara, parabahasa dan bahasa badan (Abdul Muati@Zamri Ahmad, 2018).

Kebiasaannya, pemidato akan menterjemahkan ideanya dalam penulisan teks pidato terlebih dahulu. Proses penulisan ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya kerana wacana yang mantap memerlukan kemahiran, bukan sahaja ilmu pengetahuan tetapi juga penguasaan teknik atau strategi tertentu. Kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis.

Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem, iaitu mengambil kira matlamat, bahasa, audiens dan gaya penulisan (Abdul Rasid Jamian, 2011). Dengan kata lain, teks pidato yang ditulis hendaklah mempunyai struktur, hujah dan bahasa yang mantap. Hal ini bertujuan untuk memudahkan khalayak memahami dan menanggapi pidato yang disampaikan. Pemidato juga hendaklah menggunakan bahasa dengan fasih dan betul semasa berpidato. Pemilihan kosa kata dan gaya bahasa yang menarik dapat menyerlahkan lagi idea dan kreativiti pemidato. Kesilapan berbahasa boleh menyinggung sensitiviti masyarakat dan menimbulkan konflik antara pemidato dengan khalayak. Menurut Norazlina Mohd Kiram (2021), penggunaan bahasa yang betul dapat memperkukuh jati diri dan memancarkan kehalusan tutur kata dan budi pekerti rakyat Malaysia yang santun berbahasa. Walau bagaimanapun, masih ada dalam kalangan pemidato yang tidak mengetahui teknik penulisan teks pidato. Kesannya, teks pidato yang ditulis tidak berstruktur dan bahasanya juga tidak menarik. Bertitik tolak dari sinilah, kajian ini dilakukan dengan menumpukan kepada struktur penulisan teks pidato dan penggunaan bahasa yang santun.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan struktur teks pidato berdasarkan Teknik PDPIPS, dan kesantunan bahasa dalam pidato.

SOROTAN KAJIAN

Struktur pengucapan yang baik adalah apabila pengucap menjelaskan premisnya dengan fakta dan contoh. Ucapan tersebut kemudiannya diperkukuh dengan gagasan idea pengucap sebelum disimpulkan sebagai rumusan. Dalam konteks pidato, pemidato yang baik dapat menyampaikan

idea, hasrat dan maksud dengan jelas sehingga difahami oleh khalayak. Oleh itu, pemidato perlu mempunyai pengetahuan yang luas tentang tajuk yang disampaikan, selain mempunyai kemahiran berpidato dan penguasaan bahasa yang baik. Penggunaan laras bahasa haruslah disesuaikan dengan kelompok khalayak dan latar belakang mereka. Pemidato tidak perlu menggunakan istilah yang terlalu tinggi atau spesifik sehingga tidak difahami oleh pendengar. Dalam hubungan ini, kesantunan bahasa sangat penting sebagai cerminan peribadi yang baik, sekali gus disenangi oleh khalayak (Mohd. Nazri Noh, 2022).

Mina Syanti Lubis (2018) telah mengkaji struktur teks pidato dalam penulisan mahasiswa di Institut Pendidikan Tapanuli Selatan. Kajian beliau berbentuk kualitatif dan menggunakan kerangka konsep Somad dan Indriani yang dikemukakan pada 2010. Struktur teks pidato yang dikaji merangkumi judul, salam pembuka, pendahuluan, isi (fakta dan data), penutup (simpulan, harapan dan permohonan maaf) dan salam penutup. Pada asasnya, struktur teks pidato terdiri daripada pembuka, isi dan penutup. Data diambil daripada 28 teks pidato yang ditulis oleh mahasiswa semester III Prodi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia IPTS (Institut Pendidikan Tapanuli Selatan). Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 18 teks mengandungi judul yang jelas daripada 28 teks yang dikaji. Manakala, 10 teks lagi tidak memiliki judul kerana judul tersebut diletakkan pada bahagian pendahuluan atau tersembunyi pada bahagian yang tidak sesuai. Sebanyak 24 teks mengandungi salam pembuka, manakala empat teks lagi dimulakan dengan kata pujian dan terima kasih. Bahagian pendahuluan memperlihatkan bahawa sebanyak 25 teks mengaitkan pendahuluan dengan isi yang akan disampaikan. Hasil penelitian juga mendapati bahawa hanya 13 teks mengandungi isi yang lengkap dengan data dan fakta. Pada bahagian penutup pula, ada teks yang tidak mempunyai penutup (4), tidak ada simpulan (10), tidak ada harapan (8) dan tidak ada permohonan maaf (6). Terdapat tiga teks yang tidak menulis salam penutup. Secara keseluruhannya, mahasiswa memahami struktur penulisan teks pidato, namun mereka masih memerlukan bimbingan

daripada pengajar. Hal ini dikatakan demikian untuk menghindari salah faham dalam penulisan struktur teks pidato.

Mia Mutmainah (2022) telah meneliti diksi dan gaya bahasa pidato Mahmoud Abbas, iaitu Presiden negara Palestin pada Sidang Umum PBB ke-76. Data diambil daripada video ucapan Mahmoud Abbas yang diperoleh daripada saluran rasmi Youtube PBB (United Nations). Diksi atau pilihan kata yang dikaji hanya berfokuskan pada karakteristik pilihan kata yang menonjol dalam pidato, seperti diksi berdasarkan data statistik, pilihan kata terhadap asosiasinya dengan kata lain, diksi kursus dan pilihan pronomina (kata ganti). Semua data telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan retorika Gorys Keraf yang dikemukakan pada 2007. Dapatan kajian antara lain menunjukkan bahawa Mahmoud Abbas menggunakan sudut pandangan yang beragam, iaitu orang pertama dan orang ketiga. Maknanya, Mahmoud Abbas tidak berdiri atas namanya sendiri tetapi atas nama rakyat Palestin. Selain itu, beliau juga gemar menggunakan gaya bahasa erotis atau pertanyaan retorik untuk mencapai kesan yang mendalam. Gaya bahasa ini mengandungi sindiran dan tidak memerlukan jawapan kerana jawapannya sudah jelas di fikiran pendengar berdasarkan situasi yang berlaku. Misalnya ungkapan, *“Untuk apa orang Palestina hidup kalau hanya berada di bawah jajahan Israel atau hanya jadi pengungsi?”*. Terdapat dua perkataan yang mendominasi sebutan Mahmoud Abbas, iaitu ‘Palestina’ (46 kali) dan ‘Israel’ (36 kali). Kalimat tersebut diulang-ulang oleh pengucap untuk memberikan peringatan bahawa Palestin telah lama hidup menderita, dan tindakan Israel sangat keterlaluan. Secara keseluruhannya, Mahmoud Abbas banyak menggunakan gaya bahasa sindiran dalam ucapannya. Struktur kebahasaan, diksi dan gaya bahasa yang digunakan secara langsung dapat mempengaruhi makna, emosi dan perjuangan Mahmood Abbas untuk membebaskan Palestin daripada cengkaman Israel.

Norazlina Mohd Kiram (2023) telah memperkenalkan Teknik PDPIPS berdasarkan enam komponen, iaitu Pengenalan (P), Definisi (D), Pendirian (P), Isi (Isi), Penutup (P) dan Saranan (S). Teknik ini diperkenalkan

untuk membantu pemidato menghasilkan teks pidato yang berstruktur dan menyetengahkan elemen kebahasaan. Pengkaji telah menggunakan teks pidato yang bertajuk, “Kegemilangan Ilmu Teras Keunggulan Bangsa” sebagai data kajian. Teks ini telah diuji dalam Pertandingan Gegar Pidato Piala Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) 2019 peringkat kebangsaan. Pengkaji merupakan finalis dalam pertandingan tersebut dan berjaya memenangi hadiah Naib Johan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pada komponen Pengenalan (P), teks pidato dimulakan dengan lafaz kalimah bahasa Arab, “*Bismillahirrahmanirrahim*” (Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani). Kemudian, diikuti dengan ucapan salam dan saluti sebagai tanda penghormatan dan penghargaan pemidato kepada khalayak yang hadir mengikuti pertandingan tersebut. Pemidato juga memetik kata-kata sarjana berkaitan dengan ilmu, iaitu “*Tidak perlu menghancurkan buku jika mahu meruntuhkan peradaban bangsa, sebaliknya hanya perlu pastikan orang berhenti membaca maka runtuhlah segala-galanya*” Ungkapan tersebut selari dengan tajuk pidato, iaitu “Kegemilangan Ilmu Teras Keunggulan Bangsa”. Dalam komponen Definisi (D), tiga frasa telah diberikan pendefinisian, iaitu ‘kegemilangan ilmu’, ‘teras’ dan ‘keunggulan bangsa’. Ketiga-tiga frasa tersebut kemudiannya dikaitkan dengan komponen Pendirian (P). Pemidato mengemukakan tiga hujah, iaitu konteks pendidikan, sains dan teknologi, dan kebahasaan. Komponen Isi (I) pula diuraikan dengan memberikan contoh yang sesuai dan disokong dengan fakta. Pada akhir Isi, pemidato menyimpulkan secara ringkas hujah yang telah disampaikan. Pada bahagian Penutup (P), pemidato menyelitkan impak yang akan berlaku jika sesuatu bangsa itu tidak mempunyai ilmu, dan dinyatakan kembali tiga hujah yang telah disampaikan. Akhirnya, dalam komponen Saranan (S) pemidato menyeru kepada khalayak supaya sentiasa menggali ilmu yang baik dan memanfaatkannya dalam kehidupan.

Mohamad Zahir Zainudin (2023) menjelaskan bahawa kandungan ucapan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pembukaan, isi dan penutup. Bahagian Pembukaan bertujuan untuk membentuk mood dan semangat

khalayak terhadap topik yang akan disampaikan. Pembukaan yang bagus dapat membantu khalayak memahami topik secara ringkas sebelum mendengar bahagian isi. Isi pula merupakan bahagian yang sangat penting kerana ia menyokong topik yang disampaikan. Ciri utama isi ialah bahan kajian yang bersistematik, penemuan baharu, kenyataan fakta, statistik, definisi, contoh dan ilustrasi. Semakin banyak isi, maka bertambah kukuh ucapan yang disampaikan dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi khalayak. Dalam konteks pidato, jumlah isi bergantung kepada tempoh masa yang ditetapkan. Kebiasaannya, tiga isi atau hujah sudah mencukupi. Manakala, bahagian Penutup merupakan kemuncak kepada ucapan yang disampaikan kerana ia dapat menentukan sama ada wujud elemen tindakan atau membuat perubahan. Penutup yang baik mempunyai kenyataan untuk diingati, kata-kata indah, ungkapan, pantun, ayat al-Quran dan hadis. Tegasnya, ucapan penutup yang berkesan dapat menarik perhatian, membangkitkan minat, mencetuskan keinginan dan merangsang tindakan khalayak. Dalam hubungan ini, Awang Sariyan (2023) menyatakan bahawa bahasa merupakan wahana atau saluran akal sebagai alat berfikir dalam bentuk dua fungsi. *Pertama*, bahasa menjadi wahana untuk melahirkan idea, fikiran dan perasaan sehingga dapat disampaikan kepada pihak lain. *Kedua*, bahasa menjadi wahana untuk menerima dan mentafsirkan idea, fikiran atau perasaan daripada pihak lain sehingga penerima idea, fikiran atau perasaan itu faham dan mungkin memberikan gerak balas atau respons. Kesantunan bahasa pula meliputi seluruh aspek perbahasan seperti sistem bahasa yang meliputi tatabahasa dan aturan-aturan lain dan juga sistem sapaan. Manakala, aspek gaya pengungkapan meneliti bagaimana sesuatu mesej perlu disampaikan melalui wacana yang rapi. Jika kita berucap, maka ucapan kita perlu disusun dengan teratur dan jelas. Jika kita menulis dokumen, maka dokumen itu perlu disusun dan diolah dengan kemas. Hal ini bertujuan untuk menimbulkan keberkesanan komunikasi. Justeru itu, penggunaan peribahasa atau ungkapan hendaklah tepat dengan maksud dan konteks agar komunikasi berjalan lancar dan mencapai matlamat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada struktur dan penggunaan gaya bahasa dalam teks pidato. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data kajian diambil daripada tiga teks pidato yang ditulis sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan Teknik PDPIPS. Ketiga-tiga teks tersebut bertemakan peribahasa, iaitu *Bagai aur dengan tebing* (Teks 1), *Biar salah kain, jangan salah mulut* (Teks 2) dan *Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung* (Teks 3). Peribahasa mempunyai pengertian berbentuk konsep dan bertujuan untuk memberikan tunjuk ajar atau menegur dengan kata-kata yang indah bagi menjaga hati pendengar. Menurut Rahman Shaari (1993), peribahasa berfungsi untuk menimbulkan keindahan berbahasa, menguatkan makna dan mewujudkan suasana yang sesuai dengan perasaan dan pemikiran. Semua data dianalisis dengan menggunakan Teknik PDPIPS yang diperkenalkan oleh Norazlina Mohd Kiram (2023). Akronim PDPIPS terdiri daripada enam komponen, iaitu Pengenalan (P), Definisi (D), Pendirian (P), Isi (Isi), Penutup (P) dan Saranan (S). Data kajian diambil daripada tiga teks pidato yang ditulis sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan Teknik PDPIPS. Ketiga-tiga teks tersebut bertemakan peribahasa, iaitu *Bagai aur dengan tebing* (Teks 1), *Biar salah kain, jangan salah mulut* (Teks 2) dan *Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung* (Teks 3). Komponen PDPIPS diterangkan seperti di bawah.

1. Pengenalan (P)

- a) Memulakan ucapan atau bicara dengan memberi ucapan salam sebagai tanda silaturahim, penghormatan dan perkenalan kepada khalayak.
- b) Memberi salutation atau ucapan penghormatan kepada khalayak.
- c) Menyampaikan pernyataan yang berbentuk fakta, lucu, kata hikmah, ayat al-Quran, hadis nabi, analogi dan lain-lain yang mempunyai perkaitan dengan tajuk.

- d) Menyatakan tajuk pidato.
- 2. Definisi (D)
 - a) Menjelaskan maksud kosa kata dalam tajuk pidato secara ringkas tetapi bermakna.
 - b) Memberikan definisi kosa kata berdasarkan pandangan sarjana atau fakta.
- 3. Pendirian (P)
 - a) Menjelaskan hala tuju pidato.
 - b) Menyatakan bilangan dan hujah pidato.
- 4. Isi (I)
 - a) Mengemukakan hujah atau idea utama yang dapat menyokong pendirian pemidato. Bilangan hujah perlu memenuhi syarat yang ditetapkan oleh penganjur.
 - b) Menghuraikan setiap hujah secara ringkas tetapi padat supaya khalayak mendapat maklumat dan mesej yang jelas (Isi, hurai, contoh dan simpul).
- 5. Penutup (P)
 - a) Merumuskan pidato yang telah disampaikan.
 - b) Menjelaskan secara ringkas kesan atau impak dan mengaitkannya dengan tajuk pidato.
 - c) Menyatakan semula semua isi atau hujah secara berurutan.
- 6. Saranan (S)
 - a) Menyarankan kepada khalayak tentang usaha, tindakan atau langkah yang boleh diambil untuk menyokong hala tuju pidato.
 - b) Menyebutkan kembali tajuk pidato.
 - c) Memperkukuh saranan dengan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun dan kata pujangga.
 - d) Mengucapkan salam atau terima kasih.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan dan perbincangan keenam-enam struktur binaan Teknik PDPIPS dalam ketiga-tiga teks pidato adalah seperti di bawah.

Jadual 12.1: Komponen Pengenalan (P) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Pengenalan (P)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Assalamualaikum dan selamat pagi. (a) Hadirin yang saya hormati. (b) Apabila kita saling bergantung, iaitu menggabungkan usaha kita sendiri dengan usaha orang lain, maka kita akan mendapat kejayaan yang lebih besar dan luar biasa. Seperti ungkapan Patrick Lencioni, bukan kewangan, bukan strategi, dan bukan juga teknologi. Tetapi semuanya kerana kerja berpasukan, yang kekal sebagai satu kelebihan daya saing. (c) Justeru, izinkan saya untuk mengupas peribahasa, <i>Bagai aur dengan tebing</i> . (d)
2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Assalamualaikum dan selamat pagi. (a) Hadirin yang saya hormati. (b) Pujangga Melayu, Raja Ali Haji ada menyatakan, adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya, kemudian barulah pada kelakuan. Tutur kata merupakan inti daripada kegiatan berbahasa. Orang memerlukan ilmu untuk mencapai tingkat berbahasa yang beradab dan sopan. Dalam berbahasa, orang yang bijaksana tahu memilih dan merangkai kata. Ketepatan bahasa yang digunakan selari dengan fikiran dan perasaan. (c) Bertitik tolak dari sinilah, izinkan saya untuk mengupas peribahasa, <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i> . (d)

3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Assalamualaikum dan selamat pagi. (a) Hadirin yang saya hormati. (b) Tangan yang di atas, lebih baik daripada tangan yang di bawah. Orang yang dalam kesusahan sentiasa mengharapkan dirinya dibantu oleh orang lain. Mereka menaruh harapan akan ada sinar cahaya yang menanti. Oleh itu, pertolongan yang kita hulurkan besar maknanya buat orang lain. Malah, kita tidak pernah kerugian apabila membantu orang yang dalam kesusahan. Hakikatnya, ketika kita menolong orang lain, kita juga sedang menolong diri sendiri untuk terus melakukan kebaikan. (c) Bertitik tolak dari sinilah, izinkan saya untuk mengupas peribahasa, <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i> . (d)
----	---	--

Berdasarkan Jadual 12.1, komponen Pengenalan (P) dalam Teks 1, 2 dan 3 dimulakan dengan lafaz kalimat bahasa Arab, “Assalamualaikum” (Selamat sejahtera ke atas kamu semua). Ungkapan ini merupakan ucapan salam yang barakah dan lazimnya diucapkan oleh pemedato yang beragama Islam. Diikuti dengan ucapan “selamat pagi”, iaitu ucapan yang lebih formal dan mempunyai perkaitan dengan waktu pada ketika itu. Pemedato juga boleh menyesuaikan ucapan silaturahmi ini dengan pelbagai ucapan lain mengikut kesesuaian konteks. Ucapan penghormatan dan penghargaan kepada khalayak pula diberikan melalui ungkapan ringkas “Hadirin yang saya hormati”. Walaupun ucapan tersebut ringkas, namun dapat mempamerkan kerendahan hati pemedato terhadap khalayak yang sudi hadir mendengar pidato yang disampaikan. Hal ini selari dengan keperluan untuk menghormati dan menjaga hubungan sesama manusia, yang disebut *Hablum Minannas*. Pemedato kemudiannya memetik kata-kata hikmah daripada tokoh terkenal selari dengan tajuk pidato yang disampaikan. Misalnya, Teks 1 menjelaskan tentang gabungan usaha antara diri sendiri dengan usaha orang lain, dan kerja berpasukan dalam

pengurusan perniagaan. Teks 2 pula memetik kata-kata Raja Ali Haji tentang kepentingan menjaga mulut atau tutur kata dalam percakapan. Manakala, Teks 3 menumpukan pada nilai murni, iaitu membantu orang yang dalam kesusahan. Pemidato mengakhiri komponen ini dengan menyatakan kembali tajuk pidato. Melalui struktur ini, minda khalayak telah dipersiapkan dengan ruang lingkup hujah yang akan dibicarakan.

Jadual 12.2: Komponen Definisi (D) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Definisi (D)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Saudara, peribahasa <i>Bagai aur dengan tebing</i> bermaksud kerjasama yang utuh, iaitu hidup saling bantu-membantu atau tolong-menolong, untuk melaksanakan sesuatu perkara. ‘Aur’ bermaksud buluh, iaitu sejenis tumbuhan berongga, beruas dan mempunyai batang yang keras. Pokok ini hidup subur di tebing sungai. Dengan tumbuhnya aur yang kuat mencengkam, maka tanah tebing tidak mudah ditolak oleh air sungai yang deras. Tanpa tanah tebing, aur tidak mampu bertahan dan hidup subur. Maknanya, aur dan tebing saling memerlukan. Begitu juga dalam hubungan kekeluargaan, persahabatan, organisasi dan masyarakat. Kita perlu hidup bersepakat antara satu dengan lain untuk mencapai kehidupan yang harmoni, sekali gus mencapai matlamat yang dihasratkan. (a & b)

2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Saudara, peribahasa <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i> bermaksud kita hendaklah berhati-hati apabila mengeluarkan kata-kata. Tutur kata merupakan pelakuan yang sukar dikawal oleh manusia. Namun, kita hendaklah menggunakan akal, iaitu berfikir panjang sebelum mengungkapkan perkataan dan tindakan. Maknanya, jika kata-kata tersebut tidak membawa mudarat, maka bolehlah kita berbicara. Tetapi, jika boleh menimbulkan mudarat, maka hendaklah ditahan daripada berbicara. Hal ini penting untuk menjaga hubungan baik antara kedua-dua belah pihak. Sikap berhati-hati ini termasuklah menggunakan bahasa yang sesuai dengan keadaan, keperluan yang baik, dan mengikut adat kelaziman pendengar. Orang yang santun dan halus tutur katanya akan dipandang tinggi oleh masyarakat. Manakala, orang yang mengeluarkan kata-kata yang kesat dan kasar, akan dianggap sebagai biadab. (a & b)
----	--	--

3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Saudara, peribahasa <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i> bermaksud orang yang selalu memberikan pertolongan kepada mereka yang dalam kesusahan. Pertolongan dalam pelbagai bantuan diberikan dengan tujuan untuk meringankan beban orang lain. Tanpa mengira masa dan ketika, mereka hadir untuk menghulurkan tangan, dan bersama-sama mengatasi masalah yang dihadapi. Pertolongan tersebut diberikan seikhlas hati dan semampu yang terdaya. Mereka percaya, sikap peduli terhadap masyarakat di sekeliling dapat memberikan harapan kepada orang lain untuk bangkit daripada kesusahan, dan meneruskan langkah ke hadapan. Sikap suka menolong ini juga dapat memperkukuh ikatan persaudaraan dan mewujudkan kerukunan sesama manusia.
----	---	--

Berdasarkan Jadual 12.2, Teks 1, 2 dan 3 mengandungi komponen Definisi (D), iaitu penjelasan makna tersurat dan tersirat berkaitan tajuk peribahasa. Dalam Teks 2 misalnya, pemicato menyatakan maksud peribahasa *Biar salah kain, jangan salah mulut*, iaitu sikap berhati-hati apabila mengeluarkan kata-kata. Teks 3 pula menjelaskan maksud peribahasa *Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung*, iaitu orang yang selalu memberikan pertolongan kepada mereka yang mendapat kesusahan. Pemicato mendefinisikan tajuk pidato berdasarkan frasa tertentu dan diuraikan secara berperingkat-peringkat untuk memberikan maklumat yang jelas kepada khalayak tentang tajuk pidato. Ayat terakhir dalam ketiga-tiga teks memberikan mesej yang jelas tentang kepentingan menghayati peribahasa yang dimaksudkan. Hal ini secara tidak langsung dapat mempamerkan hati nurani pemicato yang tertib dalam penyampaian hujah dan bersih pemikirannya.

Jadual 12.3: Komponen Pendirian (P) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Pendirian (P)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Maka secara keseluruhannya, peribahasa <i>Bagai aur dengan tebing</i> akan dikupas berdasarkan tiga hujah, iaitu: Pertama, kerjasama dalam keluarga. Kedua, kerjasama dalam organisasi. Ketiga, kerjasama dalam masyarakat. (a & b)
2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Maka secara keseluruhannya, peribahasa <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i> akan dikupas berdasarkan tiga hujah, iaitu: Pertama, berhati-hati menyampaikan maklumat. Kedua, berhati-hati memberikan pandangan. Ketiga, berhati-hati meluahkan perasaan. (a & b)
3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Maka secara keseluruhannya, peribahasa <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i> akan dikupas berdasarkan tiga hujah, iaitu: Pertama, memberikan bantuan material. Kedua, memberikan bantuan motivasi. Ketiga, memberikan bantuan perlindungan. (a & b)

Berdasarkan Jadual 12.3, Teks 1, 2 dan 3 mengandungi komponen Pendirian (P), iaitu pemidato memaklumkan kepada khalayak tiga hujah pidatonya yang selari dengan hala tuju tajuk. Misalnya, pemidato telah mengemukakan tiga hujah dalam Teks 2, iaitu berhati-hati menyampaikan maklumat, berhati-hati memberikan pandangan dan berhati-hati meluahkan perasaan. Ketiga-tiga hujah tersebut bertujuan untuk menyokong tajuk, *Biar salah kain, jangan salah mulut*. Penyataan hujah disampaikan oleh pemidato dengan menggunakan ayat yang ringkas tetapi jelas. Komponen

Pendirian secara tidak langsung dapat menarik perhatian khalayak untuk mendengar kupasan hujah dalam tiga konteks yang berbeza.

Jadual 12.4: Komponen Isi (I) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Isi (I)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Hujah saya yang pertama, Kerjasama dalam keluarga. (isi) Saudara, Keluarga adalah kelompok manusia yang hidup bersama-sama, sebagai unit paling kecil dalam masyarakat. Secara umumnya, ahli keluarga mempunyai hubungan darah, ikatan perkahwinan atau ikatan yang lain, seperti bapa, ibu, adik-beradik dan saudara-mara yang mempunyai pertalian rapat. Dalam pembentukan bangsa bertamadun, institusi kekeluargaan memainkan peranan yang sangat penting. Justeru, untuk mewujudkan keluarga yang cemerlang, kerjasama utuh antara ahli keluarga sangat diperlukan. Jika ahli keluarga dapat berkomunikasi dengan baik, maka hubungan akan terjalin erat, mesra dan harmoni. Begitu juga dalam memikul tanggungjawab. Bebanan dapat dikurangkan dan urusan menjadi mudah, jika ahli keluarga mengamalkan sikap ringan tulang, iaitu saling bantu-membantu. (hurai) Misalnya, jika ibu bapa sakit, ahli keluarga bekerjasama, dan mengambil giliran untuk menjaga kedua-dua orang tua mereka. (Contoh) Kerjasama erat ini mencerminkan peradaban bangsa yang tinggi nilainya, terutama dalam pembentukan masyarakat penyayang. (simpul)

2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Hujah saya yang pertama, Berhati-hati menyampaikan maklumat. (isi) Saudara, Kita hendaklah berhati-hati sebelum berkongsi maklumat dengan orang lain untuk mengelakkan daripada perkongsian berita palsu. Sikap berhati-hati ini termasuklah memastikan maklumat tersebut diperoleh daripada sumber yang tepat dan berwibawa. Selain itu, maklumat tersebut tidak sulit atau menyentuh sensitiviti agama, bangsa dan negara. (hurai) Misalnya, pandangan berkaitan isu perkauman dan agama di Malaysia perlu dikupas secara berhemah, matang dan disokong dengan fakta. Pandangan yang bersifat peribadi dan emosi boleh mencetuskan huru-hara dan menggugat keharmonian masyarakat. Kesan tersalah cakap juga boleh mendatangkan fitnah kepada pihak lain dan menjejaskan hubungan baik. (contoh) Oleh itu, setiap maklumat atau berita yang diterima hendaklah diselidiki kebenarannya terlebih dahulu agar tidak memalukan atau menjatuhkan maruah orang lain. (simpul)
----	---	---

3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Hujah saya yang pertama, Memberikan bantuan material. (isi) Saudara, Pertolongan boleh dihulurkan dalam pelbagai bentuk dan cara. Orang yang suka menolong orang lain tidak akan membataskan bantuannya kepada sesuatu benda sahaja. Pertolongan material bukan sahaja berbentuk wang ringgit, tetapi juga barangan lain seperti makanan, tenaga, khidmat dan sebagainya. (Hurai) Misalnya, memberikan makanan keperluan asas kepada keluarga yang tidak berkemampuan dapat membantu mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup. Begitu juga bantuan latihan dan kemahiran. Dengan ilmu, golongan ini dapat memperbaiki tahap kehidupannya ke arah yang lebih baik. (contoh) Demikianlah hebatnya apabila kita suka menolong orang yang dalam kesusahan. Sekurang-kurangnya kita dapat menyuluh cahaya kepada orang yang memerlukan. Nilai murni ini merupakan sebahagian daripada ciri masyarakat penyayang. (simpul)
----	--	--

Berdasarkan Jadual 12.4, Teks 1, 2 dan 3 mengandungi komponen Isi (I) yang terdiri daripada huraian, contoh dan kesimpulan. Isi yang mantap mengandungi satu kesatuan idea yang lengkap dengan huraian, contoh dan kesimpulan. Dalam artikel ini, pengkaji hanya mengambil satu contoh Isi bagi setiap teks pidato. Pada bahagian Isi, pematik boleh menyokong hujahnya dengan menambah maklumat rujukan terhadap individu, tokoh, organisasi, angka, data dan sebagainya. Dalam Teks 2 misalnya, isi diolah secara sistematik untuk memudahkan pendengar memahami mesej yang

disampaikan. Pada bahagian Isi (berhati-hati dalam menyampaikan maklumat), pemidato menghuraikan bahawa sesuatu maklumat yang dikongsikan itu hendaklah berlandaskan sumber yang tepat dan wibawa, serta tidak menyentuh sensitiviti masyarakat. Dengan mengambil contoh isu perkauman dan agama, pemidato menyimpulkan bahawa tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan peristiwa memalukan atau menjatuhkan maruah orang lain. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan peribadi pemidato yang turut mementingkan aspek kesantunan bahasa, iaitu menjaga air muka orang lain dalam percakapan.

Jadual 12.5: Komponen Penutup (P) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Penutup (P)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Hadirin dan hadirat, Secara keseluruhannya, peribahasa <i>Bagai aur dengan tebing</i> dapat membentuk nilai yang baik, iaitu kita hendaklah memberikan kerjasama utuh kepada masyarakat dan tidak mementingkan diri sendiri. Matlamat dicapai hasil usaha berpasukan, dan kejayaan dinikmati dalam pelbagai bentuk, serta nikmatnya dikongsi bersama. (a) Orang yang mudah memberikan kerjasama akan dipandang tinggi dan disenangi oleh ramai pihak. Mereka juga mempunyai ramai kawan. (b) Dalam konteks pidato pada hari ini, saya telah membincangkan peribahasa tersebut berdasarkan tiga hujah, iaitu kerjasama dalam kekeluargaan, kerjasama dalam organisasi dan kerjasama dalam masyarakat. (c)

2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Hadirin dan hadirat, Secara keseluruhannya, peribahasa <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i> dapat menjelaskan kepentingan menjaga tutur kata dalam percakapan seharian. Hal ini kerana, kata-kata yang diucapkan merupakan cerminan peribadi diri dan jati diri bangsa. (a) Kegagalan mengawal lidah boleh menimbulkan konflik dan tekanan yang berpanjangan. Malah, kita akan dianggap sebagai orang yang kasar dan tidak beradab. (b) Dalam konteks pidato pada hari ini, saya telah membincangkan peribahasa tersebut berdasarkan tiga hujah, iaitu berhati-hati menyampaikan maklumat, berhati-hati memberikan pandangan dan berhati-hati meluahkan perasaan.(c)
3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Hadirin dan hadirat, Secara keseluruhannya, peribahasa <i>Hujan, tempat berteduh; panas, tempat berlindung</i> dapat menjelaskan sikap budiman, iaitu orang yang sentiasa memberikan pertolongan, untuk meringankan bebanan orang lain. Golongan ini berasa gembira kerana dapat beramal dan berbakti kepada masyarakat secara berterusan. (a) Nilai murni ini mesti sehati dan menjadi budaya dalam kalangan masyarakat, terutama generasi muda. Orang yang menolong dan memudahkan urusan orang lain akan mendapat ganjaran kebaikan daripada Tuhan. (b) Dalam konteks pidato pada hari ini, saya telah membincangkan peribahasa tersebut berdasarkan tiga hujah, iaitu memberikan bantuan material, memberikan bantuan motivasi, dan memberikan bantuan perlindungan. (c)

Teks 1, 2 dan 3 dalam Jadual 12.5 mengandungi komponen Penutup (P) yang terdiri daripada rumusan, kesan dan pernyataan kembali semua isi. Dalam Teks 3 misalnya, pemidato merumuskan bahawa orang yang sentiasa memberikan pertolongan akan berasa gembira kerana dapat beramal dan berbakti kepada masyarakat. Kesan daripada sikap mulia ini, Tuhan akan menganugerahi mereka ganjaran kebaikan. Pemidato kemudiannya menyatakan kembali ketiga-tiga isi pidatonya sebagai satu strategi untuk mengingatkan khalayak hala tuju pidatonya. Dengan cara ini, pemidato dapat mengekalkan tumpuan khalayak terhadap pidato yang disampaikan dari awal hingga akhir.

Jadual 12.6: Komponen Saranan (S) dalam Teks Pidato

Bil.	Tajuk Pidato Peribahasa	Komponen Saranan (S)
1.	Teks 1 <i>Bagai aur dengan tebing</i>	Sesungguhnya, sikap muafakat membawa berkat. Oleh sebab itu, marilah kita mengeratkan hubungan dengan menjaga tutur kata dan tingkah laku. Berilah kerjasama yang baik dan hormati sesiapa sahaja tanpa membezakan warna kulit, agama dan bangsa. Hal ini penting kerana kerjasama yang erat akan menyatukan kita, sekali gus mencapai matlamat yang dihasratkan. Dengan kerjasama yang utuh, kita telah meningkatkan nilai kebersamaan dan menjadikan hidup lebih mudah. Susah dan senang kita harung bersama. (a) Justeru, marilah sama-sama kita menghayati peribahasa, <i>Bagai aur dengan tebing</i> . (b) Akhir kata, terimalah serangkap pantun. (c)

		<i>Kalau meniup seruling bambu, Siapa yang ikut akan terbuai; Kalau hidup saling membantu, Mana yang kusut akan selesai. (Khazanah Pantun Melayu Riau DBP, 2016)</i> <i>Sekian, terima kasih. (d)</i>
2.	Teks 2 <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>	Oleh itu, kita hendaklah menghormati orang lain, dan tidak berkata sewenang-wenangnya. Fikirlah dahulu sebelum berkata, kerana jika tersilap kata, buruk akibatnya. Hindari kata-kata yang boleh menyinggung perasaan, mencetuskan salah sangka dan menimbulkan kemarahan pendengar. Bercakaplah dengan bahasa yang sopan dan halus, sebagai lambang bangsa yang berbudaya tinggi. Paling penting, ungkapan yang dizahirkan adalah berlandaskan kebenaran. (a) Justeru, marilah sama-sama kita menghayati peribahasa, <i>Biar salah kain, jangan salah mulut</i>. (b) Akhir kata, terimalah serangkap pantun. (c) <i>Nyiur muda dibuat pengat, Mari makan lalu puasa; Wahai pemuda hendaklah ingat, Kerana mulut badan binasa. (Kumpulan Pantun Melayu, DBP, 2018)</i> <i>Sekian, terima kasih. (d)</i>

3.	Teks 3 <i>Hujan tempat berteduh, panas tempat berlindung</i>	Oleh itu, hulurkanlah bantuan dengan hati yang ikhlas, tanpa mengharapkan sebarang balasan. Tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan negara, kita semarakkan perasaan kasih dan sayang terhadap orang di sekeliling kita. Nikmat dan kesenangan yang diperoleh, kita kongsi dengan orang lain supaya mereka juga dapat berasa bahagia seperti kita. (a) Justeru, marilah sama-sama kita menghayati peribahasa, <i>Hujan, tempat berteduh; panas, tempat berlindung</i>. (b) Akhir kata, terimalah serangkap pantun. (c) <i>Apabila berperahu jangan meribut, Kalau ribut datanglah badai; Apabila membantu jangan disebut, Kalau disebut pahala tak sampai.</i> (<i>Khazanah Pantun Melayu Riau, DBP, 2007</i>) <i>Sekian, terima kasih. (d)</i>
----	--	--

Dalam komponen Saranan (S), empat perkara diberikan penekanan, iaitu usaha atau tindakan, tajuk pidato, bunga bahasa dan ucapan penghargaan. Pemidato menggunakan kata ganti diri pertama “kita”, yang merujuk kepada khalayak dan pemitato sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa saranan yang dikemukakan oleh pemitato bukan hanya melibatkan satu pihak sahaja tetapi memerlukan komitmen bersama. Misalnya, ungkapan “...marilah kita mengeratkan hubungan dengan menjaga tutur kata dan tingkah laku. Berilah kerjasama yang baik dan hormati sesiapa sahaja tanpa membezakan warna kulit, agama dan bangsa” (Teks 1), “...

kita hendaklah menghormati orang lain, dan tidak berkata sewenang-wenangnya. Fikirlah dahulu sebelum berkata, kerana jika tersilap kata, buruk akibatnya...” (Teks 2) dan “Tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan negara, kita semarakkan perasaan kasih dan sayang terhadap orang di sekeliling kita...” (Teks 3). Selepas menyatakan usaha dan tindakan yang perlu diambil, pemidato menyatakan kembali tajuk pidatonya sebagai langkah penegasan. Selain itu, pemidato juga mengungkapkan pantun Melayu yang berkait rapat dengan tajuk pidato. Penggunaan pantun dan bunga bahasa dapat mengetengahkan kelembutan budaya Timur dalam komunikasi lisan, sebelum mengakhiri pidatonya dengan lafaz ,*“Sekian, terima kasih”*. Ungkapan “terima kasih” merupakan satu penghargaan daripada pemidato kepada khalayak yang sudi mendengar pidatonya. Tutur kata ini merupakan sebahagian daripada adab dan budaya, serta lambang bangsa yang bertamadun.

PENUTUP

Penulisan teks pidato memerlukan kemahiran dan penelitian yang rapi kerana teks yang dihasilkan secara tidak langsung akan menggambarkan pemikiran dan keperibadian pemidato. Teks pidato yang berstruktur dan sistematik dapat menjelmakan idea dan aspirasi pemidato secara menyeluruh. Justeru, Teknik PDPIPS boleh diaplikasikan dalam penulisan teks pidato untuk membantu pemidato mengetengahkan idea dan hujah dengan teratur. Pemidato juga boleh menggunakan kreativitinya dalam penggunaan bunga bahasa, seperti pantun, peribahasa dan kata bijak pandai. Pada akhirnya, pemidato bukan sahaja dapat berpidato dengan cemerlang tetapi juga menyemarakkan bahasa dan budaya Melayu ke persada dunia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Muati@Zamri AhmadAhmad. (2018). *Komunikasi & jati diri*. Universiti Putra Malaysia.
- Awang Sariyan (ed.). (2023). *Kesantunan bahasa etnik-etnik utama di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohd. Kiram. (2023). PDPIPS technique in Malay language speech. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 13(1), 353-362.
- Mia Mutmainah. (2022). Gaya bahasa pidato Mahmoud Abbas (Kajian stilistika perspektif Gorys Keraf). *Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Humaniora*, 7(3), 199-208.
- Mina Syanti Lubis. (2018). Struktur penulisan teks pidato mahasiswa semester III prodi pendidikan bahasa dan sastra Indonesia Institut Pendidikan Tapanuli Selatan: Kajian retorika. *Jurnal Education and Development*, 4(2), 66-71. <https://doi.10.37081/ed.v4i2.365>
- Mohamad Zahir Zainudin. (2023). *Kemahiran pengucapan awam*. UTeM Press.
- Mohd. Nazri Noh. (2022). Pengucapan awam: kemahiran insaniah dan kemenjadian insan. *Pelita Bahasa*, 09, 14-16.
- Norazlina Mohd Kiram. (2021). Tangani kesalahan bahasa. *Pelita Bahasa*, 06, 11-13.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 13

ANALISIS KANDUNGAN DI MEDIA SOSIAL: TIKTOK SEBAGAI WAHANA DIGITAL YANG BERKESAN DI MALAYSIA

Nur Yuhanis Mohd Nasir

PENGENALAN

Media sosial kini menjadi pelantar atau platform utama untuk masyarakat global berhubung untuk pelbagai tujuan seperti berkongsi maklumat, berinteraksi, berhibur dan sebagainya. Dalam konteks penggunaan media sosial di Malaysia, dapat dilihat bahawa semakin ramai pencipta kandungan yang menggunakan platform digital untuk perkongsian kreatif sehingga ada yang menjadikan ia sebagai suatu kerjaya dan menjana pendapatan (Serojai, 2023). Hal ini memberikan gambaran bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat moden masa di Malaysia.

Perkembangan teknologi digital yang secara seiring berkembang dengan pembangunan media sosial telah menjadi suatu keperluan dalam kehidupan harian manusia. Media sosial dan alat teknologi digital digunakan dalam pelbagai aktiviti harian oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan untuk pelbagai tujuan (Malik et al., 2023). Secara umumnya, terdapat pelbagai platform media sosial yang digunakan oleh masyarakat. Kebanyakan platform ini adalah percuma tanpa mengenakan sebarang bayaran seperti Facebook, X dan Instagram. Satu lagi platform yang popular dan banyak digunakan ialah TikTok yang mana menjadi fokus dalam penulisan artikel ini.

APLIKASI TIKTOK SEBAGAI SUATU PLATFORM MEDIA SOSIAL

Montag et al. (2021) menyatakan bahawa TikTok merupakan antara aplikasi media sosial yang paling berjaya kerana telah menarik banyak perhatian golongan pengguna, terutamanya di China semenjak diperkenalkan pada September 2016. Pada awal kemunculan TikTok, ia banyak digunakan oleh pengguna di negara tersebut untuk menonton, mencipta dan berinteraksi melalui kandungan-kandungan video yang menampilkan kemahiran sinkronisasi bibir atau *lip-synching*. Aplikasi TikTok memberikan akses tanpa bayaran dan pengguna hanya perlu mendaftar akaun bagi membolehkan mereka untuk mencipta kandungan digital di aplikasi itu. Aplikasi ini memberikan pelbagai kemudahan istimewa untuk diguna pakai oleh para pengguna, seperti pilihan bunyi atau audio (termasuk muzik atau lagu) dan kesan khas visual yang dikenali sebagai *filter* (Herrman, 2019).

Sebagai satu platform media sosial, TikTok mempunyai fungsi yang membolehkan para pengguna berhubung secara maya menerusi kandungan kreatif berbentuk perkongsian hantaran di akaun pengguna masing-masing. Kandungan di TikTok berorientasikan video pendek dan mampu untuk mengakibatkan berlakunya fenomena tular yang seterusnya mewujudkan trend atau ikutan masyarakat (Grure & Rasmussen, 2023; Yang et al., 2019). Fenomena tular atau *virality* berlaku apabila suatu kandungan kreatif dari media sosial mempunyai “tontonan” yang tinggi dan disebarkan kepada pengguna lain. Trend pula berlaku apabila suatu kandungan kreatif yang telah tersebar dijadikan rujukan oleh pengguna lain yang seterusnya turut menghasilkan kandungan yang sama menerusi proses peniruan dan menjadi ikutan ramai.

Di sesetengah negara, aplikasi TikTok telah atau pernah disekat atau “diharamkan” penggunaannya. Antaranya, di Indonesia pada Julai 2018 setelah kerajaan Indonesia mendakwa bahawa aplikasi ini menyebarkan kandungan digital yang tidak baik. Walau bagaimanapun, sekatan itu hanya bersifat sementara sahaja. Beberapa negara lain yang

pernah atau masih mempunyai sekatan terhadap TikTok adalah India dan juga Amerika Syarikat (Chander, 2022). Walaupun pelbagai reaksi dan penerimaan masyarakat global terhadap TikTok, aplikasi ini masih dianggap sebagai satu platform media sosial kegemaran ramai. Aplikasi ini semakin popular dan penggunaanya juga semakin meningkat saban tahun. Hal ini jelas berlaku terutamanya selepas kemunculan pandemik COVID-19 (Herlisya & Wiratno, 2022). TikTok dimanfaatkan bukan sahaja untuk berhibur, malah ia turut digunakan untuk pembelajaran.

TEORI MEDIUM (MEYROWITZ, 1994)

Penelitian untuk kajian ini menggunakan teori medium untuk analisis kandungan daripada TikTok. Ada beberapa sarjana teori medium yang terkenal antaranya ialah Harrold Adam Innis, Marshall McLuhan dan Joshua Meyrowitz (Andi, 2017). Teori medium oleh Innis menjelaskan tentang perubahan struktur sosial dalam masyarakat yang disebabkan oleh perubahan dalam teknologi komunikasi (Blondheim, 2004). Innis berpandangan bahawa setiap media mempunyai bias dalam hal berkaitan organisasi dan kawalan maklumat. Masyarakat secara umumnya dipengaruhi oleh aspek waktu dan ruang. Innis membahagikan media kepada dua kategori; medium bias-ruang, merujuk kepada tulisan pada media cetakan seperti surat khabar dan sesuai untuk disebarkan di kawasan yang luas atau besar (Sony, 2020). Kategori kedua ialah medium bias-waktu, sebagai contoh batu bersurat, bahasa lisan dan manuskrip tulisan tangan. Secara perbandingan medium bias-ruang mempunyai sifat yang lebih ringan dan mudah alih berbanding medium bias-waktu yang sukar dialihpindahkan.

Teori medium oleh McLuhan pula mengagaskan bahawa teknologi mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku masyarakat dan teknologi juga yang akan menghalakan masyarakat ke arah perkembangan teknologi seterusnya (McLuhan, 1962). Medium dianggap sebagai saluran

komunikasi yang mempengaruhi cara sesuatu maklumat diterima dan diproses. Sebagai contoh, berita yang disampaikan menerusi surat khabar diterima dan diproses dengan cara yang berbeza berbanding dengan berita yang disampaikan menerusi televisyen. Setiap medium mempunyai kelebihan dan kekurangan berbanding medium lain. Kewujudan medium baharu seperti teknologi dalam talian mengubah cara masyarakat berfikir dan berinteraksi, seterusnya membentuk kaedah komunikasi yang berbeza berbanding penggunaan medium tradisional (seperti telefon).

Bagi penelitian untuk kajian yang dilakukan ini, teori medium yang menjadi landasan kajian ialah teori medium oleh Meyrowitz (1994) atas sebab kekinian dari segi perkembangan ilmiah dan kerelevanan dengan teknologi media moden. Fokus utama teori ini adalah kepada karektoristik pada setiap media yang menyebabkan setiap media itu berbeza daripada media lain dari segi fizikal, sosial dan psikologi. Teori ini juga melihat kepada cara komunikasi berlaku menerusi media. Beberapa aspek yang difokuskan dalam teori ini adalah tentang media yang mampu mempengaruhi perilaku sosial dan setiap media itu mempunyai cara yang berbeza berbanding dengan media lain. Hal ini disebabkan oleh perbezaan setiap media itu berfungsi dan cara pengguna berinteraksi ketika menggunakan media tertentu. Kedua, media juga “menghapuskan” aspek ruang yang mana hal ini merujuk kepada kemampuan media yang membolehkan para pengguna untuk akses kepada maklumat tanpa mengira lokasi dan waktu. Sebagai contoh, menerusi tayangan di televisyen, penonton mendapat berita semasa secara langsung menerusi slot berita. Ketiga berkenaan dengan struktur sosial.

Menurut Meyrowitz, media elektronik telah menyebabkan perubahan kepada cara masyarakat memperoleh maklumat. Hal ini disebabkan oleh perubahan cara maklumat disebarkan, berkomunikasi dan berhubung. Dalam konteks media masa kini yang beroperasi dengan teknologi internet, aktiviti tersebut boleh dikaitkan dengan cara masyarakat berhubung atau berkomunikasi secara dalam talian dalam masa nyata atau tidak nyata. Keempat adalah tentang cara medium mempengaruhi persepsi

masyarakat terhadap orang lain dan cara interaksi sosial yang disebabkan oleh medium yang digunakan. Aspek ini-berkaitan dengan kandungan (maklumat) yang disampaikan dan penerimaan masyarakat terhadap kandungan berkenaan. Kelima adalah tentang peranan medium yang tidak hanya terhad sebagai saluran untuk penyampaian dan sebaran maklumat. Menurut Meyrowitz, cara pengguna memanfaatkan medium untuk tujuan komunikasi akan mempengaruhi pemikiran serta kefahaman pengguna terhadap persekitarannya.

Analisis Kandungan: Che Sayang Kitchen dan Khairulaming

Dua buah akaun media sosial TikTok berikut, iaitu Che Sayang Kitchen (@chesayang_kitchen) dan Khairulaming (@khairulaming) dipilih untuk analisis kandungan dalam kajian ini. Analisis kandungan ini dibuat untuk memahami cara kedua-dua akaun media sosial ini dimanfaatkan oleh pemegang akaun berkenaan sehingga berjaya mencapai kejayaan sebagai pencipta kandungan yang berpengaruh di Malaysia. Pemilihan ini adalah kerana:

1. Che Sayang Kitchen telah mendapat anugerah Creator of the Year (2024) dalam Anugerah Tik Tok Awards Malaysia 2024 yang telah diadakan pada 11 Ogos 2024 (SAYS.com, 2024).
2. Khairulaming telah mendapat anugerah Creator of the Year (2023) dalam Anugerah Tik Tok Awards Malaysia 2023 yang telah diadakan pada 27 Ogos 2023 (SAYS.com, 2023).
3. Kedua-dua akaun media sosial ini beroperasi di Malaysia dan menggunakan bahasa Melayu.

Che Sayang Kitchen dioperasikan oleh seorang pencipta kandungan lelaki berbangsa Melayu Malaysia yang bernama Abdul Qayyum Halid. Setakat Ogos 2024, jumlah pengikut akaun @chesayang_kitchen di TikTok adalah sebanyak 2.3 juta pengikut. Berdasarkan kepada hantaran video

yang dibuat di akaun tersebut, Abdul Qayyum Halid merupakan seorang graduan Universiti Teknologi Petronas, pemegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi kelas Pertama, mendapat anugerah Pelajar Terbaik tahun 2018 dan Anugerah Canselor Emas 2018. Beliau pernah bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat terkemuka, iaitu Exxon Mobil. Sebelum itu, Abdul Qayyum juga pernah menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan bersama rakan-rakan dan ahli keluarga sendiri namun setelah enam kali mencuba, beliau mendapati bahawa bidang perniagaan bukan bidang untuknya. Pada Mac 2023, Abdul Qayyum memuat naik video pertamanya di TikTok yang mana beliau berkongsi tutorial memasak dengan tajuk video “2 minit 1 resipi”. Daripada video tersebut, saluran @chesayang_kitchen mula berkembang, dengan pertambahan jumlah pengikut saban hari.

Khairulaming pula dioperasikan oleh seorang lagi pencipta kandungan lelaki berbangsa Melayu Malaysia yang bernama Khairul Aming. Setakat Ogos 2024, jumlah pengikut akaun @khairulaming di TikTok adalah sebanyak 5 juta pengikut. Perkongsian atau hantaran pertama yang dibuat oleh Khairul Aming di Tik Tok adalah pada 24 April 2020, iaitu sebuah video pengenalan bertajuk “30 hari 30 resipi sepanjang Ramadhan” yang kemudian menjadi titik permulaan kepada siri video masakan sepanjang bulan puasa. Dalam salah satu hantaran yang dikongsikan oleh Khairul Aming (hantaran bertarikh 10 Mei 2020), beliau merupakan seorang graduan dari Vanderbilt University, Amerika Syarikat yang telah menamatkan pengajian dalam jurusan kejuruteraan pada tahun 2014. Beliau pernah bekerja sebagai seorang jurutera sebelum memutuskan untuk fokus menjadi pencipta kandungan sepenuh masa. Selain membuat video tutorial masakan, Khairul Aming turut berkongsi hantaran tentang perniagaannya (Sambal Nyet dan Daging Dendeng), percutian dan gaya hidup. Jadual 1 menunjukkan aspek yang dianalisis daripada kandungan akaun TikTok @chesayang_kitchen dan @khairulaming.

Jadual 13.1: Analisis kandungan daripada @chesayang_kitchen dan @khairulaming

Bil.	Aspek	Nama Akaun	
		@chesayang_kitchen	@khairulaming
1.	Tema utama kandungan/ perkongsian	Resipi dan demonstrasi masakan yang boleh disiapkan dalam tempoh dua minit, termasuk video kolaborasi untuk mempromosikan produk tempatan.	Resipi dan demonstrasi masakan, lain-lain aktiviti berkaitan gaya hidup seperti senaman, percutian, perusahaannya (Sambal Nyet dan Daging Dendeng), pemasaran percuma dan mesej kesedaran atau khidmat masyarakat.
2.	Format dan ciri kandungan	Video pendek, dengan shot rakaman yang fokus kepada subjek utama; biasanya bahan masakan, mempunyai audio, iaitu suara yang menjelaskan tentang langkah-langkah memasak & juga muzik latar.	Video pendek, dengan shot rakaman yang fokus kepada subjek utama; biasanya bahan masakan, mempunyai audio, iaitu suara yang menjelaskan tentang langkah-langkah memasak dan juga muzik latar. Terdapat juga hantaran dalam bentuk foto.

3.	Strategi Penyampaian	Penyampaian suara latar dengan dialog yang jelas dan ringkas. Mengakhiri video dengan shot yang menunjukkan wajah sendiri yang tersenyum mesra.	Ada memasukkan unsur jenaka dalam penyampaian (menerusi naratif/dialog dan gaya).
4.	Interaktiviti	Berinteraksi secara langsung dengan pengikut atau pengguna lain menerusi <i>Live</i> TikTok dan juga berbalas komen pada hantaran.	Berinteraksi secara langsung dengan pengikut atau pengguna lain menerusi <i>Live</i> TikTok dan juga berbalas komen pada hantaran.
5.	Strategi keterlihatan	Penggunaan beberapa <i>hashtag</i> yang sesuai pada setiap hantaran yang dibuat. Sebagai contoh <i>#resepichesayang</i> dan <i>#chesayangkitchen</i>	Penggunaan beberapa <i>hashtag</i> yang sesuai pada kebanyakan hantaran yang dibuat. Sebagai contoh <i>#makanlokal</i> dan <i>#TikTokAwardsMY2024</i>

6.	Pembentukan Identiti	Menyebut "2 minit 1 resipi" sebelum memulakan demonstrasi masakan. Pencipta kandungan berfokuskan kandungan masakan yang mudah. Mempromosikan produk tempatan melalui kerjasama dalam hantaran video. Pencipta kandungan yang sedang meningkat naik.	Ucapan salam yang signifikan adalah "<i>Hey, what's up guys</i>". Pencipta kandungan berfokuskan kandungan masakan yang mudah. Usahawan produk sendiri. Mempunyai pengaruh dalam kalangan masyarakat kerana banyak perkongsian di media sosial menjadi tular dan ikutan.
----	----------------------	--	--

7.	Keterlibatan sosial	Mesra dan mudah didekati (merujuk komen di hantaran dan ketika bersiaran langsung). Membuat video kolaborasi dengan produk-produk tempatan seperti jenama Bon Chef dan juga kolaborasi dengan pencipta kandungan lain seperti @Aminabid.	Mesra dan mudah didekati (merujuk komen di hantaran dan ketika bersiaran langsung). Membuat video kolaborasi dengan pencipta kandungan lain seperti @sofyank. Beliau turut berkongsi maklumat tentang perusahaan pengusaha lain secara percuma dan menyebabkan mereka tular.
8.	Keberkesanan Penyampaian	Berdasarkan maklum balas pengikut di ruang komentar, banyak komen positif, penerimaan yang baik daripada para pengikut.	Berdasarkan maklum balas pengikut di ruang komentar, banyak komen positif, penerimaan yang baik daripada para pengikut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Aspek pertama sehingga ketiga daripada Jadual 13.1, iaitu mengenai tema utama, format kandungan serta strategi penyampaian menunjukkan bahawa @chesayang_kitchen dan @khairulaming mempunyai persamaan

yang ketara. Kedua-dua pencipta kandungan ini menjadikan perkongsian berkaitan masakan mudah sebagai keutamaan kandungan mereka. Demonstrasi memasak dibuat dalam format video pendek, sesuai dengan cara aplikasi TikTok berfungsi. Seperti yang dinyatakan dalam teori medium, setiap media beroperasi dengan cara yang berbeza dan hal ini mempengaruhi cara pengguna menggunakan media tersebut (Meyrowitz, 1994). Perkongsian menerusi video-video pendek yang dibuat di platform TikTok oleh @chesayang_kitchen dan @khairulaming mudah diikuti oleh para pengguna lain kerana disampaikan dengan shot rakaman yang jelas, diiringi dengan arahan secara lisan dalam bahasa Melayu yang mudah difahami dan gabungan elemen inilah yang menjadikan video pendek mereka menarik untuk tontonan umum.

Aspek keempat dan kelima daripada Jadual 13.1, iaitu mengenai interaktiviti dan strategi keterlihatan boleh dikaitkan dengan struktur sosial sepertimana dijelaskan dalam teori medium. Aspek ini menjelaskan tentang perubahan cara maklumat dan komunikasi diperoleh atau berlaku di media (Meyrowitz, 1994). Daripada penelitian yang dibuat, selain daripada perkongsian secara hantaran video pendek, @chesayang_kitchen dan @khairulaming turut membuat siaran secara langsung di platform TikTok (disebut sebagai *Live* TikTok). Ketika *Live* TikTok berlangsung, @chesayang_kitchen dan @khairulaming berinteraksi secara nyata dengan para pengguna lain yang turut serta semasa mereka bersiaran. Jika diteliti di ruangan komentar pada hantaran biasa pula, dapat dilihat bahawa @chesayang_kitchen dan @khairulaming ada juga berinteraksi dengan pengguna lain dengan membalas komentar yang ditinggalkan oleh para pengikut mereka. Seterusnya, penggunaan simbol tanda pagar atau *hashtag* (#) merupakan satu amalan biasa di media sosial, iaitu berfungsi untuk mengkategorikan kandungan dengan tanda pagar yang sama dan memudahkan para pengguna untuk mencari kandungan tertentu.

@chesayang_kitchen banyak menggunakan fungsi tanda pagar dan boleh dikatakan kesemua hantarannya di TikTok mempunyai *hashtag*. Antara tanda pagar yang digunakan secara konsisten ialah #chesayangkitchen

dan #resipichesayang. @khairulaming pula hanya meletakkan tanda pagar pada hantaran tertentu, seperti hantaran untuk mempromosikan acara khas atau musim perayaan dan hantaran untuk mempromosikan produk. Antara tanda pagar yang digunakan oleh @khairulaming adalah #TikTokAwardsMY2024, #KongsiBersama dan #IftarwithKhairulaming.

Aspek keenam daripada Jadual 13.1, iaitu mengenai pembentukan identiti boleh dikaitkan dengan cara medium mempengaruhi persepsi masyarakat secara umum yang dinyatakan dalam teori medium (Meyrowitz, 1994). Secara keseluruhan, @chesayang_kitchen dan @khairulaming menyampaikan kandungan mereka dengan cara yang mudah, menarik dari segi visual dan penyampaian menerusi suara yang mesra. Dari segi pengalaman, berdasarkan kepada tempoh keterlibatan mereka di media sosial, @khairulaming lebih awal melibatkan diri dengan penciptaan kandungan di TikTok berbanding @chesayang_kitchen. Hantaran TikTok pertama oleh @khairulaming adalah pada 24 April 2020 yang merupakan video pengenalan untuk siri hantarannya yang lain bersempena dengan bulan Ramadan, bertajuk “30 Hari 30 Resipi di bulan puasa”. @chesayang_kitchen boleh dianggap sebagai seorang pencipta kandungan yang masih baharu dan sedang meningkat naik. Hantaran TikTok pertamanya bertarikh 5 Februari 2023 yang merupakan video pendek mempromosikan produknya sendiri, iaitu produk acar ikan masin. @chesayang_kitchen mula membuat hantaran demonstrasi masakan pada hantarannya yang kelapan, bertarikh 8 Mac 2023 dan ia menjadi titik permulaan kandungan lain di bawah tajuk “2 Minit 1 Resipi”. Sebagai pencipta kandungan, @khairulaming dan @chesayang_kitchen mempunyai cara tersendiri untuk memperkenalkan kandungan mereka. @khairulaming memulakan hantaran-hantaran videonya dengan ucapan “*Hey, what’s up guys*” manakala @chesayang_kitchen menyebut tajuk kandungan yang digunakannya secara konsisten, iaitu “2 Minit 1 Resipi” sebelum memulakan demonstrasi masakan. Perkara ini membentuk identiti @khairulaming dan @chesayang_kitchen sebagai pencipta kandungan di media sosial. Selain daripada itu, mereka juga ialah pempengaruh. Hal ini

terbentuk dan berkembang daripada identiti yang mereka bina di media sosial dan fenomena tular yang disebabkan oleh pengaruh mereka. Latar belakang @khairulaming dan @chesayang_kitchen yang mempunyai kelulusan akademik cemerlang juga menyumbang kepada cara masyarakat memandang mereka sebagai seorang pencipta kandungan, mempengaruhi media sosial dan juga usahawan.

Aspek ketujuh dan kelapan daripada Jadual 13.1, iaitu mengenai keterlibatan sosial dan keberkesanan penyampaian boleh dikaitkan dengan peranan medium yang tidak terhad sebagai agen penyampaian atau sebaran maklumat semata-mata seperti yang dinyatakan dalam teori medium (Meyrowitz, 1994). Jumlah pengikut yang ramai menunjukkan bahawa pengaruh @chesayang_kitchen dan @khairulaming terhadap masyarakat umum adalah tinggi. Jika diperhatikan cara mereka menyampaikan kandungan, memberikan maklum balas menerusi komentar dan ketika bersiaran langsung, jelas wujud kemesraan dalam diri kedua-dua pencipta kandungan ini. Terdapat beberapa hantaran di akaun TikTok masing-masing yang merupakan video kolaborasi bersama-sama produk tempatan dan juga pencipta kandungan lain yang menunjukkan keterlibatan sosial mereka. Menerusi perkongsian hantaran sebegini, @chesayang_kitchen dan @khairulaming menggunakan pengaruh mereka untuk mempromosi serta membantu meningkatkan populariti produk, perusahaan pihak lain dan kesedaran masyarakat tentang sesuatu perkara. Strategi ini secara jelas berkesan kerana perkongsian @chesayang_kitchen dan @khairulaming sering tular hingga mampu mempengaruhi masyarakat untuk meniru, mencuba dan mencipta pengalaman sendiri berdasarkan perkongsian oleh kedua-dua pencipta kandungan ini.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, penciptaan kandungan di TikTok memerlukan gabungan strategi yang baik, kreativiti serta kefahaman terhadap cara

platform tersebut beroperasi agar kandungan yang dikongsikan mampu mendapat tontonan yang tinggi. Sebagai suatu platform media sosial yang popular, TikTok mempunyai pelbagai kandungan yang menghiburkan, berinformasi dan boleh diakses pada bila-bila masa dan tempat, selagi penggunaanya mempunyai akses kepada Internet. Format video pendek yang menjadi format hantaran TikTok membuatkan aplikasi ini mudah digunakan oleh para pencipta kandungan dan pengguna lain yang menggunakannya untuk pelbagai tujuan lain. Penggunaan TikTok oleh pencipta kandungan di Malaysia seperti @chesayang_kitchen dan @khairulaming memberikan manfaat yang baik kepada pencipta kandungan seperti mereka berdua yang telah mendapat pengiktirafan daripada platform media sosial itu sendiri dan juga masyarakat umum. Kejayaan @chesayang_kitchen dan @khairulaming dalam penciptaan kandungan kreatif menjadikan mereka sebagai pempengaruh yang disegani dan membina persepsi positif terhadap perkongsian melalui hantaran di media sosial. Latar belakang akademik yang cemerlang juga memainkan peranan dalam pembentukan identiti pencipta kandungan yang mana hal ini telah meletakkan @chesayang_kitchen dan @khairulaming di suatu aras tinggi berbanding dengan pencipta kandungan lain yang sekadar mengejar jumlah tontonan tinggi melalui penghasilan kandungan yang sensasi. Kandungan yang dibuat bukan semberono, malah mempunyai perancangan yang teliti dan kesungguhan untuk mendapatkan hasil video yang berkualiti dari segi visual, gaya dan naratif.

BIBLIOGRAFI

- Andi, W. (2017). New social media and public relations: Review of the medium theory. *Sosiologi: Jurnal Ilmiah Kajian Ilmu Sosial dan Budaya*. 14(1), 21-32.
- Blondheim, M. (2004). Discovering The significance of communication: Harold Adams Innis as social constructivist. *Canadian Journal*

- of *Communication*, 29(2), 119-144. <https://doi.org/10.22230/cjc.2004v29n2a1380>
- Chander, A. (2022). Trump v. TikTok. *Vanderbilt Journal of Transnational Law*, 55, 1145-1192. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3508584>
- Grure, L., & Rasmussen, V. (2023). #Beautytok going viral (*Master's Thesis*, University of Agder). University of Agder. <https://www.uia.no/en/research/research-projects/beautytok>
- Herrman, J. (2019). *How TikTok is rewriting the world*. The New York Times. <https://www.nytimes.com/2019/12/10/style/tiktok.html>
- Herlisya, D., & Wiratno, P. (2022). Having good speaking English through TikTok application. *Journal Corner of Education, Linguistics, and Literature*, 1(3), 191-198. <https://doi.org/10.37112/jcell.2022.0305>
- Malik, N. M. B., Yaziz, I. B. M., Azman, N. S. B., & bin Syed Hassan, S. N. (2023). Pembelajaran ilmu tajwid melalui laman Instagram @hazwaniche. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 119-131. <https://doi.org/10.12345/joirc.2023.0119>
- McLuhan, M. (1962). *The Gutenberg galaxy: The making of typographic man*. University of Toronto Press.
- Meyrowitz, J. (1985). *No sense of place: The impact of electronic media on social behavior*. Oxford University Press.
- Meyrowitz, J. (1994). *Medium theory*. In D. Crowley & D. Mitchell (Eds.), *Communication theory today* (pp. 50–77). Stanford University Press.
- Montag, C., Yang, H., & Elhai, J. D. (2021). *On the psychology of TikTok use: A first glimpse from empirical findings*. *Frontiers in Public Health*, 9, 641673. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.641673>
- Serojai, M. (2023). Hubungan antara minat kerjaya mempengaruhi dan hubungannya terhadap motivasi belajar. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2023/10/6-1.pdf>
- Says.com. (2024, August 23). *Che Sayang Kitchen bawa pulang anugerah 'Creator of the Year' di TikTok Awards MY 2024*. Says.com. <https://says.com/my/seismik/che-sayang-kitchen-bawa-pulang-anugerah>

creator-of-the-year-di-tiktok-awards-my-2024

- Sony, A. (2020). *Change in the perception of time: An approach through Innisian space biased media*. Editor's Note, 47, 1-10. <https://doi.org/10.1016/j.editorial.2020.10.001>
- Yang, S., Zhao, Y., & Ma, Y. (2019, July). Analysis of the reasons and development of short video application—Taking TikTok as an example. In *Proceedings of the 2019 9th International Conference on Information and Social Science (ICISS 2019)* (pp. 12-14). Manila, Philippines.

BAB 14

NOVEL *CINTA HARI-HARI RUSUHAN* KARYA FAISAL TEHRANI MENURUT PERSURATAN BAHARU

Nur Fatiha Fadila Abu Bakar

PENGENALAN

Faisal Tehrani (seterusnya Faisal) bukanlah nama asing dalam kesusasteraan Melayu moden khususnya di Malaysia. Kehadiran Faisal dalam bidang kesusasteraan mula menyerlah apabila beliau memenangi Hadiah Sastera Utusan Malaysia-Public Bank 1994 menerusi cerpen berjudul “Anak” dan “Opah”. Pada tahun yang sama, Faisal dianugerahi Hadiah Sastera Siswa DBP-Bank Rakyat menerusi cerpen “Malam Ini Philadelphia Menangis”. Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan tertinggi untuk penulis remaja ketika itu. Seterusnya, Faisal memenangi Hadiah Sastera Utusan melalui cerpen “Pemberontakan Kedua” pada tahun 1995. Cerpen Faisal yang berjudul “Perempuan Anggerik” dan “Api KL Belum Terpadam” pula menerima Hadiah Sastera Utusan Malaysia-Public Bank. Selain itu, cerpen “Menanti Subuh” diangkat sebagai penerima Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua hadiah ini diterima Faisal pada tahun 1996. Faisal terus melakar rekod kemenangan melalui Hadiah Karya Sastera dengan cerpen berjudul “Surat Untuk Gabe 1” pada tahun 1997. Cerpen “Cinta Gendang Kasturi” pula memenangi Hadiah Sastera Utusan Malaysia pada tahun 1998. Faisal turut memenangi hadiah sama pada tahun 1999 menerusi cerpen “Bulan” dan “Wira”. Selanjutnya, Faisal menerima Anugerah Seni Negara pada tahun 2006 (Kategori Bakat Muda).

Fokus terhadap pencapaian-pencapaian menerusi hadiah-hadiah berprestij yang diterima sebelum tahun 2000 seperti di atas adalah signifikan untuk memperlihatkan Faisal sebagai penulis arus perdana

dan jelas penglibatannya dalam kegiatan kesusasteraan Melayu moden diiktiraf. Penekanan terhadap pencapaian-pencapaian yang diterima Faisal pada dekad itu turut penting khususnya untuk meneliti novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* yang terbit pada tahun 2000, iaitu setelah Faisal menerima kemenangan-kemenangan berprestij tersebut. Atas segala anugerah dan hadiah yang dimenangi, adalah wajar Faisal dan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* diberi perhatian, khususnya dalam aspek yang akan dibincangkan nanti.

Perbincangan seterusnya meneliti jalur perjalanan novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* tulisan Faisal yang diterbitkan pada tahun 2000 oleh Creative Enterprise Sdn. Bhd. Novel ini dihasilkan selepas Faisal mencipta nama yang kukuh dalam industri sastera Malaysia seperti yang diperlihatkan tadi dan sedia mempunyai kelompok peminat tersendiri. Kebanyakan pembaca dari kelompok tersebut menyambut baik *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Rata-rata pembaca memperakukan soal cinta pada zaman perjuangan siswa dekad 1970-an sebagai isu utama yang cuba disampaikan Faisal menerusi *Cinta Hari-Hari Rusuhan*.

Pengamatan seterusnya mendapati *Cinta Hari-Hari Rusuhan* diklasifikasikan sebagai novel serius walaupun diterbitkan oleh penerbit yang terkenal sebagai penerbit novel-novel popular (Faisal, 2001). Dalam konteks ini, *Cinta Hari-Hari Rusuhan* dianggap sebagai karya serius berdasarkan apa yang diungkapkan rata-rata pembaca sebagai ‘ideologi’ yang terdapat di dalamnya. Ini secara tidak langsung menyokong perakuan Faisal mengenai pembinaan sikap yang dibina oleh Faisal sebagai penulis sejak Faisal bergelar remaja (Faisal, 2010).

Tidak terlepas daripada pengamatan, kecemerlangan Faisal dalam menghasilkan karya bermutu turut dikaitkan dengan penglibatan Faisal sebagai mantan peserta Minggu Penulis Remaja, iaitu satu kem penulisan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang dianggap berprestij dan banyak melahirkan bakat penulis di Malaysia. Hal ini memperkukuhkan lagi perakuan oleh pembaca yang menganggap novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* sebagai novel sastera serius karya Faisal yang dikenali dengan karya-karya bermutu seperti yang disebut beberapa kali oleh Johan Jaafar (Johan, 2012).

Namun demikian, penelitian Ummu Hani Abu Hassan (2009) (seterusnya Ummu Hani) sebaliknya mengenal pasti *Cinta Hari-Hari Rusuhan* sebagai novel sastra picisan. Ummu Hani juga mempertikaikan kerelevanan latar belakang pendidikan agama Faisal yang memungkinkan penerbitan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* dan menganggap *Cinta Hari-Hari Rusuhan* sebagai sastra picisan itu. Walau bagaimanapun, kritikan Ummu Hani tersebut tidak menyeluruh kerana hanya memaparkan persamaan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* dengan novel *Demi Cinta Khisa* karya Abot yang turut dianggap sebagai novel picisan (Ummu Hani, 2009).

SASTERA SERIUS, SASTERA POPULAR, SASTERA PICISAN: TINJAUAN DEFINISI

Seterusnya, bahagian ini akan meninjau definisi karya sastra merangkumi ‘sastra serius’, ‘sastra popular’ dan ‘sastra picisan’. Pemahaman terhadap tiga kategori karya sastra ini penting bagi meneliti kedudukan novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* tulisan Faisal.

Sastra serius didefinisikan sebagai karya yang menuntut daya intelektual tinggi dan mementingkan aspek moral. Pembaca novel kategori ini memerlukan pembaca yang mempunyai daya intelektual tinggi untuk memahami aspek pemikiran dan falsafah yang terkandung di dalamnya. Hal ini berbeza dalam konteks novel popular yang mengutamakan aspek penceritaan mudah (Mohamad Saleeh, 2006). Bertentangan dengan itu, sastra popular merujuk kepada satu bentuk karya kreatif yang tidak berkualiti, khususnya dari aspek intelektualisme. Dalam hal ini, sastra popular cenderung untuk memberi kepuasan terhadap emosi pembaca melalui penceritaan yang remeh. Teknik ini dilakukan melalui perincian pelbagai aspek penceritaan khususnya watak, konflik dan emosi (Hashim, 2006). Selain itu, sastra popular turut memenuhi ciri-ciri komersial. Antara ciri komersial tersebut adalah penekanan pada tema cinta dalam kehidupan generasi muda (Misran, 2006). Selain itu, sastra picisan

pula ditakrifkan sebagai karya yang dibumbui dengan unsur lucu atau pornografi. Aspek kelucahan ini ditonjolkan menerusi penggunaan bahasa slanga seperti yang terdapat dalam kebanyakan novel Ahadiat Akashah (Faisal, 2012).

Selain definisi-definisi tersebut, adalah signifikan untuk penelitian terhadap pengertian sastera picisan yang dikemukakan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) dibincangkan bagi memperdalam pemahaman tentang konsep sastera picisan, khususnya yang berlegar dalam konteks penulisan kreatif di Malaysia. Mohd. Affandi Hassan mentakrifkan sastera picisan dalam konteks yang lebih holistik. Dalam hal ini, picisan dalam kegiatan sastera bukan hanya berfokus pada aspek kelucahan semata-mata. Sebaliknya, picisan dalam karya sastera merangkumi idea, tema, bahasa, gaya, watak dan perwatakan, perlambangan, dialog, paksi naratif, kriteria penilaian dan sebagainya yang diolah secara mudah, cetek dan dangkal. Lebih signifikan, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa munculnya karya sastera picisan adalah bertitik tolak daripada kerakusan penulis yang melupakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi (Mohd. Affandi, 2023). Sehubungan itu, ketiga-tiga pengertian istilah seperti yang telah dibincangkan ini akan diguna pakai sebagai definisi operasional makalah ini.

PERSURATAN BAHARU SEBAGAI KERANGKA ANALISIS

Persuratan Baharu merupakan teori sastera tempatan cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi). Terdapat beberapa faktor yang menjadikan persuratan baharu dipilih sebagai kerangka analisis makalah ini. *Pertama*, persuratan baharu menawarkan perbincangan yang komprehensif tentang kedudukan karya sastera. Perbincangan ini dianggap relevan dengan permasalahan kajian yang turut berlegar pada soal kedudukan novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* dalam kegiatan sastera. *Kedua*, persuratan baharu merupakan satu-satunya teori sastera

tempat yang secara serius dan konsisten membicarakan tentang kegiatan kesusasteraan Melayu berteraskan falsafah *taklif* (Nur Fatiha, 2023). Perbincangan ini juga menjadikan persuratan baharu dianggap sesuai dengan latar belakang novelis *Cinta Hari-Hari Rusuhan* yang turut berteraskan pendidikan Islam. Selain itu, hakikat bahawa *Cinta Hari-Hari Rusuhan* lahir dalam kegiatan kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam turut menjadikan persuratan baharu sebagai satu pilihan yang tepat. Pewajaran ini membayangkan persuratan baharu dapat berlaku adil dalam merungkai permasalahan kajian ini.

Selanjutnya, perbincangan mengenai persuratan baharu tertumpu kepada tiga prinsip di bawah falsafah *taklif*, iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal dan Hakikat dan Fungsi Sastera. Dalam konteks Hakikat Insan, manusia ialah ciptaan Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab khusus, iaitu sebagai hamba dan khalifah di muka bumi (Mohd. Affandi, 2023). Tanggungjawab ini memerlukan manusia untuk menyerah dan mengabdikan diri sepenuhnya (total submission) kepada Allah SWT dalam segenap hal, dan mentadbir bumi ini dengan hukum-hukum Allah SWT serta dengan sebaik-baik pentadbiran. Dengan memahami hakikat insan ini, penerapan persuratan baharu dalam penulisan kreatif adalah untuk menjaga *fitrah* manusia yang sentiasa cenderung melakukan kebaikan seperti yang diperintahkan Allah SWT dan menjauhi segala larangan Allah SWT (Mohd. Affandi, 2023). Selain itu, hakikat insan turut menjelaskan sifat lupa (*nisyan*) yang ada pada diri insan. Sifat lupa ini menjadi tarikan kepada syaitan yang berperanan mempengaruhi manusia agar lupa terhadap tugas utamanya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Sifat lupa manusia ini akan menjadikan manusia terdorong melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan suruhan Allah SWT sekiranya peringatan-peringatan yang diberikan Allah SWT kepada manusia menerusi al-Quran tidak dijadikan panduan (Mohd. Affandi, 2023).

Seterusnya, hakikat ilmu secara ringkasnya merujuk kepada pemahaman manusia bahawa ilmu yang *benar* ialah ilmu yang berdasarkan

iman kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, Allah SWT sebagai sumber ilmu utama. Tiga pokok ilmu yang perlu dikuasai insan ialah wahyu, akal dan pengalaman. Dalam hal ini, akal memerlukan wahyu sebagai panduan agar tidak tersalah dalam membuat penilaian. Implikasi aplikasi ilmu yang *benar*, iaitu ilmu yang akan mendekatkan manusia kepada Allah SWT akan mendorong insan melakukan amal soleh (ibadah). Lebih signifikan, pemahaman terhadap konsep *ilmu yang benar* dalam segenap aspek kehidupan akan menjadikan setiap perbuatan dapat dianggap sebagai amal soleh di sisi Allah SWT, manakala perbuatan yang tidak didasari *ilmu yang benar* hanya menjadi sia-sia di sisi Allah SWT (Mohd. Affandi, 2023).

Lanjutan itu, hakikat dan fungsi sastera melihat kesusasteraan daripada pandangan Islam sebagai sebahagian daripada *amal* manusia. Amal dalam konteks kegiatan sastera terhasil daripada kreativiti (bakat sebagai amanah Allah SWT) menggunakan bahasa sebagai alat untuk menjadikan manusia lebih faham dan tahu akan hakikat insan, ilmu dan amal. Hal ini berbalik turut melibatkan aspek keindahan dan makna yang didorong daripada kesepaduan antara *ilmu yang benar* dengan *amal*. Hal ini berbeza dengan tradisi sastera Barat yang menjadikan keseronokan dan hiburan sebagai matlamat sastera melalui konsep memesis. Berbeza dengan hakikat tauhid yang mendasari Islam dan meletakkan tujuan menyembah Allah SWT sebagai matlamat pengkarya; konsep sastera Barat pula menjadikan nafsu (keseronokan, hiburan) sebagai matlamat (Mohd. Affandi, 2023).

Seterusnya dalam konteks keindahan karya, PB menjustifikasikan keindahan sastera berdasarkan konsep keindahan dan makna yang disebut sebagai *estetis-intelektual* (Mohd. Affandi, 2023). Konsep ini terbina berdasarkan pandangan dunia (world view) tauhid yang memayungi persuratan baharu. Dalam hal ini, *estetis* yang dimaksudkan persuratan baharu merangkumi keindahan garapan bahasa serta teknik penceritaan yang beradab seperti yang ditunjukkan dalam surah Yusuf. Keindahan *intelektual* pula merujuk kekuatan karya mengukuhkan pemikiran dan menjadikan pembaca sebagai manusia yang baik berdasarkan *ilmu yang*

benar daripada karya. Ini meletakkan kegiatan sastra menurut persuratan baru sebagai wadah untuk mendekatkan pengarang dan pembaca karya kepada Allah SWT, iaitu dengan mengenal hakikat kewujudan diri sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Mohd. Affandi, 2023).

Persuratan baharu bukan sahaja menawarkan aspek teoretikal seperti yang dibincangkan di atas tetapi turut menawarkan aspek praktikal. Dalam hal ini, persuratan baharu memperuntukkan beberapa alat analisis. Antaranya ialah Mod Bacaan Intelektual, Mod Bacaan Cerita, Ruang Naratif, Paksi Naratif dan Prinsip Utama Mengorganisasi Karya (Ungku Maimunah, 2009). Dalam usaha mencari *kebenaran yang sah* di sisi Allah SWT, aplikasi prinsip-prinsip ini diyakini dapat membantu mengenal pasti kecenderungan karya terhadap perkara utama yang ingin dibangunkan dalam karya. Keutamaan prinsip-prinsip ini berpadanan dengan falsafah “ilmu” dan “adab” dalam pengertian ilmu sebagai *ilmu yang benar*, iaitu yang dapat mendekatkan pengarang dan pembaca kepada kebesaran dan keesaan Allah SWT sekali gus menjadikan pengarang dan pembaca sebagai insan yang lebih beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Selain itu, prinsip-prinsip aplikasi ini persuratan baharu juga dapat menonjolkan tonggak penghasilan karya terutama dari aspek pembentukan dan penstrukturan karya seperti aplikasi paksi naratif. Sejajar dengan ini juga, persuratan baharu menekankan soal-soal kebaikan manusia sebagai keutamaan dan memencilkan keburukan watak manusia seperti yang dicontohkan surah Yusuf (Mohd. Affandi, 2023).

Tidak terlepas daripada perbincangan, PB secara jelas dan konkrit membahagikan karya kreatif kepada tiga kategori. Dalam hal ini, persuratan baharu mengklasifikasikan *karya persuratan* sebagai karya paling tinggi kedudukannya berdasarkan konsep *ilmu yang benar* dan *keutamaan wacana berbanding cerita*. Seterusnya, *karya sastra* pula berada di kedudukan kedua dengan memberi *keutamaan kepada cerita* yang berasaskan *hedonisme* dan *emosi* semata-mata (Braginsky, 1989). Manakala, *karya picisan* ialah karya terendah dalam strata persuratan baharu dengan menjadikan *seks* dan *hawa nafsu* sebagai pokok utama

dalam penghasilan karya (Mohd. Affandi, 2014). Oleh yang demikian, persuratan baharu sebagai satu gagasan yang merangkumi aspek teoretikal dengan alat-alat praktikal seperti yang disebut di atas diyakini berupaya merungkai permasalahan yang melingkari *Cinta Hari-Hari Rusuhan* tulisan Faisal seperti yang akan dibincangkan dalam analisis seterusnya.

ANALISIS NOVEL *CINTA HARI-HARI RUSUHAN* BERDASARKAN PERSURATAN BAHARU

Bahagian ini dimulakan dengan memberikan pengenalan tentang novel yang menjadi teks kajian makalah ini. *Cinta Hari-Hari Rusuhan* mengisahkan hubungan tiga protagonis, iaitu Basri, Tengku Valizah dan Basariah. Basri dan Tengku Valizah ialah pasangan kekasih berstatus mahasiswa yang menentang kepincangan kepemimpinan negara dekad 1970-an (Faisal, 2000). Sementara itu, Basariah ialah anak tunggal Tengku Valizah yang jatuh cinta kepada Basri selepas 20 tahun perpisahan antara Tengku Valizah dengan Basri. Sebagai pemimpin kanan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM), Basri mempunyai karisma yang tinggi dan berjaya menarik kesedaran sosial dan kemanusiaan rakan-rakan persatuan, termasuklah Tengku Valizah yang berketurunan bangsawan. Kelompok mahasiswa pimpinan Basri berusaha menentang sikap terlalu terbuka pemimpin terhadap pemodal asing yang memberi kemudahan kepada masyarakat tempatan khususnya golongan marhaen (Faisal, 2000).

Kemuncak perjuangan Basri dan rakan-rakan apabila berlakunya demonstrasi yang menyatukan pejuang-pejuang dalam kalangan mahasiswa seluruh negara pada Disember 1974. Demonstrasi gergasi pimpinan Basri menyebabkan pihak kerajaan bertindak agresif dengan melakukan tangkapan secara rambang kepada sesiapa yang terlibat dalam demonstrasi berkenaan. Atas dasar keselamatan rentetan daripada tindakan agresif pihak berkuasa terhadap gerakan radikal mahasiswa pimpinannya, Basri melarikan diri ke Australia (Faisal, 2000).

Pemergian Basri sebagai pelarian politik lebih daripada 20 tahun memberikan impak besar kepada Tengku Valizah yang terpaksa mengahwini Raja Hishamuddin. Perpisahan itu memberikan kesan kepada Basri dan Tengku Valizah dalam kehidupan dan cara fikir mereka. Implikasi-implikasi tersebut bertolak daripada salah tanggapan masing-masing yang tidak sempat bertemu buat kali terakhir sebelum perpisahan yang panjang itu. Basri menyangka Tengku Valizah curang terhadap cinta mereka apatah lagi hubungan mereka mendapat tentangan Tengku Hilmiah, iaitu ibu Tengku Valizah yang begitu mementingkan darjat. Prasangka Basri semakin kuat mengenangkan penghinaan Tengku Hilmiah terhadap dirinya. Manakala, Tengku Valizah terus dibumbui rasa bersalah lantaran keterpaksaannya mengahwini Raja Hisyamudin yang memperkosa dirinya. Sementara itu, Tengku Basariah (anak luar nikah Tengku Valizah hasil pemerkosaan Raja Hisyamudin terhadap dirinya) yang diselamatkan Basri sewaktu pengeboman di Big Ben, London jatuh cinta kepada Basri tanpa mengetahui sejarah silam yang membabitkan Basri dan Tengku Valizah (Faisal, 2000).

Di pihak Basariah pula, watak ini membesar sebagai anak yang mendendami ibunya sendiri kerana sikap Tengku Valizah terhadapnya. Sejak Basariah dilahirkan, Tengku Valizah tidak menerima kelahiran Basariah. Malah, anak itu amat dibenci kerana lahir tanpa kerelaannya. Paling utama, kelahiran Basariah dan peristiwa rogol yang menimpa dirinya telah memutuskan perjalanan cinta antara Tengku Valizah dengan Basri. Pada akhirnya, naratif karya ini ditamatkan dengan peristiwa dan emosi yang menimpa Basri, Tengku Valizah dan Basariah. Tengku Valizah (yang menghidap penyakit psikologi “meroyan”) bahagia dengan mengenang kembali cinta antara dia dengan Basri pada zaman kebangkitan mahasiswa dekad 1970-an. Basri pula jatuh sakit akibat pertemuan mengejut yang diatitkan Basariah untuk Basri dan Tengku Valizah. Basariah dengan berat hati rela melepaskan lelaki yang dicintai (Faisal, 2000).

Paksi Naratif *Cinta Hari-Hari Rusuhan*

Tinjauan terhadap kajian lepas tentang *Cinta Hari-Hari Rusuhan* khususnya reaksi daripada pembaca-pembaca *Cinta Hari-Hari Rusuhan* memperlihatkan kesepakatan mengenai tema novel ini, iaitu perjuangan golongan mahasiswa memperjuangkan keadilan masyarakat marhaen yang tidak diendahkan pemimpin negara. Penerimaan khalayak tersebut terhadap tema ini berpunca daripada pengaburan yang dilakukan Faisal terhadap penjelmaan “cinta berteraskan hawa nafsu” yang menjadi paksi naratif karya ini. Dalam hal ini, pengaburan ini dilakukan dengan menonjolkan aspek perjuangan mahasiswa dekad 1970-an yang dipegang oleh Basri dan rakan-rakan. Analisis mendapati bahawa perjuangan tersebut menjadi alat cerita yang hakikatnya berpaksikan cinta antara Basri dengan Tengku Valizah. Paksi cinta murahan dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* diteguhkan lagi dengan kemunculan Prolog dan Epilog yang mengapit perjalanan *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Lebih signifikan, Prolog dan Epilog *Cinta Hari-Hari Rusuhan* berlegar pada kisah cinta dan perasaan bercampur-baur Basri terhadap Tengku Valizah dan sebaliknya (Faisal, 2000).

Penting untuk dijelaskan dalam konteks kajian ini bahawa cinta dalam karya ini diklasifikasikan sebagai cinta murahan (picisan) kerana tidak meletakkan ketauhidan kepada Allah SWT sebagai corak percintaan yang dilalui watak-wataknya (Faisal, 2000). Klasifikasi cinta murahan ini sejajar dengan falsafah *taklif* yang mendasari PB (Mohd. Affandi, 2023). Pengamatan seterusnya mendapati cinta murahan sebagai paksi *Cinta Hari-Hari Rusuhan* lebih menonjol apabila novel ini pada hakikatnya bergerak atas pergolakan cinta antara Basri dan Tengku Valizah (Faisal, 2000). Percintaan Tengku Valizah dan Basri ialah cinta yang berpunca daripada tarikan nafsu terhadap berlawanan jantina dan imaginasi-imaginasi berkaitan seks yang menjelma dalam fikiran watak-watak tersebut ketika bersama mahupun berjauhan. Perkara ini terbukti apabila setiap pertemuan Basri dan Tengku Valizah atas tiket ‘perjuangan golongan

mahasiswa dalam memperjuangkan keadilan masyarakat marhaen' disertai adegan-adegan intim dan mesra antara pasangan ini yang bertentangan dengan syariat Islam (Faisal, 2000).

Antara adegan yang dimaksudkan tertera menerusi catatan Tengku Valizah di dalam diariinya. Catatan Tengku Valizah pada tarikh 13, 14 dan 15 Oktober 1973 memerihalkan usaha-usaha gerakan mahasiswa untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran. Namun demikian, rata-rata catatan berkenaan turut memperincikan emosi tidak stabil Tengku Valizah apabila rakannya, Rita cuba menggoda Basri. Di samping itu, perincian Tengku Valizah turut mencatat peristiwa yang indah baginya apabila Basri memegang pipi dan mengucup jari-jarinya berserta kata-kata sayang. Sifat romantis Basri menenggelamkan kerusuhan Tengku Valizah terhadap rancangan mengenai demonstrasi pimpinan Basri (Faisal, 2000).

Gambaran romantis dalam catatan Tengku Valizah jelas bertentangan dengan etika komunikasi antara wanita dan lelaki bukan mahram dalam Islam sekali gus menjadikan cinta yang diperagakan Faisal dalam karya ini sebagai cinta murahan (picisan), yang jauh daripada reda Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai seorang wanita Islam, adalah haram untuk Tengku Valizah bersentuhan dengan yang bukan mahram. Akal yang waras berpandukan syariat dan kesedaran terhadap kewujudan insan sebagai hamba-Nya dan khalifah-Nya tidak memungkinkan gambaran-gambaran yang memberi kebahagiaan kepada Tengku Valizah seperti tersebut di atas berlaku (Faisal, 2000). Tindakan Faisal menggarap perkara tersebut jelas bertentangan dengan firman Allah dalam surah *an-Nur*, ayat 30-31.

Lanjutan itu, "cinta berteraskan hawa nafsu" sebagai paksi naratif karya ini dikaburi dengan perincian tentang penentangan dan perjuangan mahasiswa dekad 1970-an. Walau bagaimanapun, pengaburan ini berjaya dikesan apabila *Cinta Hari-Hari Rusuhan* memanfaatkan sejumlah 121 perkataan "cinta" daripada 288 halaman merangkumi, kata terbitan dan kata apitan. Lebih menarik, analisis mendapati rata-rata perkataan "cinta" dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* menjurus makna cinta badani antara

Basri dengan Tengku Valizah dan Basariah dengan Basri sekali gus meminggirkan kepentingan cinta Basri terhadap perjuangannya. Sejumlah besar perkataan “cinta” itu digunakan bagi mencerminkan rasa sayang, kecewa, bahagia dan teruja dalam perhubungan antara lelaki dan wanita bukan mahram (Faisal, 2000).

Seterusnya, novel ini juga didapati memanfaatkan konsep realisme, iaitu satu konsep yang tercetus di Barat bagi memperincikan keberahian perhubungan lelaki dan wanita yang tidak terikat dengan hukum Islam. Hal ini ditemui dalam perhubungan Tengku Hisyamudin dengan Rashihan dan Tengku Valizah. Dalam hal ini, adegan yang memerikan cinta berahi dan watak-watak tersebut digambarkan ‘sehabis baik’ sekali gus memancing perasaan dan imaginasi pembaca terhadapnya. Perkara ini nyata dan tampak *real* menerusi perincian ayat berkenaan pergerakan tangan Tengku Hisyamudin ke atas tubuh tanpa busana Rashihan (sebelum mereka berkahwin). Hal ini juga jelas dengan penggunaan perkataan-perkataan dan frasa-frasa bernada erotik seperti “*Selamba mereka mandi bersama*”, “*Tangan Raja Hisyamudin yang tidak berpakaian itu membelok ke sana ke mari di atas tubuh Rashihan*”, “*Pada tempat-tempat tertentu sengaja pula tangan itu lebih kasar menggesel atau menggesek*”, “*Bila you datang, I pun menadah aja.*” (Faisal, 2000). Sementara itu, adegan pemerkosaan Tengku Hisyamudin terhadap Tengku Valizah turut bertitik tolak daripada cinta dan keghairahan Tengku Hisyamudin terhadap wajah dan tubuh sepupunya itu. Bagi menggambarkan kerakusan cinta picisan Tengku Hisyamudin tersebut, *Cinta Hari-Hari Rusuhan* menampilkan frasa-frasa dan perkataan-perkataan seperti “*Ia tercatat kotor hitam di situ*”, “*Di kerusi belakang kereta*” yang diawali dengan frasa “*Tubuh telanjang Tengku Valizah dibayang*” bagi memperlihatkan adegan pemerkosaan Tengku Hisyamudin yang gagal mengawal nafsunya terhadap tubuh Tengku Valizah (Faisal, 2000). Paparan hubungan cinta murahan watak utama, iaitu Basri dengan Tengku Valizah dapat dibuktikan apabila penulis mewujudkan pelbagai adegan romantik membabitkan fizikal pasangan yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam seperti saling berpelukan.

Adegan-adegan tersebut ialah penonjolan perbuatan wanita dan lelaki yang dilarang keras oleh Islam sebelum berlakunya perbuatan zina seperti yang disebut Allah dalam surah *al-Isra'*, ayat 32. Tidak ketinggalan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* turut memaparkan situasi-situasi yang menonjolkan keberahian nafsu pasangan bukan beragama Islam seperti perbuatan berkucupan di kawasan lapang. Ini turut diperlihatkan menerusi hubungan ranjang Isabella dengan Craig (Faisal, 2000).

Tuntasnya, 121 perkataan “cinta” dan pelbagai perincian mengenai cinta berteraskan hawa nafsu yang membelenggu sikap dan hidup watak-watak *Cinta Hari-Hari Rusuhan* menjadikan “cinta berteraskan hawa nafsu” sebagai paksi naratif novel ini. Perkara ini telah dikaburkan dengan deretan sejarah perjuangan mahasiswa dekad 1970-an yang difiksyenkan sebagai medium penggerak kisah cinta berkenaan. Hal ini sekali gus menjadikan “cinta berteraskan hawa nafsu” sebagai paksi naratif yang dipaparkan dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* tidak berupaya menjadikan pembaca berfikir dan terdorong untuk mendekati Allah SWT seperti yang digariskan persuratan baharu.

Penggemblengan Watak dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan*

Bersandarkan falsafah *taklif*, persuratan baharu menekankan pentingnya watak-watak yang digembleng dalam karya kreatif sebagai watak-watak yang baik dengan penonjolan kebaikan watak. Penekanan ini sepadan dengan contoh yang Allah SWT berikan menerusi paparan tokoh-tokoh berakhlak mulia dalam al-Quran seperti dalam surah *Yusuf* dan kisah Ratu Balkis dalam surah *an-Naml*. Oleh yang demikian, perbincangan pada tahap ini meneliti keperibadian dan kewajaran watak-watak yang ditampilkan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* untuk pembacaan khalayaknya berdasarkan matlamat persuratan baharu seperti yang telah dijelaskan.

Penelitian dimulakan dengan protagonis Basri yang menjadi fokus cinta dua wanita penting *Cinta Hari-Hari Rusuhan*, iaitu Tengku Valizah dan Basariah. Basri ialah anak kelahiran Kedah yang melanjutkan pengajian

di Universiti Malaya. Sebagai anak desa, Basri mempunyai sensitiviti yang amat tinggi terhadap kehidupan masyarakat marhaen. Apabila kerajaan Malaysia dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* membuka ruang perniagaan yang besar bagi pemodal asing, tindakan tersebut dilihat oleh Basri sebagai tindakan yang akan memudaratkan masyarakat khususnya ekonomi masyarakat bawahan. Atas kesedaran dan tanggungjawab sebagai individu berpendidikan, Basri berasakan perlunya mahasiswa bersatu dalam menentang dasar berat sebelah tersebut. Semangat perjuangan Basri dijemakan dalam tindak-tanduknya yang memimpin demonstrasi besar-besaran. Pada zahirnya juga, Basri ditampilkan sebagai tokoh yang ideal sehingga mampu menarik perhatian ramai mahasiswa termasuklah Tengku Valizah dengan idea-idea nasionalisnya (Faisal, 2000).

Walaupun bagaimanapun, penelitian mendapati Basri tidak mempunyai ciri-ciri tokoh yang unggul secara keseluruhan bagi memberi teladan yang baik (uswah hasanah) kepada khalayak *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Hal ini bertitik tolak daripada tindakan-tindakan Basri yang pada hakikatnya lebih menurut emosi berbanding akal waras yang berpandukan wahyu. Penekanan terhadap akal yang waras penting di sini berikutan keterikatan tinggi antara peranan akal dengan persuratan baharu. Insan yang memanfaatkan akal pemberian Allah tahu menilai dan mentafsir setiap perkara yang menimpa dirinya lalu menjadikan insan tersebut lebih kenal peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi. Berbalik kepada Basri, walaupun Basri ditonjolkan sebagai pemimpin mahasiswa yang berani dan lantang bersuara. Namun begitu, Basri bukanlah watak yang ideal untuk dijadikan ikutan. Perkara ini tertonjol dengan keputusan Basri melarikan diri ke Australia selepas rakan-rakan seperjuangannya ditangkap pihak berkuasa. Pelarian Basri ke luar negara boleh diterima sekiranya tempoh masa pelarian itu menjadikan dia lelaki dan pemimpin yang semakin matang dan bijak mengatur kehidupan. Namun demikian, keengganan Basri untuk pulang semula ke Malaysia atas alasan utama, iaitu kekecewaan terhadap Tengku Valizah menggambarkan Basri sebagai watak yang mementingkan emosi. Sekiranya Basri sedar akan hakikatnya

sebagai insan, maka adalah wajar untuk Basri kembali ke Malaysia dan bertanggungjawab atas tindakannya. Sebagai lelaki yang berusia juga, Basri wajar menjadi teladan yang baik kepada Basariah terutama dari segi kematangan. Namun demikian, hal sebaliknya ditampilkan. Sifat takut Basri terhadap cinta umpama kanak-kanak apatah lagi menerusi paparan siri pujuk-memujuk yang dilakukan Basariah terhadap Basri (Faisal, 2000). Selain itu, kecenderungan cinta Basri terhadap Tengku Valizah yang turut didasari fizikal kewanitaan Tengku Valizah memperlihatkan akhlak rendah yang dimiliki Basri sebagai pemimpin pelajar berbangsa Melayu dan beragama Islam seperti yang diperincikan di bawah. Paparan tersebut jelas memperlihatkan kecenderungan nafsu Basri terhadap seorang wanita yang tidak berteraskan (Faisal, 2000).

Seterusnya, penelitian terhadap penggembleran watak *Cinta Hari-Hari Rusuhan* beralih kepada antagonis Tengku Hisyamudin dan Tengku Hilmiah. Penelitian yang sama tidak terlepas pada Tengku Basariah yang menjadi tunjang cerita bagi plot dekad 1990-an dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Tiga watak ini mewakili golongan berpendidikan tinggi dan mendapat penghormatan daripada masyarakat. Walau bagaimanapun, *Cinta Hari-Hari Rusuhan* menampilkan watak-watak tersebut tidak kena pada gelaran dan tanggungjawab yang digalas dengan gelaran tersebut. Hal ini kerana, sebagai masyarakat berpendidikan dan berkedudukan maka wajar bagi watak-watak ini menampilkan idea dan tindakan yang bernas berdasarkan akal dan bimbingan syariat Islam yang menjadi anutan masing-masing. Walau bagaimanapun, hal ini tidak berlaku apabila ketiga-tiga watak menampilkan tindakan dan pemikiran yang bertentangan dengan pengertian *taklif* seperti yang dijelaskan persuratan baharu (Faisal, 2000).

Persuratan baharu menanggapi Tengku Hisyamudin yang suka bersosial dan minum arak sebagai watak berperibadi buruk. Hal ini kerana perbuatan Tengku Hisyamudin itu adalah jelas bertentangan dengan larangan Allah SWT yang mengharamkan arak. Malah, perbuatan Tengku Hisyamudin menganjurkan parti ala barat yang melibatkan pergaulan bebas

antara rakan, dan arak sebagai hidangan menjadikan Tengku Hisyamudin sebagai watak picisan yang tidak seharusnya ditampilkan sebegitu rinci dalam karya (Faisal, 2000). Kebejatan akhlak Tengku Hisyamudin dikukuhkan lagi dengan perbuatannya bersekedudukan dengan Rashidan dan memperkosa Tengku Valizah. Perbuatan-perbuatan songsang Tengku Hisyamudin ini bukan sahaja menjatuhkan kredibilitinya sebagai watak berstatus dan berpelajaran, malah jelas bertentangan dengan kerjayanya sebagai peguam yang menjadikan 'keadilan' sebagai paksi penilaian sesuatu perkara. Walaupun penulis cuba memperagakan Tengku Hisyamudin sebagai watak yang insaf akan kesalahannya, namun kemalangan pesawat sebagai balasan buruk terhadap perbuatan-perbuatan Tengku Hisyamudin tidak memadai untuk membuktikannya. Balasan buruk yang dibikin penulis hakikatnya menutup ruang kepada Tengku Hisyamudin untuk membetulkan keadaan dan menjalani kehidupan sebagai insan bertaubat seperti yang dicontohkan al-Quran menerusi watak Ratu Balqis dalam surah *an-Naml*.

Selanjutnya, sebagai seorang ibu yang mempunyai kedudukan tinggi di sisi agama, Tengku Hilmiah tidak ditonjolkan sebagai ibu yang berupaya memberi teladan terbaik kepada anaknya. Hal ini tertonjol pada tindakan dan kata-kata kesat yang diujarkan Tengku Hilmiah sepanjang penentangannya terhadap hubungan cinta Tengku Valizah dengan Basri (Faisal, 2000). Adalah penting untuk dinyatakan bahawa sikap Tengku Hilmiah yang membenci Basri semata-mata kerana kedudukan Basri sebagai orang biasa jelas bertentangan Islam yang tidak menghalalkan perbezaan darjat sesama manusia. Dalam Islam, yang membezakan kedudukan manusia ialah takwa kepada Allah SWT, bukan pada strata dalam organisasi masyarakat seperti yang difirmankan Allah dalam surah *al-Hujurat*, ayat 13.

Selanjutnya ialah pengamatan terhadap watak dan perwatakan Tengku Basariah. Kebencian Basariah terhadap ibunya, Tengku Valizah atas sebab layanan buruk Tengku Valizah (yang mengalami masalah psikologi) boleh diterima akal jika penerimaan itu tidak didasarkan pada

wahyu Allah SWT sebagai panduan. Dengan latar belakang pendidikan Islam yang dilalui Faisal Tehrani, hukum perbuatan Basariah itu boleh dikatakan jelas dalam pengetahuan Faisal secara sedar. Namun demikian, atas konsep realisme yang menunjangi penciptaan *Cinta Hari-Hari Rusuhan*, aspek kebobrokan moral Basariah sebagai anak ditampilkan secara persis. Perkara ini dilakukan bertujuan memancing perasaan dan kepercayaan pembaca akan ‘logik tindakan Basariah sekali gus menarik simpati pembaca terhadap ‘takdir’ yang menimpa Basariah – anak yang dilahirkan tanpa rela Tengku Valizah. Walaupun menerima pelbagai nasihat oleh Tengku Hisyamudin agar Basariah memaafkan Tengku Valizah, Basariah tetap enggan bersetuju. Penolakan Basariah ini terjelma jelas khususnya dengan penggunaan perkataan *perempuan* dan *perempuan gila* merujuk Tengku Valizah. Penggunaan perkataan tersebut dari aspek makna memperlihatkan nilai rendah yang rendah dan tidak seharusnya disebut oleh seorang anak merujuk ibunya (Faisal, 2000). Tindakan Basariah ini bertentangan dengan firman dalam surah al-Isra’, ayat 24 yang melarang seorang anak untuk meninggikan suara dan berkata ‘ah’ kepada ibu.

Bagi menutup kepincangan watak Basariah, penulis mengubah rasa benci Basariah terhadap Tengku Valizah. Perubahan Basariah ini bertolak daripada penerangan doktor pakar mengenai keadaan psikologi Tengku Valizah. Selain itu, hasil membaca diari milik Tengku Valizah turut mencorak perubahan positif Basariah terhadap ibunya. Walau bagaimanapun, pertukaran cara layan dan kesedaran Basariah ini hakikatnya tidak menjadikan Basariah sebagai watak yang bermoral tinggi. Hal ini dinyatakan sedemikian kerana kesedaran Basariah untuk mengasihani Tengku Valizah berpunca atas dasar simpati setelah Dr. Hadi menerangkan keadaan kesihatan Tengku Valizah (Faisal, 2000). Perubahan tersebut bukanlah disebabkan pengetahuannya terhadap peranan Basariah sebagai seorang anak seperti yang ada di dalam al-Quran.

Turut tidak terlepas daripada pemerhatian ialah watak yang digambarkan mempunyai idealisme murni seperti Farid sewaktu sama-sama memperjuangkan nasib rakyat marhaen dengan Basri. Namun,

watak ideal itu pada akhirnya dijadikan penulis sebagai ahli politik yang terlibat dengan amalan rasuah. Malah, watak Datuk Farid tidak lagi memberi perhatian terhadap kesusahan masyarakat marhaen. Perubahan watak berpelajaran dengan etika tinggi sebagai seorang ahli masyarakat bertanggungjawab yang berubah menjadi sebaliknya keutamaan kedudukan watak baik dan kebaikan watak yang seharusnya dijadikan teladan kepada pembaca (Faisal, 2000).

Penggemblengan Bahasa dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan*

Penelitian terhadap aspek penggunaan bahasa dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* telah dikesan menggunakan percampuran kod bahasa yang pelbagai. Namun demikian, penggunaan bahasa slanga yang tidak sedikit menimbulkan kesan negatif terhadap *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Walau bagaimanapun, manipulasi terhadap bahasa yang lebih serius dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* muncul pada perkataan-perkataan yang kurang enak dalam penggunaan komunikasi baik sebagai peluahan emosi atau dalam pertuturan harian. Dalam hal ini, *Cinta Hari-Hari Rusuhan* memperuntukkan ruang untuk perkataan seperti *sundal* dan imejan-imejan bahasa yang menggambarkan unsur erotik sama ada yang dikaburkan atau tidak. Imejan-imejan bahasa picisan ini digunakan oleh watak-watak yang pelbagai tetapi cenderung digunakan oleh watak berpendidikan tinggi dengan kerjaya yang dihormati masyarakat. Hal ini dikesan berlaku pada watak Tengku Hisyamudin dan Tengku Hilmiah. Selain itu, penulis turut memanipulasi penggunaan bahasa baik memperlihatkan salah faham masyarakat terhadap maksud zuhud. Namun demikian, manipulasi bahasa yang disebutkan ini diyakini tidak wujud dalam *Cinta Hari-Hari Rusuhan* sekiranya *Cinta Hari-Hari Rusuhan* menjadikan taklif dan makna amal sebagai antara teras dalam pengkaryaan. Kekaburan terhadap makna sebenar seperti yang dicontohkan di bawah diyakini memberikan ruang terhadap salah faham masyarakat terhadap konsep zuhud (sederhana) yang sebenar dalam Islam dengan fahaman sosialis. Pengesanan terhadap usaha

mengumpamakan dua gaya ini dapat dilihat apabila penulis menyebut mengenai janggut yang amat sinonim dengan sunah Rasulullah apabila yang memilikinya pula seorang Islam (Faisal, 2000).

Manipulasi bahasa tersebut jelas tidak menepati keperluan keindahan *estetis* yang ditekankan PB. Walaupun persuratan baharu mengutamakan wacana berbanding cerita bagi menimbulkan keindahan intelektual, penggemblengan bahasa yang baik atas kreativiti dan kesedaran penulis terhadap hakikat dan fungsi sastera memungkinkan penulis untuk selektif dalam memanipulasi bahasa. Hal ini penting agar implikasi bahasa yang digunakan dapat memberi kesedaran kepada pembaca dan penulis terhadap hakikat kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

PENUTUP

Makalah ini mendapati bahawa paksi naratif novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* ialah “cinta berteraskan hawa nafsu”. Dengan paksi naratif tersebut, novel telah menggembleng alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan dan bahasa yang dapat menegaskan paksi naratif “cinta berteraskan hawa nafsu”. Ini dilakukan dengan menampilkan watak-watak yang cenderung terhadap ekspresi berahi terhadap pasangan berlainan jantina dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Selain itu, novel juga menggunakan bahasa-bahasa yang dapat menonjolkan elemen keberahian cinta antara pasangan bagi memperkukuh paksi naratif *Cinta Hari-Hari Rusuhan* ini. Kesemua ini memperakukan *Cinta Hari-Hari Rusuhan* sebagai sebuah novel picisan seperti yang ditakrifkan persuratan baharu.

BIBLIOGRAFI

Faisal Tehrani. (2000). *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Creative Enterprise Sdn. Bhd.

- Faisal Tehrani. (2000). *Cinta Hari-Hari Rusuhan*. Diakses pada 23 Ogos 2024. https://www.goodreads.com/book/show/2221549.Cinta_Hari_Hari_Rusuhan
- Faisal Tehrani. (2001). Sastera Popular Tidak Bermoral?. *Dewan Sastera*. Julai, 14-22.
- Faisal Tehrani. (2010). Penulis Yang Ghairah. *Dewan Siswa*. April, 34-35. Goodreads, Diakses pada 11 Julai 2024, from Goodreads.Com: http://www.goodreads.com/book/show/2221549.Cinta_Hari_Hari_Rusuhan
- Johan Jaafar. (12 Disember 2012). MPR Melahirkan Penulis Pelapis. *Berita Harian*. 24.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2014). *Gagasan Persuratan Baru*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2023). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Penerbit Wadi al-Irfan.
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2023). Menyingkap Perihal Intelektualisme dan Falsafah Islam dalam Novel *Penyeberang Sempadan* Karya Anwar Ridhwan: Analisis Persuratan Baru. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 49-61. <https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1103-04>
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2024). Evaluating the Novel *Cinta Hari-Hari Rusuhan* by Faisal Tehrani Through the Lens of Genuine Literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(7), 1884-1894. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i7/22105>
- Ummu Hani Abu Hassan. Mewajahi Cinta dalam Novel Pop. *Dewan Sastera*, April, 36-38.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vladimir Braginsky. (1989). Sistem Sastera Melayu Klasik dan Penilaiannya. *Dewan Sastera*, Oktober, 42-51.

BAB 15

PENUTUP: BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA SE- JAGAT

Rozita Che Rodi, Adi Yasran Abdul Aziz & A. Aziz Deraman

PENGENALAN

Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam perkembangan tamadun di Nusantara dan peradaban Melayu selama berabad-abad lamanya. Sebagai bahasa yang digunakan secara meluas di kawasan Asia Tenggara, khususnya di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, dan selatan Thailand, bahasa ini telah berkembang menjadi bahasa perantara dalam pelbagai bidang, termasuk pemerintahan, pentadbiran, perdagangan, pendidikan, komunikasi umum dan diplomatik. Dalam perbincangan ini, kita akan melihat bahasan dari sudut sejarah, perkembangannya dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa di pentas sejagat serta potensinya dalam era globalisasi moden.

Pada era globalisasi pertama zaman silam yang terjadi pada abad ke-15 adalah apabila munculnya gerakan penerokaan dunia baharu (exploration of the new world) sebaik-baik runtuhnya kegemilangan Empayar Islam Andalusia di Eropah. Barat khususnya negara-negara seperti Belanda, Inggeris, Portugal, Sepanyol dan Perancis berebut tapak di Amerika dan di wilayah kepulauan Melayu. Tambahan pula zaman itu adalah zaman Barat mencari timur untuk menguasai perdagangan rempah ratus dan memenuhi tujuan menyebarkan agama Kristian setelah melihat kejayaan Islam yang berkembang dan berpengaruh di Eropah. Kejatuhan Andalusia pada tahun 1492 sama tahun dengan Christopher Columbus dari Sepanyol menemui Hindia Barat (West Indies) yang mereka sangkakan India di bahagian timur.

SEJARAH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu memiliki suatu sejarah yang panjang dan istimewa sebagai bahasa perantara di Asia Tenggara. Kewujudan awalnya dikatakan bermula pada zaman kerajaan Srivijaya pada abad ke-7, walaupun pada sesetengah pendapat mengaitkan perkembangan tersebut sejak awal Masihi. Pada zaman Srivijaya, bahasa Melayu Kuno digunakan sebagai bahasa pemerintahan dan pentadbiran, bahasa perdagangan di seluruh kepulauan Melayu atau dunia Melayu dan khususnya di wilayah Nusantara. Bukti penggunaan bahasa Melayu ini dapat ditemukan dalam prasasti-prasasti seperti prasasti Kedukan Bukit dan prasasti Talang Tuwo bertarikh abad ke-7. Pada zaman itu, bahasa Melayu telah digunakan sebagai lingua franca bagi para pedagang dari berbagai-bagai negara, termasuk dari China, India, dan negara-negara Arab di Timur Tengah. Mereka itu singgah di pelabuhan-pelabuhan Srivijaya yang meliputi Sumatera dan Semenanjung Melayu (Tanah Melayu dan selatan Thailand).

Bahasa Melayu mendapat kedudukan yang istimewa dan khusus berkembang di bawah pengaruh kerajaan Empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Melaka dengan kota dan pelabuhannya ialah pusat perdagangan utama di Asia Tenggara di wilayah dunia Melayu. Selain agama Islam, Melaka turut mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa maritim, alat komunikasi penting antara pedagang tempatan, serantau dan antarabangsa. Dalam tempoh ini, bahasa Melayu mulai menerima pengaruh daripada bahasa Arab, yakni sesudah datangnya pengaruh Sanskrit, Parsi, Sanskrit, dan dialek tempatan atau bahasa-bahasa daerah. Selepas kedatangan Islam, bahasa Melayu berfungsi dan berkembang sebagai bahasa kesusasteraan, ilmu pengetahuan, bahasa agama Islam dan sebagainya.

Bahasa Melayu pada zaman dunia moden boleh ditelusuri sejak dari kemerdekaan negara-negara di Nusantara. Di Malaysia dan Indonesia, bahasa Melayu telah melalui proses pemodenan apabila di Malaysia kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 22 Jun

1956 yakni kira-kira satu tahun lebih awal daripada tarikh kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Hal ini menandakan kerajaan sudah melihat implikasi dan bersedia untuk membangunkan sebuah bahasa kebangsaan yang sempurna akibat daripada wujudnya negeri-negeri dan wilayah dalam persekutuan. Bahasa Melayu pula berkembang melalui bahasa dialek dan daerah. Jadi agensi seperti DBP ditugaskan melaksanakan sistem ejaan, sebutan, penggubalan istilah serta tatabahasa dan menyediakan perancangan strategi membina dan mengembangkan bahasa Melayu di peringkat negara dan rantau serta apabila sesuai masanya boleh bertindak untuk mengembangkan ke peringkat antarabangsa.

Sebelum kemerdekaan sejak zaman berzaman bahasa Melayu mengambil kedudukannya yang tersendiri pada zaman pemerintahan kolonial pada abad ke-16 sehingga awal abad ke-20. Di Malaysia, bahasa Melayu tetap dikenali sebagai bahasa Melayu kerana nama ilmunya tetap pada zaman terkemudian dipanggil bahasa Malaysia dalam kalangan pimpinan politik. Di Indonesia, bahasa negara mereka itu sememangnya berakarkan bahasa Melayu berasal dari wilayah Riau-Johor tetapi atas politik kenegaraan dan penyatuan satu bangsa bertukar nama kepada bahasa Indonesia. Begitu kebijaksanaan Presiden Soekarno dari tanah Jawa dan Hatta dari bumi Sumatera yang keseluruhannya bercitrakan bangsa Melayu dengan pelbagai keturunan etnik dan sukuan, mewarisi sistem Kesultanan Melayu di Tanjung Pura, Serdang, Deli dan Minang di Sumatera Barat. Kesultanan Melayu juga terdapat di Pontianak, Sambas di Kalimantan. Manakala di pulau Jawa adalah tradisi Kesultanan Jawa dan tidak semestinya sama dengan Kesultanan Makasar atau Bugis di Sulawesi. Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia tumbuh daripada akar yang sama, berkongsi batang pohon sejarah yang serupa dari segi serumpun budaya walaupun berbagai-bagai jenis buah hasil kemajuan selepas kemerdekaan. Jika ada pun berbezaan bahasa hanya terjadi pada sebutan, kosa kata dan gaya yang datang daripada pengaruh bahasa daerah atau dialek yang ada kaitan pula dengan sejarah dan kebudayaan.

Di Malaysia, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mengikut perundangan negara yakni Perlembagaan Persekutuan Malaysia kerana Malaysia sebuah negara Persekutuan yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, bukan sebuah kesatuan (union) atau republik. Ketetapan undang-undang negara menetapkan bahasa Melayu hendaklah digunakan semua ranah kehidupan, misalnya bahasa rasmi pemerintahan, pentadbiran, bahasa pendidikan, perniagaan, media dan bagi maksud segala rasmi. Status bahasa kebangsaannya pula ialah bahasa yang mengikat perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan sukuan. Ini bermakna sebagai status bahasa kebangsaan, bahasa Melayu berperanan menyatupadukan rakyat berbilang di Malaysia sebagai negara bangsa (nation state) Malaysia. Dalam konteks Indonesia pun, fungsinya agak sama. Bahasa Indonesia ialah bahasa kebangsaan berfungsi menyatukan lebih daripada 700 kumpulan etnik dan suku kaum yang mempunyai bahasa ibunda masing-masing merangkumi dari Aceh di hujung utara Sumatera merentasi seluruh Sumatera ke Jawa ke Kalimantan ke Sulawesi dan ke serata kepulauan. Moto Indonesia ‘Bhinneka Tunggal Eka’ membawa makna ‘Kesatuan dalam Keplbagaian’ bererti beraneka tunggalnya satu.

Demikian pula status bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Brunei Darussalam. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Singapura dan menerima empat bahasa sebagai bahasa rasmi yakni bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Lazimnya dalam segala urusan awam dan swasta, bahasa Inggeris akan digunakan. Urusan rasmi kerajaan dan sistem pendidikan serta perekonomian adalah menggunakan bahasa Inggeris. Di selatan Thailand, terutama di wilayah Patani, Narathiwat dan Yala, bahasa Melayu dialek digunakan secara meluas dalam kehidupan harian walaupun bahasa Melayu bukan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi. Kehidupan kebangsaan Thailand seperti sistem pendidikan nasional, ekonomi dan perdagangan berlangsung dalam bahasa Thai.

BAHASA MELAYU: BAHASA EKONOMI DAN PERDAGANGAN

Bahasa Melayu telah lama menjadi alat perhubungan lisan dan tulisan dalam dunia ekonomi dan perdagangan. Pada zaman prakolonial, bahasa Melayu adalah bahasa utama yang digunakan para pedagang dari China, India, dan Timur Tengah yang menjalankan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan utama di Nusantara. Maka sebab itu bahasa Melayu disebut juga sebagai bahasa maritim di dunia Melayu. Sifat fleksibiliti dan akomodatifnya menjadikan bahasa Melayu memiliki keupayaan menyerap masuk dan menerima kosa kata daripada bahasa-bahasa lain sejak zaman perhubungan kepulauan Melayu dengan negara-negara Asia Barat atau Timur dan Asia Selatan. Pada zaman kolonial pula perkataan-perkataan dari bahasa Portugis, Belanda, dan Inggeris diambil dan dijadikan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Faktor ini juga menyebabkan bahasa Melayu mudah diterima oleh pelbagai bangsa. Banyak perkataan Cina ikut terserap ke dalam bahasa Melayu selepas Revolusi Industri apabila kuasa-kuasa Barat berada di Asia Tenggara dan pihak Inggeris mendatangkan buruh paksa keturunan bangsa China dari wilayah selatan seperti dari Guangzhou, Fujien, Hainan, Guangxi dan satu dua yang lain. Inggeris juga mendatangkan buruh dari India untuk bekerja di dua sektor utama kepentingan Inggeris yakni buruh ladang getah, jalan raya dan kereta api.

Pada zaman moden, selepas kemerdekaan negara-negara rumpun Melayu di Asia Tenggara, bahasa Melayu semakin memainkan peranan dalam bidang ekonomi dan perdagangan di peringkat serantau. Negara-negara dalam rangkaian ASEAN yang bersempadan dengan Malaysia seperti selatan Thailand, Filipina, Brunei, Indonesia dan Singapura banyak bergantung pada bahasa Melayu dan dialek-dialeknya dalam interaksi perekonomian dan dagang mereka. Senario ini sentiasa berlaku. Wilayah-wilayah selatan Thailand menjadi pembekal sumber makanan, sayur mayur dan buah-buahan ke pantai timur dan ke negeri-negeri utara Tanah Melayu. Sebagai salah satu bahasa di negara-negara ASEAN, bahasa Melayu turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan integrasi sosial di rantau ini.

BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN

Bahasa Melayu memainkan peranan yang signifikan dalam bidang pendidikan di negara-negara berbahasa Melayu terutama di Malaysia, Indonesia dan Brunei selain bahasa komunikasi di Singapura. Di Malaysia, bahasa Melayu dalam dasar pendidikan dan sistem persekolahan kebangsaan menjadi bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan, dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. Penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan dilihat penting bagi memastikan akses yang adil kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat memperoleh ilmu dan pengetahuan, selain daripada lambang kepada keperibadian bangsa dan memupuk identiti kenegaraan.

Di Indonesia, bahasa Indonesia digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan negara sejak dari bangku sekolah dasar (sekolah rendah) dan ke peringkat universiti. Bahasa Inggeris menjadi medium utama dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan saluran media. Penggunaan bahasa baku atau seragam di negara besar yang mempunyai ratusan bahasa daerah tentu sekali besar manfaatnya dalam konteks pendemokrasian pendidikan yang memastikan sampainya pendidikan yang lebih berkesan dan tersusun ke segenap lapisan rakyat terutama dalam kalangan generasi muda di sana. Bahasa Melayu secara berkesan juga digunakan dalam pendidikan beberapa bidang di Brunei dan Singapura, meskipun di Singapura bahasa Inggeris lebih mendominasi peranannya sebagai bahasa pengantar.

BAHASA MELAYU DAN ERA GLOBALISASI

Pada era globalisasi, bahasa memainkan peranan yang cukup signifikan dalam perhubungan antarabangsa, urusan ekonomi, perdagangan serta di bidang kemajuan sains dan teknologi. Bahasa Melayu dalam laluan sejarahnya yang panjang dan bersifat lingua franca menarik penggunaannya yang meluas di Asia Tenggara. Dengan melihat fakta sejarah bangsa

dan bahasa, fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pemerintahan dan pentadbiran zaman berzaman, fungsi ekonomi dan dagang, fungsi ilmu dan pengetahuan, wahana kepada pendidikan, mengisi keperluan sosiobudaya, maka bahasa Melayu mempunyai potensi besar untuk menjadi salah satu bahasa komunikasi antarabangsa dan mengambil kedudukannya sebagai salah satu bahasa utama pada peringkat global. Dengan kependudukan dan corak demografi di Asia Tenggara secara gabungan warga di negara-negara Nusantara yang kian dekat menghampiri 400 juta penutur di seluruh dunia, bahasa Melayu kini sedang berada dalam fenomena strategik dalam perkembangannya sebagai bahasa antarabangsa.

Pada masa yang sama, dapat dijangkakan bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) moden akan membuka pintu besar ruang dan peluang penyebaran bahasa Melayu ke seluruh dunia, asalkan kemajuan teknologi tersebut digunakan dengan bijaksana. Platform seperti media sosial, aplikasi pembelajaran bahasa dan bahan bacaan digital semakin memudahkan orang ramai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran atau paling tidak untuk mempelajari bahasa ini. Dengan pendekatan dan penekanan strategi yang betul, bahasa Melayu akan terus dapat berkembang sebagai bahasa yang relevan dan signifikan dalam komunikasi antarabangsa.

CABARAN DAN STRATEGI MASA DEPAN

Bahasa Melayu memang mempunyai potensi besar untuk berkembang maju. Sungguhpun begitu terdapat tantangan dan cabaran-cabaran tertentu yang perlu diatasi untuk menjadikannya sebagai bahasa sejagat dan berada di pentas dunia. Pertama, perlu ada usaha yang berterusan untuk mengembangkan penggunaan bahasa Melayu bermula dengan kekuatannya di peringkat serantau, lalu digerakkan ke peringkat Asia dan seterusnya menjangkau ke peringkat global. Sektor-sektor yang harus menjadi tumpuan ialah dalam sektor seperti sains, teknologi, perniagaan,

perdagangan antarabangsa dan di bidang diplomatik. Kedua, keperluan untuk memastikan bahawa bahasa Melayu kekal relevan dan bersesuaian dengan perkembangan semasa, khususnya dalam bidang sains dan teknologi yang pada masa ini didominasi oleh bahasa Inggeris.

Kerja-kerja penyelidikangunaan dan pengembangan bahasa Melayu dalam bidang teknikal juga memerlukan perhatian khusus. Begitu juga usaha-usaha penterjemahan jangan dikecilkan tetapi dilipatgandakan terutama buku-buku ilmu dan yang bersifat semasa. Rangkaian kerja dengan penerbit-penerbit besar dunia dari barat dan timur sangat perlu dilakukan meskipun melalui ikatan persefahaman dan membeli hak cipta daripada mereka. Serentak dengan itu, promosi bahasa Melayu melalui program pertukaran pakar, pengkaji, pelajar, mengadakan siri-siri persidangan antarabangsa dan acara program kebudayaan akan menambahkan lagi kebersamaan institusi-institusi antarabangsa bertujuan meningkatkan minat dan kefahaman terhadap bahasa Melayu.

PENUTUP

Bahasa Melayu ialah bahasa yang kaya dengan sejarah, budaya dan banyak kepentingan penggunaannya dalam aneka bidang. Bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama di Asia dan Asia Tenggara, sekian lama terbukti peranannya sebagai bahasa komunikasi umum serantau sejak zaman purba, bahasa ekonomi dan perdagangan, pemerintahan dan pentadbiran kerajaan dalam kalangan negara-negara Nusantara, bahasa dalam sistem pendidikan dan sebagainya. Tantangan dan cabaran ada di mana-mana dalam apa jua bidang kehidupan. Dalam situasi wujudnya potensi bahasa Melayu untuk menjadi bahasa antarabangsa dan menjadi amalan sejagat, maka tidak boleh dinafikan, perlunya dipupuk kesedaran sehingga semua negara bangsa yang lain di dunia ini memahami kepentingannya di peringkat serantau dan global. Tentu sekali dengan gerak kerja usaha yang berterusan, kaedah pendekatan dan perancangan

strategik yang praktikal, bahasa Melayu berupaya melalui pembinaan dan potensi perkembangannya dalam masa yang tidak lama bisa maju berkembang dan menjadi antara alat komunikasi penting di dunia moden, mewajahkan aspirasi sebenar bangsa-bangsa dan masyarakat Nusantara di sisi keperluan global zaman kini. Wawasan pengantarabangsaan bahasa Melayu seharusnya direalisasikan sebelum abad ke-21 berakhir dengan gagasan yang didukung bersama melalui kesefahaman, kesepakatan dan berganding bahu di jalan arah tuju sebenar.

INDEKS

A

alam Melayu
antarabangsa

B

bahasa
bahasa kemajuan
bahasa Melayu
bidang bahasa Melayu

C

cinta hari-hari rusuhan

F

Faisal Tehrani

G

globalisasi

H

hati budi Melayu

I

interaksi
isu bahasa

J

Jawi

K

kanak-kanak
kandungan digital
kebangsaan
kecekapan berbahasa
kemahiran
kiasan Melayu
komunikasi
konflik

L

lingua franca

M

manifestasi
martabat
masyarakat MADANI
media sosial
Melayu

N

novel

P

pantun
pelajar bahasa
pelajar universiti
pencipta kandungan
pendidikan

pengantarabangsaan
penggayaan
penulisan kreatif
penyeragaman bahasa Melayu
peradaban
peribahasa
perisian persembahan
persuratan baru
persuratan Melayu
pidato

S

santun bahasa
sastera kanak-kanak
sastera picisan
sastera serius
struktur teks

T

teka-teki Melayu
teknik PDPIPS
teori medan semantik
teori medium
tik tok
tulisan

V

visual

BIODATA PENYUNTING



Rozita Che Rodi ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Selama berkhidmat di UPM, beliau telah menghasilkan pelbagai artikel penyelidikan dan sebahagiannya telah diterbitkan dalam *Citation Indexed Journal (CIJ)*, *Non-Citation Indexed Journal (Non-CIJ)*, bab dalam buku, kertas prosiding dalam persidangan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga turut aktif menulis artikel dalam penerbitan popular di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berdasarkan penglibatan aktif beliau dalam pertandingan pameran hasil penyelidikan, beliau juga turut memenangi hadiah pameran penyelidikan, sama ada pada peringkat UPM, kebangsaan dan antarabangsa yang disertainya. Antaranya, dua pingat perak (Kategori Perisian Komputer dan Pendidikan) di International Innovation Product Exposition (INPEX 2010) di Pittsburgh, Amerika Syarikat, pingat emas di Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi UPM (PRPI 2010 & 2011), pingat perak di International Conference Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2011), selain turut memenangi tiga pingat gangsa, iaitu di Malaysia Technology Expo (MTE 2012), di International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2012) dan di Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi UPM (PRPI 2012).

Pada tahun 2017, beliau telah memenangi Anugerah Kertas Kerja Terbaik (Kategori Bahasa) dalam The 6th Kuala Lumpur International Communication, Education, Language & Social Science Conference 2017 (6th KLiCELS 2017). Selain itu, beliau juga telah menghasilkan empat buah buku untuk tujuan bacaan dan rujukan umum bertajuk 1) *Halaman Adat Istiadat Raja D'Raja Kelantan* (Pentransliterasi), 2) *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan*, 3) *Bahasa Istana D'Raja Kelantan: Mercu Kegemilangan Budaya* dan 4) *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan* (Edisi Kedua).

Selain itu, beliau juga pernah mengikuti kursus penyelidikan Pasca Doktorat dan dilantik sebagai Sarjana Pelawat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom selama dua tahun, iaitu bermula September 2015 hingga Ogos 2017 dengan tumpuan kajian bertajuk "*Nurud'din ar-Raniri's Bustanus Salatin Pertaining to His Counsel to the Sultan of Aceh*". Sehingga kini, beliau terus aktif melakukan penyelidikan dalam bidang kebahasaan dan linguistik yang mengkhusus kepada aspek Semantik; Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Falsafah, Pemikiran dan Peradaban Melayu demi kelangsungan legasi ilmu.



Adi Yasran Abdul Aziz ialah pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, dan Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Beliau berasal dari Besut, Terengganu, kini menetap di Seri Kembangan, Selangor. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Bahasa Melayu di Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 1995, ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pada 1999 dan PhD dalam bidang Linguistik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2005.

Beliau mula berkhidmat sebagai tutor di UPM pada 1995 dan dilantik sebagai pensyarah pada 2005. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya sejak 2012 hingga sekarang dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Bahasa Melayu pada 2012 hingga 2015. Bidang kepakaran beliau ialah linguistik Melayu dan berpengalaman mengajar kursus Sistem Tulisan Jawi dan Fonetik dan Fonologi Melayu sejak 2005 hingga sekarang. Beliau telah menghasilkan lebih 50 artikel jurnal, lebih 20 bab dalam buku dan editor tiga buah buku dalam pelbagai bidang khususnya linguistik Melayu dan tulisan Jawi. Beliau juga merupakan Pembimbing Bengkel Pembinaan dan Pentauliahan Munsyi Dewan (Jawi), ahli jawatankuasa buku “Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan”, pakar rujuk ejaan Jawi “Kamus Dewan Perdana”, Buku Daftar Kependekan Bahasa Melayu (Rumi-Jawi), dan Penerima Anugerah Citra Sahabat 2020/2021 Kategori Individu Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, beliau juga merupakan Yang Dipertua Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Selangor (PENJAWIS),

pembimbing Rancangan Klinik Jawi di radio IKIM, ahli Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan mantan ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM), Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidikan terkini beliau adalah tentang penulisan kata nama khas dalam Jawi dan Rumi di bawah pembiayaan UPM. Beliau berpengalaman dalam mengendalikan kursus tulisan Jawi, penulisan dokumen rasmi dan ceramah berkaitan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan.



A. Aziz Deraman kelahiran Pasir Puteh, Kelantan (1948) ialah Mantan Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia (1994-2004), kini Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN) sejak 2011. Beliau merupakan Prof Tamu (Kehormat) *Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS)*, Guangzhou, China (2001 – 2006), Profesor Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM) (2007-2009) dan Penerima Anugerah *Culture and Education*, Universiti Sokka, Jepun (2006), *A.S.Pushkin Memorial Medal*, Moscow, Rusia (1999). Antara anugerah lain yang diterima beliau ialah Anugerah Khas Presiden ABIM (2003); Anugerah Pencetus MASTERA, Indonesia (2005); Anugerah Budayawan Kelantan (1989 & 2006); Anugerah Tokoh Budaya GAPENA (2011), Anugerah Pejuang Bahasa (PLM) (2016) dll.

A. Aziz Deraman bergiat cergas dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), misalnya menjadi AJK Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) (2004–2014) dan pernah menjadi Pengerusi Tetap Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), Timbalan Presiden PESAKA, Timbalan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT) dan Naib Presiden, Pertubuhan Kesenian dan Festival (CIOFF) Asia Pasifik Pengerusi Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Pengerusi Majlis Bahasa Brunei, Indonesia Malaysia (MABBIM) dan Pengerusi Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA). Beliau pernah menjadi kolumnis majalah MASTIKA, akhbar SINAR HARIAN, banyak menulis kertas kerja persidangan mengenai bahasa, sastera dan budaya serta menghasilkan buku-buku tentang kebudayaan dan pemikiran peradaban.

Sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Dato' Aziz berpengalaman luas dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran apabila ditempatkan dalam pelbagai kapasiti di Kementerian dan agensi tertentu. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1994-2004). Beliau menjadi Ketua Pengarah Kebudayaan (1981-1987) di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) dan Setiausaha Bahagian (SUB) Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (KKP) (1987-1989), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) (1989-92) serta Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Bekalan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993-94).

Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah syarikat kerajaan (GLC) selepas persaraan tahun 2004 seperti Lembaga Pengarah FELCRA Berhad dan Pengerusi beberapa anak syarikat FELCRA Berhad, Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan (SPPK). Beliau juga Ahli Lembaga Amanah Yayasan Karyawan sejak tahun 1996. Beliau masih membantu program kenegaraan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) sekarang Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya (MOTAC), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), DBP, Jabatan Penerangan, Jabatan Pendidikan Negeri atau di bawah program kerjasama PERADABAN dsb. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Adat Istiadat dan Jawatankuasa Penerbitan Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (MAIK) dan membantu kerja-kerja penerbitan badan tersebut, Ahli JK Majlis Dakwah Negara (MDN-Kelantan) dan Pengerusi Dewan Sosiobudaya MDN-Kelantan. Sehingga sekarang Dato' Aziz terus membantu program dan kegiatan di universiti dan kegiatan keilmuan di Selatan Thailand.